



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG

LAPORAN TAHUNAN 2017





DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG

LAPORAN TAHUNAN 2017





ISI KANDUNGAN

>>>	LATAR BELAKANG ORGANISASI	
	Isi Kandungan	03
	Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur	05
	Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	06
	Pengurusan Tertinggi	08
	Pengarah-Pengarah Jabatan	09
	Carta Organisasi DBKL	14
	Latar Belakang	15
	Visi, Misi, Objektif	15
	Slogan, Fungsi, Piagam Pelanggan	16
	Pencapaian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	17
	• Jabatan Landskap dan Rekreasi	17
	• Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	19
>>>	SEKTOR DATUK BANDAR	
	Jabatan Audit Dalam	24
	Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	29
	Jabatan Perancangan Korporat	32
	Jabatan Integriti	36
>>>	SEKTOR PERANCANGAN	
	Jabatan Perancangan Bandaraya	50
	Jabatan Perancangan Infrastruktur	70
	Jabatan Kawalan Bangunan	82
	Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan	88



>>>	SEKTOR PENGURUSAN PROJEK	
	Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Pengangkutan Bandar	100
	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal	130
	Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi	147
	Jabatan Ukur Bahan	161
	Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan	164
>>>	SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI	
	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	178
	Jabatan Penguatkuasaan	194
	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	204
	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	241
	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	257
	Jabatan Perkhidmatan Kawasan	263
>>>	SEKTOR PENGURUSAN	
	Jabatan Kewangan	274
	Jabatan Pengurusan Maklumat	282
	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	286
	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	308
	Jabatan Pentadbiran	335
>>>	LAMPIRAN	357





PERUTUSAN

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



"DBKL akan meneruskan misi menjadi PBT terunggul untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020."

**Tan Sri Haji Mhd. Amin Nordin bin
Abd Aziz**

Datuk Bandar Kuala Lumpur

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Hormat,***

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas berkat keizinan dan kurniaanNya, penerbitan Laporan Tahunan DBKL 2017 dapat jua disempurnakan. Ini merupakan buah tangan istimewa DBKL iaitu bahan rujukan yang sangat berguna kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia, agensi kerajaan dan swasta serta semua warga kota bagi melihat semua aktiviti dan pencapaian yang telah dikecapi oleh DBKL sepanjang tahun 2017.

Pelbagai kejayaan telah diperolehi samada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Pencapaian tertinggi DBKL di peringkat Antarabangsa adalah dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) tahun 2017 apabila Kumpulan Bolt 3 dari Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyenggaraan Bangunan (JPPPB) telah memenangi Anugerah Platinum yang merupakan anugerah kedua tertinggi di *International Quality And Productivity Convention (IQPC)* di Padang, Indonesia dan Kumpulan *Germination 2* dari Jabatan Landskap dan Rekreasi telah menerima Anugerah Emas di *International Convention On Quality Control Circles 2017* di Manila, Filipina. Jelas sekali DBKL, mempunyai kualiti di kalangan kakitangan yang sentiasa berminat untuk mencari idea baru dalam bidang masing-masing selain semangat untuk berinovasi yang tinggi dalam apa jua lapangan yang diceburi.

DBKL secara amnya senantiasa mengekalkan prestasi sebagai PBT yang cemerlang dengan melaksanakan fungsi dan peranannya kepada warga Kuala Lumpur dan negara dengan penuh rasa tanggungjawab.

DBKL akan meneruskan misi menjadi PBT terunggul untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020. DBKL juga

akan sentiasa bersedia memberikan sokongan kepada semua agensi kerajaan dan pihak berkepentingan bagi menyempurnakan program-program bertaraf kebangsaan mahupun antarabangsa di Kuala Lumpur. Sebagai contoh, DBKL telah dilantik untuk menguruskan Jawatankuasa Keindahan Bandar dan Jawatankuasa Penginapan & Makanan sepanjang Temasya KL 2017 iaitu Sukan SEA Ke-29 pada 19 Ogos hingga 30 Ogos 2017 dan Sukan PARA ASEAN ke-9 pada 17 September hingga 23 September 2017.

Syabas diucapkan kepada semua warga DBKL yang bekerja tanpa mengira masa demi menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota. Pelbagai projek bagi pembangunan sosio-ekonomi penduduk Kuala Lumpur telah dilancarkan antaranya Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, pembukaan semula Panggung Anniversari dan perkhidmatan bas percuma kepada anak-anak penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Selain itu juga, DBKL dengan istiqamah meningkatkan kualiti kemudahan prasarana dan infrastruktur bagi pejalan kaki dan mengambil tindakan segera membaiki laluan-laluan yang berlubang. Jalan-jalan utama di Kuala Lumpur juga diberi keutamaan untuk dinaiktaraf bagi memastikan penyelesaian pengguna jalan raya.

Akhir kata, dengan setulus hati saya berharap semoga segala usaha ikhlas dan pengorbanan warga DBKL akan diberkati, In Sha Allah.

Ayuh kita bersama-sama berusaha dengan melakar misi untuk menjadikan DBKL sebagai PBT yang sentiasa memberi perkhidmatan terbaik di Malaysia.

Salam hormat,



TAN SRI HAJI MHD. AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ
Datuk Bandar Kuala Lumpur



AHLI LEMBAGA PENASIHAT

BANDARAYA KUALA LUMPUR 2017



01

05

02

06

03

07

04

08

01. YAD. DATO' SETIA DIRAJA DATO' ABDUL GHANI HJ. PATEH AKHIR

02. YBHG. DATUK DR. KAMARIAH NORUDDIN

03. YBHG. DATUK RIZALMAN DATO' MOKHTAR

04. YB. DATUK MUSTAPA KAMAL MOHD. YUSOFF

05. YBRS. PUAN A.SALAMAH A/P A. ARUMUGAN

06. YBHG. DATUK SERI FATEH ISKANDAR TAN SRI DATO' MOHAMED MANSOR

07. YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN MOHD RAFIQUE

08. YBHG. DATUK WILSON LAU HOI KEONG



09

13

10

14

11

15

12

- 09. YBRS. ENCIK AHMAD FAISAL ABDUL KARIM
- 10. YBHG. DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN
- 11. YAD. DATO' SETIA HAJI RAMLI MAHMUD
- 12. YBHG. DATUK S. RAJAH
- 13. YBRS. AR. EZUMI HARZANI ISMAIL
- 14. YBRS. ENCIK NG HOW DOO
- 15. YBHG. DATUK M NOOR AZMAN TAIB



PENGURUSAN TERTINGGI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2017



01

01. YBHG. TAN SRI HJ. AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ
Datuk Bandar Kuala Lumpur

02

02. YBHG. DATO' IBRAHIM BIN YUSOFF
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio-Ekonomi)

03

03. YBHG. DATUK HJ. MOHD NAJIB BIN MOHD
Pengarah Eksekutif (Perancangan)

04

04. YBHG. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MOHD NOR
Pengarah Eksekutif (Pengurusan)

05

05. YBHG. DATUK MAHADI C. NGAH
Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)



JABATAN-JABATAN DIBAWAH DATUK BANDAR



01

01.

DATUK ROHAYAH BINTI KARIM

Pengarah Jabatan Undang-Undang Dan Pendakwaan

02

02.

PUAN FADZILAH BINTI ABD RASHID

Pengarah Jabatan Perancangan Korporat

03

03.

PUAN JUNAINAH BINTI REPIN

Pengarah Jabatan Audit Dalam

04

04.

ENCIK ZULFIKRI BIN ABD MANAF

Pengarah Jabatan Integriti



SEKTOR PENGARAH EKSEKUTIF (PERANCANGAN)



01

01. TUAN HJ. NURAZIZI BIN MOKHTAR
Pengarah Jabatan Perancangan Infrastruktur

02

02. ENCIK SULAIMAN BIN MOHAMED
Jabatan Perancangan Bandaraya

03

03. ENCIK ALIAS BIN MARJOH
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan

04

04. TUAN HJ. AZMI BIN ABDUL HAMID
Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Pembangunan



SEKTOR PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN PROJEK)



01

01.

TUAN HJ. MOHD SAHAK BIN SURIP

Pengarah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

02

02.

TUAN HJ. HAMID BIN SURIP

Pengarah Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar

03

03.

ENCIK AHMAD FIRDAUS BIN AHMAD FAKHURRAZI

Pengarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

04

04.

PUAN ASIAHNOR BINTI MOHD YASSIN

Pengarah Jabatan Ukur Bahan

05

05.

PUAN JABARILAH BINTI JA'AFAR

Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi



SEKTOR PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI)



01

02

03

04

05

06

01.

TUAN HJ. MOHAMMAD GHAZALI BIN NOR

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti

02.

ENCIK AB SALIM BIN MANSOR

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

03.

ENCIK MOHD YUNUS BIN HJ. JALALUDIN

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kawasan

04.

DATIN NOOR AKMA BINTI SHABUDIN

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

05.

ENCIK ZAHARUDDIN BIN HJ. BASIRON

Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

06.

ENCIK ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja



SEKTOR PENGARAH EKSEKUTIF (PENGURUSAN)



01

02

03

04

05

01.

ENCIK KHALID BIN ZAKARIA

Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

02.

ENCIK CHE AZHAR BIN ABDULLAH

Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

03.

ENCIK MOHD SORI BIN HUSAIN

Pengarah Jabatan Pengurusan Maklumat

04.

PUAN SUHANA BINTI MALEK

Pengarah Jabatan Pentadbiran

05.

ENCIK MOHAMAD BIN HAMIM @ MOHAMED KAMARUDDIN

Pengarah Jabatan Kewangan



CARTA ORGANISASI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2017



**DATUK SERI HJ. MHD AMIN NORDIN
BIN ABD. AZIZ**

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR


AHLI LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR



**DATUK HJ. MOHD NAJIB BIN
MOHD**
PENGARAH EKSEKUTIF
(PERANCANGAN)



**TUAN HJ. MUSTAFA BIN
MOHD NOR**
PENGARAH EKSEKUTIF
(PENGURUSAN)



DATO' IBRAHIM BIN YUSOFF
PENGARAH EKSEKUTIF
(PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI)



DATUK MAHADI BIN C. NGAH
PENGARAH EKSEKUTIF
(PENGURUSAN PROJEK)

**TUAN HJ. NURAZIZI BIN
MOKHTAR**
JABATAN PERANCANGAN
INFRASTRUKTUR

**ENCIK SULAIMAN BIN
MOHAMED**
PENGARAH PERANCANGAN
BANDARAYA

ENCIK ALIAS BIN MARJOH
PENGARAH JABATAN KAWALAN
BANGUNAN

**TUAN HJ. AZMI BIN
ABDUL HAMID**
PENGARAH JABATAN
PERANCANGAN EKONOMI &
PEMBANGUNAN

ENCIK KHALID BIN ZAKARIA
PENGARAH JABATAN
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**ENCIK CHE AZHAR BIN
ABDULLAH**
PENGARAH JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA

ENCIK MOHD SORI BIN HUSAIN
PENGARAH JABATAN
PENGURUSAN MAKLUMAT

**ENCIK MOHAMAD BIN HAMIM @
MOHAMED KAMARUDDIN**
PENGARAH JABATAN KEWANGAN

**PUAN SUHANA BINTI
ABD MALEK**
PENGARAH JABATAN
PENTADBIRAN

**TUAN HJ. WAN MOHAMMAD
GHAZALI BIN NOR**
PENGARAH JABATAN PENGURUSAN
PERUMAHAN & PEMBANGUNAN
KOMUNITI

ENCIK AB SALIM B MANSOR
PENGARAH JABATAN
PENGUATKUASAAN

**ENCIK ZAHARUDDIN BIN
HJ. BASIRON**
PENGARAH JABATAN
KEBUDAYAAN, KESENIAN,
PELANCONGAN & SUKAN

**DATIN DR. NOOR AKMA BT
SHABUDIN**
PENGARAH JABATAN KESIHATAN
& ALAM SEKITAR

ENCIK ANWAR BIN MOHD ZAIN
PENGARAH JABATAN PELESENAN
& PEMBANGUNAN PENJAJA

**ENCIK MOHD YUNUS BIN
HJ JALALUDIN**
PENGARAH JABATAN
PERKHIDMATAN KAWASAN

**TUAN HJ. MOHD SAHAK BIN
SURIP**
PENGARAH JABATAN
PELAKSANAAN PROJEK &
PENYELENGGARAAN BANGUNAN

TUAN HJ. ABD HAMID BIN SURIP
PENGARAH JABATAN
KEJURUTERAAN AWAM &
PENGANGKUTAN BANDAR

**ENCIK AHMAD FIRDAUS BIN
AHMAD FAKHRURRAZI**
PENGARAH JABATAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL &
ELEKTRIKAL

PUAN JABARILAH BINTI JA'AFAR
PENGARAH JABATAN
PEMBANGUNAN LANDSKAP &
REKREASI

**PUAN ASIAHNOR BINTI
MOHD YASSIN**
PENGARAH JABATAN
UKUR BAHAN

DATUK ROHAYAH BINTI KARIM
PENGARAH JABATAN
UNDANG-UNDANG &
PENDAKWAAN

**PUAN FADZILAH BINTI
ABD RASHID**
PENGARAH JABATAN
PERANCANGAN KORPORAT

ENCIK ZULFIKRI ABD MANAF
PENGARAH
JABATAN INTERGRITI

PUAN JUNAINAH BT REPIN
PENGARAH
JABATAN AUDIT DALAM

PENGURUS
KAWASAN
LEMBAH
PANTAI

PENGURUS
KAWASAN
SEGAMPUT

PENGURUS
KAWASAN
WANGSA
MAJU

PENGURUS
KAWASAN
BANDAR
TUN RAZAK

PENGURUS
KAWASAN
CHERAS

PENGURUS
KAWASAN
BUKIT
BINTANG

PENGURUS
KAWASAN
BATU

PENGURUS
KAWASAN
SEPUTEH

PENGURUS
KAWASAN
SETIAWANGSA

PENGURUS
KAWASAN
KEPONG

PENGURUS
KAWASAN
TITIWANGSA



LATAR BELAKANG

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (*sole corporation*) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.



VISI, MISI DAN OBJEKTIF

VISI

DBKL akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang 2020.

MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan kepada tadbir urus yang cemerlang.

OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

DASAR KUALITI

Menyediakan dan mempertingkatkan perkhidmatan yang efisien, mesra dan telus selari dengan kemajuan dan pembangunan kakitangan.



SLOGAN

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

FUNGSI

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
 2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
 3. Mengurus pengindahan bandar.
 4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
 5. Membina dan Menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
 6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
 7. Membina dan mengurus perumahan awam.
 8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
 9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
 10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
 11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
 12. Menyedia, mengurus dan menyelenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid / surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas / teksi, tanah perkuburan dan krematorium)
1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
 2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
 3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
 4. Mengadakan aktiviti sosial / pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk / Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan / Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
 5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
 6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari) .
 7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
 8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
 9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.



PENCAPAIAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

JABATAN LANDSKAP DAN REKRREASI

1. ANUGERAH *INSTITUTE OF LANDSCAPE ARCHITECTS MALAYSIA (ILAM)*

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi telah menerima *Excellent Award For Green Initiative Award (Government Category)* untuk projek *Signature Pocket Park Adoption Programme Government Agency*.

Anugerah ini telah diterima pada 23 April 2017 di Majlis Malam Makan Malam ILAM, Hotel Majestic, Kuala Lumpur

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pada 27 November 2017, Kumpulan BOLT3 dari Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mewakili Malaysia pada *'International Quality & Productivity Convention'* (IQPC) di Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan telah memenangi Anugerah Platinium Tiga Bintang.

Anugerah ini merupakan julung kali di anugerahkan kepada DBKL atas usaha inovasi yang dicetuskan oleh kumpulan BOLT3 dari JPPPB iaitu Sistem *Dry Pipe H2-O*. Idea ini tercetus dari permasalahan yang kerap kali dihadapi oleh Bahagian Penyelenggaraan JPPPB iaitu gangguan bekalan air yang berlaku semasa majlis/acara/kenduri berlangsung di bangunan-bangunan milik DBKL.

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

- **Konvensyen KIK Peringkat DBKL**

Konvensyen KIK Peringkat DBKL telah diadakan pada bulan Februari 2017. Sebanyak Lima Pasukan telah menyertai konvensyen tersebut iaitu:

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej.Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar
4.	Hikmah	Jabatan Perkhidmatan Kawasan
5.	D'Enforcer 3	Jabatan Penguatkuasaan

- **Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Tengah 2017**

DBKL telah menghantar Kumpulan KIK untuk bertanding dalam Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah Tengah Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24-25 Julai 2017 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Lima pasukan telah dipilih untuk mewakili DBKL dan telah memperolehi anugerah emas. Pasukan KIK tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej.Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar
4.	Hikmah	Jabatan Perkhidmatan Kawasan
5.	D'Enforcer 3	Jabatan Penguatkuasaan

- **Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan 2017**

DBKL telah menghantar Kumpulan KIK untuk bertanding dalam Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 14-16 November 2017 di Genting International Convention Centre (GICC). Tiga pasukan telah dipilih untuk mewakili DBKL dan telah memperolehi anugerah Emas 3 Bintang. Pasukan KIK tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej.Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar

- ***International Quality And Productivity Convention (ICPC) 2017***

DBKL telah menghantar Kumpulan *Bolt3* dari Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan untuk bertanding dalam *International Quality And Productivity Convention (ICPC)* pada 27-30 November 2017 di Padang Indonesia dan telah memenangi Anugerah Platinum

- ***International On Quality Control Circle (ICQCC) 2017***

DBKL telah menghantar Kumpulan *Germination 2* dari Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi untuk bertanding dalam *International On Quality Control Circle (ICQCC) 2017* pada 24-27 Oktober 2017 di Manila, Filipina dan telah memenangi Anugerah Platinum

JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN

PENCAPAIAN YANG DIRAIH PERINGKAT ANTARABANGSA DAN KEBANGSAAN

BIL	BULAN	SUKAN	KEJOHANAN	KEPUTUSAN
1.	JANUARI	Hoki Silat	- Div 1 Liga Kuala Lumpur - Taming Sari UKM	- 2 Emas, 3 Perak, 8 Gangsa - Naib Johan
2.	FEBRUARI	Ragbi Wanita Petanque Badminton Tariktali Boling Padang	- Terbuka Shah Alam - Terbuka Negeri Sembilan - MAKSWIP - HWP Labuan - HWP Labuan	- Johan - Tempat Ke-9 - Johan - Suku Akhir - Johan
3.	MAC	Tenpin Bowling Ragbi Dart Bolatangkar Karom Menembak Ragbi Boling Padang Tariktali Karom	- MAKSWIP - MRP League - MAKSWIP - Vollethton MBSA - Terbuka Kelantan - Piala YDP MP Kajang - Borneo 7's - Triples Classic - Hari Polis - Terbuka Kedah	- Wanita (Johan) / Lelaki (Ke-3) - Tempat Ke-9 - Suku Akhir - Tempat Ke-3 - Johan Plate - Johan - Empat Ke-3 - Tempat Ke-6 & 7
4.	APRIL	Tenpin Bowling Petanque Ping-Pong Futsal Tariktali Olahraga Ragbi Wanita	- Piala YDP KSDBKL - MAKSWIP - MAKSWIP - MAKSWIP - Pesta Port Dickson - Perlis Marathon - Run For Life	- Johan & Naib Johan (Terbuka) / Johan (PBT) - Lelaki (Johan)/Wanita (Ke-3) - Naib Johan - Johan (Lelaki) / Suku Akhir (wanita) - Suku Akhir - Johan (veteran) / Terbuka Lelaki (Ke-12) / Terbuka Wanita (Ke-14) - Tempat Ke-4
5.	MEI	Tariktali Menembak Tenpin Boling Karom Ragbi Wanita Boling Padang Golf Olahraga	- Kebangsaan - MBI - YDP MPPG - YDP MPPG - Terbuka Perlis - KoMARDI - SUKANUN - KL Marathon	- Johan (Terbuka Awam) - Johan Keseluruhan - Naib Johan Keseluruhan - Naib Johan - Naib Johan - Johan - Johan (veteran)
6.	JUN		RAMADHAN / SYAWAL	

7.	JULAI	Boling Padang Ragbi Wanita Tenpin Bowling Ragbi Wanita Golf Karom Bolasepak	- Borneo Cup - Terbuka Negeri Sembilan - RISDA - Elite SEA - Terbuka Kedah - Terbuka MDKL - Liga FAM	- Naib Johan - Johan - Tempat Ke-3
8.	OGOS	Ragbi Wanita Olahraga Bola Jaring Karom Tenpin Bowling Golf	- Jemputan IPG - Larian Obor KL2017 - MALA - Grand Slam Penang - PBT Ipoh - MAKSZIP	- Johan - Tempat Ke-3 (beregu) - Johan (individu) / Naib Johan (berpasukan) - Johan
9.	SEPTEMBER	Tenpin Bowling Tariktali Karom Bolasepak Bolatangkar Petanque Boling Padang Karnival Sukan Rakyat (tradisional) ✓ Sepakraga ratus ✓ Panjat tiang licin ✓ Galah panjang lelaki ✓ Menyumpit ✓ Batu seremban ✓ Galah panjang wanita ✓ Congkak ✓ Dam aji ✓ Tariktali lelaki ✓ Gusti lengan Bolasepak	- MALA - Bagan Lalang - Terbuka PKNS - MAKSZIP - MAKSZIP - Terbuka KSDBKL - Merdeka Labuan - JKKN - Piala Emas Raja-raja	- Tempat Ke-3 - Tempat Ke-3 - Johan - Naib Johan - Juara Keseluruhan - Johan - Johan - Johan - Johan - Johan - Naib Johan - Tempat Ke-3 - Tempat Ke-3 (kumpulan)
10.	OKTOBER	Perahu panjang Tariktali Petanque Basikal Tenpin Bowling Perahu panjang Olahraga Olahraga Bolatangkar Perahu panjang	- Putrajaya - Piala Sultan Mizan - Terbuka Kuching - Jelajah Malaysia - TYT Pulau Pinang - Jemputan Padang - Larian Stats Asean - Larian Alam Sekitar Negara - Kuala Selangor - Terbuka UPSI	- Naib Johan - Tempat Ke-3 - Johan - Johan Lelaki Terbuka - Johan Lelaki - Tempat Ke-3

11. NOVEMBER	Olahraga Karom Ragbi Wanita Bolajaring SPASM ✓ Futsal lelaki ✓ Futsal wanita ✓ Pingpong campuran ✓ Bolajaring ✓ Bolatampar lelaki ✓ Bolatampar wanita ✓ Tenpin boling lelaki ✓ Tenpin boling wanita ✓ Dart ✓ Badminton campuran ✓ Sepaktakraw ✓ Karom ✓ Congkak ✓ Perahu panjang	- POWKL - Terbuka UM - Karnival KPT-UPSI - Terbuka MBPJ - Sukan Perpustakaan Awam Malaysia - Jemputan Palembang	- 1 Perak / 2 Gangsa - Johan Individu - Johan - Naib Johan - Johan keseluruhan - Johan - Suku Akhir - Johan - Johan - Johan - Naib Johan - Johan - Johan - Peringkat kumpulan - Johan - Naib Johan - Johan - Peringkat kumpulan - Tempat Ke-3
12. DISEMBER	Sukan Integrasi ✓ Bola Jaring ✓ Bolatampar lelaki ✓ Bolatampar wanita ✓ Bolasepak ✓ Perahu Panjang	- MAKSWIP - Terbuka Siak	- Tempat Ke-4 - Peringkat kumpulan - Johan - Suku Akhir - Tempat Ke-3





SEKTOR DATUK BANDAR



>>> www.dbkl.gov.my <<<



JABATAN AUDIT DALAM

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diwujudkan dengan rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan bawah Pejabat Datuk Bandar. JAD diterajui oleh Pengarah Gred WA54 dengan kekuatan seramai 30 orang pegawai dan kakitangan terdiri daripada 2 orang Akauntan Gred WA44 dan 2 orang Akauntan Gred WA41, 4 orang Penolong Akauntan Gred W36, seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N32, seorang Penolong Akauntan Gred W32(KUP), seorang Penolong Pegawai Sistem Teknologi Gred FA29, seorang Setiausaha Pejabat Gred N29, 4 orang Penolong Akauntan Gred W29, seorang Pembantu Tadbir W22, 3 orang Pembantu Tadbir (Kewangan), 5 orang Pembantu Tadbir, seorang Juruteknik Komputer Gred FT1 9, seorang Pembantu Operasi Gred N11 dan 2 orang Pemandu Kenderaan H11.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menjalankan Audit Pengurusan Kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap :
 - Sistem Kewangan;
 - Kawalan Dalaman; dan
 - Rekod Kewangan

untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang diterimapakai di DBKL; dan
- 2.2 Menjalankan Audit Prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti DBKL untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan.

3.0 PERANAN

- 3.1 Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman DBKL;

- 3.2 Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- 3.3 Mengkaji aktiviti DBKL diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;
- 3.4 Mengkaji aset dan kepentingan DBKL dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- 3.5 Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
- 3.6 Melaporkan kepada Datuk Bandar hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh Jabatan DBKL mengenai perkara yang dibangkitkan;
- 3.7 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Datuk Bandar; dan
- 3.8 Membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit DBKL.

4.0 STRUKTUR ORGANISASI

Selaras dengan kompleksiti fungsi dan tanggungjawab DBKL, JAD telah dikembangkan kepada empat Bahagian Audit dan satu Bahagian Pentadbiran & Kewangan seperti berikut :-

- 4.1 Bahagian Audit Sektor Perancangan
- 4.2 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi
- 4.3 Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek
- 4.4 Bahagian Audit Sektor Pengurusan
- 4.5 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

RANCANGAN AUDIT TAHUNAN (RAT)

Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut :-

BIL.	TAJUK	AUDITI
1.	Pengauditan Perkhidmatan Membekal, Menghantar Dan Menghidang Makanan Dan Minuman Bagi Maksud Aktiviti Sosial DBKL.	Jabatan Pentadbiran (JP)
2.	Pengauditan Pengurusan Kenaan Caj Pembangunan.	Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB)
3.	Pengauditan Pengurusan Kutipan Tunggakan Sewa Pajakan Tanah DBKL.	Jabatan Kewangan (JKEW) Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP)
4.	Penambahbaikan Sistem Kewangan - Modul <i>Accounts Receivable</i>	Jabatan Kewangan (JKEW) Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja (JPPP) Jabatan Pengurusan Perumahan Dan Pembangunan Komuniti (JPPK) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH)

PERSIDANGAN TAHUNAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP) BERSAMA AGENSI BAGI TAHUN 2017

Tarikh : 18 hingga 20 September 2017
 Lokasi : Dewan Sri Siantan, Putrajaya



Persidangan Tahunan Audit Dalam KWP Bersama Agensi adalah satu inisiatif di bawah teras 5 Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam KWP yang dikenali sebagai Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam KWP. Di bawah program ini, Unit Audit Dalam Agensi KWP (UAD KWP) dan Audit Dalam Agensi bergilir-gilir menganjurkan persidangan audit pada setiap tahun mulai tahun 2014.

Persidangan pertama telah dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan diikuti Perbadanan Labuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Persidangan ke 4 pada tahun 2017 telah diadakan pada 18 hingga 20 September 2017 di Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya. Tema ialah Auditan Berkualiti, Kejayaan Organisasi.

RETREAT GERAK KERJA JABATAN AUDIT DALAM 2017

Tarikh : 19 hingga 22 November 2017

Lokasi : Seri Suasana @ PD



Retreat ini diadakan bertujuan untuk :-

- i. Merangka program dan menyusun atur gerak kerja Audit 2018;
- ii. Merangka gerak kerja Pentadbiran JAD 2018;
- iii. Merangka Perancangan Awal kerja Audit 2018 mengikut Tajuk yang telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur;
- iv. Slot satu (1) hari bersama-sama pegawai dari Jabatan Audit Negara (JAN) bagi meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Dalam dalam penyediaan Laporan Pengauditan; dan
- v. Meningkatkan ukhwah bersama pegawai dan kakitangan bagi memantapkan semangat kerjasama serta melancarkan tugas yang dirancang sepanjang tahun 2018.

SESI AWARENESS DAN BENGKEL (SESI UJI CUBA)

SISTEM PENILAIAN KENDIRI (*SELF ASSESSMENT*) TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI

Program Cemerlang AI merupakan satu inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di bawah Teras 5: Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam 2.0 Tahun 2016 bagi memantapkan pengurusan kewangan Kementerian dan Agensi di bawah KWP.

Tujuan Program ini adalah bagi membantu Kementerian / Agensi mencapai dan mengekalkan pencapaian 5 bintang dalam penarafan AI oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Buku Garis Panduan Penilaian Kendiri (BPK) telah diwujudkan dan dilancarkan oleh YBhg. Datuk Seri pada 18 Ogos 2016 semasa Persidangan Tahunan Audit Dalam KWP Bersama Agensi Tahun 2016 yang lalu.

i. *Sesi Awareness* :

- Tarikh : 15 – 16 Mei 2017
- Lokasi : Institut Latihan Dewan Bandaraya (IDB)



ii. *Sesi Uji Cuba* :

- Tarikh : 22 – 23 Mei 2017
- Lokasi : Institut Latihan Dewan Bandaraya (IDB)



STATUS MAKLUM BALAS DASHBOARD LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Ministerial Key Performance Indicator (M-KPI) YB Menteri Wilayah Persekutuan Peratusan Penyelesaian Teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sebanyak 90% hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen.

A. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2015

Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016. Sebanyak 20 teguran perlu diselesaikan dalam tempoh 1 tahun dari 21 November 2016. Sebanyak 20 teguran telah diselesaikan 100% pada 23 Oktober 2017. Pecahan pencapaian bagi status *dashboard* LKAN Siri 2 Tahun 2015 adalah seperti berikut :-

BIL.	TAJUK KAJIAN AUDIT	LKAN SIRI /TAHUN	*STATUS DI DASHBOARD JAN (BILANGAN)		
			HIJAU	KUNING	MERAH
1.	Pengurusan Projek Mewujudkan Tempat Tarikan Ikonik Auditi : • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	2/2015	20	0	0
JUMLAH			20	0	0

* Nota :

Status : Hijau - Selesai
Status : Kuning - Dalam Tindakan
Staus : Merah - Tiada Tindakan

B. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2016

Jabatan Audit Dalam DBKL di pertanggungjawabkan untuk menyelaraskan 12 penemuan audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 2016 bersama-sama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). LKAN bagi tajuk Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan telah dibentangkan di Parlimen pada 27 November 2017. Status LKAN sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :-

BIL	TAJUK KAJIAN AUDIT	LKAN SIRI /TAHUN	*STATUS DI DASHBOARD JAN (BILANGAN)		
			HIJAU	KUNING	MERAH
1.	Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan Auditi : Kementerian Wilayah Persekutuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	2/2016	3	12	0
JUMLAH			3	12	0

* Nota :

Status : Hijau - Selesai
Status : Kuning - Dalam Tindakan
Staus : Merah - Tiada Tindakan



JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN

1.0 PROFIL JABATAN

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu :

- (i) Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP); dan
- (ii) Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

2.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut :

- (i) memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- (ii) penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- (iii) menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.

- (iv) menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- (v) menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

3.0 PEWARTAAAN PERUNDANGAN

Perundangan yang telah diwartakan tahun 2017 :

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

1. Kadar Tahunan Disatukan 2017 – GN 10803/2017
2. UUK Larangan Meludah (WPKL) 2017 – P.U. (A) 76/2017
3. Pewartaan Ringkasan Belanjawan – GN 2056/2017
4. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 7/2017
5. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 22636/2017
6. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 22637/2017

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

1. Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2017 – P.U. (A) 58/2017

AKTA IBU KOTA PERSEKUTUAN 1960

1. Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989
2. Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat – P.U. (B) 418/2016

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

1. Pelantikan Pegawai di bawah subseksyen 4(1) bagi WPKL - P.U. (B) 335/2017
2. Pelantikan Pegawai di bawah subseksyen 4(1) bagi WPKL - P.U. (B) 425/2017

SENARAI PERUNDANGAN YANG SEDANG DALAM PERBINCANGAN :

1. Draf Rang Undang-Undang Perancangan (Pindaan)
2. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan)(Permohonan Untuk Kebenaran Perancangan) (WPKL)
3. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Lembaga Rayuan)
4. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Tatacara Untuk Pemulangan Caj Pembangunan)
5. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Kelas-Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan) (WPKL)
6. Draf Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL) (Pindaan) 2013
7. Draf Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL) (Pengkompaunan Kesalahan)
8. Draf UUK Vandalisme (WP)
9. Draf UUK Pelesenan Kolam Renang Persendirian (WPKL)
10. Draf UUK Larangan Meludah (WPKL)
11. Draf Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib)
12. Draf UUK Tanah Perkuburan Persendirian & Krematorium Persendirian (WPKL)
13. Draf UUK Kerajaan Tempatan (Pusat Sembelih Ayam) (WPKL)
14. Draf UUK Perumahan Awam (WPKL)
15. Draf UUK Kolam Renang (WP)
16. Draf UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (WPKL)
17. Draf UUK Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap (WP)
18. Draf UUK Tandas Awam (WPKL)
19. Draf UUK (Lembu Kerbau) Perbandaran

20. Draf UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WPKL)
21. Draf UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (WPKL)
22. Draf UUK Bangunan (WPKL) (Pindaan)
23. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
24. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
25. Draf Kaedah-Kaedah Kenderaan Barangan (Memuat dan Memunggah) (Kuala Lumpur)
26. Draf RUU Hotel (WPKL)

4.0 DOKUMEN PERJANJIAN

Sebanyak 3,120 dokumen perjanjian kontrak telah ditandatangani pada tahun 2017. Dokumen perjanjian yang ditandatangani terdiri daripada juruperunding, bekalan, kerja-kerja pemasangan, jualbeli, penyewaan, pinjaman pelajaran, biasiswa, pinjaman kenderaan / komputer, menduduki kuarters, kontrak kakitangan, penyenggaraan, pindahmilik, gadaian, pajakan, penyerahan tanah, penyerahan lantai untuk pusat penjaja dan sebagainya.

5.0 PROJEK PENSWASTAAN

Bagi projek-projek penswastaaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sebanyak 1 perjanjian telah ditandatangani iaitu:

1. Land Swap Agreement Antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Paradigma Berkat Sdn Bhd Bagi Projek Pembangunan di Salak Selatan.

Tarikh ditandatangani : 11.10.2016

6.0 KES-KES PENDAKWAAN

Kes-kes yang didakwa di Mahkamah dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

(A) DBR 87 – KES AM :

Sebanyak 3,085 kes am telah dikendalikan sepanjang tahun 2017 dengan 993 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2016 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,092.

Daripada 3,085 Kes Am yang dikendalikan, sebanyak 2,742 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 343 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2018.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 104,580.00.

(B) DBR 86 – KES TRAFIK:

Sebanyak 45,048 kes trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya telah dikendalikan sepanjang tahun 2017 dengan 17,094 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2016 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2017 adalah sebanyak 27,954.

Daripada jumlah tersebut, hanya 31,573 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 13,475 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2018.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 52,570.00.

(C) DBR 83 – KES TANGKAPAN:

Kes-kes tangkapan ini melibatkan kesalahan penjaga kereta haram iaitu kesalahan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebanyak 86 kes tangkapan telah didaftarkan dan dikendalikan pada tahun 2017 dan kes diselesaikan sepenuhnya dan jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 11,600.00.

7.0 KES-KES SIVIL

(A) KES TUNTUTAN OLEH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Pada tahun 2017, sebanyak 6,567 kes tuntutan sivil telah dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan jumlah tuntutan sebanyak RM 31,196,331.08.

(B) KES TUNTUTAN TERHADAP DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Sebanyak 28 kes tuntutan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur telah diterima dengan jumlah tuntutan sebanyak RM 260,969,124.91.

8.0 LAPORAN KEWANGAN

Perbelanjaan jabatan telah diluluskan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 10,233,300.00 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM 9,647,828.00.

Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang. Antara fungsi utama jabatan adalah untuk menyelaras perhubungan antara DBKL dengan media menerusi penyampaian/penyaluran maklumat yang tepat dan cepat; menyelaras penerbitan bahan bercetak, promosi dan pengurusan foto dan video; menyelaras majlis rasmi dan protokol; dan menyelaras hubungan dua hala negara luar dan bandar raya serta lawatan rasmi.

Jumlah kakitangan adalah seramai 63 orang yang terdiri daripada 10 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 47 orang pegawai Kumpulan 1 dan 6 orang terdiri dari kakitangan Kumpulan Sokongan II.



JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

1.0 UNIT MEDIA

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain daripada itu, unit ini juga menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2017, unit ini telah menyelaras 33 Sidang Media dan 13 Temubual bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan.

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan bebahan maklumat dapat disampaikan kepada wargakota dan mendapat liputan terbaik. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak 133 Liputan Media (*Press Invitation*), 69 Kenyataan Media (*Press Release*) dan 33 Maklumbalas Media (*Press Rebuttal*) sepanjang tahun 2017.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bersama pihak media dalam tahun 2017 adalah seperti berikut:-

i. Sukan DBKL Bersama Media 2017 - Bowling

Lebih 98 orang pengamal media telah hadir iaitu daripada media cetak, media elektronik dan penulis laman blog. Program ini telah diadakan di Arena Bowl, *Bukit Jalil Golf and Country Club* pada 22 Julai 2017.

ii. Lawatan ke Pusat Media – Utusan Malaysia

Satu lawatan kerja yang diketuai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pengarah-Pengarah Eksekutif DBKL telah diadakan pada 16 November 2017 ke Utusan Malaysia, Jalan Utusan, Kuala Lumpur.

iii. Program Santai dan Riadah DBKL bersama Media – Skytrek Shah Alam

Program santai dan riadah DBKL bersama media telah dilaksanakan pada 9 Disember 2017 di Skytrek Adventure Park, Taman Botani Shah Alam, Selangor. Program ini telah disertai oleh 15 orang pengamal media dan 25 orang kakitangan DBKL.

iv. Majlis Penghargaan DBKL kepada Media

Majlis penghargaan ini telah diadakan pada 22 Julai

2017 di *Bukit Jalil Golf & Country Club*. Program adalah bagi menghargai hubungan yang baik di antara DBKL dengan media di samping dapat memahami tugasannya di antara satu sama lain.



Gambar 1 : Program Santai dan Riadah DBKL bersama Media – Skytrek Shah Alam

2.0 UNIT MAJLIS RASMI & PROTOKOL

Unit Majlis Rasmi dan Protokol telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensinya kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun 2017, unit ini telah terlibat secara langsung dalam 133 majlis rasmi di mana 95 ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan 36 majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensinya kerajaan serta 2 acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (bunting) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2017 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2017, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (bunting) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

MAJLIS RASMI (ANJURAN DBKL, BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN) DAN LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING BAGI TAHUN 2017

Bulan	Bilangan Majlis Rasmi			Jumlah
	DBKL	Bersama Agensi Kerajaan	Bersama Agensi Bukan Kerajaan	
Januari	8	-	-	8
Februari	2	19	-	21
Mac	7	2	1	10
April	14	-	1	15
Mei	9	-	-	9
Jun	1	10	-	11
Julai	5	1	-	6
Ogos	8	1	-	9
September	8	-	-	8
Oktober	10	2	-	12
November	14	-	-	14
Disember	9	1	-	10
JUMLAH	95	36	2	133

Jadual 1: Bilangan Majlis Rasmi Tahun 2017

3.0 UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri dan kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Statistik adalah seperti berikut:

Perkara	Bilangan Lawatan	Bilangan Pelawat
Jumlah Lawatan Dalam Negeri	77	846
Jumlah Lawatan Luar Negeri	24	265
Jumlah Kunjung Hormat	15	93
JUMLAH	116	1,204

Jadual 2 : Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat Tahun 2017

Statistik jumlah Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Kunjung Hormat
1.	16 Januari	Kunjung Hormat <i>Ambassador of Ecuador to Malaysia</i>
2.	22 Februari	Kunjung Hormat daripada Kedutaan Iran
3.	6 Mac	Kunjung Hormat daripada <i>Ambassador of Senegal</i>
4.	8 Mac	Kunjung Hormat <i>Tainan City Republic of China</i>
5.	23 Mac	Kunjung Hormat daripada Delegasi <i>Central Municipal Council (CMC) Qatar</i>
6.	24 Mac	Kunjung Hormat daripada <i>City Hall of FARS Municipal Organization</i> Datuk Bandar Seoul, Korea Selatan
7.	28 April	Kunjung Hormat <i>Ambassador of Sweeden to Malaysia</i>
8.	17 Julai	Kunjung Hormat daripada Delegasi Dalian, China
9.	7 September	Kunjung Hormat daripada <i>Osaka City Hall</i>
10.	6 Oktober	Kunjung Hormat daripada Kementerian Pertahanan Bersama Delegasi US
11.	10 Oktober	Kunjung Hormat daripada <i>Tokyo Metropolitan Government</i>
12.	17 Oktober	Kunjung Hormat daripada <i>High Commisioner Sri Lanka</i>
13.	11 November	Kunjung Hormat daripada Duta Uruguay
14.	4 Disember	Kunjung Hormat daripada <i>Deputy Mayor of Taichung City</i>
15.	4 Disember	Kunjung Hormat daripada <i>Ambassador of Spain in Malaysia</i>

Jadual 3: Senarai Kunjung Hormat Tahun 2017



Gambar 2: Kempen Kibar Bendera WP 2017 & KL Car Free Morning 2017 yang dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan



Gambar 3: Majlis Perasmian Residensi Kerinchi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Kenduri 1Wilayah Parlimen Lembah Pantai



Gambar 4: Rumah Terbuka Aidilfitri Kuala Lumpur di Galeri Kuala Lumpur, Dataran Merdeka yang dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

4.0 UNIT PROMOSI

Unit Promosi telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan, percetakan serta menghebahkan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara kerja-kerja yang dilakukan oleh Unit Promosi sepanjang tahun 2017 termasuklah:

- a. Mempromosikan aktiviti-aktiviti dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh DBKL seperti berikut:
 - i. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2017
 - ii. Kempen Biodegradasi
 - iii. Kad Ceria
 - iv. Hari Bertemu Pelanggan dalam Talian (eHBP)

- v. Kempen Bayar Cukai Taksiran, Elak Harta Disita
 - vi. Sukan SEA KL2017
 - vii. Program Baiti Jannati
 - viii. Program Bas Sekolah Percuma
 - ix. Program CSR DBKL
 - x. Pameran komitmen DBKL dalam memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam operasi harian.
- b. Diari Tahunan DBKL
 - c. *Desk Pad Planner dan Stand Table Calendar*
 - d. Penerbitan Kad-kad Ucapan Perayaan
 - e. Portal DBKL
 - f. Aktiviti lain Unit Promosi
 - i. Membuat hebahan aktiviti/program DBKL di KLFM
 - ii. Membuat pengumuman aktiviti DBKL di Perhimpunan Bulanan DBKL
 - iii. Mencetak *banner* dan *bunting* hebahan

untuk menyelesaikan semua aduan tertunggak selewat-lewatnya pada **Mac 2018**.

KATEGORI	TERIMA	PERATUS (%)
Kemudahan Awam	5,885	33%
Halangan	1,773	10%
Pokok	1,592	9%
Binatang	1,323	7%
Sistem Saliran dan Perparitan	1,158	7%

Jadual 4 : Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

5.0 BAHAGIAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN ADUAN AWAM

Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi Unit Pusat Panggilan Setempat (Call Centre) dan Unit Perhubungan Pelanggan (Kaunter 1Serve DBKL). Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi tiga perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan

5.1 Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat (Call Centre)

Pada tahun 2017 iaitu dari Januari 2017 sehingga Disember 2017, Call Centre telah menerima sebanyak **64,997** panggilan.

5.2 Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2017, *Call Centre* telahpun menerima sebanyak **17,689** aduan. Janaan data pada 9 Februari 2018 menunjukkan sebanyak **17,590 (99%)** aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak **99 (1%)** aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan

5.3 Kehadiran Pelanggan Di Kaunter Khidmat Pelanggan -1Serve DBKL

Sepanjang tahun 2017, Kaunter 1Serve DBKL menerima **4,048** orang pelanggan terdiri daripada warga kota bagi pelbagai urusan di kaunter tersebut. Purata kehadiran pelanggan adalah **337** orang sebulan.

5.4 Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian (E-HBP) DBKL

Bagi tahun 2017, Hari Bertemu Pelanggan ditambahbaik kepada Hari Bertemu Pelanggan secara *Online*. Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian atau dikenali sebagai (e-HBP)DBKL merupakan sistem interaksi secara maya yang dibangunkan dengan kerjasama pintar di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Dewan Bandaraya Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menggantikan amalan kaedah konvensional yang sedia ada.

Program yang bermula pada Mac sehingga Disember 2017 ini menerima 214 orang pelawat yang melayari portal tersebut.



Gambar 5: Program Hari Bertemu Pelanggan Atas Talian (e-HBP)



JABATAN INTEGRITI

Jabatan Integriti telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 susulan dari Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri dan bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan di semua agensi awam. Jabatan Integriti menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu **Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Siasatan dan Risikan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.**

1.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2017

Peruntukan Tahun 2016 = RM 2,617,600.00

Perbelanjaan Tahun 2016 = RM 2,572,800.00

Peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan bagi tahun 2017 adalah 98%.

2.0 FUNGSI UTAMA

Jabatan Integriti menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu :

- 2.1 Pengurusan Aduan** - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- 2.2 Siasatan dan Risikan** - Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- 2.3 Tatatertib** - Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib;
- 2.4 Pengukuhan Integriti** - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- 2.5 Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- 2.6 Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

3.0 STATISTIK AKTIVITI / PROGRAM JABATAN INTEGRITI

3.1 PENGURUSAN ADUAN

Unit Aduan berfungsi untuk menerima aduan kelakuan kakitangan melalui pelbagai kaedah. Antaranya surat layang, surat-menyurat, panggilan telefon, bersemuka dan sebagainya.

3.1.1 Statistik Jenis Aduan

Pada tahun 2017, sebanyak 142 aduan diterima dan 35 daripada aduan tersebut diterima terus daripada SPRM. Ringkasan adalah seperti berikut:

BIL	CARA PENERIMAAN ADUAN	JUMLAH
1.	Surat layang	11
2.	Pengadu datang sendiri	24
3.	Emel	14
4.	Surat menyurat	33
5.	Panggilan telefon / aplikasi <i>whatsapp</i>	16

bersambung...

(sambungan)

BIL	CARA PENERIMAAN ADUAN	JUMLAH
	Lain-lain (sila nyatakan)	
6.	i. SPRM	35
	ii. Aduan ISPAAA	2
	iii. Arahan Pegawai	7
JUMLAH		142

3.1.2 Klasifikasi Aduan Mengikut Sektor

Aduan yang diterima juga dipecahkan mengikut Sektor di mana Sektor Pentadbiran mempunyai jumlah terbanyak iaitu sebanyak 68 aduan yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti ringkasan berikut:

BIL.	KLASIFIKASI ADUAN MENGIKUT SEKTOR	JUMLAH
1.	Sektor Pentadbiran	68
2.	Sektor Perolehan	2
3.	Sektor Kewangan	5
4.	Sektor Penguatkuasaan	27
5.	Sektor Perlesenan	10
6.	Lain-lain (sila nyatakan)	30
JUMLAH		142

3.2 SIASATAN

Unit Siasatan akan menerima dan memproses aduan yang diterima di Jabatan. Sebelum siasatan dibuat, aduan yang diterima perlu dinilai sama ada berasas dan tidak berasas. Sekiranya berasas, siasatan akan dimulakan dan Kertas Siasatan dibuka melibatkan pengadu dan yang diadu untuk tindakan sewajarnya.

3.2.1 Statistik Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan

Siasatan yang dibuat dipecahkan mengikut jenis kesalahan seperti berikut:

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1.	Rasuah (menerima)	-
2.	Rasuah (memberi / menawarkan)	-
3.	Salahguna kuasa	-
4.	Penyelewengan	-
5.	Tuntutan palsu	-
6.	Tipu / Pecah Amanah	-
	Kesalahan pentadbiran	
7.	1. Tatatertib	-
	2. Salah laku kakitangan	34
	3. Lain-lain kesalahan pentadbiran	-
	Lain-lain kesalahan (sila nyatakan)	
8.	1. Proses Kerja	3
	2. Kualiti Perkhidmatan	-
JUMLAH		37

3.2.2 Tindakan Ke Atas Maklumat dan Aduan

Maklumat dan aduan yang diterima sepanjang tahun 2017 telah diambil tindakan seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	JUMLAH
1.	Dirujuk ke SPRM	4
2.	Dirujuk ke Jabatan	85
3.	Tiada Tindakan Susulan (NFA)/ Tutup Kes	15
4.	Dalam Perhatian Jabatan (KIV)	6
JUMLAH		110

3.3 TATATERTIB

3.3.1 Jenis Kesalahan Tatatertib

Sepanjang Tahun 2017, terdapat 202 kes tatatertib yang dijalankan. Kes yang mencatat rekod tertinggi adalah berkaitan dengan ketidakhadiran/ kehadiran iaitu sebanyak 81 kes. Ringkasan jenis kesalahan adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES
1	Ketidakhadiran / kehadiran	81
2	Gagal mengeskes kad perakam waktu masuk/keluar	4
3	Keterhutangan wang yang berat	24
4	Membuat tuntutan palsu	1
5	Cuti sakit melebihi kelayakan	8
6	Mengemukakan sijil cuti sakit palsu	9
7	Menyimpan kad perakam waktu	1
8	Merekod kedatangan kakitangan lain	1
9	Menggunakan kenderaan jabatan bagi tujuan peribadi	3
10	Meminta balasan berupa wang	1
11	Menerima wang	1
12	Gagal menghormati pegawai atasan	3
13	Tidak melaksanakan tugas	1
14	Tiada di tempat bertugas	1
15	Tidak hadir berkursus	1
16	Meninggalkan tempat bertugas tanpa kebenaran	4
17	Gangguan seksual	1
18	Menggunakan kedudukan awam bagi tujuan peribadi	5
19	Keterhutangan wang yang berat	49
20	Positif dadah	3
JUMLAH		202

3.3.2 Jenis Hukuman Tatatertib yang dijatuhkan

Terdapat 210 hukuman telah dijatuhkan kepada pegawai/ kakitangan antaranya Perlucuthakan Gaji dan Amaran. Ringkasan hukuman mengikut jenis adalah seperti berikut:

BIL	JENIS HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran	75
2	Celaan	0
3	Denda	19
4	Perlucuthakan gaji	80
5	Turun gaji	4
6	Turun pangkat	0
7	Buang kerja	15
8	Warta	7
9	Kes digugurkan	10
10	Surcaj	0
JUMLAH		210

3.4 PENGUKUHAN INTEGRITI

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 24 program integriti telah dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dengan dihadiri oleh 2,285 orang warga DBKL. Dari jumlah tersebut, seramai 247 peserta adalah dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 350 peserta dari Kumpulan Sokongan 1, 723 peserta dari Kumpulan sokongan 2 dan 475 peserta dari Kumpulan Pelaksana. Ringkasan aktiviti adalah seperti di Jadual:

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI	TARIKH
1	Kursus Pengurusan, Pengimarah dan Profesional DBKL	Shah Beach Resort, Melaka	16-18 Januari 2017
2	Forum Perdana Ehwat Islam Bersempena 45 Tahun DBKL	Auditorium, Menara DBKL 1	2 Februari 2017
3	Program Ceramah Pemantapan Sahsiah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Auditorium, PKL	24 Februari 2017
4	Kursus Pemantapan Integriti Untuk Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 DBKL	Belum Rainforest Resort Malaysia, Pulau Banding, Gerik, Perak	7-9 Mac 2017
5	Program Ceramah Klinik Hati Yang Sempurna Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Auditorium Perdana Siswa, Universiti Malaya	18 Mac 2017
6	Program Ceramah Pemantapan Pemikiran Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	31 Mac 2017
7	Kursus Pemantapan Jati Diri Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL	Suria Cherating Beach Resort, Kuantan Pahang	11-13 April 2017
8	Lawatan ke SPRM Kuala Lumpur Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	SPRM WPKL, Jalan Cochrane KL	25 April 2017
9	Program Pengukuhan Pemikiran Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	26 April 2017
10	Program Ceramah Pemantapan Ibadah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Bilik Latihan Pulapen, Jabatan Penguatkuasaan	27 April 2017
11	Kursus Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	15-16 Mei 2017
12	Program Pemantapan Pemikiran Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	23 Mei 2017
13	Program Pemantapan Sahsiah (Qiamullail) Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Surau Balai Islam, Jalan Tun Razak	11 Jun 2017

bersambung...

(sambungan)

BIL	NAMA PROGRAM	LOKASI	TARIKH
14	Program Pemantapan Ibadah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	20 Jun 2017
15	Program Ceramah Pemantapan Sahsiah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	28 Julai 2017
16	Kursus Pemantapan Jati Diri Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja, DBKL	Seri Suasana DBKL @ PD	7-9 Ogos 2017
17	Program Sah Nikah Sah Nasab Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Kompleks Pusat Islam, JAWI	10 Ogos 2017
18	Program Simposium Pemikiran Ummah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	22 Ogos 2017
19	Program Pengukuhan Ibadah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Masjid Saidina Osman, Bandar Tun Razak	22 Ogos 2017
20	Forum Bicara Daie Integriti Selebriti Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Auditorium, Menara DBKL1	20 September 2017
21	Kursus Pemantapan Jati Diri Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL	Hotel Pantai Puteri, Melaka	6-8 Oktober 2017
22	Lawatan ke SPRM Putrajaya Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	SPRM Putrajaya	12 Oktober 2017
23	Kursus Integriti Berasaskan Nilai Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	Institut Latihan DBKL	1-2 November 2017
24	<i>Retreat</i> Pembangunan Modul Kursus Smart Integriti DBKL	Seri Suasana DBKL @ PD	13-15 November 2017

Program integriti ini diadakan adalah untuk membangunkan modal insan peserta dalam mengamalkan nilai-nilai murni dan meningkatkan tahap integriti warga DBKL. Selain itu juga, program-program yang diadakan juga adalah untuk memotivasikan warga DBKL bagi mempersiapkan diri ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti di samping membentuk sahsiah peribadi.

Berikut merupakan antara koleksi bergambar bagi program sepanjang Tahun 2017:



CERAMAH INTEGRITI



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM BERSEMPENA 45 TAHUN DBKL



KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI



FORUM BICARA DAIE INTEGRITI SELEBRITI UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DBKL

3.5 PEMATUHAN

Unit Pematuhan berperanan dalam memastikan peraturan, undang-undang, sistem dan prosedur kerja yang diwujudkan di setiap jabatan sentiasa dipatuhi oleh pegawai dan kakitangan ketika melaksanakan tugas harian.

Naziran yang dilaksanakan oleh Jabatan Integriti adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa ekoran daripada ketidakpatuhan terhadap sistem prosedur, kelemahan sistem sedia ada, atau Standard Operating Procedure (SOP) yang tidak bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan. Unit ini bertindak melaksanakan fungsinya melalui proses pemeriksaan pematuhan dan naziran ke atas setiap jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pada tahun 2017, unit ini juga terlibat dengan Operasi Banteras Aktiviti Haram (Ops BAH) yang diketuai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sebagai kementerian yang bertanggungjawab serta dibantu oleh DBKL. Semasa operasi dijalankan, unit ini bertindak sebagai pemerhati terhadap aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh setiap jabatan dalaman DBKL yang terlibat bagi mengelakkan sebarang ruang dan peluang menjurus kepada aktiviti rasuah dan salah guna kuasa.

Antara aktiviti pematuhan dan naziran integriti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL	NAZIRAN / OPERASI MENGIKUT JABATAN	JUMLAH
1	Kementerian Wilayah Persekutuan	10
2	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	11
3	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	5
4	Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	7
5	Jabatan Kejuruteraan dan Pengangkutan Bandar	1
6	Jabatan Penguatkuasaan	11
7	Pejabat Cawangan Seputeh	1
8	Jabatan Perancangan Korporat	1
9	Jabatan Perancangan Bandaraya	1
JUMLAH		48

Antara Aktiviti Pematuhan yang diadakan sepanjang Tahun 2017:

BIL	OPERASI / AKTIVITI PEMATUHAN	LOKASI OPERASI
1	Operasi Banteras Aktiviti Haram (BAH)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rumah Urut Platinum Walk Setapak. 2. Pusat Snooker Golden Break Jln Kuchai Lama & Sri Petaling 3. Pusat Judi (Dalam Bangunan GIANT) Tmn Connought, Jln Cerdas. 4. Esperence KL 5. The Huble 6. Kelab CS3, Jln Kuchai Lama 7. Golden Break, Jalan Kuching 8. The Main Room, Jalan Doraisamy 9. Himawari Club, Jalan Imbi 10. Crown KTV, Jalan Imbi
2	Naziran Pendaftaran & Pengundian Bazaar Ramadhan 2017	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lorong Tunku Abdul Rahman 2. Jalan Masjid India
3.	Naziran Pengundian Pusat Penjaja	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jalan Manis 6, Tmn Segar 2. Pekan Sg Besi 3. Bazaria Genting Klang
3	Naziran Penjualan Rumah Awam Kepada Kakitangan dan Peg. DBKL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apartmen Adelia 2. PPR Kg Muhibah 3. PA/PPR 4. Apartmen Seri Ceria 1&2 5. PPR Seri Aman Kepong
4	Naziran Operasi Bersepadu Ke Atas Aktiviti Penjaja Tanpa Kebenaran Di Taman-Taman Awam	Taman Tasik Metropolitan / Titivangsa
5	Naziran Operasi Penguatkuasaan (Roboh / Alih Barangan dan Peralatan) Tanpa Perintah Pembangunan	Lot 13753, Kg Segambut Dalam, Jalan Kiara 3, Off Jalan Segambut Dalam, Mukim Batu, Kuala Lumpur

bersambung...

(sambungan)

BIL	OPERASI / AKTIVITI PEMATUHAN	LOKASI OPERASI
6	Naziran Lawatan Prestasi Pembangunan Bagi Permohonan Insentif Caj Pembangunan 50%	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semakan status pembinaan untuk permohonan pada tahun 2015-2016 2. Semakan permohonan pembinaan bagi pengeyoran insentif bagi permohonan tahun 2017
7	Naziran Lawatan Prestasi / Pengauditan Bagi Kerja-Kerja Membekal, Menanam Dan Menyelenggara Kerja-Kerja Landskap Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kg Pindah, Kg Baru 2. Pusat Nurseri Jln Hose 3. Hutan Rekreasi Bkt Kerinchi 4. Tasik Ampang Hilir 5. Tasik Permaisuri

Berikut Merupakan Antara Koleksi Bergambar Sebahagian Aktiviti Sepanjang Tahun 2017:



PROGRAM UNDIAN GERAI SRI SABAH



PROGRAM UNDIAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2017



POKOK BERBEZA DILETAK DALAM SUSUNAN UNTUK AUDIT (TIDAK BERAGAM & MENGELIRUKAN)

AUDIT PRESTASI KERJA-KERJA KONTRAKTOR - JPLR



LAWATAN CAJ PEMBANGUNAN - JPRB

3.6 TADBIR URUS

3.6.1 Ikrar Integriti Korporat (CIP)

Satu (1) Program CIP telah dijalankan bagi tahun 2017 iaitu pada 14 Februari 2017 melibatkan 9 kontraktor Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME).

3.6.2 Majlis Pemantapan Integriti di Kalangan Kontraktor-Kontraktor Di Bawah Seliaan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti

Bagi memastikan kontraktor – kontraktor yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) mendapat input dan pengetahuan berkaitan dengan pelaksanaan CIP dan Integriti, pihak Jabatan Integriti telah menganjurkan Majlis Pemantapan Integriti dikalangan mereka secara berperingkat. Majlis ini telah diadakan di Premiera Hotel Kuala Lumpur pada 22 Mei 2017 dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti, SPRM dan CIDB. Seramai 44 kontraktor yang telah menandatangani CIP hadir ke majlis ini.



IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)



MAJLIS PEMANTAPAN INTEGRITI

3.6.3 Ikrar Bebas Rasuah

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

DBKL menyambut baik inisiatif yang diperkenalkan oleh SPRM ini dan buat pertama kalinya IBR ini dilaksanakan di DBKL pada 13 Julai 2017 yang dihadiri oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan, YB. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Pengurusan Tertinggi DBKL dan SPRM, Ketua-Ketua Jabatan DBKL dan pegawai-pegawai DBKL. Bagi memastikan pelaksanaan IBR ini adalah menyeluruh, ianya juga diteruskan di peringkat-peringkat Jabatan di DBKL.

Berikut adalah jadual pelaksanaan IBR di DBKL:-

BIL	JABATAN	TARIKH IBR
1.	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR	13 Julai 2017
2.	JABATAN INTEGRITI	2 Ogos 2017
3.	JABATAN PERANCANGAN KORPORAT (JPRK)	24 Ogos 2017
4.	JABATAN AUDIT DALAM (JAD)	24 Ogos 2017
5.	JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN & SUKAN (JKPS)	15 September 2017
6.	JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENDAKWAAN (JUP)	24 Ogos 2017
7.	JABATAN INTEGRITI (JIT)	2 Ogos 2017
8.	JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA (JPBR)	28 Ogos 2017
9.	JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF)	28 Ogos 2017
10.	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN (JPEP)	28 Ogos 2017
11.	JABATAN KAWALAN BANGUNAN (JKB)	28 Ogos 2017
12.	JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (JPSM)	17 Ogos 2017
13.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA (JPPH)	17 Ogos 2017
14.	JABATAN KEWANGAN (JKEW)	17 Ogos 2017
15.	JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT (JPM)	17 Ogos 2017
16.	JABATAN PENTADBIRAN (JP)	17 Ogos 2017
17.	JABATAN PENGUATKUASAAN (JPK)	21 Ogos 2017
18.	JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI (JPPPK)	19 Ogos 2017
19.	JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA (JPPP)	23 Ogos 2017
20.	JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR (JKAS)	7 September 2017
21.	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR (JKAPB)	18/9/2017
22.	JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN (JPPPB)	18/9/2017
23.	JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (JKME)	18/9/2017
24.	JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP DAN REKREASI (JLR)	18/9/2017
25.	JABATAN UKUR BAHAN (JUB)	18/9/2017
26.	JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN (JKK)	28/8/2017



IKRAR BEBAS RASUAH

3.6.4 Karnival Gerah SPRM – DBKL 2017

Karnival Gerah ini dianjurkan adalah untuk mempromosi dan menarik minat orang awam terutamanya warga kota Kuala Lumpur menyertai Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang diperkenalkan oleh SPRM. Program ini diperkenalkan untuk memberikan peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dalam usaha pencegahan rasuah. Program ini telah dianjurkan di Dataran DBKL pada 17 September 2017 yang turut dihadiri oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua Pesuruhjaya SPRM.



KARNIVAL GERAH SPRM – DBKL 2017



KARNIVAL GERAH SPRM -DBKL 2017

3.6.5 Sambutan Hari Integriti

Sambutan Hari Integriti peringkat DBKL telah diadakan pada 11 Disember 2017 iaitu pada hari Perhimpunan Bulanan DBKL. Pengisian program pada hari berkenaan termasuklah Pelancaran Majalah Integriti Dihatiku Edisi Khas 2017 dan Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Sudut Integriti Peringkat DBKL 2017 kepada pemenang dan penerima saguhati.



SAMBUTAN HARI INTEGRITI TAHUN 2017

3.6.6 *Retreat* Pemantapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tuntutan Kerja Lebih Masa (OT) Bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jabatan Integriti pada 11 hingga 13 September 2017 telah mengadakan *Retreat* Pemantapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tuntutan Kerja Lebih Masa (OT) Bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Novotel Hotel & Resort Melaka. *Retreat* ini diadakan adalah selaras dengan keputusan YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) agar SOP tuntutan kerja lebih masa disemak semula untuk penambahbaikan bagi memastikan setiap tuntutan dan bayaran OT yang dibuat memberi manfaat kepada DBKL.



RETREAT SOP OT DBKL 2017



SEKTOR PERANCANGAN



>>> www.dbkl.gov.my <<<



JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA

1.0 LATAR BELAKANG

Penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015 telah menggabungkan Jabatan Perancangan Bandar dengan Jabatan Perancangan Fizikal. Jabatan baru ini dinamakan Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Melaksanakan perkhidmatan Kawalan Perancangan bertepatan dengan wawasan, dasar dan strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur.
- 2.2 Mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang efektif di antara JPRB dengan orang awam.
- 2.3 Memastikan perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan.
- 2.4 Memastikan pegawai dan kakitangan JPRB diberi latihan yang secukupnya bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.

3.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 3.1 Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur
- 3.2 Pengurusan Pelaksanaan Pelan-Pelan Tempatan
- 3.3 Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 3.4 Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 3.5 Penyediaan Garis Panduan Perancangan
- 3.6 Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL
- 3.7 Perancangan Bandar Mampan
- 3.8 Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan
- 3.9 Penyelarasan Maklumbalas / Ulasan berkaitan Perancangan

4.0 JUMLAH KAKITANGAN

Jumlah keseluruhan kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya, adalah seramai 303 orang.

KATEGORI	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	46	1	47
Kumpulan Pelaksana	240	16	256
JUMLAH KAKITANGAN	286	17	303

Bahagian Kawalan Pembangunan Sertabahagian Penyelidikan dan Penguatkuasaan Perancangan

5.0 JUMLAH KAKITANGAN


Jumlah kakitangan Bahagian Kawalan Pembangunan serta Bahagian Penyelidikan dan Penguatkuasaan Perancangan adalah seramai 202 orang.

KATEGORI	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	27	0	27
Kumpulan Pelaksana	167	8	175
JUMLAH KAKITANGAN	194	8	202

5.1 Bajet Mengurus Bahagian Kawalan Pembangunan serta Bahagian Penyelidikan dan Penguatkuasaan Perancangan (Kod : SS2200)

Bahagian ini telah membelanjakan sebanyak **61%** daripada jumlah keseluruhan bajet yang telah diperuntukan pada tahun 2017 sebanyak **RM 2,620,500.00**. Pengurangan peratus perbelanjaan tersebut menunjukkan bahawa pihak Jabatan telah mengambil inisiatif langkah berjimat cermat dalam berbelanja.

PERKARA	JUMLAH
Bajet 2017	RM 2,620,500.00
Perbelanjaan 2017	RM 1,592,057.95
BAKI PERBELANJAAN SEHINGGA 21/12/2017	RM1,028,442.05



5.2 Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Melalui Urusetia Pusat Setempat / One Stop Centre (OSC)

Sebanyak **6,568 Permohonan** telah diterima oleh OSC melibatkan 5 jenis Permohonan iaitu Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Perakuan Menduduki Bangunan (CFO). Jenis Permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2017 ialah Permohonan Pelan Bangunan iaitu sebanyak **4,145 Permohonan**. Sebanyak **6,369 (98.99%) Permohonan** telah diselesaikan dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan.

Statistik Permohonan Diterima Melalui OSC

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN	PERMOHONAN DALAM PROSES	PERMOHONAN SELESAI	SELESAI DALAM PIAGAM	SELESAI MELEBIHI PIAGAM	JUMLAH PERATUS
Permohonan Serentak	735	36	699	659	40	95.10%
Kebenaran Merancang	1,429	40	1,389	1,389	0	97.20%
Pelan Kejuruteraan	249	17	232	231	1	93.17%
Pelan Bangunan	4,145	40	4,105	4,086	19	99.03%
CFO	10	1	9	4	0	90.00%
JUMLAH	6,568	134	6,434	6,369	60	97.96%



Kaunter OSC Di Tingkat Bawah, Menara DBKL 2

5.3 Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Oleh Jabatan

Secara keseluruhannya Jabatan Perancangan Bandaraya telah menerima sebanyak **3,610 Permohonan Perancangan** yang melibatkan Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan R.S, Pertimbangan Semula dan lain-lain permohonan. Jenis Permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2017 ialah Pindaan Pelan / Maklumat Tambahan iaitu sebanyak **805 Permohonan**. Perincian jenis Permohonan sepanjang tahun 2017 adalah seperti jadual :

Statistik Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Oleh Jabatan

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
1. PERDAGANGAN	
1.1 Kompleks Perdagangan / Kompleks Beli Belah	59
1.2 Kompleks Pejabat	26
1.3 Pembangunan Bercampur	85
1.4 Kedai Pejabat	26
1.5 Rumah Kedai	13
2. PERUSAHAAN	
2.1 Perusahaan / Kilang	16
3. KEDIAMAN	
3.1 Skim Perumahan	32
3.2 Rumah Pangsa / Pangsapuri	90
3.3 Apartmen	9
3.4 Pangsapuri Servis / Hotel	81
3.5 Kondominium	13

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
3.6 Rumah Sebuah / Banglo	73
3.7 Rumah Berkembar	12
3.8 Rumah Teres	5
3.9 Rumah Contoh	5
3.10 Rumah Bandar (Town House)	7
3.11 Tambahan dan Perubahan (rumah sahaja)	6
4. LAIN-LAIN	
4.1 Tambahan dan Perubahan (Kedai / Pejabat)	138
4.2 Agama	18
4.3 Institusi / Pelajaran	43
4.4 Bangunan Kerajaan / Kuarters Kerajaan	13
4.5 Tempat Rekreasi	11
4.6 Stesen Minyak	13
4.7 Swop Plan / Hospital	4
4.8 Tempat Letak Kereta Terbuka	17
4.9 Lain-Lain/ Rumah Contoh	94
4.10 Menara Telekomunikasi	9
4.11 Pusat Penjaja / Setor / Restoran	26
4.12 Kontena / Kabin	26
4.13 Ruang Pameran	57
4.14 Bangsal / Gudang	44
4.15 Penukaran Guna Bangunan Tetap / Sementara (Kedai, Tadika, Pejabat, Ruang Pameran, Restoran)	225
4.16 Penukaran Zon Guna Tanah	116
4.17 Pindaan Penukaran Zon Guna Tanah	96

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
4.18 Kepadatan Penduduk	65
4.19 Pindaan Kepadatan Penduduk	85
4.20 Susunatur / Penyatuan Semula	124
4.21 Pindaan Susunatur / Penyatuan Semula	128
4.22 Melanjutkan Tempoh Sah Perintah Pembangunan (Tetap)	116

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
4.23 Melanjutkan Tempoh Sah Perintah Pembangunan (Sementara)	369
4.24 Pindaan Pelan / Maklumat Tambahan	805
4.25 Pertimbangan Semula	269
4.26 Pelan R.S (4 Salinan)	141
JUMLAH KESELURUHAN	3,610



Kaunter Permohonan
Jabatan Perancangan Bandaraya, Tingkat 9, Menara DBKL 1

5.4 Mesyuarat OSC

Sebanyak **123 kali Mesyuarat OSC** telah diadakan sepanjang tahun 2017 yang melibatkan pelbagai kategori iaitu **JKPS (Full Board)**, **JKPS 1** dan **JKPS 2**. Daripada jumlah tersebut, Mesyuarat **JKPS 2** paling banyak diadakan iaitu sebanyak **53 kali**.

Jadual Bilangan Mesyuarat OSC yang Telah Diadakan

BIL	MESYUARAT	JUMLAH
1.	JKPS (Full Board)	50
2.	JKPS 1	20
3.	JKPS 2	53
JUMLAH		123



Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC 1) di Bilik Mesyuarat Putra Tingkat 29, Menara DBKL 1

5.5 Pengeluaran Perintah Pembangunan

Sebanyak **1055 Perintah Pembangunan** yang telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak **158 Perintah Penolakan** telah dibuat.

Jadual Perintah Pembangunan Tahun 2017

KATEGORI / BULAN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER	JUMLAH
i) Pembinaan bangunan-bangunan baru	19	22	22	33	18	18	21	29	21	23	28	24	278
ii) a. Penukaran kegunaan tanah	4	1	7	9	6	1	5	8	3	10	7	6	67
b. Penambahan ketumpatan penduduk	3	1	5	3	1	4	2	8	4	6	6	5	48
iii) Pindaan kepada pelan yang diluluskan	17	8	15	17	11	9	15	17	11	19	12	14	165
iv) Tambahan dan perubahan	13	17	24	14	12	4	24	5	12	19	11	9	164
v) Bangunan / pembinaan sementara	7	5	5	10	6	6	3	3	3	6	5	4	63
vi) Penukaran sementara kegunaan bangunan	6	1	0	2	3	0	2	1	6	1	0	1	23
vii) Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	2
viii) Perintah Penolakan	27	12	18	17	14	9	19	9	0	12	14	7	158
ix) Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot)	9	8	5	7	4	6	7	6	14	5	11	5	87
JUMLAH PERINTAH PEMBANGUNAN YANG DIKELUARKAN	106	75	101	112	75	57	98	86	75	101	94	75	1055

5.6 Tuntutan Caj Pembangunan

Berkenaan dengan tuntutan Caj Pembangunan, sejumlah **RM 3,304,789,700.00** telah dituntut oleh pihak Jabatan kepada pihak pemaju sepanjang tahun 2017. Berdasarkan kepada jadual di bawah, bulan April mencatatkan tuntutan Caj Pembangunan tertinggi iaitu sebanyak **RM 1,645,484,000.00**

Jadual Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2017

BULAN	JUMLAH (RM)
JANUARI	55,567,000.00
FEBRUARI	226,497,500.00
MAC	85,158,000.00
APRIL	1,645,484,000.00
MEI	298,493,300.00
JUN	105,844,000.00

bersambung...

(sambungan)

BULAN	JUMLAH (RM)
JULAI	63,208,500.00
OGOS	110,596,900.00
SEPTEMBER	79,628,000.00
OKTOBER	24,834,000.00
NOVEMBER	328,404,500.00
DISEMBER	84,074,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	3,304,789,700.00

5.7 Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (I.S.F) dan Sumbangan

Sejumlah **RM 121,035,520.00** telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang Tahun 2017 meliputi **RM 94,196,570.00** untuk I.S.F. Jalan, **RM 6,930,440.00** untuk I.S.F. Parit dan **RM 19,908,510.00** untuk sumbangan. Sumbangan yang dituntut melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, tidak menyediakan kawasan lapang, tabung perumahan kos rendah dan pembinaan jalan keluar masuk.

Jadual Tuntutan I.S.F dan Sumbangan bagi Tahun 2017

TAHUN	2017			JUMLAH (RM)
	I.S.F (JALAN)	I.S.F (PARIT)	SUMBANGAN	
JANUARI	8,425,620.00	282,175.00	840,000.00	9,547,795.00
FEBRUARI	8,919,000.00	284,240.00	20,000.00	9,223,240.00
MAC	6,054,950.00	361,065.00	3,784,759.00	10,200,774.00
APRIL	6,720,000.00	2,486,255.00	5,388,751.00	14,595,006.00
MEI	5,426,000.00	849,625.00	60,000.00	6,335,625.00
JUN	7,884,500.00	525,955.00	2,185,000.00	10,595,455.00
JULAI	8,136,000.00	360,450.00	0	8,496,450.00
OGOS	10,114,000.00	454,710.00	20,000.00	10,588,710.00
SEPTEMBER	4,102,750.00	348,885.00	270,000.00	4,721,635.00
OKTOBER	9,787,500.00	327,525.00	720,000.00	10,835,025.00
NOVEMBER	8,754,500.00	477,030.00	4,030,000.00	13,261,530.00
DISEMBER	9,871,750.00	172,525.00	2,590,000.00	12,634,275.00
JUMLAH (RM)	94,196,570.00	6,930,440.00	19,908,510.00	121,035,520.00

5.8 Pengawasan Pembangunan Dan Penilaian Permohonan Lesen

Ulasan terhadap Permohonan Lesen yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja telah mencapai **100 peratus** mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Statistik Permohonan Baru Lesen Premis

BULAN	PERMOHONAN	ULASAN
JANUARI	1401	1401
FEBRUARI	1977	1977
MAC	1989	1989
APRIL	1832	1832
MEI	1421	1421
JUN	1145	1145
JULAI	1384	1384
OGOS	1425	1425
SEPTEMBER	1093	1093
OKTOBER	949	949
NOVEMBER	908	908
DISEMBER	449	449
JUMLAH	15973	15973

Ulasan Perancangan terhadap Permohonan Lesen Premis melalui Sistem e-Lesen

5.9 Aduan Awam

Sejumlah 59 **Aduan Awam** telah diterima oleh pihak Jabatan ini sepanjang tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, kesemua aduan awam melalui sistem iSPAAA telah diselesaikan oleh Seksyen Pengawasan dan Perundangan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 hari bekerja.

Jadual Bilangan dan Status Aduan Awam Melalui Sistem iSPAAA bagi Tahun 2017

BULAN	ADUAN AWAM	KES TUTUP / SELESAI
JANUARI	7	7
FEBRUARI	7	7
MAC	10	10
APRIL	7	7
MEI	3	3
JUN	5	5
JULAI	7	7
OGOS	5	5
SEPTEMBER	5	5
OKTOBER	2	2
NOVEMBER	1	1
DISEMBER	0	0
JUMLAH	59	59

5.10 Kelulusan Permohonan Pelan Landskap

Bagi Tahun 2017 sebanyak **364 permohonan** Pelan Landskap telah diterima melalui OSC, merangkumi **116 permohonan** untuk diproses di bawah Kategori PPP (Pokok) dan selebihnya iaitu **248 permohonan** untuk diproses di bawah Kategori A17 (Pelan Landskap).

Jadual Kelulusan Permohonan Pelan Landskap bagi Tahun 2017

BIL.	BULAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG DIPROSES	
		PPP (POKOK)	A17
1	JANUARI	7	18
2	FEBRUARI	6	15
3	MAC	10	23
4	APRIL	10	22
5	MEI	11	25
6	JUN	9	26
7	JULAI	11	20
8	OGOS	12	9
9	SEPTEMBER	8	18
10	OKTOBER	10	25
11	NOVEMBER	12	24
12	DISEMBER	10	23
JUMLAH		116	248
JUMLAH KESELURUHAN		364	

Contoh Pelan Pelan Perspektif bagi Permohonan Pelan Lanskap yang Diterima Melalui OSC



CONTOH PELAN PELAN PERSPEKTIF BAGI PERMOHONAN PELAN LANSKAP YANG DITERIMA MELALUI OSC

BAHAGIAN PERANCANGAN FIZIKAL


6.0 Jumlah Kakitangan

Jumlah kakitangan Bahagian Perancangan Fizikal adalah seramai 101 orang.

KATEGORI	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	19	1	20
Kumpulan Pelaksana	74	7	81
JUMLAH KAKITANGAN	93	8	101

6.1 Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan Bahagian Perancangan Fizikal

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BAKI PERBELANJAAN	PRESTASI
1	Mengurus	956,000	881,667.43	74,322.57	92%
2	Pembangunan				
2.1	Semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020	251,100	251,016.05	83.95	100%
2.2	Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020	3,200	3,200	0	100%
2.3	Pelaksanaan Dasar PSKL 2020	50,000	40,601.33	9,398.67	81%
2.4	Penyediaan Garis Panduan Kemudahan Masyarakat	2,500	2,500	0	100%
2.5	Penyediaan Plan Kawasan Tindakan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Tiong Nam	7,000	7,000	0	100%
2.6	Penyediaan Less Carbon City Subject Plan	1,200,000	998,243.08	201,756.92	83%
2.7	Kajian Pelan Induk Industri (Lantikan Perunding)	536,600	563,509.44	90.56	100%
2.8	KL Heritage Trail	1,050,000	1,022,133.75	27,866.25	97%
2.9	River Of Life-Management Budget	400,000	298,876.31	101,123.69	75%
3.0	Fi Perunding Untuk Master Plan dan Precinct 7 (Fasa 1)	6,000,000	4,318,320.60	1,681,679.40	72%
JUMLAH PEMBANGUNAN		9,527,400	7,505,400.56	2,021,999.44	79%
JUMLAH		10,483,400	8,387,077.99	2,096,322.01	80%



6.2 Kajian Semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020

Kajian Semakan PSKL2020 telah bermula pada penghujung 2017 bertujuan untuk menyelaraskan data, unjuran, strategi, dasar-dasar kerajaan terkini. Pada bulan Januari 2018 pihak jabatan telah membuat pelantikan perunding bagi menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan kajian tersebut.

Kajian Semakan PSKL2020 dijalankan dalam tempoh 10 bulan dan dijangka siap pada November 2018. Kajian ini mengandungi empat peringkat seperti berikut:-

- Peringkat 1 – Laporan Awal
- Peringkat 2 – Laporan Penemuan
- Peringkat 3 – Laporan Draf Semakan PSKL 2020
- Peringkat 4 – Laporan Akhir Draf PSKL 2020



LAPORAN AWAL: KAJIAN SEMAKANAN PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR

6.3 Pembangunan Semula Bandar

Berdasarkan Strategi Pembangunan dan Hala Tuju Strategik dalam Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020, DBKL perlu memainkan peranan untuk memulakan pelaksanaan penjaanaan semula kawasan lama sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Pelan Panduan Pembangunan (DGP) telah disediakan bagi kawasan Bukit Bintang – Imbi, Kawasan Chow Kit dan Kawasan Tiong Nam. Ketiga-tiga DGP telah dibentangkan kepada Pengarah Eksekutif (Perancangan) pada 19 Oktober 2017 dan telah dipersetujui untuk dijadikan asas untuk pembangunan dan penambahbaikan kawasan tersebut.



Kawasan Hijau Ain Arabia



Kawasan kediaman di Jalan Beremi



Aktiviti perniagaan di Jalan Alor dan Changkat Bukit Bintang



Pembentangan dan perbincangan

6.4 Pembangunan Kemudahan Masyarakat

Antara program utama yang dijalankan tahun ini adalah Bengkel Perancangan Kemudahan Komuniti Kuala Lumpur pada 30 Oktober 2017 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Seramai 79 (80%) peserta terdiri dari jabatan teknikal DBKL bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pihak yang berkepentingan telah hadir

pada program yang berlangsung selama sehari.

Bengkel ini bertujuan untuk berkongsi idea, pandangan dan buah fikiran dalam sesuatu isu perancangan kemudahan komuniti selaras dengan konsep *Planning with The People* yang menjadi wadah pembangunan metropolitan ini ke arah menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.



Perasmian oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan)



Sesi Soal Jawab



Aktiviti Pembentangan Kumpulan



Hasil atau output dari bengkel ini akan dijadikan asas kepada pihak jabatan untuk menjalankan tindakan lanjut termasuklah menjalankan kajian khas perancangan kemudahan masyarakat/komuniti dan Semakan PSKL2020.

Dasar Perbandaran Negara (DPN2). Jabatan selaku sekretariat telah dilantik untuk menyelaras 28 tindakan yang ditetapkan pada tahun 2017 untuk tindakan pengumpulan data dan pemantauan tahun 2018.

6.5 Perancangan Strategik

Perancangan Strategik telah menjemput wakil dari PLANMalaysia untuk memberikan taklimat pada 5 Disember 2017 kepada jabatan dalam DBKL mengenai Sistem Aplikasi Pemantauan

DPN2 ini bertujuan untuk memandu dan menyelaras perancangan perbandaran supaya lebih efisien dan sistematik, mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar dan menggalakkan integrasi dan perpaduan kaum di bandar.



Perbentangan taklimat oleh PLAN Malaysia kepada pegawai-pegawai DBKL

Hasil dari Sistem Aplikasi Pemantauan DPN2 adalah untuk melihat sejauhmana tindakan-tindakan yang digariskan dapat dilaksanakan oleh agensi yang dikenalpasti termasuklah DBKL pada tempoh yang telah ditetapkan.

6.6 Perancangan Infra dan Utiliti

Perancangan Infra dan Utiliti telah terlibat secara aktif dalam penyediaan Semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (Semakan PSKL2020) dan Pindaan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Pindaan PBRKL2020) khususnya dalam perancangan pengangkutan seperti pengangkutan awam, lebuh raya, jalan raya, laluan basikal dan pejalan kaki di Kuala Lumpur.



i. Perancangan Pengangkutan Awam (MRT2, MRT3 dan High Speed Rail (HSR)).

Menghadiri perbincangan/mesyuarat dan menyelaraskan ulasan/maklum balas berkaitan perancangan pengangkutan awam bersama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Prasarana, Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kerja Raya (KKR), MRT Corp dan lain-lain agensi yang berkaitan serta jabatan teknikal dalaman DBKL.

Rajah 1.1 : Peta menunjukkan Cadangan Pengangkutan Awam di Kuala Lumpur



ii. Cadangan Lebuh Raya/Jalan Raya di Kuala Lumpur (DUKE3 (SPE), DUKE 2A, SUKE, DASH, dan KL-NODE).

Menghadiri perbincangan/mesyuarat dan menyelaraskan ulasan/maklum balas berkaitan perancangan lebuh raya dan jalan raya bersama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan pihak konsesi lebuhraya serta jabatan teknikal dalaman DBKL.

Rajah 1.2 : Peta Jaringan Lebuhraya dan Jalan Raya 2017 Kuala Lumpur



Gambar menunjukkan lawatan tapak projek Lebuhraya DUKE 2

iii. **Pengambilan Tanah bagi Projek DBKL dan Kerajaan Persekutuan (MRT2, Lebuh Raya, Jalan Raya, Pasar Awam dan Tembatan Banjir).**

Mewakili DBKL menghadiri sesi perbincangan pampasan pengambilan tanah dan memberi input perancangan bagi lot tanah dan sekitar yang terlibat kepada JKPTG dan JPPH Wilayah Persekutuan bagi membantu untuk mendapat nilai pampasan yang munasabah.

6.7 Pengumpulan Dan Pengkalan Data Perancangan (UPPD)

- Menjalankan kajian lapangan dan mengumpul data-data primer dan skunder.
- Membangunkan pengkalan data perancangan dan pembangunan melalui data skunder dan kajian lapangan.
- Mengemaskini maklumat OSC berskala besar (Kelulusan Perintah Pembangunan)
- Menyelia dan mengurus Pusat Sumber Jabatan.

Kajian-kajian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah :

1. Gunatanah Semasa 2016 (Industri)
2. Gunatanah Semasa 2016 (Perdagangan)

3. Kajian Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) 2017
 - Zon Wangsa Maju = Maluri (WMM)
 - Zon Bandar Tun Razak – Sg. Besi (BTRS)
 - Zon Bukit Jalil – Seputeh (BJS)
4. Kajian Maklumat Pemilik Projek '*NKEA Greater KL/Klan Valley*' 2017
5. FGD Industri Kawasan Cheras Baru
6. Cerapan Gelandangan Di Pusat Bandar Kuala Lumpur 2017
7. Pengurusan Pusat Sumber Jabatan
8. Kajian Gunatanah Semasa 2018 (KPI)
 - Kediaman
 - Perdagangan
 - Kwsn Lapang/Rereasi/Tanah Kosong
 - Industri/Institusi
 - Utiliti/Hutan
 - Kemudahan Masyarakat/Perkuburan
9. Kajian Status Pembangunan
 - Status Pembangunan 2012
 - Status Pembangunan 2013
 - Status Pembangunan 2014
 - Status Pembangunan 2015
 - Status Pembangunan 2016
 - Status Pembangunan 2017
10. Cerapan Gelandangan 2017
11. Kajian Kekosongan Ruang Pejabat
12. Kajian Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
 - Zon Damansara – Penchala (DP)
 - Zon Pusat Bandar (PB)



Kajian Lapangan UPPD

6.8 Greater Kuala Lumpur / Klang Valley Projek River Of Life

- Projek **River of Life** atau dikenali sebagai Sungai Nadi Kehidupan adalah projek di bawah **NKEA, Greater Kuala Lumpur / Klang Valley** di bawah EPP 5 : Memelihara Sungai Klang untuk dijadikan pusat warisan dan komersial bagi Greater KL/KV.
- **River of Life** merupakan salah satu **Entry Point Projects (EPP)** yang terpilih untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar negara menjelang 2020.
- Projek **River of Life (ROL)** terdiri daripada 3 komponen iaitu :
 - i. Pembersihan Sungai**
Pembersihan Sungai melibatkan kawasan sepanjang 110km bermula dari kawasan Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (**upstream**) hingga Angkasapuri (**downstream**).
 - ii. Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah** sepanjang sungai.
Projek Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah pula melibatkan kawasan sepanjang 10.7km Sungai Gombak dan Sungai Kelang bermula dari Gombak hingga ke Brickfields.
- Pembinaan untuk projek Fasa 1, Precinct 7 telah bermula pada April 2014 dan siap pada Disember 2017, manakala bagi Projek Fasa 2, jangkaan siap adalah pada Jun 2019.

RIVER OF LIFE MASTER PLAN



ZONE 1 NORTHERN GREENS

'CONNECTING COMMUNITIES
THROUGH BEAUTIFUL, OPEN SPACES'

ZONE 2 TRANSIT HUB

'THE GATEWAY TO THE CITY CENTRE'

ZONE 3 THE DELTA





'WHERE CULTURE, NATURE,
AND COMMERCE MEET'

ZONE 4 HERITAGE QUARTER

'THE HISTORICAL CORE
OF KUALA LUMPUR'

ZONE 5 SOUTH BANKS

'THE CONTEMPORARY CENTRE
OF KUALA LUMPUR'



River Of Life Phase 1 - Precinct 7 & Kolam Biru



KOLAM BIRU PROJECT



River Of Life Phase 2



ANTARA PROGRAM DI BAWAH RIVER OF LIFE TAHUN 2017

FEBRUARI 2017

21 FEBRUARI 2017

LAWATAN PERDANA MENTERI KE TAPAK PROJEK ROL PRECINCT 7, FASA 1.

Tapak Projek *River of Life* - Precinct 7



JULAI 2017

18 JULAI 2017

SESI RUNDINGAN AWAM BERSAMA PEMILIK PREMIS KAWASAN MASJID INDIA

Dewan Megapuri Tingkat 30 Menara DBKL 1



OGOS 2017

28 OGOS 2017

MAJLIS PERASMIAN PROJEK RIVER OF LIFE (ROL) FASA 1 PRECINT 7, PENGINDAHAN SUNGAI DAN PROJEK KOLAM BIRU OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA PADA 28 OGOS 2017

Kolam Biru & Tapak Projek River of Life - Precinct 7



OKTOBER 2017

10 OKTOBER 2017

SESI PERJUMPAAN BERSAMA PEMILIK-PEMILIK PREMIS RUMAH KEDAI YANG TERLETAK SEJAJAR DENGAN SUNGAI GOMBAK/SUNGAI KELANG BERHAMPIRAN MEDAN PASAR

PEMILIK LOT NO. 2,3,4,5,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18 DAN 19

Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut



NOVEMBER 2017

2 NOVEMBER 2017

LAWATAN RASMI PUTERA CHARLES DAN DUSHESS CORNWALL,CAMILLA KE PROGRAM SUSTAINABLE URBANISATION

Hotel Majestic,Kuala Lumpur





JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR

1.0 FUNGSI JABATAN

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jabatan ini mempunyai 4 bahagian utama seperti berikut:

- A) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- B) Bahagian Kawalan Pembangunan
 - Unit Penyelarasan Infrastruktur Projek
 - Unit Kawalan Pembangunan
 - Unit Perancangan Saliran dan Perparitan
 - Unit Permit Angkut Bahan
- C) Bahagian Perancangan Pembangunan
 - Unit Perancangan Jalan dan Impak Trafik
 - Unit Tempat Letak Kereta
 - Unit Alamat dan dan Pengisytiharan Jalan
- D) Bahagian Geomatik
 - Unit Pembangunan Tanah
 - Unit Pengukuran Utara
 - Unit Pengukuran Selatan
 - Unit Pengesanan Utiliti

Fungsi utama Jabatan ini adalah:

- i) Merancang keperluan serahan jalan dan menaiktaraf jalan sediaada berdasarkan kajian Impak Trafik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii) Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii) Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, sistem pengurusan air hujan (**MSMA**) dan pengeluaran sokongan **G17** (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran **CCC**.
- iv) Memproses permohonan permit angkut bahan.
- v) Menjalankan kerja pengukuran kejuruteraan, pengambilan tanah, permohonan tanah, utiliti dan geospatial serta membantu pasukan

bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.

- vi) Berperanan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, mengisytiharkan jalan persendirian kepada jalan awam, menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalan raya, menyimpan rekod pelan piawai dan menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk Nama Jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 PERJAWATAN 2017

BIL.	BAHAGIAN	BILANGAN
1.	Pengurusan & Profesional	22
2.	Sokongan I	84
3.	Sokongan II (Kumpulan D dan IMG)	52
JUMLAH		158

Bilangan Perjawatan Tahun 2017

3.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN

3.1 Peruntukan Bajet Mengurus

Peruntukan 2017	: RM8,149,400.00
Peruntukan Sebenar	: RM9,763,700.00
Perbelanjaan	: RM9,535,486.00

3.2 Peruntukan Bajet Pembangunan

Peruntukan 2017	: RM1,500,000.00
Peruntukan Sebenar	: RM1,465,000.00
Perbelanjaan	: RM1,384,915.00

4.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan dan Pematuhan bagi Borang G17, 17-19 Oktober 2017, Holiday Inn, Melaka



Hari Integriti Jabatan Perancangan Infrastruktur 2017, 25 Oktober 2017, Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1



Focus Group Discussions, Kuala Lumpur Pedestrian and Bicycle Master Plan 2019-2028, 4 Disember 2017, Hotel Grand Seasons




Sesi Pendengaran Awam berkaitan Draf Garis Panduan Jabatan Perancangan Infrastruktur, 18 Disember 2017, Bilik Gerakan, Tingkat 3, Menara DBKL 1



5.0 PENCAPAIAN JABATAN

Tempat Pertama Pertandingan Sudut Integriti, 11 Disember 2017, Auditorium DBKL





6.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian ini bertindak sebagai penyelarasa antara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal dasar atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab seluruhnya ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

7.0 BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan dan permit angkut bahan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, OSC (Kediaman Kecil), Sistem Pengurusan Air Hujan dan Sirkulasi Dalaman.

7.1 Unit Kawalan Pembangunan

Unit Kawalan Pembangunan berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembetung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

7.1.1 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 650 permohonan telah diproses melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan OSC KK (Kediaman Kecil).

7.1.2 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak 61 pengeluaran surat Sokongan G17 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2017.

JENIS PERMOHONAN	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
PELAN KERJA TANAH	29	30	22	21	31	13	20	42	25	41	274
PELAN JALAN DAN PERPARITAN	21	23	21	31	28	6	14	32	24	35	235
OSK (KK)	34	11	7	26	37	-	-	2	12	12	141
SOKONGAN G17	12	8	5	5	6	2	5	6	5	7	61
JUMLAH KESELURUHAN	96	72	55	83	102	21	39	82	66	95	711

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Surat Sokongan G17

7.1.3 Aktiviti Bahagian Kawalan Pembangunan Swasta

Penambahbaikan Garis Panduan Jabatan dan kaedah *"Risk Based Inspection"* bagi peringkat pengeluaran surat pengesahan Borang G17.



Bengkel "Risk Based Inspection" bagi Focus Group Dealing with Construction Permit pada 23-24 Mei 2017



7.2 Unit Perancangan Saliran dan Perparitan

Unit Perancangan Saliran dan Perparitan bertanggungjawab memproses dan menyemak pelan Perintah Pembangunan melibatkan keperluan serahan parit induk, keperluan sistem pengurusan air hujan dan keperluan kolam tadahan pada peringkat permohonan Perintah Pembangunan.

7.2.1 Ulasan Perancangan Parit induk/ MSMA

Sebanyak 2120 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2017.

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Serahan Rezab Parit (Baru)	56	35	40	35	23	47	12	22	34	41	345
Serahan Rezab Parit (Berulang)	151	112	213	177	165	131	217	155	168	146	1635
Serahan Rezab Parit (KK)	21	9	12	27	35	0	0	4	13	19	140
JUMLAH KESELURUHAN	228	156	265	239	223	178	229	181	215	206	2120

Statistik Unit Perancangan Saliran dan Perparitan

7.2.2 Pelan Induk (Masterplan) bagi sistem saliran bagi DBKL

Menguruskan serta memantau perunding yang telah dilantik bagi projek penyediaan pelan induk (*Masterplan*) bagi sistem saliran bagi DBKL dari segi mesyuarat kemajuan kerja dan laporan serta maklumat yang diperlukan.



Paparan Sistem Pelan Induk (SMAIS)

Unit MSMA berperanan memproses permohonan Pelan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPAH) merangkumi semakan teknikal bagi memastikan pelan dan laporan kiraan selaras dengan kehendak Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Garis Panduan jabatan.

Unit ini juga berperanan mengadakan pemeriksaan akhir bagi memastikan perakuan kelulusan dibina selaras dengan kelulusan di tapak pembangunan sebelum pengeluaran sokongan G17 dikeluarkan.

7.2.3 Permohonan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPAH)

Sebanyak 1350 permohonan bagi Pelan Sistem Pengurusan Air Hujan telah diterima sepanjang tahun 2017 dan sebanyak 1120 Perakuan SPAH telah dikeluarkan.

7.2.4 Pemeriksaan Tapak SPAH

Sebanyak 83 lawatan tapak bagi pemeriksaan SPAH telah dijalankan dan sebanyak 83 sokongan bagi SPAH telah dikeluarkan.

7.3 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak Jurutera Perunding Projek Pembangunan dan pengusaha lori.

7.3.1 Permohonan permit

Sebanyak 6956 permohonan telah diterima dan telah diluluskan sepanjang tahun 2017 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah, lori konkrit, lori bahan binaan dan lori sisa binaan.

	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
PERMIT LORI	509	380	759	862	560	576	536	355	378	714	678	649	6956

Statistik Permohonan Permit Angkut Bahan

8.0 BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Bahagian Perancangan Pembangunan adalah terlibat dengan perancangan serahan jalan, kajian impak trafik, Tempat Letak Kereta dan pemberian Alamat dan Pengisytiharan Jalan pada peringkat awalan permohonan Perintah Pembangunan.

8.1 Unit Perancangan Jalan dan Impak Trafik

Bertanggungjawab memproses permohonan yang berkaitan dengan serahan tanah bagi tujuan rizab jalan dan kajian impak trafik di peringkat kebenaran merancang. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pengesahan pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

8.1.1 Ulasan Perancangan Jalan

Sebanyak 1440 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2017.

8.1.2 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

Sebanyak 287 pelan pra-hitungan telah diproses dan dimuktamadkan sepanjang tahun 2017.

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Serahan Tanah Bagi Tujuan Rezab Jalan	162	113	111	77	128	54	127	130	94	157	1153
Pengesahan Pelan Pra-Hitungan	37	21	18	47	25	10	36	36	7	50	287
JUMLAH KESELURUHAN	199	134	129	124	153	64	163	166	101	207	1440

Statistik Unit Perancangan Jalan dan Impak Trafik

8.1.3 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur jajaran rangkaian jalan sedia ada dan jalan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

8.1.4 Pelan Perancangan Jalan

Mengemaskini Pelan Perancangan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada dengan menggunakan perisian AutoCAD.

8.1.5 Sistem Perancangan Infrastruktur Jalan

Merancang untuk membangunkan Sistem Perancangan Infrastruktur Jalan yang menggunakan kaedah integrasi perisian **AutoCAD** dan **GIS** (*Geographical Information System*).

8.1.6 Kajian Impak Trafik

Memproses laporan Kajian Impak Trafik bagi pemajuan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 71 Laporan Kajian Impak Trafik telah diterima dan disemak bagi ulasan di peringkat permohonan Perintah Pembangunan.

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
KAJIAN IMPAK TRAFIK	10	10	7	6	4	1	3	11	3	16	71

Statistik Laporan Kajian Impak Trafik

8.2 Unit Alamat dan dan Pengisytiharan Jalan

Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan berfungsi sebagai unit yang memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan alamat, penamaan jalan dan pengisytiharan jalan.

8.2.1 Pemberian Alamat

Memproses dan meluluskan permohonan nombor bangunan untuk tujuan pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 31.

Pada 2017, sebanyak 148 permohonan telah diterima meliputi permohonan bagi pembangunan Kondominium, Pangsapuri, Rumah pangsa, Banglo, Rumah Teres, Rumah Kedai/ Pejabat, Hotel, Sekolah dan Dewan.

BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	JUMLAH
Bil. Permohonan	17	9	14	12	16	6	11	16	14	17	12	4	148

Statistik Pemberian Alamat

8.2.2 Pemberian Nama Jalan

Pemberian nama jalan yang baru disiapkan oleh pemaju dan nama-nama jalan lama yang kurang sesuai untuk dikekalkan melalui satu Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTNGWPKL) dan diangkat untuk pengesyoran dan kelulusan ke mesyuarat Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan dibawah Seksyen 29.

Pada tahun 2017, sebanyak 20 batang jalan baru telah dinamakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kementerian Wilayah Persekutuan.

7.2.3 Pengisytiharan Jalan

Mengisytiharkan jalan-jalan persendirian kepada jalan awam selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 13.

Pada tahun 2017, sebanyak 159 jalan yang dibina oleh pihak pemaju telah diisytiharkan kepada jalan awam.

8.3 Unit Tempat Letak Kereta

Berperanan dalam memproses dan memperakukan pelan-pelan berkaitan Tempat Letak Kereta, Perhentian Bas/ Teksi, Pelan Jejantas Pejalan Kaki dan Pejalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina di bawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN
1	Pelan Tempat Letak Kereta (Ulasan)	1265	1242
2	Perakuan dan Pematuhan TLK	269	232
3	Ulasan Pengesyoran Jejantas/ Laluan Berbumbung	7	7
4	Pengesyoran Perakuan dan Pematuhan TLK	95	86
JUMLAH KESELURUHAN		1636	1636

Statistik Permohonan dan Perakuan Unit Tempat Letak Kereta

9.0 BAHAGIAN GEOMATIK

Terdiri daripada 4 unit utama seperti berikut:

- a) Unit Pembangunan Tanah
- b) Unit Pengukuran Utara
- c) Unit Pengukuran Selatan
- d) Unit Pengesanan Utiliti

9.1 Fungsi Bahagian Geomatik

9.1.1 Unit Pembangunan Tanah

- 1) Penyemakan Status Tanah
Membuat Semakan di PTG WPKL mengenai Status Tanah bagi lot-lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan juga semakan status tanah di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari Jabatan-jabatan lain di DBKL.
- 2) Permohonan Hakmilik dan Sijil Carian Rasmi
Membuat permohonan di PTG WPKL untuk mendapatkan Salinan Hakmilik atau Carian Rasmi untuk tanah atau lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan akan diambilmilik.
- 3) Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah
 - a) Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut format pelan pengambilan tanah yang ditetapkan.
 - b) Pelan dihantar untuk semakan dan ulasan ke JKPTG WPKL.
 - c) Membuat pembedaan dan editing jika terdapat kesilapan atau maklumat yang tertinggal.
 - d) Menyediakan 52 salinan set pelan untuk disahkan oleh Ketua Unit dan Pengarah Jabatan, yang mana 33 set pelan akan dihantar ke Kementerian Wilayah Persekutuan untuk permohonan pewartaan.
- 4) Penyediaan Urusan Pampasan
 - a) Menyediakan Surat dan Urusan penyediaan Baucer kepada Jabatan Kewangan bagi tujuan bayaran pampasan kepada yang terlibat dengan Pengambilan Tanah.
 - b) Urusan penyerahan Cek-cek bayaran pampasan atau bukti bayaran EFT yang telah disiapkan oleh Jabatan Kewangan kepada JKPTG WPKL untuk di serahkan kepada penerima pampasan.
- 5) Penyemakan Pelan Pengambilan Tanah dari Jurukur Berlesen
- 6) Menyemak Kodinit-kodinit, keluasan, numbering dan format Pelan Pengambilan Tanah yang dibuat oleh Jurukur Berlesen.
- 7) Siasatan Dan Perbicaraan Pengambilan Tanah
 - a) Menghadiri perbicaraan pengambilan tanah yang ditentukan tarikhnya oleh Pentadbir Tanah
 - b) Menghadiri mesyuarat melibatkan kes-kes bantahan ke mahkamah di Pejabat Peguam Negara
- 8) Rekod Pengambilan Tanah
 - a) Mengemaskini segala rekod-rekod dan kemajuan Kerja Pengambilan Tanah
 - b) Mengemaskini Fail-fail Pengambilan Tanah dan lain-lain fail yang berkaitan kerja di Unit Pembangunan Tanah
- 9) Laporan Bulanan Pengambilan Tanah
 - a) Mengemaskini kemajuan kerja-kerja Pengambilan Tanah untuk dimasukkan dalam laporan bulanan dan dalam laporan status terkini.

- b) Menyediakan laporan kemajuan status pengambilan tanah pada setiap hujung bulan untuk dihantar kepada Pengarah serta Timbalan-timbalan Pengarah JPIF, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- 10) Rekod Pelan Pengambilan Tanah, Pelan Pra Hitungan, Pelan Butiran dan Pelan Ukur Sempadan
- 11) Menyimpan Rekod dan Data-data Pelan Pengambilan Tanah dalam bentuk CD dan *External Hard Disk*
- 12) Pelan Wilayah Menunjukkan Pengambilan Tanah
- 13) Menandakan (*charting*) Lot/ Kawasan yang telah diambilmilik di dalam Pelan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 14) Penyediaan Pelan Butiran
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut *Standard Format Bahagian Geomatik*.
- 15) Penyediaan Pelan Pra Hitungan
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut format pelan pra hitungan yang ditetapkan.
- 16) Penyediaan Pelan Ukur Sempadan
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.
- 17) Komputer
Menyelia komputer dan melaporkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat sekiranya terdapat kerosakan dan sebagainya.

9.1.2 Unit Pengesanan Utiliti

Penyediaan Peta Utiliti - Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- 1) Kerja-kerja Ukur Pelan Utiliti.
 - a) Trabas
 - b) Mengambil butiran
 - c) Ukur Aras (*Auto level & Digital Level*)
 - d) Mengesan/ Mengimbas Utiliti *Ground Penetrating Radar & Electromagnetic Locator*.
- 2) Kerja Ukur Kejuruteraan
Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan Setting-out di tapak.
- 3) Penyemakan Pelan dari Jurukur Berlesen
Penyemakan pelan Jurukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.
- 4) Inventori
Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.
- 5) Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam
Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja di tapak.
- 6) Memantau Kerja Ukur Pengesanan Utiliti
 - a) Berurusan dengan Agensi-agensi berkaitan seperti (TM, TNB, GAS, IWK, PUAS, MAXIS dll.) dan jabatan-jabatan lain di DBKL untuk mendapat/ mengumpul maklumat berkaitan Utiliti.
 - b) Menyediakan Dokumen Tawaran bagi perlantikan perunding.

- c) Menyemak dan analisa pelan yang disediakan oleh kakitangan dan juga Perunding.
- d) Membuat pengesahan dan menandatangani data-data yang telah dikemaskini.
- e) Mengawalselia dan memastikan penyimpanan pelan-pelan Utiliti teratur serta memantau pengkalan data (*data base*) utiliti sentiasa dikemaskini.
- f) Mengawalselia dan menyemak data attribute yang ditawan (*capture*) oleh Penolong Jurukur telah dikemaskini dan dimasukkan ke dalam Pengkalan Data Utiliti.
- g) Menghadiri lawatan tapak dan mesyuarat.
- h) Bertanggungjawab ke atas harta kerajaan yang digunakan oleh Unit Pengesanan Utiliti
- i) Pemantauan dan semakan kerja-kerja terdahulu dan kerja-kerja pengukuran firma Juruukur Berlesen.
- j) Memastikan peralatan yang diperuntukkan dalam keadaan yang berfungsi dan selamat digunakan.

9.1.3 Unit Pengukuran Utara

- 1) Kerja Ukur di Lapangan
Menjalankan kerja-kerja ukur bagi penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan Setting-out di tapak.
- 2) Penyemakan Pelan dari Jurukur Berlesen
Penyemakan pelan Jurukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.
- 3) Inventori
Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.
- 4) Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam
Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja ditapak.
- 5) Kerja-Kerja Pemantauan Tanah Runtuh
Menjalankan kerja-kerja kecemasan dan pemantauan tanah runtuh, tembok runtuh dengan membuat *Monitoring Survey*.
- 6) Penyediaan Pelan Butiran
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.
- 7) Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah
 - a) Menguruskan kerja-kerja pengambilan tanah untuk projek DBKL dan kelulusan pengambilan tanah oleh OSC untuk pembangunan bukan Kerajaan
 - b) Wakil tetap DBKL ke perbincaraan pengambilan tanah
 - c) Pembayaran pampasan kepada tuan tanah yang diambil milik melalui Akta Pengambilan Tanah 1960
- 8) Penandaan Sempadan Pengambilan Tanah (R.O.W)
Menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan di tapak ke atas lot-lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan juga di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL.

9.1.4 Unit Pengukuran Selatan

(Skop Kerja yang sama dengan Unit Pengukuran Utara tetapi zon kawasan yang berbeza)

Statistik yang hanya dikeluarkan pelan akhir adalah:

BIL	JENIS PELAN	JUMLAH
1.	Kejuruteraan	95
2.	Utiliti	21
3.	Pra-Hitungan	25
4.	Pengambilan Tanah	5
JUMLAH KESELURUHAN		146

Statistik Kerja Ukur dan Penghasilan Pelan

Aktiviti Bahagian Geomatik



Kerja pengukuran yang dilaksanakan di lapangan oleh kakitangan Bahagian Geomatik



JABATAN KAWALAN BANGUNAN

1.0 LATAR BELAKANG

Nama Jabatan ini iaitu Jabatan Kawalan dan Pengawasan Bangunan ditukar kepada Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) berkuatkuasa pada 17 November 2016 selarasnya dengan penstrukturan semula jabatan-jabatan di DBKL. Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai 155 orang.

2.0 FUNGSI UTAMA

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

Dalam usaha memastikan kekukuhan dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jabatan menguatkuasakan keperluan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan mengeluarkan notis kepada pemilik bangunan-bangunan yang berketinggian melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan. Jabatan juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program mengecat dan memantau bangunan usang, kotor dan terbiar dalam usaha memastikan bangunan-bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan bersih dan cantik.

3.0 LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN
Bajet Mengurus	11,394,700	10,355,487	90.9%
Bajet Pembangunan	1,660,000	1,658,631	99.9%

4.0 PROGRAM JABATAN DAN AKTIVITI

4.1 Kelulusan dan Pemantauan Pembinaan

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan.

Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Selain daripada itu, itu tindakan penguatkuasaan turut diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil dengan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang berkaitan dengan bangunan.

4.1.1 Statistik Permohonan Kelulusan Pelan / CFO / CCC

TEMPOH PERMOHONAN	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN	PERMOHONAN DALAM PROSES	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITOLAK
1 Januari hingga 31 Disember 2017	Permohonan Serentak (A07/A10/A12)	531	235	256	40
	Pelan Bangunan (B1)	2,206	1,586	548	72
	CFO	7	7	-	-
	CCC	1,127	1,127	-	-

4.1.2 Pemantauan Tapak Bina

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan.

4.2 Laporan Pemantauan dan Maklum Balas Aduan Awam.

Jabatan telah mengambil pendekatan dan kaedah yang lebih efisien dengan mengadakan mesyuarat mingguan dalam usaha pemantauan terhadap aduan awam yang diterima melalui i-SPAAA. Pemantauan aduan dilaksanakan oleh Unit Aduan Jabatan.

Hasil pelaksanaannya semua aduan yang diterima dapat diambil tindakan dan diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

4.2.1 Statistik Aduan Yang Diterima

BULAN	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA	DALAM PROSES/ TINDAKAN	DIJAWAB/ SELESAI	JUMLAH (%)
Januari	81	-	81	100%
Februari	74	-	74	100%
Mac	76	-	76	100%
April	75	-	75	100%
Mei	92	-	92	100%
Jun	35	-	35	100%
Julai	49	-	49	100%
Ogos	53	-	53	100%
September	38	-	38	100%
Oktober	68	-	68	100%
November	75	-	75	100%
Disember	66	-	66	100%
JUMLAH KESELURUHAN	782	-	782	100%

4.3 Laporan Pemeriksaan Berkala - Penguatkuasaan Notis Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Jabatan meneruskan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan sedia ada yang berketinggian melebihi 5 tingkat supaya sentiasa berada dalam keadaan kukuh dan selamat selaras mengikut Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Tindakan diambil mengikut prosedur yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bangunan sedia ada yang terlibat.
- ii. Mengeluarkan notis kepada pemilik bangunan yang dikenal pasti.
- iii. Menganalisa Laporan Visual yang dikemukakan oleh jurutera dilantik dan mengesyorkan jenis tindakan.
- iv. Mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan yang tidak mematuhi notis yang telah dikeluarkan.

4.3.1 Status Pemeriksaan Berkala

BIL.	STATUS FAIL DAN TINDAKAN	JUMLAH FAIL
1.	Surat Pemberitahuan	156
2.	Notis	142
3.	Surat Peringatan	
4.	Surat Penangguhan	41
5.	Borang	
6.	Laporan	124
7.	Lawatan Tapak	124
8.	Surat Makluman	124
9.	Sijil Berkala	42
10.	Carian Hakmilik	190
11.	Fail Tutup	4

4.4 Laporan Program Mengecat dan Kecantikan Bandar

Jabatan terlibat secara langsung dalam program kecantikan bandar di samping menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik bangunan-bangunan lama, usang dan terbiar di sekitar pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Sebanyak 20 panel kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja mengecat untuk tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik yang tidak mematuhi arahan notis yang dikeluarkan. Di antara aktiviti dan program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

4.4.1 Mengecat Bangunan

Senarai bangunan yang terlibat dengan kerja mengecat sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

- i. Blok C7 Kuarters DBKL Seksyen 10 Wangsa Maju
- ii. Blok C8 Kuarters DBKL Seksyen 10 Wangsa Maju
- iii. Blok A1 Kuarters DBKL Seksyen 1 Wangsa Maju
- iv. Blok A Kuarters DBKL Pantai Permai Pantai Dalam
- v. Blok B Kuarters DBKL Pantai Permai Pantai Dalam
- vi. Pusat Komuniti Bukit Bandaraya Bangsar
- vii. Pusat Komuniti Lembah Pantai Pantai Dalam

- viii. Pusat Penjaja Jalan Duta
- ix. Pusat Penjaja Danau Kota
- x. Kompleks Beliawanis Ummu Salamah Cheras
- xi. Bangunan MABA
- xii. Bangunan Karpel Raja Jalan Tuanku Abdul Rahman

4.5 Aktiviti dan Program Jabatan

4.5.1 Majlis Mendengar Pandangan Awam Bagi Pelancaran Garis Panduan Dan Kertas Dasar 2017

Majlis ini telah diadakan pada 17 Oktober, 2017 di Perpustakaan Kuala Lumpur.

Sesi mendengar pandangan awam ini diadakan untuk memberi peluang kepada orang awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan pandangan dan mendapatkan maklum balas terhadap garis panduan yang dicadangkan sebelum dikuatkuasakan.

4.5.2 Majlis Pelancaran bagi Garis Panduan Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Garis Panduan Pengemukaan Pelan Bangunan bagi Cadangan Pengubahsuaian Dalaman Serta Membina Sekatan Dalaman di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kertas Dasar bagi Syarat Permohonan Kelulusan Sijil Tanah Untuk Dipatuhi (PKSTUP) di dalam Proses Pengeluaran Kebenaran Mendirikan Bangunan.

Majlis ini diadakan pada 22 November, 2017 di Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk hebahan penggunaan garis panduan yang baharu ini kepada orang awam, agensi dalaman dan luaran serta badan-badan profesional di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



4.5.3 Sesi Pandangan Awam Program Pemutihan Rumah Teres Teres Di Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sesi ini telah diadakan pada 18 Disember 2017 bertempat di Auditorium DBKL, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut.

Ianya diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan pandangan dan mendapatkan maklum balas terhadap program pemutihan yang dicadangkan sebelum dikuatkuasakan.

Program Mengecat dan Mencantikkan Bangunan di Sekitar Bandaraya Kuala Lumpur

PUSAT PENJAJA SELERA DUTA JALAN DUTA



Sebelum

Selepas

KUARTERS DBKL BLOK A PANTAI PERMAI, PANTAI DALAM



Sebelum

Selepas

KUARTERS DBKL BLOK B PANTAI PERMAI, PANTAI DALAM



Sebelum

Selepas

KOMPLEKS BELIAWANIS UMMUL SALAMAH



Sebelum

Selepas

KUARTERS DBKL BLOK B PANTAI PERMAI, PANTAI DALAM



Selepas



JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

1.0 PROFAIL JABATAN

1.1 Pengenalan Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana. Selain itu, JPEP memainkan peranan sebagai penyelaras projek-projek penswastaan.

Selaras dengan kemajuan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam memenuhi keperluan masyarakat dan menambahbaik kemudahan awam. DBKL melaksanakan projek pembangunan yang meliputi projek-projek jalan dan jambatan, pembangunan sosial, rekreasi dan kemudahan awam, pasar dan pusat penjaja, baik pulih sungai, pengindahan sungai dan sistem perparitan induk. Justeru, JPEP dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi atau disediakan mengikut jadual.

1.2 Fungsi Jabatan

- i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan;
- ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan penswastaan;
- iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
- iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
- v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

1.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

- i. Pengurusan Setor Alatulis
- ii. Mengurus dan menyelaras permohonan serta pembahagian pakaian seragam kakitangan
- iii. Mengurus dan menerima surat-menyurat Jabatan.
- iv. Mengurus tempahan bilik Mesyuarat dan Makanan
- v. Mengurus penyelenggaraan kenderaan pejabat
- vi. Penyediaan Laporan Tahunan Jabatan
- vii. Mengurus dan Menyelaras Kad Perakam e-Akses dan Urusan Cuti Kakitangan.
- viii. Pengurusan Elaun-Elaun
- x. Pengendalian Kes Tatatertib
- xi. Penyelarasan Penilaian Prestasi
- xii. Mengurus Peruntukan Kewangan dan Permohonan Belanjawan dan Belanjawan Tambahan
- xiii. Menguruskan Panjar Wang Runcit
- xiv. Pengurusan dan Pelupusan Aset

1.2.2 Bahagian Pembangunan

- i. Merancang, memantau, menyelaras, menyedia dan mengagih sumber kewangan projek-projek pembangunan;
- ii. Menyelaras pembangunan infrastruktur dan bekalan Projek Kecil;
- iii. Menguruskan isu-isu berkaitan struktur dan kependudukan setinggan;
- iv. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera
- v. Menyelaras permohonan penyelenggaraan daripada perumahan swasta kos rendah dan kos sederhana rendah melalui Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W)

1.2.3 Bahagian Penswastaan

- i. Menyelaras perolehan dan pelaksanaan projek-projek penswastaan;
- ii. Medium pengantara wargakota bagi urusan-urusan permohonan unit-unit Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP);
- iii. Memproses permohonan pindah milik bagi unit kediaman/komersil yang belum memiliki status strata
- iv. Mengurus, menyelaras dan menyelenggara tempat letak kereta
- v. DBKL di bahu jalan (bermeter), tempat letak kereta terkawal dan tempat letak kereta di dalam bangunan;
- vi. Menyelaras dan memproses permohonan dan pelaksanaan struktur-stuktur telekomunikasi di Kuala Lumpur

1.3 Piagam Pelanggan Jabatan

- i. Mendapatkan keputusan pengurusan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi projek – projek pembangunan yang memerlukan hala tuju pelaksanaan projek;
- ii. Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek Bantuan Langsung kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) setiap bulan;
- iii. Memastikan permohonan pelepasan Unit Kuota Bumiputera diberi maklumbalas dalam tempoh 2 bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- iv. Memberi maklumbalas terhadap permohonan pembelian tanah, pajakan tanah projek usahasama dan permohonan tempat letak kereta dalam tempoh 7 hari bekerja selepas diputuskan dalam mesyuaratdiperingkat pengurusan;
- v. Menandatangani pelan – pelan Cadangan Pembangunan untuk tujuan kebenaran perancangan bagi projek – projek penswastaan DBKL dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pelan lengkap diterima;
- vi. Mengemukakan laporan hasil semakan permohonan RUMAWIP kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh akhir penerimaan dokumen sokongan

2.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaras projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh DBKL.

Terdapat lima (5) unit yang terletak di bawah bahagian ini iaitu:

- i. Unit Pengurusan Bajet;
- ii. Unit Penyelarasan Projek-Projek DBKL, Projek Kerajaan dan Projek Khas Kerajaan;
- iii. Unit Penyelarasan Projek-Projek Kecil
- iv. Unit Kuota Bumiputera

- v. Unit Pengurusan Setingan
- vi. Unit Penyelarasan Tabung TP1W

2.1 Unit Pengurusan Bajet

Pada tahun 2017, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM 1,090,700,00** dan pindaan peruntukan sebanyak **RM 411,280,300** telah disalurkan bagi pembiayaan projek sedia ada dan 61 projek siap – akaun akhir. Prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan adalah seperti di Jadual 2.1.1.

SUMBER PEMBIAYAAN	KESELURUHAN				
	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)
DBKL	353	694,760,000	1,181,227,200	1,171,191,487.11	99.2
RMKe-11	20	205,950,000	139,423,200	138,571,208.63	99.4
NKRA	5	2,100,000	5,093,900	5,031,859.17	98.8
GREATER KL	26	176,000,000	166,814,000	165,927,619.67	99.5
PETRONAS	1	3,000,000	2,800,000	2,533,997.61	90.5
LAIN-LAIN	8	8,890,000	6,622,000	6,009,749.22	90.8
JUMLAH	413	1,090,700,000	1,501,980,300	1,489,265,921.41	99.2

Jadual 2.1.1 : Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2017

JABATAN PELAKSANA	BIL. PROJEK	PINDAAN PERUNTUKAN 2017 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS (%)	BAKI PERBELANJAAN (RM)
JKPB	114	301,184,100	298,225,118.47	99.0	2,958,981.53
JPPPB	189	606,896,300	602,230,388.12	99.2	4,665,911.88
JPPH	11	296,088,300	294,697,072.16	99.5	1,391,227.84
JLR	26	38,974,000	38,021,801.98	97.6	952,198.02
JKME	20	99,747,200	99,016,423.15	99.3	730,776.85
JPPPK	27	143,189,000	141,984,011.60	99.2	1,204,988.40
JPRB	11	7,846,400	7,505,400.56	95.7	340,999.44
JPEP	8	4,890,000	4,524,718.85	92.5	365,281.15
JKB	3	1,700,000	1,676,071.76	98.6	23,928.24
JPIF	4	1,465,000	1,384,914.76	94.5	80,085.24
JUMLAH	413	1,501,980,300	1,489,265,921.41	99.2	12,714,378.59


Jadual 2.1.2 : Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2017

2.2 Unit Penyelarasan Projek-Projek DBKL, Projek Kerajaan dan Projek Khas Kerajaan

Pada tahun 2017 sebanyak 413 projek (termasuk projek tambahan) melalui pembiayaan DBKL, Projek Kerajaan dan Projek Khas Kerajaan yang diselaraskan oleh Bahagian ini.

PEMBIAYAAN	BIL. PROJEK	BARU/ PERANCANGAN	REKA BENTUK	DOKUMEN TENDER	TENDER	PELAKSANAAN	SIAP	BATAL
DBKL	353	29	19	28	19	150	95	13
RMKe-11	20	-	-	3	1	8	8	-
NKRA	5	-	-	-	-	3	2	-
GREATER KL	26	-	-	4	-	11	11	-
PETRONAS	1	-	-	-	-	1	-	-
LAIN-LAIN	8	1	-	-	-	6	-	1
JUMLAH	413	30	19	35	20	179	116	14

Jadual 2.2.1 : Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2017



Carta 2.2.1 : Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2017

JABATAN PELAKSANA	JUMLAH	BARU/ PERANCANGAN	REKA BENTUK	DOKUMEN TENDER	TENDER	PELAKSANAAN	SIAP	BATAL
JKPB	114	3	2	9	10	58	31	1
JPPPB	189	15	17	17	7	65	60	8
JPPH	11	2	-	-	-	8	-	1
JLR	26	2	-	3	-	15	4	2
JKME	20	3	-	1	2	7	7	-
JPPPK	27	1	-	5	-	8	13	-
JPRB	11	2	-	-	-	8	1	-
JPEP	8	-	-	-	-	7	-	1
JKB	3	-	-	-	1	2	-	-
JPIF	4	2	-	-	-	1	-	1
JUMLAH	413	30	19	35	20	179	116	14

Jadual 2.2.2 : Prestasi Fizikal Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2017

2.3 Unit Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil melalui pejabat-pejabat cawangan seperti berikut :

- i. Projek Kecil Infrastruktur
- ii. Projek Kecil Bekalan

BIL	VOT	PROJEK / PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BELANJA TERKUMPUL (RM)	PERATUS (%)
1	6092500106	Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Infrastruktur)	2,000,000.00	1,999,495.02	99.97
2	6092500115	Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Jalan Dan Parit)	700,000.00	686,504.03	98.07
3	6092500107	Peruntukan Khas JPEPP	2,000,000.00	1,561,556.51	78.08
4	6093506600	Infrastruktur Kg. Tradisional	500,000.00	500,000.00	100
5	6090206900	Menaiktaraf Dewan Masyarakat Sekitar Kuala Lumpur	140,000.00	128,468.53	91.76
JUMLAH			4,840,000.00	4,376,019.00	92%

Jadual 2.3.1 - Prestasi Kewangan Projek Kecil (Infrastruktur) mengikut Jenis Peruntukan Bagi Tahun 2017

Sebanyak 223 projek kecil infrastruktur dipohon pada tahun 2017 dengan jumlah sebanyak RM4.84 juta. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH		JABATAN						
		PROJEK	SIAP	UPB	JKAPB	JLR	JPPPB	JKM	PCW	JUMLAH
1	KEPONG	8	8	7	1	-	-	-	-	8
2	CHERAS	16	16	6	1	-	9	-	-	16
3	SEGAMBUT	16	16	8	3	-	5	-	-	16

bersambung...

(sambungan)

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH		JABATAN						
		PROJEK	SIAP	UPB	JKAPB	JLR	JPPPB	JKM	PCW	JUMLAH
4	SEPUTEH	17	17	6	5	-	6	-	-	17
5	WANGSA MAJU	17	14	10	1	2	1	-	-	14
6	BANDAR TUN RAZAK	47	42	26	7	2	7	-	-	42
7	BUKIT BINTANG	2	2	1	1	-	-	-	-	2
8	BATU	44	42	30	6	4	2	-	-	42
9	TITIWANGSA	10	9	3	1	4	1	-	-	9
10	LEMBAH PANTAI	7	5	4	1	-	-	-	-	5
11	SETIAWANGSA	39	37	18	17	2	-	-	-	37
JUMLAH		223	208	119	44	14	31	-	-	208

Jadual 2.3.2 - Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur 2017 Mengikut Pejabat Cawangan

Manakala, sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan/perkakasan kemudahan masyarakat sebanyak 100% dari jumlah tersebut telah dibelanjakan.

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1	Kepong	98,340.00	4
2	Cheras	198,619.24	8
3	Segambut	287,670.59	12
4	Seputeh	68,621.00	3
5	Wangsa Maju	244,411.21	10
6	Bandar Tun Razak	587,261.67	24
7	Bukit Bintang	86,778.00	4
8	Batu	185,332.16	8
9	Titivangsa	175,806.48	7
10	Lembah Pantai	164,522.00	7
11	Setiawangsa	344,370.00	14
JUMLAH		2,441,732.35	100

Jadual 2.3.3 - Prestasi Bekalan Projek Kecil Mengikut Pejabat Cawangan Bagi Tahun 2017

2.4 Unit Kuota Bumiputera

Pada tahun **2017**, sebanyak **6 siri mesyuarat** pelepasan unit kuota bumiputera telah diadakan bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak **2,920 unit**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **1,274 unit** telah dilepaskan dengan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

2.5 Unit Pengurusan Setinggalan

Daripada **28,541** keluarga/orang setinggalan mengikut banciaan 1998/1999 sebanyak **26,944** keluarga/orang yang telah berjaya dipindahkan. Baki setinggalan yang masih ada, seperti berikut :

BIL	PARLIMEN	BIL. KAWASAN SETINGGAN	BAKI KELUARGA SETINGGAN TERKINI
1	Batu	13	608
2	Bandar Tun Razak	3	58
3	Cheras	5	197
4	Bukit Bintang	-	-
5	Kepong	4	227
6	Lembah Pantai	3	33
7	Segambut	1	10
8	Seputeh	4	70
9	Setiawangsa	3	67
10	Titiwangsa	5	96
11	Wangsa Maju	3	231
JUMLAH		44	1597

Jadual 2.5.1 - Status Setinggal Mengikut Kawasan Parlimen Bagi Tahun 2017

2.6 Unit Penyelaras Tabung TP1W

Sejumlah 17 projek melalui peruntukkan TP1W telah dilaksanakan meliputi empat (4) kawasan parlimen dan menelan belanja sejumlah RM 18,633,981.72 seperti perincian berikut:

BIL	PARLIMEN	BIL. PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	WANGSA MAJU	9	8,980,000.00
2	BANDAR TUN RAZAK	2	6,335,579.89
3	LEMBAH PANTAI	4	1,781,610.83
4	TITIWANGSA	2	1,536,791.00
JUMLAH		17	18,633,981.72

Jadual 2.6.1 - Perbelanjaan Melalui TP1W Bagi Tahun 2017

3.0 BAHAGIAN PENSWASTAAN

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah. Sehingga bulan Disember 2017, JPEP mengendalikan sebanyak 148 projek penswastaaan dengan pulangan terkumpul sebanyak **RM3,983,675,486.87** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak RM 856,506,981.83.

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaaan bagi sepanjang tahun 2017 adalah seperti di jadual berikut:-

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	Usahasama dan pembangunan semula	28
2	Pajakan/Penyewaan/right-to-occupy	21
3	Penjualan tanah	99
JUMLAH KESELURUHAN		148

Jadual 3.0.1 - Bilangan Projek Penswastaaan Bagi Tahun 2017

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	Kediaman sahaja	49
2	Komersil	23
3	Pembangunan bercampur (kediaman dan komersil)	27
JUMLAH KESELURUHAN		99

Jadual 3.0.2 – Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017

BIL	STATUS PROJEK	TERIMAAN SEHINGGA DISEMBER 2017 (RM)
1	Projek Siap	-
2	Projek Dalam Pembinaan	154,280,632.87
3	Penjualan Tanah (KWCA)	688,539,513.83
4	Projek Ditamatkan (KWPA)	-
5	Lain-lain hasil (KWPU)	1,922,494.14
6	Pajakan	11,764,340.99
JUMLAH KESELURUHAN		856,506,981.83

Jadual 3.0.3 - Pulangan Projek-Projek Penswastan Bagi Tahun 2017 (berdasarkan rekod Jabatan Kewangan)

3.1 Unit Tempat Letak Kereta

DBKL melaksanakan konsep 'Smart Partnership' bersama-sama dengan syarikat swasta bagi pelaksanaan pengurusan tempat letak kereta di bawah kawal selia DBKL. Melalui konsep ini, pengurusan dan operasi tempat letak kereta dilaksanakan oleh syarikat swasta yang dilantik dengan komitmen bayaran sewa bulanan kepada DBKL berdasarkan kepada kutipan bayaran caj letak kereta.

Tempat letak kereta yang diuruskan oleh JPEP melibatkan 3 kategori seperti berikut :-

- i. Tempat letak kereta bahu jalan
- ii. Tempat letak kereta terkawal atas tanah lot
- iii. Tempat letak kereta terbangunan

Sehingga Disember 2017 terdapat sebanyak 24 lokasi tempat letak kereta yang diuruskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP).

Bagi tahun 2017, kutipan hasil yang diterima oleh DBKL melalui sewa bulanan yang dibayar oleh operator berjumlah RM 12,102,062.10 seperti jadual berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH	PRESTASI 2017 (RM)
1	Tempat Letak Kereta Terkawal Terbuka / Tanah Lapang	13	897,804.80
2	Tempat Letak Kereta Bertingkat Bangunan	10	1,464,231.25
3	Tempat Letak Kereta Bahu Jalan (SLKE)	1	9,740,026.05
JUMLAH		24	12,102,062.10

Jadual 3.1.1 - Kutipan Hasil Yang Diterima Oleh DBKL Melalui Sewa Bulanan Bagi Tahun 2017

3.2 Unit Telekomunikasi

Unit ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, melaksana, mengawalselia dan memantau pelaksanaan polisi pembangunan struktur telekomunikasi dengan mengambil kira keperluan industri dan kehendak wargakota. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab mendapatkan keputusan dan halatuju bagi isu-isu yang timbul berkaitan pembangunan telekomunikasi di kawasan pentadbiran DBKL.

Projek Penggantian Tiang Lampu Sedia Ada Milik DBKL Kepada Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi

Sejumlah sembilan (9) syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek ini. Sejumlah 420 kelulusan telah dikeluarkan dan sejumlah 269 struktur telah dibina dengan jumlah kutipan sebanyak RM 2,817,591.25.

Perunding Yang Dilantik

Bagi melicinkan urusan memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi, sebuah syarikat perunding telah dilantik iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Syarikat juga dipertanggungjawabkan mengenalpasti struktur-struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk tujuan Program Pemutihan. Prestasi kutipan hasil bagi memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut:

BULAN	KUTIPAN (RM)
Januari	2,650.00
Februari	18,126.00
Mac	99,004.00
April	21,836.00
Mei	21,094.00
Jun	29,892.00
Julai	7,844.00
Ogos	17,278.00
September	19,822.00
Oktober	10,070.00
November	53,530.00
Disember	21,836.00
JUMLAH	322,982.00

Jadual 3.2.2 - Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2017

Program Pemutihan Struktur Telekomunikasi di Kawasan Pentadbiran DBKL

Program pemutihan telah dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan berakhir 31 Disember 2017. Sejumlah 1050 struktur telah dibina tanpa kebenaran DBKL dikenalpasti sepanjang program ini dilaksanakan. Pemilik yang mengemukakan permohonan lengkap atau mengisytihar struktur mereka dalam tempoh ini dikecualikan tindakan penguatkuasaan. Bagi pemilik yang telah mengisytihar struktur berkaitan, tempoh sehingga 31 Mac 2018 diberikan supaya pihak syarikat mengemukakan permohonan lengkap bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil. Sejumlah 451 struktur gagal mengambil sebarang tindakan dalam program pemutihan yang dijalankan.

3.3 Unit RUMAWIP

Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) adalah projek Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan telah dirasmikan pada 3 April 2013 oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Secara khususnya, Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan digubal bagi merealisasikan Dasar Perumahan Negara dicapai di Wilayah Persekutuan di mana keperluan pemilikan rumah disasarkan kepada keperluan penduduk yang disandarkan kepada kemampuan untuk membeli dan membayar. Dasar ini juga diwujudkan sebagai panduan kepada pihak yang terlibat dalam perancangan pembangunan perumahan khususnya kepada pihak berkuasa tempatan dan pemaju bagi merancang serta membangunkan rumah mampu milik yang dicadangkan untuk disyaratkan dalam setiap pembangunan perumahan dalam mengecapi sasaran iaitu sebanyak 55,000 unit di Kuala Lumpur dan 80,000 unit di Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya. Dalam pembentangan Bajet 2013 oleh YAB Perdana Menteri, penekanan terhadap perumahan untuk rakyat dinyatakan secara jelas maksudnya. Justeru, Dasar RUMAWIP yang komprehensif adalah perlu bagi membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang serta menimbangkan permohonan perancangan yang terdapat keperluan penyediaan dan penjualan rumah mampu milik dengan lebih berkesan.

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menganalisa kelayakan permohonan RUMAWIP. Bagi tahun 2017, JPEP menyelaras sejumlah 57 projek dan **49,996 unit** RUMAWIP.

Kategori	Siap		Pembinaan		Perintah Pembangunan		Pertimbangan OSC		Perancangan		Bil Projek	Jumlah Unit
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit		
Usahasama	7	3,662	21	15,795	12	10,794	15	18,336	2	1,409	57	49,996

Jadual 4.6.1 - Bilangan Unit Pembinaan RUMAWIP di Bawah Seliaan DBKL Bagi Tahun 2017

Status penjualan unit RUMAWIP adalah seperti berikut:

BIL	PROJEK	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERJUAL	JUALAN KUOTA BUMI	JUALAN UNIT TERBUKA	BAKI KUOTA BUMI	BAKI UNIT TERBUKA
1	RESIDENSI SKYAWANI	1,226	1,226	613	613	0	0
2	RESIDENSI SKYAWANI II	708	708	354	354	0	0
3	RESIDENSI PANDANMAS 2	1,920	1,920	900	1,020	0	0
4	RESIDENSI KEPONGMAS	1,514	1,450	828	622	0	64
5	RESIDENSI RAZAKMAS	427	414	285	129	0	13
6	RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN	512	510	254	256	2	0
7	RESIDENSI WANGSAMAS	441	455	259	176	6	0
8	RESIDENSI DESAMAS	323	167	29	138	133	23
9	RESIDENSI JALILMAS	1,050	1,047	628	419	2	1
10	RESIDENSI GURNEYMAS	274	0	0	0	274	0
11	LEGASI RESIDENSI	206	174	174	0	32	0
12	RESIDENSI ENESTA	254	137	13	124	114	3
	JUMLAH	8,855	8,188	4,337	3,851	563	104

Jadual 4.6.2 - Penjualan Unit RUMAWIP di Bawah Seliaan JPEP Bagi Tahun 2017





SEKTOR PENGURUSAN PROJEK



>>> www.dbkl.gov.my <<<



JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) adalah penggabungan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran dengan Jabatan Pengangkutan Bandar. Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 selaras dengan penstrukturan baharu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Perjawatan JKPB adalah sebanyak 760 terdiri daripada pelbagai jawatan dan gred dan diketuai oleh seorang Pengarah JUSA C.

Jabatan ini mempunyai empat Bahagian yang besar dan disokong oleh Unit-Unit di bawahnya. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah:

- i. Bahagian Kejuruteraan Awam
- ii. Bahagian Saliran
- iii. Bahagian Pengangkutan Bandar
- iv. Bahagian Pentadbiran

1.1 Objektif

- 1.1.1 Merekabentuk dan membina infrastruktur jalan, saliran dan tempat letak kereta yang lengkap dan sempurna.
- 1.1.2 Mengurus sistem lalulintas dan menyediakan informasi trafik yang tepat dan terkini kepada pengguna jalan raya.
- 1.1.3 Menyenggara rangkaian jalan, jambatan, jejambat, jejantas, tempat letak kereta, terminal bas dan lampu isyarat yang efisien, selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya.
- 1.1.4 Menyenggara dan memelihara kapasiti sistem perparitan, sungai, kolam takungan banjir dan perangkap kelodak supaya berfungsi dengan baik bagi mengurangkan risiko banjir.
- 1.1.5 Mengawal selia serta membaikpulih cerun dalam rezab jalan bagi menjamin kestabilan cerun dan keselamatan pengguna jalan raya.

1.2 Piagam Pelanggan

- 1.2.1 Membaiki kerosakan jalan berlubang berskala kecil (berkeluasan <100 meter persegi) di dalam Pusat Bandar dalam tempoh 24 jam dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga jabatan (kecuali kerosakan jalan yang disebabkan oleh paip air / pembentungan yang bocor / rosak).
- 1.2.2 Membaiki kerosakan jalan berskala besar (berkeluasan > 100 meter persegi) dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kontraktor dilantik.
- 1.2.3 Membaiki kerosakan longkang berskala kecil (panjang <5 meter) dalam tempoh 3 hari bekerja, dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga jabatan. (Kecuali kerosakan longkang yang disebabkan oleh akar pokok / pembinaan struktur haram).
- 1.2.4 Mengambil tindakan awalan (pembersihan runtunan dan perlindungan) ke atas runtunan cerun dalam rezab jalan dalam tempoh 48 jam dari masa maklumat diterima.
- 1.2.5 Memproses permohonan kebenaran pengorekan jalan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 1.2.6 Menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai 3 kali seminggu.
- 1.2.7 Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan berkala untuk parit induk 2 kali setahun.
- 1.2.8 Menghebahkan maklumat perubahan lalulintas, penutupan lorong penutupan jalan, lencongan jalan melalui Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) – VMS dan laman media sosial (Facebook dan Twitter) sekurang-kurangnya 3 hari sebelum sesuatu acara dan aktiviti dijalankan.
- 1.2.9 Mengoperasikan semula lampu isyarat yang terpadam dalam tempoh 4 jam

selepas aduan diterima (kecuali lampu isyarat yang terputus bekalan elektrik akibat kerosakan kabel/gangguan bekalan).

- 1.2.10 Memproses permohonan pelan pengurusan lalulintas bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan di dalam rizab jalan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima.
- 1.2.11 Membaiki kerosakan kecil kemudahan awam (perhentian bas, teksi, jejantas, pejalan kaki berbumbung) dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

2.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN

2.1 Fungsi Bahagian Pentadbiran

Menguruskan hal-hal Pentadbiran Am Jabatan dan sumber manusia seperti surat menyurat, kursus, seminar, bengkel, tatatertib, penilaian prestasi, pelbagai cuti, laporan tahunan, kenderaan jabatan, menguruskan hal-hal kewangan seperti penyediaan bajet tahunan, pembayaran bil-bil, aset dan inventori, menyelaraskan dokumen seperti penghantaran dan pengambilan dokumen tender, kontrak, sebutharga, pemulangan bon/cagaran dan sebagainya.

Peruntukan Dan Perbelanjaan Jabatan 2017

2.2.1 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Kejuruteraan Awam dan Saliran

KOD	BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
S3200	Emolumen	24,911,400.00	24,283,666.56
	Perkhidmatan Bekalan	111,804,100.00	11,125,756.41
	Aset (Inventori)	145,500.00	117,063.00
	Jumlah Keseluruhan	136,861,000.00	35,526,485.97

2.2.2 Bajet Pembangunan Bahagian Kejuruteraan Awam dan Saliran

KOD	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
61945	207,320,000.00	205,494,484.83
61950	61,300,000.00	1,271,374.20

2.2.3 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Pengangkutan Bandar

KOD	BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
S3300	Emolumen	13,107,600.00	641,259.85
	Perkhidmatan Bekalan	20,166,500.00	17,858,925.36
	Aset (Inventori)	8,500.08	6,422.00
	Jumlah Keseluruhan	33,282,600.08	18,506,607.21

2.2.4 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Pengangkutan Bandar (ITIS)

KOD	BUTIRAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
S3310	Emolumen	10,470,200.00	8,881,700.00
	Perkhidmatan Bekalan	45,676,000.00	41,427,484.08
	Aset (Inventori)	22,000.00	4,320.00
	Jumlah Keseluruhan	56,168,200.00	50,313,504.08

2.2.5 Bajet Pembangunan Bahagian Pengangkutan Bandar dan ITIS

KOD	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
60940	32,437,700.00	29,626,306.14
65975	2,875,000.00	2,759,974.61

2.3 Pencapaian Kumpulan KIK *Roadstar III* Tahun 2017

2.3.1 Konvensyen KIK DBKL 2017

- i. Johan (Kategori Teknikal)
- ii. Anugerah Daya Kreativiti Yang Tinggi
- iii. Anugerah Persembahan Terbaik
- iv. Anugerah Pameran Terbaik



Johan (Kategori Teknikal) di Konvensyen KIK DBKL 2017

2.3.2 Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Tengah 2017



Anugerah Emas di PICC Putrajaya pada 24 hingga 25 Julai 2017

2.3.3 Annual Productivity & Innovation Conference (APIC) 2017



Anugerah Emas 3 Bintang di *Genting International Convention Centre* pada 14 hingga 16 November 2017

3.0 UNIT PENYELARASAN

3.1 Pengenalan

- 3.1.1 Seksyen ini bertanggungjawab untuk memastikan kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan perabot jalan di laksanakan pada tahap yang baik mengikut spesifikasi jabatan dan keberkesanan kos bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya.
- 3.1.2 Kaedah penyelenggaraan di jalankan melalui Tenaga Jabatan, Tender/Sebutharga dan Kontrak Berpenggal Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang tahun 2017 ialah RM112,414,975.21.


3.2 Senarai Kerja-Kerja Dan Kos Penyelenggaraan Jalan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BIL	KETERANGAN	KOS (RM)
1.	Membaikpulih dan menurap semula jalan utama/protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	26,964,433.89
2.	Projek-projek menaiktaraf jalan-jalan dan pembinaan jalan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	29,995,498.08
3.	Mempertingkatkan jalan-jalan dalam kawasan taman-taman perumahan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	26,992,346.93
4.	Mempertingkatkan lorong-lorong sisi dan belakang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	8,998,697.72
5.	Penyelenggaraan kecil jalan dan longkang	17,986,907.58
6.	Penyelenggaraan papan tanda nama jalan dan pagar keselamatan	1,477,091.01
JUMLAH		112,414,975.21

3.3 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan



Membaikpulih dan menurap semula jalan utama/protokol



Mempertingkatkan lorong-lorong sisi dan belakang



Penyelenggaraan kecil jalan dan longkang



Penyelenggaraan papan tanda

3.4 Aktiviti Pembinaan Infrastruktur Di Kampung-Kampung:

Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan menaikkan taraf jalan-jalan di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi. Perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak **RM 496,316.41** seperti berikut:

BIL	KETERANGAN	KOS (RM)
1.	Kampung Tradisi & Kampung-Kampung Baru (New Village), Kuala Lumpur	496,316.41
JUMLAH		496,316.41



Pembinaan Infrastruktur di Kampung Tradisi



Kampung-Kampung Baru (*New Village*): Kampung Baru, Kuala Lumpur

3.5 Aktiviti-Aktiviti Penyelenggaraan Jalan



Jalan-jalan yang telah siap di turap



Kerja-kerja penyelenggaraan jalan oleh tenaga kerja jabatan



Kerja-kerja penyelenggaraan longkang



Kerja-kerja penyelenggaraan lurang/manhole

4.0 UNIT PERMIT

4.1 Pengenalan

Unit Permit memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat/agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan SYABAS di samping menyelaraskan kerja korekan jalan dan laluan siarkaki di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh syarikat/agensi utiliti. Selain itu Unit Permit juga memproses kos ganti rugi dan membaikpulih lubang gali oleh syarikat/agensi utiliti.

Unit ini juga membuat pemeriksaan berkala dan menyediakan laporan terhadap kerosakan jalan, longkang, perabot jalan, penandaan jalan dna lain-lain kerja berkskala kecil

4.2 Statistik Permohonan Permit Korekan Di Rizab Jalan

Merangkumi 5 kategori permohonan yang melibatkan kerja-kerja korekan di rizab jalan bagi pemasangan bekalan air, pemasangan dan rentangan bekalan elektrik, kerja-kerja sistem pembentungan, kerja-kerja telekomunikasi dan permohonan daripada pemaju, phak swasta dan agensi kerajaan.

Kategori	Bulan												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
AIR	3	3	4	4	4	4	0	9	3	2	6	7	49
ELEKTRIK	15	9	17	16	6	10	1	22	15	14	7	8	140
PEMBETUNGAN	5	5	4	4	3	5	4	5	5	3	9	4	56
TELEKOMUNIKASI	7	15	24	27	21	23	6	50	29	51	15	10	278
SWASTA	8	11	7	11	17	9	5	14	8	12	8	15	125
JUMLAH	38	43	56	62	51	51	16	100	60	82	45	44	648

4.3 Statistik Jumlah Panjang Korekan Serta Jumlah Wang Dicagarkan Untuk Caj Gantirugi dan Baikpulih Oleh Syarikat Utiliti / Pemaju Bagi Keseluruhan Seluruh Jalan Di Kuala Lumpur

Kategori	Jenis Korekan & Panjang Korekan (Meter)		Jumlah Wang Dicagarkan Untuk Caj Gantirugi Dan Baikpulih Oleh Syarikat Utiliti / Pemaju Untuk Kerja Korekan Di Rizab Jalan (RM)
	Hdd / Pipe Jacking	Korekan Terbuka	
AIR	1,403.10	19,354.28	7,047,166.71
ELEKTRIK	14,966.00	25,451.00	11,820,449.50
PEMBETUNGAN	8,252.31	8,031.00	5,209,997.92
TELEKOMUNIKASI	111,217.00	14,257.00	16,444,029.30
SWASTA	40,570.80	28,859.95	24,844,460.80
JUMLAH	176,409.21 Meter	95,953.23 Meter	RM 65,366,104.23

4.4 Program Menaiktaraf 'Man-Hole Cover Pre-Cast Slab' Di Jalan-Jalan Di Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BIL	SYARIKAT UTILITI	BILANGAN
1.	Tenaga Nasional Berhad	26
2.	Pengurusan Air Selangor SB	105
3.	Indah Water Konsortium SB	24
4.	Telekom Malaysia Berhad	343
5.	TT DotCom Sdn. Bhd.	13
6.	Celcom Networks Sdn. Bhd.	3
7.	Maxis Berhad	113
8.	Digi Telecommunications	0
9.	Gas Malaysia Sdn. Bhd.	8
JUMLAH		635 UNIT



Kerja-Kerja Menaiktaraf 'Man-Hole Cover Pre-Cast Slab' Di Jalan-Jalan Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

5.0 UNIT CERUN DAN PENYELENGGARAAN JAMBATAN

5.1 Unit Cerun

Unit Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) telah ditubuhkan pada tahun 2009 dan bertanggungjawab untuk :-

- 5.1.1 Penyelenggaraan cerun di dalam rezab jalan dan tanah milik DBKL dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).
- 5.1.2 Pemantauan kawasan-kawasan yang berkemungkinan mengalami runtutan / kegagalan cerun dan mengambil tindakan awal untuk memperbaikinya oleh kontraktor berpenggal unit cerun.
- 5.1.3 Menjalankan kerja-kerja penyiasaan dan pembaikan cerun yang berskala besar dengan kerjasama Tetuan Ikram Premier Consulting Sdn Bhd.
- 5.1.4 Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala 262 lokasi cerun dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Lumpur (WPKL) yang merupakan KPI unit cerun.

Sejak bulan April 2013, beban kerja Unit Kejuruteraan Cerun, JKPB telah bertambah dengan keputusan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara supaya DBKL melaksanakan kerja-kerja baikpulih cerun-cerun di dalam tanah milik Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan WPKL. (Mesyuarat Membincangkan Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan Cerun-Cerun di Tanah Milik Kerajaan Persekutuan Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Serta Peruntukan Kewangan pada 18 April 2013).

Di sepanjang tahun 2017, Unit Kejuruteraan Cerun, JKPB telah menjalankan sebanyak 64 kerja-kerja membaikpulih cerun runtuh di WPKL. Jumlah kos yang terlibat adalah berjumlah **RM9,747,219.71**.

5.2 Kerja-Kerja Pembaikan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan



Kerja-kerja pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Senuduk, Taman SA, Kuala Lumpur



Kerja-kerja pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Pantai Murni, Pantai Hillpark, Kuala Lumpur



Kerja-kerja pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di Lorong Bukit Pantai, Taman Bukit Pantai, Kuala Lumpur



Kerja-kerja pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di Lorong Badang 5, Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur



Kerja-kerja pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di Lorong Badang 5, Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur



Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Rimba Bukit Kerinchi, Lembah Pantai, Kuala Lumpur

5.3 Unit Penyelenggaraan Jambatan

Unit Penyelenggaraan Jambatan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan awam seperti kerja-kerja penyelenggaraan jambatan / jejambat/terowong, baikpulih railing, mengecat jambatan, baikpulih penyambung jambatan di Kuala Lumpur bagi memastikan setiap jambatan / jejambat / terowong diselenggara dengan baik dan berada dalam keadaan selamat untuk digunakan oleh pengguna jalan raya dan juga orang awam. Disepanjang tahun 2017 sebanyak 12 lokasi railing rosak telah dibaikpulih, mengecat jambatan di 25 lokasi, baikpulih *expansion joint* di 7 lokasi dan lain-lain kerosakan di sekitar Kuala Lumpur di 10 lokasi dengan kos keseluruhan adalah sebanyak **RM3,142,675.07**.

5.4 Fungsi

- 5.4.1 Mengawal dan mengemaskini sistem pengurusan jambatan.
- 5.4.2 Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas jambatan, jejantas dan terowong pejalan kaki.
- 5.4.3 Membuat pemeriksaan berkala terhadap jambatan, jejambat, jejantas dan terowong kenderaan.
- 5.4.4 Mengambil alih jambatan, jejambat, jejantas dan terowong setelah siap dibina dan memeriksa inventori.
- 5.4.5 Menyelenggara dan baikpulih jambatan, jejambat, jejantas, terowong pejalan kaki dan terowong kenderaan.
- 5.4.6 Menyediakan dan meningkatkan aspek keselamatan terhadap jambatan, jejambat, jejantas, terowong pejalan kaki dan terowong kenderaan.

5.5 Kerja *Expansion Joint*

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Jalan di sekitar KL Sentral	190,707.00
2.	Jambatan Jalan Klang Lama	22,348.75
3.	Jambatan Jalan Bangsar dan Jalan Damansara/Jalan Istana	28,842.00
4.	Jambatan Jalan Kuching merentangi Bulatan Segambut	85,767.00
5.	Jambatan Jalan Tun Razak dan Jalan Yew	94,503.00
6.	Jambatan Jalan Yew arah selatan	79,761.00
7.	Jalan susur masuk dari bulatan Kg. Pandan dan bulatan Pudu	80,817.00
JUMLAH		582,745.75

5.6 Kerja Mengecat Jejambat dan Jambatan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Jejambat Tuaku Abdul Halim merentasi Jalan Sultan Haji Ahmad Shah	269,986.80
2.	Jambatan dari Lebuhraya sultan Iskandar susur ke Jalan Kuching	50,467.20
3.	Jambatan Jalan Kinabalu (Bulatan Dato' Onn) berhampiran Bank Negara	167,586.20
4.	Jambatan Jalan Tunku	46,048.80
5.	Jambatan Lebuhraya Sultan Iskandar	90,522.00
6.	Terowong Jalan Tugu	38,052.00
7.	Terowong dari Jalan Tuanku Abdul Halim ke Jalan Damansara (Fasa 1)	32,616.00
8.	Terowong dari Jalan Tuanku Abdul Halim ke Jalan Damansara (Fasa 2)	62,578.80

bersambung...

(sambungan)

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
9.	Terowong Lebuhraya Sultan Iskandar (Fasa 1)	68,055.60
10.	Terowong Lebuhraya Sultan Iskandar (Fasa 2)	68,055.60
11.	Jejambat Jalan Barat merentangi Lebuhraya Bukit Jalil	60,357.84
12.	Jejambat Jalan Kuching merentangi Bulatan Segambut	122,527.47
13.	Jejambat Jalan Tuanku Abdul Halim merentasi Jalan Sultan Ahmad Shah (berhampiran kompleks pejabat kerajaan)	130,121.48
14.	Jambatan Jalan Perkasa 1, Bukit Jalil	12,990.24
15.	Jambatan Jalan Merah Cagar, Bukit Jalil	12,909.60
16.	Jejambat Jalan Tuanku Abdul Halim merentasi Lebuhraya Sultan Iskandar (berhampiran Bangunan Parlimen)	144,867.20
17.	Jejambat di Jalan Sultan Salahuddin merentasi Lebuhraya Sultan Iskandar (berhampiran Wisma Tani)	130,445.62
18.	Jalan Kuching ke arah Bank Negara (berhampiran ibu pejabat DBKL)	155,145.90
19.	Jejambat Jalan Bukit Petaling merentasi Jalan Istana	82,127.52
20.	Terowong Bulatan Segambut	84,555.05
21.	Terowong di Jalan Loke Yew	121,430.40
22.	Jejambat Persimpangan Salak Selatan merentangi Jalan Sungai Besi	65,421.60
23.	Jejambat Jalan Damansara susur ke Jalan Bangsar / KL Sentral	68,688.00
24.	Terowong di Jalan Parlimen	40,740.00
25.	Jalan Kuching di terowong berdekatan PWTC	67,830.00
JUMLAH		2,194,126.92

5.7 Kerja Guardrail / Railing

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Persimpangan Salak Selatan	69,628.92
2.	Jalan Sentul L	84,762.28
3.	Jalan Parlimen	4,239.09
4.	Jalan susur hubungan Timur Barat	50,259.75
5.	Jalan Kuching (berhampiran Bulatan Kepong)	17,317.74
6.	Batu Muda Tambahan	21,667.60
7.	Susur Jalan Ampang ke Jalan Bonus (berhampiran Jakel)	14,848.50
8.	Bulatan Cheras	33,052.02
9.	Jalan Bulatan Pudu	3,933.00
10.	Jejambat merentasi Jalan Damansara ke Jalan Travers	5,823.50
11.	Jalan Kuching (Inbound) ke arah Jalan Sultan Ismail	1,387.00
12.	Jalan Syed Putra bersebelahan ke Jalan Klang Lama	2,607.80
JUMLAH		309,527.20

5.8 Lain-Lain Kerosakan

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Desa Tun Razak	17,890.40
2.	Terowong Jalan Tun Razak	22,440.00
3.	Jambatan Jalan Kinabalu merentangi Bulatan Dato' Onn	15,944.80
4.	Jejambat Tuanku Abdul Halim bersebelahan simpang Segambut	15,944.80
5.	Jejambat Jalan Kuching ke Bank Negara (berhampiran ibu pejabat DBKL)	15,944.80
6.	Jalan Sultan Hishamuddin (berhadapan Daya Bumi)	15,944.80
7.	Jalan Munshi Abdullah	15,944.80
8.	Federal Highway melalui Lebuhraya hubungan Timur Barat ke BTR/Cheras	15,944.80
9.	Susur ke Bulatan Kepong	15,944.80
10.	Jalan Pasar	15,944.80
JUMLAH		167,888.80

5.9 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jejambat, Jambatan dan Terowong



Penyelenggaraan jambatan merentasi Jalan Damansara



Penyelenggaraan jambatan Batu Muda Tambahan



Penyelenggaraan jambatan merentasi Jalan Damansara



Kerja-kerja mengecat terowong Bulatan Segambut



Kerja-Kerja penyelenggaraan di Desa Tun Razak

6.0 UNIT PROJEK DAN PEMBINAAN JALAN

6.1 Fungsi

- 6.1.1 Mengurus pembinaan projek-projek jalan, jambatan, jejambat, terowong, jejantas & persimpangan bertingkat.
- 6.1.2 Menyelaraskan penyediaan dokumen kontrak, perakuan lanjutan masa, perakuan kerja tidak siap, lanjutan masa, perubahan arahan kerja dan pelarasan harga kontrak.
- 6.1.3 Mengurus dan menyelia tapak pembinaan.
- 6.1.4 Menyediakan dokumen-dokumen pembayaran kepada kontraktor
- 6.1.5 Menjalankan kajian impak dan outcome projek.

6.2 Cadangan Penyuraian Trafik Di Bukit Jalil

Kos Keseluruhan Projek	:	RM 81,173,963.72
Perunding	:	Tetuan SNA Consult Sdn Bhd
Kontraktor	:	Tetuan Syarqiah Holdings Sdn Bhd
Tarikh Mula	:	1 Februari 2015
Tarikh Siap	:	30 Julai 2017



Jejambat Utama



Jejambat Pusingan U No. 1



Majlis Perasmian oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan pada 28 Ogos 2017

6.3 Cadangan Membina Jambatan Sg. Gombak Dari Jalan Raja Laut / Jalan Dang Wangi Ke Jalan Kuching, Kuala Lumpur

Perunding	:	Tetuan PJSI Consultants Sdn. Bhd.
Kontraktor	:	Tetuan GTS Contractor Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	18 Julai 2013
Tarikh Siap	:	14 Mac 2017
Nilai Kontrak Semasa	:	RM 40,724,736.90



Jambatan Sg. Gombak Dari Jalan Raja Laut / Jalan Dang Wangi Ke Jalan Kuching dirasmikan oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan pada 21 Mac 2017

6.4 Cadangan Membina Jalan Masuk Dari Lebuhraya Duke Ke Jalan 2/10, Taman Koperasi Polis Fasa 1, Kuala Lumpur

Perunding	:	Tetuan Pinnacle Engineering Consult
Kontraktor	:	Tetuan KBK Beranang Civil S/B
Tarikh Mula	:	15 Februari 2015
Tarikh Siap	:	10 Disember 2016
Nilai Kontrak Semasa	:	RM 5,300,000.00



Jalan Masuk Dari Lebuhraya Duke Ke Jalan 2/10, Taman Koperasi Polis Fasa 1, Kuala Lumpur dirasmikan oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan pada 23 Mac 2017

7.0 UNIT PARIT INDUK

7.1 Peranan

Menguruskan perkhidmatan penyelenggaraan sistem perparitan induk sepanjang **143 km** dengan menyediakan satu program penyelenggaraan, pembaikan dan pembersihan sistem perparitan air larian hujan untuk memastikan ianya mengalir mengikut tahap kapasiti hidraulik ianya dibina dan direkabentuk.

7.2 Program Penyelenggaraan Saliran Induk

Program penyelenggaraan saliran induk berada di dalam 25 kawasan tadahan sungai dengan keseluruhan panjang saliran induk adalah **143 km** seperti berikut:

BIL	KAWASAN TADAHAN	PANJANG SALIRAN INDUK (KM)
1	Sungai Bunus	13.53
2	Sungai Gombak	4.41
3	Upper Sungai Klang	9.86
4	Sungai Tong Shin	Underground
5	Sungai Bras Bras	2.86
6	Sungai Pudu	3.31
7	Sungai Chan Sow Lin	3.09
8	Sungai Kerayong	11.24
9	Sungai Jinjang	7.52
10	Sungai Keroh	19.24
11	Sungai Toba	1.07
12	Sungai Batang Tolak	0.59
13	Sungai Petaling	2.32

bersambung...

(sambungan)

BIL	KAWASAN TADAHAN	PANJANG SALIRAN INDUK (KM)
14	Lower Sungai Klang	15.19
15	Sungai Kuyuh	24.19
16	Sungai Kayu Ara	Dibawah Unit Penyelenggaraan Sungai
17	Sungai Penchala	2.89
18	Sungai Puteh	0.35
19	Sungai Beberas	0.46
20	Sungai Anak Air Batu	6.44
21	Sungai Untut	3.59
22	Sungai Kemuning	1.81
23	Sungai Batu	2.65
24	Sungai Treacher Valley	3.03
25	Sungai Belongkong	3.12
JUMLAH (KM)		142.76

7.3 Perbelanjaan Tahunan

Pada tahun 2017, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran induk telah menelan belanja sebanyak **RM 7 juta** dengan menggunakan 10 kontraktor berpenggal Jabatan yang telah dilantik oleh DBKL.

7.4 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Saliran Induk



Senarai kerja-kerja penyelenggaraan adalah seperti berikut:-



Kerja-kerja menaiktaraf saliran induk



Kerja-kerja mengecat pagar keselamatan saluran induk



Kerja-kerja kecemasan/segera

8.0 UNIT TEBATAN BANJIR / PROJEK SALIRAN

8.1 Pengenalan

Menguruskan dan Melaksana Projek-Projek Tebatan Banjir, Kerja-Kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir, pemasangan perangkap sampah dan rumah pam kawalan banjir.

8.2 Objektif

- 8.2.1 Melaksanakan projek-projek peningkatan sistem saluran bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur.
- 8.2.2 Memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan khas seperti Projek Loji Rawatan Air Sisa Waste Water Treatment Plant (WWTP), Gross Pollutant Trap (GPT) dan Oil Grese Trap.

8.3 Fungsi

Menguruskan dan melaksana projek-projek Tebatan Banjir, Kerja-Kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir, pemasangan perangkap sampah dan rumah pam kawala banjir :-

- 8.3.1 Mengeluarkan Surat Perintah Menjalankan Kerja
- 8.3.2 Menyediakan Dokumen Kontrak
- 8.3.3 Menyelaraskan Dan Menyelia Tapak.
- 8.3.4 Menyediaan Perakuan Interim
- 8.3.5 Mengeluarkan Perakuan Siap Kerja.

- 8.3.6 Menyediakan Perakuan Muktamad
- 8.3.7 Melaksanakan pemeriksaan Berkala Dalam Tempoh Membaiki Kecacatan.
- 8.3.8 Menyediakan Sijil Bayaran Kemajuan.

9.0 UNIT PENYELENGGARAAN SUNGAI DAN KUALITI AIR

9.1 Pengenalan

Unit Penyelenggaraan Sungai telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan, pembersihan dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan sungai-sungai dan kolam-kolam takungan banjir yang dibawah penjagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh 30 kontraktor berpenggal yang telah dilantik oleh jawatankuasa tawaran yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut, Unit ini telah diperuntukkan dengan bajet sejumlah RM 35 juta. Bagi tahun 2016, Unit ini telah membelanjakan sebanyak RM 28.5 juta iaitu 86.4 Peratus.

Kerja-kerja seperti yang tersebut di atas adalah melibatkan jajaran sungai sepanjang 128.3 km dan 14 buah kolam takungan banjir. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala telah ditetapkan mengikut jadual / program yang disediakan.

9.2 Skop Kerja

Senarai kerja-kerja penyelenggaraan adalah seperti berikut:-

- 9.2.1 Membersihkan perangkap sampah terapung, statik skrin, *gross pollutant traps* (GPT) dan kebuk sampah.
- 9.2.2 Memunggut sampah (*mopping-up*) di tebing sungai di kawasan pusat bandar.
- 9.2.3 Memotong rumput /semak samun, belukar dan tumbuhan liar pada struktur sungai.
- 9.2.4 Membersihkan sampah-sarap dan tumbuhan liar di tebing kolam takungan banjir.
- 9.2.5 Menjalankan kerja-kerja pembersihan kelodak di perangkap kelodak dan kolam takungan banjir.
- 9.2.6 Membaiki tebing sungai/perangkap kelodak yang runtuh (Sg. Toba)
- 9.2.7 Membaikpulih tebing L-Shape yang runtuh (Sg. Toba)
- 9.2.8 Kerja-kerja menaikkan tembok penahan banjir RC Wall untuk KTB Universiti Malaya)
- 9.2.9 Kerja-Kerja Membaikpulih Tebing KTB Universiti Malaya yang runtuh
- 9.2.10 Kerja-kerja mengecat tebing sungai (Sg. Kelang).

9.3 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sungai



Pembersihan di Floating Boom berhampiran Jalan Beremban, Kepong



Pembersihan di statik skrin berhampiran Jalan Jinjang Aman 4, Kepong



Mopping Up di Sg. Kelang Dari Masjid Jamek hingga ke jambatan Bandar Baru Sentul



Kerja-kerja pembersihan semak samun si Sungai Kuyuh



Kerja-kerja memasang pagar keselamatan Anti Climb di KTB Kg. Cheras Baru



Kerja-kerja pembersihan semak samun si Sungai Kuyuh



Kerja-kerja memasang papan tanda nama dan amaran di semua kolam takungan banjir



Kerja-kerja memasang baru perangkap sampah terapung (*Floating Boom*) di Sungai Klang

10.0 UNIT PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN

10.1 Pengenalan

Fungsi unit ini adalah mengurus pembinaan ruang menunggu teksi, bas awam, bas sekolah, kemudahan pejalan kaki ke stesen transit, ruang berteduh motosikal dan kereta, tempat letak kereta bertingkat awam dan lain-lain. Selain itu unit ini juga menyelenggara dan membaikpulih ruang menunggu teksi, kemudahan menunggu bas awam dan bas sekolah, kemudahan pejalan kaki berhubung dan sebagainya.

10.2 Meningkatkan Keselamatan Pengguna Jalan Raya

Penyelenggaraan Jejantas Pejalan Kaki dan Siarkaki Berbumbung

Pada tahun 2017, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 124 buah jejantas di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki bumbung yang rosak akibat perbuatan vandalisma, kerja membaiki / mengecat semula struktur / railing yang berkarat dan kerja membaiki permukaan lantai yang pecah / rosak. Kos penyelenggaraan jejantas bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM1.5 juta.



Kerja-kerja mengecat jejantas yang telah siap

10.3 Pembinaan Dan Penyelenggaraan Kemudahan Pengangkutan Bandar

Penyelenggaraan Pondok Menunggu Bas / Teksi

Pada tahun 2017, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 1200 buah perhentian bas dan teksi di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki kerosakan akibat perbuatan vandalisma, bumbung dan struktur yang rosak akibat kemalangan, ditimpa dahan pokok yang tumbang dan kerja mengecat semula struktur dan kemudahan. Kos penyelenggaraan perhentian bas dan teksi bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM 1.5 juta.



Kerja-kerja menukar bumbung dan mengecat hentian bas

11.0 UNIT PENGANGKUTAN AWAM

11.1 Pemasangan / Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Jalan Raya

Jenis-jenis peralatan keselamatan jalan raya yang dipasang dan diselenggara meliputi peralatan-peralatan seperti berikut:

NO	JENIS PERALATAN	BIL.	JUMLAH (RM)
	Cermin Keselamatan		
1.	Cermin keselamatan membantu pemandu kenderaan melihat kenderaan lain yang datang dari arah bertentangan di lokasi-lokasi di mana jarak penglihatan (<i>sight distance</i>) adalah terbatas. Cermin ini biasanya dipasang di kawasan selekoh tajam, simpang tiga dan kawasan titik hitam (<i>blind spot</i>).	193	289,500.00
	Flexible Guardrail Reflector		
2.	<i>Flexible guardrail reflector</i> membantu pemanduan pada waktu malam, terutamanya di lokasi-lokasi di mana tahap pencahayaan adalah rendah dan boleh mengakibatkan berlakunya kemalangan jalan raya. Peralatan ini dipasang di sepanjang jajaran <i>guardrail</i> atau tembok penahan bagi memberi pantulan cahaya yang mencukupi kepada pemandu semasa melalui sesuatu jalan pada waktu malam.	1,119	67,140.00
	Papan Tanda Chevron		
3.	Papan tanda <i>chevron</i> biasanya dipasang di bahagian jalan yang berselekoh tajam dan juga di simpang tiga. Papan tanda ini diletakkan di tepi jalan atau di atas pembahagi jalan (<i>median</i>). Papan tanda ini seharusnya mempunyai ciri-ciri pemantulan cahaya yang baik dan dapat memberi amaran awal kepada pemandu sebelum berada di selekoh yang tajam.	411	352,590.00
	Rubber Bollard		
4.	<i>Rubber bollard</i> atau tonggak jalan biasanya dipasang di laluan pejalan kaki untuk menyekat pemandu meletakkan kenderaannya di atas siarkaki yang boleh menghalang dan menjejaskan pergerakan pejalan kaki.	709	354,500.00
	Flexible Post		
5.	<i>Flexible post</i> bertujuan untuk <i>channelize</i> trafik supaya kenderaan tidak memotong barisan (<i>jump queue</i>). <i>Flexible post</i> juga boleh dipasang di persimpangan jalan untuk memisahkan lorong pergerakan terus dan lorong belok kanan.	921	276,300.00
JUMLAH			1,340,030.00

11.2 Papan Tanda Amaran Lalulintas Dan Tunjuk Arah

Pada tahun 2017, DBKL telah membelanjakan sebanyak RM1,871,231.59.00 untuk kerja-kerja pemasangan papan tanda jalan raya di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jenis dan bilangan papan tanda jalan raya yang telah dipasang adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PAPAN TANDA	JUMLAH
1.	Tunjuk arah	284
2.	Amaran lalulintas	1,251
3.	Pemberitahuan dan makluman	113
4.	Keselamatan di zon sekolah	54
5.	Pejalan kaki	80

Jabatan juga telah mengganti / membaikpulih sebanyak 1,841 papan tanda amaran lalulintas yang rosak / tumbang dengan menggunakan tenaga kerja Jabatan. Sumber maklumat kerosakan ini adalah dari aduan-aduan dan juga pemantauan Jabatan sendiri.



Jalan Kuchai Lama



Jalan Stonor / Persiaran KLCC



Jalan Gembira / Jalan Senang Ria



Jalan Budiman



Jalan Budiman


12. UNIT PENGURUSAN PENGANGKUTAN BERSEPADU (ITIS)

12.1 Fungsi

- 12.1.1 Pengumpulan data maklumat lalu lintas.
- 12.1.2 Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalu lintas kepada pengguna jalan raya.
- 12.1.3 Mengenalpasti lokasi-lokasi hot spot, banjir kilat, kemalangan dan kesesakan.
- 12.1.4 Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.


- 12.1.5 Mengurus rekod-rekod rakaman CCTV untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan dan jenayah.
- 12.1.6 Membuat kajian serta pemasangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan yang wajar.
- 12.1.7 Menyediakan perancangan dan mewujudkan trafik model Kuala Lumpur.
- 12.1.8 Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang digunakan di Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu seperti Advanced Traffic Management System (ATMS), Advanced Traffic Information System (ATIS), meliputi sistem laman web, video streaming, SMS Getway dan 3G Webcam.
- 12.1.9 Merancang dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat trafik menggunakan teknologi terkini.
- 12.1.10 Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan.

12.2 Statistik Tahunan Pusat Panggilan ITIS 2017



Jumlah panggilan tahun 2017

12.3 Laporan Tahunan Laman Sosial ITIS, DBKL Tahun 2017



12.4 Laporan Tahunan Statistik Blue Ocean Strategy / KWP Januari Sehingga Disember 2017

Laporan ini dijana berdasarkan jumlah insiden yang berlaku di sekitar lembah Klang dan info insiden ini telah dihebahkan di dalam Group Whatsapp BOS.

12.4.1 Kategori kenderaan terdiri daripada :


- i. Bas
- ii. Kereta
- iii. Lori
- iv. Treler/Kren
- v. Van
- vi. Motor

12.4.2 Tempoh Masa Insiden

Tempoh masa insiden diukur berdasarkan tempoh insiden berlaku yang dikesan melalui CCTV, info Polis. Penguatkuasa dan *Group Whatsapp* BOS. Insiden diukur berdasarkan waktu penerimaan info, waktu bantuan sampai dan waktu insiden selesai.

- i. Bawah 15 minit (insiden ringan seperti kenderaan habis minyak / kemalangan ringan)
- ii. Bawah 30 minit (insiden ringan seperti kenderaan rosak dan tersangkut dalam kesesakan)
- iii. Lebih dari 30 minit ke 1 jam (insiden sederhana, penyelenggaraan / penurapan jalan atau memerlukan bantuan seperti Kembali/Tunda serta bencana alam yang memerlukan penutupan sementara)
- iv. 1 jam ke 1 ½ jam (insiden berat seperti kemalangan maut, kenderaan berat yang memerlukan bantuan jentera/mekanik dari luar Pusat Bandar)
- v. 1 ½ jam ke 2 jam (insiden berat seperti kemalangan maut, kenderaan berat dengan muatan bertaburan atas jalan yang memerlukan bantuan jentera/mekanik dari luar Pusat Bandar)
- vi. Lebih dari 2 jam keatas Insiden di luar kawasan sempadan / memerlukan bantuan jentera/mekanik dari luar Pusat Bandar)

12.5 Jumlah Insiden Tahun 2017



Jumlah Insiden Tahun 2017 (KWP) (Mengikut Kategori)

12.6 Bilangan Kes Tahunan (Kategori)

KENDERAAN ROSAK	KEMALANGAN	BENCANA ALAM	PENYELENGGARAAN JALAN	HEBAHAN	JUMLAH
1166	1027	253	254	93	2793



12.7 Bilangan Kes Tahunan (Lokasi)

KL CITY CENTER	KUCHING / CHERAS	KL SEREMBAN	MRRI	FEDERAL	MRR2	JUMLAH
4656	890	387	825	272	308	314



12.8 Aktiviti-Aktiviti Unit Pengurusan Pengangkutan Bersepadu (ITIS)



Kerja-kerja pemasangan sistem penguatkuasaan berasaskan elektronik



Operasi kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan

12.9 Lawatan ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS) Bukit Jalil



Lawatan dari Lembaga Tabung Haji pada 18.1.2017



Lawatan dari Maktab PDRM pada 15.2.2017



Lawatan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat pada 28.3.2017



Lawatan dari Bahagian Keselamatan Bank Negara pada 7.4.2017



Lawatan dari Delegasi America Latin pada 24.10.2017



Lawatan dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada 31.10.2017



Lawatan dari Tanzania pada 18.8.2017



Lawatan dari Kedutaan Jepun dan Hitachi Ltd. Jepun pada 15.12.2017



JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

1.0 LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan. Fungsi utama jabatan ini ialah merancang, mengurus dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal dan elektrikal DBKL yang melibatkan 24 buah jabatan.

Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal diketuai oleh Pengarah Jusa C, seorang Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam orang Timbalan Pengarah Gred J48. Jabatan ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu Bahagian Elektrikal (terdiri dari Unit Lampu Jalan, Unit Projek Elektrikal 1 dan Unit Projek Elektrikal 2), Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal dan Projek Mekanikal, Bahagian Pengangkutan, Bahagian Bengkel, Bahagian Stor dan Bahagian Pentadbiran. Bahagian Pentadbiran (Urustadbir, Perolehan dan Kewangan).

2.0 FUNGSI JABATAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, merekabentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan pembekalan.

3.0 PERUNTUKAN TAHUNAN 2017

Pada tahun 2017 jabatan ini diperuntukan sebanyak RM283,709.400 juta. Ianya diagihkan kepada tiga perbelanjaan utama jabatan iaitu perbelanjaan mengurus, pembangunan dan pembangunan aset modal. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

- i. Mengurus - RM173,618,300.00
- ii. Pembangunan - RM102,725,200.00
- iii. Pembangunan Aset Modal - RM7,365,900.00

4.0 SENARAI PERJAWATAN JKME TAHUN 2017

JKME mempunyai 516 orang pegawai dan kakitangan. Senarai perjawatan mengikut kumpulan adalah seperti berikut :

BIL	KUMPULAN	WARAN	ISI
1	Pengurusan dan Profesional	25	25
2	Kumpulan Sokongan 1 (B)	62	62
3	Kumpulan Sokongan 1 (C)	39	37
4	Kumpulan Sokongan 2 (D)	429	392
JUMLAH		555	516

5.0 FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN DI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

5.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan semua urusan yang melibatkan hal ehwal pentadbiran dan perkhidmatan kakitangan, termasuklah menguruskan hal-hal pentadbiran merangkumi semua permohonan elaun-elaun pegawai/kakitangan, menjadi Jawatankuasa Penilaian Prestasi, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, menguruskan rekod-rekod kehadiran, disiplin, mencalonkan pegawai/kakitangan untuk menghadiri kursus/latihan/ceramah.

Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan dokumen-dokumen perolehan termasuk urusan penghantaran/mengambil dokumen ke/dari Bahagian Perolehan, Jabatan pentadbiran, menghantar dokumen ke Jabatan Undang-undang untuk *common seal*, dan mengedarkan salinan dokumen yang lengkap untuk simpanan pihak pembekal, Jabatan Undang-Undang dan Kewangan.

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras semua permohonan peruntukan Bahagian-bahagian, menyelaras agihan peruntukan mengikut bahagian dan menguruskan urusan pembayaran kepada kontraktor. Disamping itu membuat tempahan dan pembayaran kepada pembekal-pembekal peralatan pejabat dan sebagainya.

Disamping itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab mengatur penempatan pelajar-pelajar yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Pada tahun 2017, seramai 27 orang pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi (termasuk dari Universiti Awam dan Swasta, Kolej dan Politeknik) telah mengikuti Latihan Praktikal sebagai memenuhi syarat pengajian bagi mendapatkan pendedahan pembelajaran luar pengajian.

Pelajar-pelajar ini ditempatkan di Bahagian Mekanikal dan Bahagian Elektrikal, bergantung kepada kursus yang mereka pelajari. Penempatan di bahagian-bahagian akan dibuat mengikut tempoh yang bersesuaian dengan tempoh latihan mereka masing-masing.

5.2 BAHAGIAN PENGANGKUTAN

Bahagian Pengangkutan bertanggungjawab mengurus dan menyelaras secara optimum pembekalan kenderaan dan jentera jabatan-jabatan di DBKL.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, beberapa unit diwujudkan bagi memberi tumpuan ke arah melancarkan lagi operasi dan perkhidmatan kenderaan pool kepada pelanggan Bahagian ini iaitu jabatan-jabatan di DBKL. Bahagian ini juga terlibat dalam memberi bekalan bas menerusi sewaan panel bas termasuk seliaan dan pemantauan terhadap kontrak tersebut. Unit-unit yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1. Unit Protokol

Unit ini akan menyelaraskan segala penggunaan kenderaan seperti van, kenderaan pacuan 4 roda dan bas bagi kegunaan membawa serta menghantar penumpang dari kalangan kakitangan DBKL untuk menghadiri majlis rasmi, acara-acara khas, temasya sukan dan sebagainya. Unit ini juga terlibat dalam menguruskan hal-ehwal sewaan kenderaan kepada kakitangan DBKL berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Selain itu, unit ini turut menyelaraskan penggunaan kenderaan tersebut sekiranya terdapat permohonan dari agensi kerajaan lain dengan syarat telah diberi kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL.

2. Unit Kenderaan Angkut

Unit ini menyelaras segala permohonan berkala untuk penggunaan kenderaan/jentera yang dipohon oleh dua (2) jabatan DBKL iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) serta Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR). Kenderaan/Jentera yang digunakan adalah termasuk lori *tipper*, lori *open*, lori *flatbottom*, *aerial platform (skylift)*, *shovel*, *backhoe* dan lain-lain. Unit ini turut terlibat dalam pembekalan kenderaan/jentera dengan aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan DBKL.

3. Unit Operasi Khas

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksanakan operasi meroboh, sita, bantuan kecemasan, kemalangan di sekitar Kuala Lumpur dan misi bantuan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Unit ini dianggotai oleh pemandu dan operator jentera yang terbaik dan terlatih serta serba boleh dalam mengemudi pelbagai disiplin dan jenis kenderaan dan jentera.

Bahagian ini ketua oleh seorang Timbalan Pengarah Gred J48 serta dibantu oleh dua (2) orang Jurutera Mekanikal, enam (6) orang Penolong Jurutera dan tiga (3) orang Pembantu Tadbir. Terdapat dua ratus tiga puluh sembilan (239) orang pemandu di bawah seliaan Bahagian ini yang terdiri daripada Pemandu Kenderaan dan Operator Jentera Pemungkah (OJP).

Statistik Bilangan Pemandu/Operator Jentera Mengikut Unit Sehingga 31/12/2017

UNIT DI BAHAGIAN PENGANGKUTAN	JENIS PERKHIDMATAN		
	PEMANDU KENDERAAN R3/R6/H11	OPERATOR JENTERA PEMUNGKAH R14/H11/H14	JUMLAH
Protokol	43	1	44
Kenderaan Angkut	149	20	169
Operasi Khas	5	15	20
<i>Light Duty</i> (Pentadbiran)	6	0	6
JUMLAH	203	36	239

4. Fungsi Bahagian Pengangkutan

Bahagian Pengangkutan bertanggungjawab dalam menyelaras dan mengurus pembekalan kenderaan/jentera kepada jabatan-jabatan DBKL dengan fungsi-fungsi berikut:-

- Perkhidmatan bekalan kenderaan/jentera gunasama kepada jabatan-jabatan DBKL.
- Penerimaan pembekalan kenderaan/jentera baharu.
- Pengurusan daftar induk aset kenderaan/jentera DBKL.
- Pengurusan perihal kemalangan dan kehilangan kenderaan/jentera.

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN KENDERAAN/JENTERA SEPANJANG TAHUN 2017

Jadual 1: Pencapaian Pembekalan Kenderaan/Jentera Sepanjang Tahun 2017

UNIT	PERKARA	PENCAPAIAN BULANAN (UNIT KENDERAAN/JENTERA)												PURATA TAHUN 2017	PERATUSAN (%) PEMBEKALAN/PERMOHONAN
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
Protokol	Jumlah Mohon	900	942	600	389	1665	960	1445	2480	1575	1627	1870	1360	1317.8	80.9%
	Jumlah Dibekal	1235	702	766	365	1233	816	1081	1952	1308	1099	1300	934	1065.9	
Operasi Khas	Jumlah Mohon	612	394	652	423	436	473	567	477	355	437	585	435	487.2	97.2%
	Jumlah Dibekal	558	328	599	401	407	427	612	533	390	448	564	417	473.7	

ACARA-ACARA KHAS DAN TEMASYA SUKAN SEPANJANG TAHUN 2017**Jadual 2: Penglibatan Bahagian Pengangkutan dalam Temasya Sukan Tahun 2017**

BIL	ACARA	TARIKH	PENGLIBATAN	
			Kakitangan (orang)	Kenderaan/Jentera (unit)
1	Le Tour de Langkawi 2017	22 Februari – 1 March 2017	14	6
2	Sukan sea	19 - 30 Ogos 2017	32	30
3	Para Sukan Sea	17 - 23 Sept 2017	32	30
4	Standard Chartered Kuala Lumpur Marathon 2017	18-19 Mei 2017	110	89
5	Festival Gendang dan Tari 2017	1 - 10 Dis 2017	14	12
6	Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show	2 - 11 Dis 2017	10	10
JUMLAH			212	177

PERKHIDMATAN SEWAAN BAS MELALUI PANEL KONTRAK

Selain menguruskan kenderaan pool JKME, Bahagian Pengangkutan juga menguruskan sewaan bas melalui dua panel kontraktor yang dilantik. Sepanjang tahun 2017, sebanyak RM1,418,568.60 telah dibelanjakan untuk tujuan sewaan bas yang melibatkan sebanyak 420 tempahan dari Pejabat-Pejabat Cawangan dan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti.

PENERIMAAN KENDERAAN/JENTERA BAHARU SEPANJANG TAHUN 2017**Jadual 3: Penerimaan Kenderaan/Jentera Baharu Sepanjang 2017**

BIL	JENIS KENDERAAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA PEROLEHAN (RM)	TARIKH TERIMA
1	Tractor, Garden Shuttle	3	RM795,000.00	06-06-17
2	Pick-up Truck with Crew Cab	14	RM1,596,890.00	05-01-17
3	Car, Saloon (KRJ)	10	RM1,095,555.72	16-06-17
4	Trailer, Mobile Stage	1	RM1,056,820.00	20-06-17
5	Van, Command Vehicle	1	RM465,936.38	08-08-17
6	Bus, Passenger	3	RM1,882,560.00	09-01-17
JUMLAH		32	RM6,892,762.10	RM6,892,762.10

Bahagian Pengangkutan juga memberi bekalan logistik untuk acara-acara khas dan temasya sukan bertaraf antarabangsa mahupun kebangsaan sepanjang tahun 2017. Jadual 2 juga menunjukkan skop pembekalan logistik untuk acara-acara khas dan temasya sukan khususnya yang melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Operasi pembekalan ini diketuai oleh Jurutera Mekanikal, Encik Mohamad Aiman bin Ariffin.

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Pengangkutan telah menguruskan penerimaan kenderaan/jentera sebanyak 92 unit dengan harga perolehan keseluruhan berjumlah RM6,892,762.10 seperti di Jadual 3. Kenderaan/jentera diserahkan kepada Jabatan Pemilik sebaik sahaja proses pendaftaran kenderaan/jentera tersebut ke dalam sistem pangkalan data dibuat. Sistem pangkalan data itu diselenggara oleh Encik Muhammad Alif bin Muhammad Noor dan Encik Fadzil bin Mohd Din.

5.3 BAHAGIAN BENGKEL

Bahagian Bengkel bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan penyenggaraan kenderaan dan jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

5.3.1 Penyenggaraan Kenderaan Dan Jentera

- i. Penyenggaraan Kenderaan Jabatan
 - Melibatkan sebanyak 718 buah kenderaan
 - Sasaran KPI Jabatan kurang dari 3 %
 - Pencapaian Jabatan iaitu 3.3 %

(Berikutan pelaksanaan Program Transformasi Bengkel 2017, kadar backlog berjaya dikurangkan pada pertengahan tahun kedua)

- ii. Penyenggaraan Kenderaan Pelbagai Guna
 - Melibatkan sebanyak 424 buah kenderaan
 - Sasaran KPI Jabatan kurang dari 5 %
 - Pencapaian Jabatan iaitu 5.3 %

(Berikutan pelaksanaan Program Transformasi Bengkel 2017, kadar backlog berjaya dikurangkan pada pertengahan tahun kedua)

- iii. Penyenggaraan Jentera Berat
 - Melibatkan sebanyak 329 buah Jentera Sasaran
 - KPI Jabatan kurang dari 7 %
 - Pencapaian Jabatan iaitu 7 %

- iv. Penyenggaraan Motosikal
 - Melibatkan sebanyak 451 buah Motosikal
 - Sasaran KPI Jabatan kurang dari 2 %
 - Pencapaian Jabatan iaitu 0.5 %

5.3.2 Program Transformasi Bengkel 2017 (PTB2017)

- i. Transformasi Metodologi Penyenggaraan Kenderaan / Jentera dengan mengadaptasi proses kerja pusat servis terkemuka seperti Toyota, UMW, Proton, Volvo dan Honda. Ia juga melibatkan perubahan kepada Proses Kerja (PK) ISO-9000 dan Manual Proses Kerja Bahagian Bengkel.
- ii. Perolehan dan penggunaan peralatan kerja canggih dan moden dalam proses penyenggaraan seperti :
 - *Hydraulic lifter* 4 tan untuk kenderaan ringan (14 unit)
 - *Hydraulic scissor lifter* 4 ton untuk kenderaan ringan (1 unit)
 - *Hydraulic lifter* 24 tan untuk lori (1 unit)
 - *Mobile hydraulic axle lifter* 22 tan untuk bas (1 set)
 - *Diagnostic Scanner* untuk *Electronic Computer Unit*
 - *Tinted Tester*
 - *Brake Tester*
- iii. Mewujudkan unit khas Pemeriksaan dan Pembaikan Sistem Hawa Dingin secara in-house.
- iv. Mewujudkan Setor Bahagian Bengkel (SBB) bertujuan pemusatan dan perolehan pantas alat ganti *fast moving item*.

- v. Mengadakan **Kempen 90 Minit** untuk servis kenderaan ringan dan membaiki kerosakan minor.
- vi. Mengadakan Kursus Transformasi Minda 2017 untuk kakitangan bengkel untuk anjakan paradigma sistem kerja baru sebanyak 2 sesi iaitu :-
 - **Sesi 1** : 6 Oktober 2017 hingga 8 Oktober 2017- 40 orang di Pulau Pangkor, Perak
 - **Sesi 2** : 24 November 2017 hingga 26 November 2017 orang di Tibang Camp Ulu Slim, Perak
- vii. Pelantikan Panel Kontraktor Bertauliah sebanyak lima (5 syarikat) secara rundingan terus untuk mempercepatkan penyenggaraan/pembaikan kenderaan dan perolehan alat ganti tulen seperti Proton Sdn Bhd, UMW Equipment Sdn Bhd, Hyva Sdn Bhd, Duramac Sdn Bhd dan DME Sdn Bhd.

5.3.3 IMPAK PTB2017:

- i. KPI bahagian bengkel telah dapat dicapai seperti yang sasaran jabatan.
- ii. Maklumbalas positif dari Jabatan luar
- iii. Mekanik lebih terlatih dan perolehan perkhidmatan kerja dari kontraktor telah menunjukkan pengurangan.

5.4 BAHAGIAN PEROLEHAN & STOR

- 5.4.1 Bahagian Perolehan & Stor telah dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Alat ganti dan Unit Pelbagai. Di bawah Unit Pentadbiran yang diketuai oleh Ketua Penyelenggara Stor, terdapat tiga lagi seksyen di bawahnya iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Kewangan dan Seksyen Pelupusan & Tugas Khas, yang bertanggungjawab menyediakan ruang simpanan pada kadar yang terhad simpanan barang-barang yang telah dilupuskan, barang-barang sitaan dan juga barangan tumpang.. Unit Alat ganti dan Unit Pelbagai menguruskan pembekalan bagi barangan stok atas keperluan penggunaan Jabatan DBKL.
- 5.4.2 Objektif Bahagian Perolehan & Stor adalah :-
 - i Memastikan bekalan alat ganti dan barangan pelbagai mencukupi untuk keperluan pengguna dan dalam masa yang sama dapat mengawal kadar pusingan stok kepada 0.5 setiap suku tahun.
 - ii Menyediakan tempat yang terhad untuk jabatan-jabatan menyimpan barangan yang disita dan dilupus bagi sesuatu tempoh sebelum ianya dihapuskan, dan barangan tumpang yang akan digunakan secara bermusim.
- 5.4.2 Di Bahagian Perolehan & Stor, menguruskan barangan/stok alat ganti, Barang Pelbagai seperti berikut:-
 - i) **Alat ganti**
Memesan, menyimpan dan membekalkan pelbagai jenis alat ganti, minyak pelincir, tayar bateri dan lain-lain yang seumpamanya kepada Bahagian Bengkel, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal untuk penyenggara dan servis kenderaan/jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH
(a)	Bilangan Borang Tempahan Yang Dikeluarkan.	1,089
(b)	Bilangan Nota Penerimaan Barang. (Good Received Note)	1,089
(c)	Bilangan Nota Permintaan Yang Diterima.	4,672
(d)	Bilangan Item Yang Dikeluarkan.	62,933
(e)	Nilai Stok Alatganti Yang Dibekalkan	RM 9,435,962.36

Kedudukan stok alatganti bagi tahun 2017

TAHUN 2014	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK C (A+D)/2
	SEDIADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
	(A)	(B)	(C)	D=(A+B)-(C)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2016:			2,866,007.92	
Suku Tahun Pertama	2,866,007.92	1,980,049.56	2,677,532.57	2,168,524.91	1.06
Suku Tahun Kedua	2,168,524.91	1,682,952.50	2,387,439.16	1,464,038.25	1.31
Suku Tahun Ketiga	1,464,038.25	1,924,402.72	2,572,051.50	816,389.47	2.26
Suku Tahun Keempat	816,389.47	1,397,743.16	1,798,939.13	415,193.50	2.92
NILAI TAHUNAN		6,985,147.94	9,435,962.36		

ii) Barang Pelbagai

Memesan, menyimpan dan membekal pelbagai jenis barang dan peralatan yang diperlukan kepada semua Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutama peralatan kerja taman, peralatan kerja-kerja jalan, peralatan lampu jalan, longkang, kain pakaian seragam, peralatan saliran dan sebagainya.

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH
(a)	Bilangan Borang Tempahan Yang Dikeluarkan.	808
(b)	Bilangan Nota Penerimaan Barang. (Good Received Note)	808
(c)	Bilangan Nota Permintaan Yang Diterima.	1,151
(d)	Bilangan Item Yang Dikeluarkan.	317,517
(e)	Nilai Stok Barang Pelbagai Yang Dibekalkan	RM 5,821,796.28

Kedudukan stok barang pelbagai bagi tahun 2017

TAHUN 2015	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK C (A+D)/2
	SEDIADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
	(A)	(B)	(C)	D=(A+B)-(C)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2016:			830,528.61	
Suku Tahun Pertama	830,528.61	1,103,899.00	1,021,723.65	912,703.96	1.17

bersambung...

(sambungan)

TAHUN 2015	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK C (A+D)/2
	SEDIADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
	(A)	(B)	(C)	D=(A+B)-(C)	
Suku Tahun Kedua	912,703.96	1,185,865.64	781,589.49	1,316,980.11	0.70
Suku Tahun Ketiga	1,316,980.11	1,785,127.73	1,980,406.01	1,121,701.83	1.62
Suku Tahun Keempat	1,121,701.83	1,684,833.40	2,038,077.13	768,458.10	2.16
		5,759,725.77	5,821,796.28		

iv) Diesel dan Petrol

Memesan, menyimpan dan membekal keperluan minyak Diseldan Petrol kepada semua kenderaan/ jentera milik Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH
(a)	Bilangan Nota Penerimaan Diesel/Petrol (Diesel/Petrol Good Received Note)	170 (2,833,740 L)
(b)	Bilangan Inden Daripada Pelanggan	Petrol: 23,534 Disel: 14,289
(c)	Nilai Minyak Diesel/Petrol Yang Dibekalkan Disel Petrol	RM 4,840,792.93 RM 2,431,107.00
(d)	Nilai Stok Diesel/ Petrol Yang Dibekalkan	RM 7,271,899.93

Kedudukan stok diesel/petrol bagi tahun 2017

TAHUN 2017	KEDUDUKAN STOK				KADAR PUSINGAN STOK C (A+D)/2
	SEDIADA	PEMBELIAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	
	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	JUMLAH NILAI STOK	
	(A)	(B)	(C)	D=(A+B)-(C)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2016:			196,691.02	
Suku Tahun Pertama	196,691.02	1,934,969.40	1,754,197.00	377,463.42	6.11
Suku Tahun Kedua	377,463.42	1,694,183.40	1,601,844.84	469,801.98	3.78
Suku Tahun Ketiga	469,801.98	1,845,862.22	1,957,625.84	358,038.36	4.73
Suku Tahun Keempat	358,038.36	1,947,909.60	1,958,232.25	347,715.71	5.55
Nilai tahunan		7,422,924.62	7,271,899.93		

5.4.3 Pengurusan Barang Terpakai

Bahagian Perolehan & Stor juga bertanggungjawab menguruskan dan menyimpan pelbagai barang lupus dan barang sita sebagai barangan terpakai. Pelbagai jenis barang lupus akan dijual melalui Lelongan Awam bersama dengan kenderaan/ jentera DBKL yang telah ditamatkan perkhidmatan.

Selain daripada itu, Bahagian Perolehan & Stor juga ditugaskan menyimpan barang tumpangan seperti pelbagai jenis lampu hiasan untuk dipasang di sepanjang jalan-jalan utama Bandaraya

Kuala Lumpur semasa sambutan hari perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga lampu hiasan untuk persidangan atau aktiviti sukan yang bertaraf antarabangsa.

5.4.4 Aktiviti Yang Diadakan:

- i) Bahagian ini membantu jabatan dalam beberapa siri lelongan awam dan kakitangan. Sebanyak 3 kali lelongan dibuat iaitu pada 5 dan 6 April 2017 untuk lelong awam manakala pada 22 Jun 2017 untuk lelong kakitangan.
- ii) Pembekalan barangan keperluan untuk beberapa program seperti #V4KL di beberapa parlimen, persiapan Sukan Sea 2017, KL Orchid & Bonsai (KLOBS 2017), operasi Task Force Kunci Air, melukis mural dan lain-lain lagi.
- iii) Penutupan akhir tahun untuk proses verifikasi stok telah diadakan pada 18 Disember hingga 20 Disember 2017, dianggotai oleh pekerja dan kakitangan yang tidak bertugas di bahagian ini.

5.4.5 Penambahbaikan

- i) Bahagian ini menyokong Program Transformasi Bengkel dengan mewujudkan sebuah Stor Bahagian Bengkel (SBB) yang dianggotai oleh kakitangan di Bahagian Stor dan Bengkel. Unit ini berfungsi untuk memenuhi permintaan alatganti servis kenderaan dengan ditempatkan terus di Bahagian Bengkel. Langkah ini bagi mempercepatkan penyampaian perkhidmatan pembekalan alatganti.
- ii) Sistem barkod telah mula diperkenalkan dan akan mula digunakan dijangka pada tahun 2018 selepas selesai kerja-kerja pemasangan. Sistem ini bertujuan untuk membantu kerja-kerja perekodan keluar masuk barangan, semakan dan verifikasi stok, serta pelabelan stok.

5.5 BAHAGIAN SENGGARAAN KEMUDAHAN MEKANIKAL (SKM)

Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal (SKM) ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan kepada jabatan-jabatan pengguna dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke atas peralatan-peralatan mekanikal yang terletak di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur. Peralatan dan sistem yang diselenggara adalah sistem pam kawalan banjir, sistem pam air pancutan termasuk air terjun buatan di taman-taman, sistem penyiraman air automatik, jejantas bermotor, eskalator dan lif penumpang, krematorium, "spiral waste bin", mesin jana kuasa elektrik untuk sistem mekanikal, loji rawatan air pasar, depoh jabatan yang menempatkan kenderaan DBKL serta bengkel, terowong dan mesin jana kuasa elektrik yang ada di rumah pam.

Pada masa kini, tanggungjawab dan tugas bahagian ini telah bertambah dengan jumlah 130 sistem mekanikal melibatkan hampir 800 peralatan perlu diselenggara dengan sasaran kerosakan harian kurang dari 10%. Pada tahun 2017, bahagian ini telah mencapai sasaran dengan peratusan kerosakan harian 5.34%.

5.5.1 Fungsi Bahagian Skm

Fungsi utama ini adalah:-

1. Memastikan setiap peralatan dan sistem dapat berfungsi dengan baik dan efisien.
2. Memastikan setiap peralatan dan sistem diselenggara dengan baik mengikut jadual termasuk penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan baik pulih.
3. Mewujudkan kontrak penyelenggaraan dan menyelia kerja-kerja yang dijalankan oleh panel kontraktor.
4. Memberi khidmat nasihat dan cadangan dari aspek teknikal berkaitan kerja-kerja mekanikal kepada jabatan-jabatan pengguna untuk penambahbaikan atau menyelesaikan masalah.
5. Mewujudkan pasukan standby untuk mengambil tindakan segera ke atas kes kecemasan yang berlaku di tapak agar sistem dapat berfungsi dengan sempurna.

5.5.2 Jumlah Peralatan Mekanikal Yang Disenggarakan Oleh SKM

Penyelenggaraan yang dilaksanakan Bahagian SKM kini adalah sebanyak 130 sistem mekanikal mengikut jabatan seperti berikut:-

i)	Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi	-	62
ii)	Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar	-	43
iii)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal	-	1
iv)	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	-	22
v)	Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar	-	2

JUMLAH : 130

5.5.3 Kerja-Kerja Penyelenggaraan Yang Dilaksanakan Tahun 2017

Bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan berkesan, SKM telah mewujudkan 9 kontrak penyelenggaraan dan melantik 20 kontraktor berpenggal secara keseluruhan.

Senarai kerja-kerja yang menggunakan sistem kontrak berpenggal adalah seperti berikut: -

1. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Pam Kawalan Banjir Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
2. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Pam Air Pancutan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
3. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Secara Komprehensif Satu (1) Unit Eskalator Jenis Toshiba Di Jejantas Pejalan Kaki Menyeberangi Jalan Wangsa Perdana 1, Berhampiran LRT Sri Rampai, Kuala Lumpur Untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
4. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Jentera-Jentera Pembakar Mayat Dan Peralatan Berkaitan Di Krematorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
5. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Spiral Waste Bin Dan Peralatan Berkaitan Di Pasar Borong Selayang, Pasar Pudu Dan Kuarters Kerinchi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
6. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Spiral Waste Bin Dan Peralatan Berkaitan Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
7. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Spiral Waste Bin Dan Peralatan Berkaitan Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
8. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Instrumentasi 'Waste Water Treatment' Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
9. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Peralatan, Perkakasan Serta Kelengkapan Berkaitan Stesen Pam Minyak Depoh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal
10. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Instrumentasi Dan Sistem Automasi Berkomputer Terowong Bawah Tanah Laluan Kenderaan Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

5.5.4 Ringkasan Perbelanjaan Keseluruhan Skm Tahun 2017

BIL	JABATAN	VOT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
1.	Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi	B28251	3,950,000.00	3,885,290.73	98.36
2.	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	B28254	2,000,000.00	1,794,620.30	89.7

bersambung...

(sambungan)

BIL	JABATAN	VOT	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
3.	Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar	6195031300	5,000,000.00	4,603,826.96	92.08
		B28229	2,316,000.00	2,315,489.98	99.98
		B28496	1,608,000.00	1,607,495.01	99.97
4	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	B28492	1,550,000.00	1,499,007.18	96.71
5	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal	B28103	1,150,000.00	999,224.64	86.89
JUMLAH			17,574,000.00	16,704,954.80	95.05

5.5.5 Gambar Sistem Dan Peralatan Mekanikal Seliaan Skm

Rumah Pam Kawalan Banjir



Sistem Air Pancut dan Siraman



Mesin Spiral Waste Bin



Jejantas



Depoh JKME





Krematorium



Eskalator



Waste Water Treatment Plant



Terowong



5.6 BAHAGIAN ELEKTRIKAL

Bahagian Elektrikal terbahagi kepada Bahagian Lampu Jalan, dan Bahagian Pelaksanaan Projek (Elektrikal Bangunan P1 & P2). Setiap Bahagian diketuai oleh Timbalan Pengarah Elektrik.

5.6.1 Bahagian Lampu Jalan (Unit Lampu Jalan)

Unit Lampu Jalan melapor terus kepada Timbalan Pengarah Elektrik Gred J52 dan dibantu Dua (2) orang Jurutera Elektrik Gred J41, 13 orang Penolong Jurutera, seorang Penjaga Jentera, 2 orang Pembantu Tadbir dan 2 orang Pemandu dan seorang Pembantu Awam Gred H11.

i. Fungsi Utama Unit lampu Jalan adalah menguruskan:

- siarkaki berbumbung, hentian bas dan teksi di Wilayah Persekutuan Menaiktaraf lampu jalan HPSV kepada LED secara retrofit (45,000 unit) di WPKL
- Aduan awam berkaitan lampu jalan dan lampu hiasan di WPKL.
- Pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu hiasan di WPKL.
- Penyelenggaraan lampu jejantas sekitar Kuala Lumpur.

ii. Peruntukan dan perbelanjaan Tahun 2017

Pada tahun 2017 unit ini telah diberi peruntukan sebanyak RM109,800,000.00. Pecahan perbelanjaan bagi bahagian ini dapat dilihat seperti Jadual di bawah:

JUMLAH PERBELANJAAN UNIT LAMPU JALAN 2017					
BIL.	NO. VOT	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	
1.	6094017600	Retrofit Lampu Jalan	72,000,000.00	71,978,417.13	
2.	S3400/B28212	Penyelenggaraan Lampu Jalan	18,000,000.00	17,987,229.01	
3.	S3400/B28213	Pemasangan Lampu Hiasan	8,000,000.00	7,926,383.23	
4.	S3400/B28219	Penyelenggaraan Perhentian Bas & Teksi	250,000.00	216,670.47	
5.	S3400/B28230	Penyelenggaraan Jejantas & Pejalankaki Berbumbung	550,000.00	523,270.35	
6.	S3400/B23206	Bil Elektrik Lampu Jalan	11,000,000.00	10,992,763.60	
JUMLAH			109,800,000.00	109,624,733.79	

5.6.2 Bahagian Lampu Jalan (Unit Pembangunan Swasta)

Fungsi Utama unit ini adalah menguruskan:

- Kelulusan pelan lampu jalan bagi projek pembangunan swasta.
- Penyediaan spesifikasi lampu jalan.
- Pengambilalihan lampu jalan projek pembangunan swasta selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan.

5.6.3. Bahagian Pelaksanaan Projek (Elektrikal Bangunan P1 & P2)

Bahagian ini tertumpu kepada pelaksanaan projek bagi sistem dan kemudahan Elektrikal yang terdiri daripada projek-projek Inhouse yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan

kontrak pembinaan secara dalaman dan menjadi sebahagian pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juruperunding Elektrik luar dibawah jabatan pelaksana JPPPB, JPLR bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan ditapak. Bilangan projek yang biasa dalam urus tadbir Jabatan ialah di antara 90 hingga 100 projek dan bertambah dari tahun ke tahun dan dipecahkan kepada dua bahagian.

1. Bahagian Projek Elektrik 1 diketuai oleh Timbalan Pengarah Elektrik Gred J48 dan dibantu oleh seorang jurutera Elektrik J41, bertanggungjawab keatas projek-projek seperti berikut:-

- i. Projek Khas : - *River Of Life* (ROL) P7, Pakej 2 1C1D, 3A3B, 4A4B & Fasa 2 Tititwangsa
 - Heritage Trail 5, 6, 7 & 8 (Secara Dalaman)
 - Kolam Biru (siap 15 Ogos 2017)
- ii. Projek dibawah JPPPB
 - Pembinaan/Ubahsuai Pejabat
 - Pembinaan/Naiktaraf Surau/Masjid
 - Pembinaan/Naiktaraf Perpustakaan
 - Pembinaan/Naiktaraf Stor,Tandas & Tadika
 - Pembinaan/Naiktaraf Countdown Clock
 - Naiktaraf Jalan-jalan aspek perlampuan.
- iii. Penyelenggaraan Pintu-pintu Gerbang sekitar KL
- iv. Lain-lain Projek
 - a) Tiang Lampu Berintegrasi sistem pemancar telekomunikasi
 - b) Pemasangan & Pencahayaan Lampu LED di Pintu-Pintu Gerbang sekitar KL(Pintu Gerbang Jalan Selayang,L/Raya Duke,L/Raya Plus Sg.Besi ,Jalan Raja Musa Kampong Baru & L/Raya Jalan Duta)

2. Bahagian Projek Elektrik 2 diketuai oleh Timbalan Pengarah Elektrik Gred J48 dan dibantu oleh dua orang Jurutera Mekanikal Gred J41 bertanggungjawab keatas projek-projek seperti berikut:-

- i. Projek Khas :Projek Bandar Sukan (KL Sport City);-
 - Stadium Bolasepak Kuala Lumpur (siap 24Nov 2017)
 - Kompleks Renang Kuala Lumpur - (Menunggu hala tuju)
 - Kompleks Jab. Penguatkuasaan
 - Pembinaan Dewan & Asrama.
- ii. Projek dibawah JPPPB (Pasukan Bangunan)
 - Pembinaan Bangunan ,Dewan ,Pusat Komuniti
 - Pembinaan Pasar & Pusat Penjaja
 - Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat P&R
 - Pembinaan Bazar, Gerai & Kiosk
- iii. Projek-projek di bawah JPLR (Inhouse Project & Pasukan Bangunan)
 - Projek sistem elektrik bangunan dan pencahayaan dan lampu taman-taman baru. (*Inhouse* -1 Perancangan Taman Ethobotani)
- iv. Projek-projek bagi Pencahayaan Bagi Keindahan Bandar Sempena Sukan SEA dan Para Asean KL-2017. (Berjaya dilaksanakan pada April 2017-September 2017 melalui 4 panel kontraktor Elektrik yang dilantik dengan jumlah kos RM 1.8Juta dibelanjakan).
 - Pemasangan lampu-lampu hiasan ditiang-tiang lampu jalan-jalan utama dan pencahayaan lampu-lampu di sekitar vaneu acara sukan sea terpilih sekitar WPKL



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI

1.0 FUNGSI

1. Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Dalam Taman.
2. Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap, taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga kota berpandukan pelan induk landskap Kuala Lumpur.
3. Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap serta pengeluaran sijil kelayakan menduduki bangunan.
4. Mengintergrasikan jalinan hijau bagi perkembangan flora dan fauna dalam bandar dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan tanaman pokok-pokok di kawasan bahu jalan, sungai, pejalan kaki serta kawasan-kawasan lapang.
5. Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat.
6. Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.
7. Melaksanakan kawalan dan tindakan penguatkuasaan terhadap penebangan pokok-pokok rendah dibawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).
8. Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pokok rendah bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang, tunggul dan sekah.
9. Meluluskan permohonan penggunaan kemudahan awam dan rekreasi di taman-taman awam, padang rekreasi, taman permainan dan sebagainya.
10. Membangun, menyenggara, memperbanyakkan dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong seperti Taman Burung, Taman Rusa dan Kancil, Taman Orkid dan Taman Bunga Raya.

2.0 BELANJAWAN 2017

2.1 PERBELANJAAN DAN HASIL

Pecahan peruntukan ditunjukkan melalui carta pai di **Lampiran 1**. Pertambahan sebanyak

RM4,525,500.00 peruntukan mengurus pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan tahun 2016 adalah disebabkan pertambahan nilai kontrak penyelenggaraan pokok berisiko dan pembelian aset jabatan.

Manakala Peruntukan pembangunan pengurangan sebanyak RM13,711,400.00 pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan tahun 2016. Pengurangan peruntukan yang ketara ini adalah disebabkan tiada projek baru di bawah pembiayaan DBKL.

Daripada Peruntukan Projek Pembangunan tahun 2017 berjumlah RM39,018,000.00 yang telah diluluskan, sebanyak 23 projek yang sedang atau dalam peringkat pelaksanaan. Tahap Kemajuan Projek 2017 seperti jadual dibawah:

TAHAP KEMAJUAN PROJEK 2017

SIAP	PROJEK
Siap Pelaksanaan / Perancangan	1 projek 16 projek
Baru	6
23 PROJEK	

Jabatan ini juga diperuntukkan sebanyak RM150,000.00 pada tahun 2017 untuk penyelenggaraan pokok yang ditanam bagi di bawah program GREENER KL

Bagi program pengindahan sekitar Kuala Lumpur, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM49,615,000.00 dibawah pembiayaan DBKL.

6.2 RANCANGAN MALAYSIA KE 11 (RMK 11)

Jumlah besar peruntukan sebanyak RM2,050,000.00 adalah peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang telah disalurkan untuk kerja-kerja Pembangunan Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi dan menaiktaraf kemudahan sediaada Orang Kurang Upaya (OKU) di taman awam KL. Jadual di bawah menunjukkan senarai peruntukan RMK 11.

PERUNTUKAN RMK 11

BIL	TAJUK	ANGGARAN (KOS PROJEK)	PERUNTUKAN TAHUN 2017
1.	Pembangunan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi	20,000,000.00	2,000,000.00
2.	Menaiktaraf Kemudahan Sediada Orang Kurang Upaya di Taman Awam KL	10,000,000.00	50,000.00
JUMLAH BESAR		30,000,000.00	2,050,000.00

RINGKASAN BELANJAWAN
TAHUN 2017**PERUNTUKAN MENGURUS (RUJUK LAMPIRAN I)**

i.	Peruntukan Asal	108,509,900.00
ii.	SB	4,491,000.00
iii.	Pelarasan SB	0.00
Jumlah		RM113,000,900.00
iv.	Peruntukan KWP	
S9101	Penyelenggaraan bangunan & pancutan air Tugu Peringatan Negara. (Perkhidmatan Pembersihan dan Bayaran Kontrak – Memotong Rumput)	RM840,000.00
S9102	Penyelenggaraan Harta-Harta Bukan Milik DBKL.	-
B28113	Istana Negara	RM720,000.00
B28256	Kubur dan Krematorium	RM600,000.00
S9105	Pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur.	-
Jumlah		RM1,404,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN MENGURUS		RM115,160,900.00

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN
(RUJUK LAMPIRAN I)


PERUNTUKAN	(RM)
i. Peruntukan Asal	52,525,000.00
ii. SB Tambahan	17,757,000.00
iii. SB Potongan (Batal, tangguh, kurangan)	4,250,000.00
iv. SB Semula	-
Jumlah Peruntukan	66,032,000.00

PERBANDINGAN BELANJAWAN 2016 DAN 2017
(RUJUK LAMPIRAN 2)


BIL	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH	
		2016	2017
1.	PERUNTUKAN MENGURUS JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI		
	i. Bahagian Seni Taman (S3500)	105,481,190.00	115,160,900.00
	ii. Tugu Peringatan Negara (S9101)	500,000.00	840,000.00
	iii. Kawasan Istana Negara (S9102)	500,000.00	720,000.00
	iv. Kubur & Premetorium (S9105)	300,000.00	600,000.00
	JUMLAH	106,781,190.00	117,320,900.00
2.	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (JLR)	52,729,400.00	66,032,000.00
	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RMK 10)& Greener	2,700,000.00	2,200,000.00
	JUMLAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (JLR&RMK 10)	55,429,400.00	66,032,000.00
	JUMLAH BESAR (Item 1 + 2)	162,210,590.00	251,584,900.00

>>> LAMPIRAN 1

**BELANJAWAN 2017
(JLR)**



- Peruntukan Mengurus
RM 115,160,900
- Pembangunan RM2,700,000
- Peruntukan Pembangunan Pembiayaan DBKL
RM 66,032,000



7 SUMBER-SUMBER HASIL BAGI TAHUN 2017

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi merupakan salah sebuah jabatan yang menyumbangkan hasil kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui pelbagai kegiatan dan kemudahan yang disediakan seperti di dalam jadual dibawah. Pada tahun 2017, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi telah berjaya mengutip sebanyak **RM 644,008.24** dimana terdapat pengurangan kutipan hasil berbanding kutipan tahun 2016.

BIL	PERKARA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
		2016	2017
1.	Sewaan Bunga Hiasan	224,375.59	189,432.44
2.	Sewaan Padang	162,742.50	150,225.60
3.	Penggambaran / Perkahwinan	29,367.00	46,452,000
5.	Rekreasi Air (Sampan, Kenu, Feri Air, Aquabike).	3,289.00	-
6.	Penggunaan Padang Bola / Gelanggang.	2,842.00	2,011.40
7.	Tandas-tandas Awam	305,005.00	192,203.80
8.	Rekreasi Berkuda	44,178.50	63,683.00
JUMLAH KESELURUHAN		771,800.09	644,008.24

8 UNIT PENGURUSAN POKOK RENDANG

8.1 Unit Pengurusan Pokok Rendang terlibat di dalam melaksanakan kerja-kerja seperti cantasan, tebang, pollard, membersihkan pokok tumbang/dahan sekah dan membersihkan pokok atas bangunan.

- 8.2 Bagi memastikan kerja-kerja di atas dijalankan dengan lancar dan memuaskan hati wargakota, Unit Pengurusan Pokok Rendang sentiasa memastikan kakitangan dan Pekerja Awam yang terlibat melaksanakan program mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 8.3 Unit ini juga terlibat dalam program gotong-royong sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang kebanyakannya dibuat pada hari Sabtu dan Ahad.
- 8.4 Disamping itu seramai 16 kontraktor membantu Jabatan ini melaksanakan program kerja terutama menjalankan kerja-kerja segera pokok tumbang, pokok sekah sekiranya berlaku ribut atau bencana alam, disamping melakukan program lain yang telah dijadualkan. Statistik kerja-kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:-

**STATISTIK ADUAN POKOK TUMBANG/SEKAH BAGI TAHUN 2017
UNIT PENGURUSAN POKOK RENDANG**

PARLIMEN	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
KEPONG	4	16	7	6	10	1	10	0	18	4	2	4	82
BATU	3	3	12	9	13	3	13	1	21	1	4	1	84
SEGAMBUT	3	3	3	4	5	8	5	4	31	5	10	3	84
WANGSA MAJU	3	2	0	19	4	16	4	4	7	4	8	1	72
SETIAWANGSA	5	2	1	2	0	1	0	0	4	0	7	3	25
TITIWANGSA	4	1	3	6	11	13	11	2	13	5	6	2	77
BUKIT BINTANG	0	3	44	4	4	21	4	1	10	3	3	5	102
CHERAS	5	2	24	31	10	1	10	4	5	7	2	3	104
B/TUN RAZAK	8	6	19	69	25	4	25	4	10	5	8	3	186
SEPUTEH	10	4	23	15	7	9	7	4	4	2	11	2	98
LEMBAH PANTAI	4	6	26	3	7	23	7	5	2	1	4	1	89
JUMLAH	49	48	162	168	96	100	96	29	125	37	65	28	1003



9 UNIT REKREASI

Jabatan Landskap dan Rekreasi menyelenggara sebanyak 408 kawasan taman permainan kanak-kanak yang terletak dalam kawasan taman perumahan sekitar Kuala Lumpur. Berbagai usaha telah diambil bagi melengkapkan taman permainan kanak-kanak ini dengan kemudahan-kemudahan terkini sesuai dengan minat beriadah yang semakin meningkat dikalangan wargakota.

Sebahagian taman permainan telah dinaiktaraf dan menambah kemudahan sediaada seperti membina trek jogging, wakaf, gelanggang sukan dan peralatan permainan baru. Sebahagian daripada taman permainan kanak-kanak ini juga dilengkapi dengan kemudahan lampu taman dan lampu gelanggang.

Pada tahun 2017, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM9 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.

Jabatan Landskap dan Rekreasi akan terus melengkapkan taman permainan kanak-kanak sediaada dengan pelbagai kemudahan rekreasi bagi memberi wargakota pilihan untuk beriadah.

10 HIASAN BUNGA PASU/BUNGA KERATAN

Jabatan juga menerima permohonan untuk menghias majlis-majlis rasmi di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan hiasan bunga pasu dan bunga keratan terutamanya di pentas utama. Pada tahun 2017 sebanyak **429** permohonan yang telah diterima daripada NGO, Jabatan Kerajaan Sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya dan sebagainya. Jumlah kutipan hiasan bunga bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM189,432.44**. Statistik hiasan pasu bunga dan bunga keratan adalah seperti di bawah.

SEWAAN BUNGA PASU/BUNGA KERATAN BAGI TAHUN 2017

BULAN	JABATAN KERAJAAN		SWASTA/ PERSENDIRIAN		BUNGA KERATAN		PERCUMA/AKTIVITI		JUMLAH KESELURUHAN		CATATAN / TEMPAT
	BIL PASU	BAYARAN RM	BIL PASU	BAYARAN RM	NILAI RM	20% + GST	BIL PASU	NILAI RM	BIL PASU	NILAI RM	
JANUARI	1600	2,798.40	350	1,060.00	-	-	1600	2,798.40	3550	6,656.80	19
FEBRUARI	2500	4,372.50	450	927.50	-	-	4900	8,994.10	7850	14,294.10	39
MAC	4050	6,241.80	700	2,156.00	3,823.00	1,046.76	2500	4,372.50	7250	17,580.16	35
APRIL	4150	7,239.80	600	1,710.84	-	-	2150	3,794.80	6900	12,745.44	39
MEI	3550	6,851.50	1350	3,717.00	15,102.30	4,151.62	3400	5,946.60	8300	35,768.52	39
JUN	700	1,224.30	-	-	-	-	3700	6,471.30	4750	8,755.60	25
JULAI	3400	5,946.60	-	-	-	-	3900	6,821.10	7400	13,059.20	42
OGOS	3400	6,264.60	800	4,237.00	3,708.60	1,170.74	2000	3,498.00	6200	18,878.94	30
SEPTEMBER	1850	3,164.10	100	291.50	-	-	3100	5,247.00	5050	8,702.60	30
OKTOBER	3600	6,296.40	1200	3,233.00	-	-	3000	5,247.00	7800	14,776.40	44
NOVEMBER	5750	9,861.70	1100	4,770.00	3,834.50	4,049.88	4000	6,996.00	10750	29,337.18	60
DISEMBER	2650	4,775.30	400	954.00	-	-	1800	3,148.20	4850	8,877.50	27
JUMLAH	37200	65,037.00	7050	23,056.84	26,468.40	10,419.00	36050	63,335.00	80650	189,432.44	429
TOLAK PEMBELIAN BUNGA KERATAN										: RM	26,468.40
TOLAK PERCUMA										: RM	63,335.00
JUMLAH BESAR										: RM	99,629.04

11 ADUAN AWAM

Pada tahun 2017, Jabatan Landskap & Rekreasi menerima beberapa aduan berkaitan pokok, kemudahan awam dan kebersihan. Aduan-aduan yang diterima adalah melalui Pusat Panggilan Setempat (Call Centre) dan bilik aduan di Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi seperti jadual dibawah:

STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA MELALUI BILIK ADUAN DAN ISPAA

KATEGORI ADUAN	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI
<u>POKOK</u>			
Penyelenggaraan Landskap	55	0	55
Penyelenggaraan Pokok	1294	0	1294
Pokokreput/mati/sekah	108	0	108
Pokok tumbang (penyelenggaraan DBKL)	62	0	62
Penebangan Pokok Tanpa Kebenaran	2	0	2
Sisa sampah pokok	71	0	71
<u>KEMUDAHAN AWAM</u>			
Tandas Awam	5	0	5
Taman Permainan Awam/Taman Permainan Kanak-kanak	344	0	344
JUMLAH	1941	0	1941

ADUAN YANG DITERIMA MELALUI (I-SPAAA)


KATEGORI ADUAN	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI
Pokok	1592	0	1592
Rekreasi	344	0	344
Tandas	5	0	5
JUMLAH	1941	0	1941

JUMLAH KESELURUHAN ADUAN AWAM = 1941

JUMLAH ADUAN DALAM TINDAKAN = 0

JUMLAH ADUAN SELESAI = 1941

CARTA STATISTIK ADUAN BAGI TAHUN 2017



12 LATIHAN PRAKTIKAL PELAJAR

BIL	PERMOHONAN	BILANGAN PELAJAR
1.	Kolej Profesional MARA Beranang	2
3.	Jabatan Pertanian Putrajaya	1
4.	Kolej Vokasional Pertanian	2
5.	Universiti Putra Malaysia	1
JUMLAH		6 ORANG

Pada tahun 2017 seramai 6 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menjalani latihan praktikal dimana mereka telah didedahkan kepada pelbagai unit/zon mengikut kawasan kerja di Jabatan Landskap dan Rekreasi.

13 AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2017

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2017. Antara aktiviti yang telah berjaya diadakan adalah seperti berikut :-

13.1 Program Pendidikan di Taman Botani

Taman Botani Perdana Kuala Lumpur merupakan taman yang juga menyediakan program pendidikan kepada pengunjung. Program yang dijalankan adalah percuma dan pengunjung dapat menimba ilmu

yang berguna untuk diterapkan dalam kehidupan seharian yang melibatkan alam semulajadi. Selain itu, program yang dijalankan juga dapat mempromosikan Taman Botani Perdana kepada orang awam akan kewujudan taman ini.



Small Home Gardening bersama Malaysia Nestle Retirees Association (MNRA)



Kakitangan jabatan sedang memberi tunjuk ajar penanaman orkid



Lawatan Berpandu Pengenalan Tanaman Landskap Bersama Pelajar UiTM Puncak Perdana




Kursus Pengenalan Pokok dan Pengenalan Herbarium kepada Kolej Politeknik Nilai

13.2 Plant Sale

Aktiviti *Plant Sale* juga ada dijalankan oleh JLR pada tahun 2017. Selain membuat jualan anak-anak tanaman, program ini dijalankan melibatkan *Ask Me Booth*. Pengunjung boleh bertanya mengenai permasalahan yang dihadapi ketika menanam dan mendapatkan tips penanaman dan penjagaan pokok dengan betul.

Program ini telah diadakan pada 21 April 2017 di Taman Botani Perdana.

Iklan *Plant Sale* di Taman Botani Perdana >>>





Para pengunjung melihat dan membeli pokok-pokok yang dijual di program *Plant Sale*



Kakitangan jabatan sedang melayani pengunjung

13.2 Karnival Taman dan Majlis Peramian Taman Pudu Ulu Fasa 2

Projek Pembangunan Taman Rekreasi Pudu Ulu, Cheras, Kuala Lumpur Fasa 2 telah siap sepenuhnya pada Januari 2017. Pembinaan Taman Pudu Ulu Fasa 2 ini adalah merupakan kesinambungan Taman Pudu Ulu sediaada dan sebagai pelengkap keseluruhan taman tersebut untuk menjadikan ianya sebuah taman awam berskala besar dalam bandar.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Taman Pudu Ulu Fasa 2 telah diadakan pada 10 April 2017.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. Sempena majlis tersebut, pelbagai aktiviti bagi mempromosikan Taman Pudu Ulu Fasa 2.



Menteri Wilayah Persekutuan menandatangani plak sebagai gimik pelancaran Taman Pudu Ulu



Menteri Wilayah Persekutuan melihat gambar pandangan atas Taman Pudu Ulu 2



Tarian gimik oleh Kumpulan Kebudayaan DBKL

13.3 *Retreat* Pelan Pengurusan Pokok Rendang

Pada 6 hingga 8 November 2017, Jabatan ini telah mengadakan *Retreat* pelan Pengurusan Pokok Rendang bertempat di Seri Suasana, Port Dickson.

Tujuan *retreat* ini diadakan adalah untuk mengenalpasti isu berkaitan pengurusan pokok rendang dan matang di Kuala Lumpur (meliputi dasar penebangan dan pengekalan pokok rendang). Selain itu, ianya diadakan untuk merangka strategi pengurusan

pokok rendang bagi jangka panjang (penambahbaikan SOP, spesifikasi perlantikan kontraktor dan penyusunan tenaga kerja/struktur organisasi). Seterusnya ianya untuk mewujudkan satu persefahaman berkenaan pengurusan pokok rendang di antara pelbagai agensi.

Retreat yang berlangsung selama tiga hari ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Mohd Najib bin Hj. Mohd, Pengarah Eksekutif Perancangan.



Retreat Pelan Pengurusan Pokok Rendang



Perbincangan di dalam kumpulan



Para peserta bergambar kenangan setelah selesai *Retreat* Pelan Pengurusan Pokok Rendang

13.4 *Kuala Lumpur Orchid dan Bonsai Show* (KLOBS)

Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) merupakan aktiviti yang berkonsepkan orkid dan bonsai. KLOBS pada mulanya diperkenalkan pada tahun 2012 bertujuan untuk mempromosikan Taman Botani Perdana yang telah dinaiktaraf daripada Taman Tasik Perdana kepada sebuah Taman Botani.

Melihat kepada sambutan yang diterima, KLOBS sekali lagi dianjurkan oleh DBKL pada tahun 2014 di lokasi yang sama iaitu di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur. Sekali lagi orkid dan bonsai dikekalkan sebagai tema utama program.

KLOBS diteruskan pada tahun 2015 dimana program ini diangkat darjatnya sebagai sebuah carnival bertaraf antarabangsa

dimana penyertaan bagi pertandingan dan pameran orkid adalah terdiri daripada beberapa buah Negara luar seperti Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong, Switzerland, Thailand dan beberapa buah negara lain.

Bagi tahun 2017, KLOBS diteruskan lagi dan kali ini bertempat di Taman Pudu Ulu, Cheras pada 2 Disember hingga 10 Disember 2017. KlobS 2017 ini bertujuan untuk mempromosikan penjenamaan semula Taman Pudu Ulu yang telah dirasmikan oleh YBhg Menteri Wilayah Persekutuan pada 10 April 2017.

Majlis perasmian KLOBS 2017 telah diadakan pada 2 Disember 2017 oleh YB Senator Dato'

Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Pengunjung yang mengunjungi KLOBS adalah pelbagai, bukan sahaja kepada peminat orkid dan bonsai malahan terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat dan bangsa disamping pengunjung tetap Taman Pudu Ulu. Ada juga pelancong luar yang berkunjung ke KLOBS melalui promosi besar-besaran yang dilaksanakan termasuk di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur dan juga di hotel-hotel sekitar Kuala Lumpur. Ini kerana disamping pameran dan pertandingan orkid dan bonsai, KLOBS juga menyediakan pelbagai aktiviti, pertandingan dan bengkel yang menarik dan meriah.



Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan bergambar kenangan bersama pengurusan tertinggi DBKL dan Timbalan Pengarah Kanan JLR



Pameran dan pertandingan orkid dan bonsai



Antara aktiviti dan pertandingan yang diadakan sempena KLOBS 2017.

13.6 *Adoption Pocket Park*

Terdapat dua belas Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) menjadi teras '*Economic Transformation Programme*' (ETP) yang dilancarkan pada 26 Oktober 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia.

NKEA ditakrifkan sebagai pemacu kegiatan ekonomi yang berpotensi memberi sumbangan secara langsung yang penting sebagai pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan nilai yang boleh diukur.

Salah satu daripada '*Entry Point Project*' NKEA Greater KL/KV adalah EPP6:Greener KL/KV yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah kawasan hijau untuk setiap wargakota daripada 11 m² pada tahun 2010 kepada 14 m² pada tahun 2020.

Sasaran 14 m² bagi setiap orang adalah dikira berdasarkan penyediaan kawasan lapang awam pada kadar 10% daripada luas kawasan pembangunan sebagai syarat kelulusan perancangan dan jumlah penduduk seramai 2.2 juta pada tahun 2020.

Program EPP6:Greener KL/KV telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi untuk perlaksanaan dan pihak jabatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memantapkan lagi peningkatan kawasan hijau dan meningkatkan keberkesanan program dengan menambahkan 'sense of belonging' kepada wargakota semenjak tahun 2011 sehingga kini.

Program ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan dari sektor swasta dan korporat bagi merealisasikan beberapa inisiatif utama di bawah EPP6: Greener KL/KV, iaitu '*Adoption Pocket Park*'.

Program ini mempelawa syarikat-syarikat swasta utama untuk menaja 'Pocket Park' dari segi rekabentuk, menaiktaraf dan menyelenggara taman strategik yang terletak di dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur, mewujudkan kawasan ikonik hijau dan awam untuk menarik pengunjung dan pelancong ke Greater KL/KV.

Senarai 'Adoption Pocket Park' yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2017 adalah:-

BIL	TAJAAN OLEH	LOKASI	NAMA TAMAN MINI
1	NAZA TTDI Sdn. Bhd.	Plot 8, KL Metropolis City	TAMAN MET @ TTDI METROPOLIS
2	Dynamic Property Management	STRIPES Hotel, Jalan Kamunting, KL	LAMAN KAMUNTING @ Stripes Hotel
3	Head of Brand & Digital AIA Bhd.	Taman Metropolitan Kepong	Taman Cergas AIA VITALITY
4	Think City	Air Terjun Country Height, Persimpangan Jalan Tun Perak/ Jalan TAR	Jalan Tun Perak Pocket Park

13.7 Pengindahan Landskap Melalui Program Khidmat Bakti Jabatan

JLR telah membuat beberapa program pengindahan sepanjang tahun 2017 di beberapa kawasan taman bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan serta melaksanakan kerja-kerja penanaman dan penyulaman pokok landskap.

Taman-taman yang terlibat bagi program ini adalah, Taman Tasik Permaisuri (25 Januari 2017), Taman Bukit Jalil (6 Mac 2017), Taman Metropolitan Batu (15 April 2017) dan Taman Pudu Ulu, Cheras (12 Disember 2017).



Kerja-kerja Pengindahan di Taman Pudu Ulu



Para pekerja bergotong-royong membuat pengindahan di Taman Tasik Permaisuri



JABATAN UKUR BAHAN

1.0 LATARBELAKANG

Khidmat Ukur Bahan bermula apabila beberapa Juruukur Bahan dilantik pada 1 Oktober 1976 dan diletakkan di bawah kawalan Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu Bahagian dibawah Unit Penyelarasan Pembangunan. Pada 1 Oktober 1981, Jabatan Ukur Bahan ditubuhkan.

Dalam penyusunan semula organisasi DBKL pada tahun 1995, Jabatan Ukur Bahan telah digabungkan dengan Bahagian Pengurusan Perolehan dan dinamakan sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Pada tahun 2003, Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan dari Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Nama jabatan telah ditukar semula kepada Jabatan Ukur Bahan.

2.0 FUNGSI JABATAN

Jabatan Ukur Bahan (JUB) bertanggungjawab melaksanakan khidmat pengurusan kewangan projek dan pentadbiran kontrak serta kawalan kos di peringkat Pra Kontrak dan Pos Kontrak yang meliputi skop kerja seperti berikut :

- Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos;

- Menyediakan Laporan Penilaian Tawaran;
- Menyediakan Dokumen Tender, Sebutharga dan Kerja Undi;
- Menyemak Dokumen Tender, Sebutharga dan Kerja Undi;
- Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek; dan
- Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

3.0 JUMLAH PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN

Jumlah pegawai dan kakitangan di Jabatan Ukur Bahan adalah seramai **51 orang** (50 orang berjawatan Tetap dan 1 orang berjawatan Kontrak)

4.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2017

Sehingga 31 Disember 2017, Jabatan telah membelanjakan sebanyak **RM3,596,984.00** bagi perbelanjaan mengurus. Manakala peruntukan tahunan bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM3,685,800.00** telah mendapat peruntukan kewangan bagi perbelanjaan operasi dan perbelanjaan dalam tahun 2017 seperti berikut :-


BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN BELANJAWAN TAHUN 2017 (RM)	PERBELANJAAN TAHUN 2017 (RM)	PERATUSAN PENCAPAIAN BELANJA 2017
1.1	ELAUN LEBIH MASA (STAFF/IMG)	46,500.00	45,670.00	
1.2	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	128,000.00	103,072.00	85.52%
1.3	ASET (INVENTORI)	21,500.00	18,879.00	
JUMLAH		196,000.00	167,621.00	

5.0 MAKLUMAT PROGRAM/AKTIVITI UTAMA JABATAN

5.1 MENYEDIAKAN ANGGARAN KOS DAN PERANCANGAN KOS

Secara keseluruhannya, jabatan ini telah menyediakan sebanyak **50 anggaran kos bagi tahun 2017**. Darpada jumlah tersebut, sebanyak **37 anggaran** kos projek disediakan bagi projek pembangunan secara

tender bersamaan **74%** dari jumlah keseluruhan dengan nilai anggaran kos berjumlah **RM150 juta**. Di samping itu, jabatan telah menyediakan **13 anggaran** kos projek bagi sebutharga bersamaan **26%** dari jumlah keseluruhan dengan nilai anggaran kos sebanyak **RM5 juta**. Peratusan penyediaan anggaran kos bagi projek secara tender dan sebutharga Tahun 2017 adalah seperti berikut:



5.2 MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN PEROLEHAN KONTRAKTOR PERKHIDMATAN DAN PERUNDING

Bagi Laporan Penilaian Perolehan Kontraktor Perkhidmatan bukan Perunding, jabatan telah menyediakan sebanyak **106** laporan bersamaan **82.8%**. Manakala laporan cadangan Kewangan Perunding yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan berkaitan di DBKL adalah sebanyak **22** laporan bersamaan **17.18%** telah disediakan. Peratusan penyediaan Laporan Penilaian Tawaran Perolehan Tahun 2017 adalah seperti berikut :

5.3 MENYEDIAKAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

Sebanyak **36** Dokumen Tawaran Secara Tender Dan Sebutharga telah disediakan. Perincian pecahan dan peratusan Penyediaan Dokumen Tender dan Sebutharga adalah seperti berikut:

KATEGORI PENYEDIAAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Dokumen Tender	26	72.22 %
Dokumen Sebutharga	10	27.77%
JUMLAH	36	100%

5.4 MENYEMAK DOKUMEN TENDER/ SEBUTHARGA DAN KERJA UNDI

Selain dari menyediakan dokumen tender dan sebutharga, JUB juga terlibat dalam Menyemak Dokumen Perolehan Tender/ Sebutharga yang disediakan oleh jabatan pelaksana termasuk dokumen bagi kerja-kerja undi. Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2017 mengikut kategori adalah seperti berikut:

KATEGORI SEMAKAN DOKUMEN	JUMLAH	PERATUSAN
Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga	316	59.97%
Dokumen Kerja Undi	211	40.03%
JUMLAH	527	100%

5.5 MENYEDIAKAN SIJIL BAYARAN INTERIM PROJEK


Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek juga merupakan salah satu tugas penting dalam mengurus perbelanjaan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh JUB. Sepanjang tahun 2017 sebanyak **989 sijil** telah disyorkan oleh JUB melibatkan keseluruhan bayaran lebih kurang **RM200 juta**.

5.6 MENYEDIAKAN PERAKUAN MUKTAMAD PROJEK

Setelah semua projek pembangunan telah disiapkan, Akaun Muktamad Projek akan disediakan oleh Juruukur Bahan terlibat. Sebanyak **47 akaun projek** telah dimuktamadkan ataupun ditutup oleh jabatan ini pada tahun 2017

6.0 RUMUSAN

Prestasi keseluruhan aktiviti utama JUB di DBKL adalah seperti berikut:





JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan ini ditubuhkan pada 1976 dengan nama Jabatan Pelaksanaan Projek Khas berperanan dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Antara projek-projek terawal jabatan adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar 1.

Lanjutan dari penyusunan semula organisasi DBKL, dari tahun 1989 hingga 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkitek.

Seterusnya, melalui penyusunan semula organisasi DBKL pada 2011, jabatan ini telah digabungkan dengan bahagian penyelenggaraan perumahan awam dan dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam. Seterusnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah digabung semula dengan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti (JPPPK) menjadikan jabatan ini ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan.

Selain terlibat dengan pelaksanaan projek-projek DBKL, jabatan ini juga terlibat dengan projek-projek di bawah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, antaranya Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kompleks Sukan dan Stadium, Pusat Komuniti dan Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja, Pasar, Surau, Tanah Perkuburan, Padang dan Gelanggang Sukan dan lain-lain lagi.

1.1 FUNGSI JABATAN

Fungsi utama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan adalah merekabentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi memastikan setiap fungsi ini dilaksanakan dengan lebih efisien, sistematik dan professional, pelaksanaan fungsi telah dipecahkan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:-

- 1.1.1 Bahagian Pengurusan Projek Bangunan yang bertanggungjawab dalam pentadbiran kontrak, penyeliaan pembinaan, pembayaran tuntutan projek dan pasca pembinaan.
- 1.1.2 Bahagian Rekabentuk, Dokumentasi Tender dan Pentadbiran pula bertanggungjawab dalam perancangan serta rekabentuk projek, penyediaan dokumentasi tender dan pengurusan perunding.
- 1.1.3 Bahagian Penyelenggaraan Bangunan yang bertanggungjawab dalam penyelenggaraan bangunan serta pelaksanaan projek Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1Malaysia).

1.2 JUMLAH PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Jabatan ini mempunyai sejumlah 260 kakitangan yang merangkumi golongan profesional dan sokongan dalam memastikan visi dan misi jabatan tercapai. Pembahagian tersebut adalah seperti berikut :

- 1.2.1 Pegawai Pengurusan dan Profesional (PNP) : 56 orang
- 1.2.2 Kakitangan Sokongan 1 : 188 orang
- 1.2.3 Kakitangan Sokongan 2 : 16 orang

2.0 BAJET 2017 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

2.1 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Daripada sejumlah RM605,026,500.00 yang diperuntukkan, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM602,033,477.00 dengan peratusan pencapaian sebanyak 99.51% di bawah peruntukan pembangunan 2017.

Daripada perbelanjaan tersebut, sebanyak RM412,248,251.00 (68.48%) telah dibelanjakan untuk projek pembiayaan DBKL, RM31,148,424.00 (5.17%) bagi projek pembiayaan RMK-11, RM153,775,752.00 (25.54%) bagi pembiayaan di bawah program Greater KL dan RM4,861,050.00 (0.81%) bagi pembiayaan projek lain-lain termasuk TP1M.

2.2 PERBELANJAAN MENGRUS

Dalam bajet mengurus 2017, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM34,348,300.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak

RM25,596,700.00 diperuntukkan untuk belanja operasi penyelenggaraan dan RM8,751,600.00 pula untuk belanja mengurus pentadbiran. Sebanyak RM33,676,191.07 telah dibelanjakan dengan pencapaian 98.04% perbelanjaan.


Perbelanjaan operasi penyelenggaraan bangunan-bangunan milik DBKL adalah untuk kerja awam, elektrikal dan mekanikal.

3.0 AKTIVITI UTAMA

3.1 PENGURUSAN PROJEK

3.1.1 Projek Siap

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2017, Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan telah diperuntukkan sebanyak RM9,782,000.00 bagi membiayai projek-projek yang telah disiapkan. Pecahan peruntukan bagi projek siap mengikut jenis pembangunan adalah seperti di Carta 1.



Carta 1 : Pecahan peruntukan bagi projek siap mengikut jenis pembangunan

3.1.1.1 Stadium Bolasepak Kuala Lumpur

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Naiktaraf Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
Nama Kontraktor	Tetuan Raftabina Sdn Bhd
Tarikh Mula	16 Disember 2013
Tarikh Siap	24 November 2017
Kos Projek	RM63,217,159.50

Jadual 1: Maklumat projek Stadium Bolasepak Kuala Lumpur



Gambar 1: Keadaan padang dan trek balapan sebelum kerja-kerja naiktaraf



Gambar 2 : Keadaan padang dan Zon A sebelum kerja-kerja naiktaraf



Gambar 3 : Keadaan padang dan balapan selepas projek siap



Gambar 4 : Keadaan padang dan balapan selepas projek siap



Gambar 5 : Keadaan dari bahagian luar bangunan selepas projek siap

3.1.1.2 Pusat Komuniti 1 Tingkat Projek Perumahan Rakyat Beringin, Taman Wahyu 1, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Pusat Komuniti 1 Tingkat di atas Sebahagian Lot 50962 dan Sebahagian Lot 58726, Projek Perumahan Rakyat Beringin, Taman Wahyu 1, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Nama Kontraktor	Tetuan Kurnia Ekuiti Sdn Bhd
Tarikh Mula	16hb Jun 2015
Tarikh Siap	26hb Mei 2017
Kos Projek	RM 9,933,651.00

Jadual 2 : Maklumat Projek Pusat Komuniti 1Tingkat Projek Perumahan Rakyat Beringin, Taman Wahyu 1, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Gambar 6 : Pandangan tapak sebelum pembinaan pusat komuniti



Gambar 7 : Pandangan semasa kerja cerucuk pusat komuniti



Gambar 8 : Pandangan semasa pembinaan pusat komuniti



Gambar 9 : Pandangan selepas pusat komuniti siap



Gambar 10 : Pandangan bahagian dalam pusat komuniti selepas projek siap

3.1.1.3 Cadangan Pemuliharaan Bangunan di atas Lot 10, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Pemuliharaan Bangunan di atas Lot 10 dan Pembangunan Tempat Letak Kereta Terbuka Beserta dengan Ruang Sampah di atas Lot 1, 2, 3, 4, 5 dan 6; Jalan Tangsi, Kuala Lumpur
Nama Kontraktor	Tetuan NTQT Sdn Bhd
Tarikh Mula	4hb Februari 2015
Tarikh Siap	15hb Disember 2017
Kos Projek	RM7,879,625.80

Jadual 3 : Maklumat Projek bagi Cadangan Pemuliharaan Bangunan di atas Lot 10, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur



Gambar 11 : Keadaan ruang tempat letak kereta sedia ada (asal)



Gambar 12 : Penyediaan lapisan bumbung sementara di atas bangunan asal bagi mematuhi keperluan dan syarat-syarat konservasi bangunan warisan semasa peringkat pembinaan



Gambar 13 : Pandangan dari luar bangunan selepas projek siap.



Gambar 14 : Pencahayaan fasad di waktu malam selepas projek siap.

Gambar 15 : >>> Pencahayaan di kawasan tempat letak kereta pada waktu malam selepas projek siap.



3.1.1.4 Pintu Gerbang Lebuhraya Seremban - Sungai Besi

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina Pintu Gerbang di Lebuhraya Seremban – Sungai Besi
Nama Kontraktor	Tetuan Fly Engineering Sdn Bhd
Tarikh Mula	1hb Oktober 2015
Tarikh Siap	12hb Oktober 2017
Kos Projek	RM7,827,487.40

Jadual 4: Maklumat projek Pintu Gerbang Lebuhraya Seremban - Sungai Besi



Gambar 16: Pandangan tapak sebelum pembinaan pintu gerbang



Gambar 17 : Pandangan Pintu Gerbang selepas projek siap

3.1.1.5 Stor dan Pejabat JKAS Di Lot 29507, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina 1 Blok Bangunan Stor dan Pejabat Empat Tingkat di atas Lot 29507, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.
Nama Kontraktor	NR Majubina Sdn Bhd
Tarikh Mula	3 Mac 2016
Tarikh Siap	31 Oktober 2017
Kos Projek	RM 4,996,319.90

Jadual 5 : Maklumat Projek Stor dan Pejabat JKAS Di Lot 29507, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur



Gambar 18 : Pandangan hadapan bangunan yang telah siap



Gambar 19 : Pandangan hadapan bangunan yang telah siap

Gambar 20 : Pandangan >>>
hadapan bangunan yang
telah siap



3.1.1.6 Menaiktaraf *Stable* Kuda Di Taman Tasik Titiwangsa dan Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Menaiktaraf <i>Stable</i> Kuda Di Taman Tasik Titiwangsa Dan Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
Nama Kontraktor	Tetuan Aremes (M) Sdn Bhd
Tarikh Mula	17hb. Januari 2017
Tarikh Siap	21hb. Disember 2017
Kos Projek	RM1,171,312.63

Jadual 6 : Maklumat projek Cadangan Menaiktaraf *Stable* Kuda Di Taman Tasik Titiwangsa Dan Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur



Gambar 21 : Pandangan ruang pameran sebelum kerja ubahsuai dijalankan



Gambar 22 : Pandangan paddock pasir sedia ada sebelum diubahsuai

Gambar 23 : Pandangan >>>
paddock pasir selepas
diubahsuai





Gambar 24 : Pandangan rumah pam baru



Gambar 25 : Pandangan bilik mesyuarat yang telah siap

3.1.2 Pembinaan

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2017, Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan telah diperuntukkan sebanyak RM379,070,200.00 bagi membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan. Pecahan peruntukan bagi projek dalam pembinaan mengikut jenis pembangunan adalah seperti di Carta 2.



BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
BANGUNAN PEJABAT		
1.	Naiktaraf Unit Berkuda di Taman Tasik Titiwangsa / Bandar Tun Razak	950,000.00
2.	Membina & Mengubahsuai Pejabat Tapak & Setor Jabatan-Jabatan di DBKL: Jabatan Lanskap & Rekreasi : 02 - Nurseri Taman Dusun Bandar	1,663,700.00
3.	Membina & Mengubahsuai Pejabat Tapak & Setor Jabatan-Jabatan di DBKL: Jabatan Lanskap & Rekreasi : 08 - Nurseri Pusat Jinjang	6,848,000.00
4.	Pembinaan Satu Blok 4 Tingkat di atas Lot 29507, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr Ismail untuk Pejabat Cawangan Segambut	2,000,000.00
5.	Cadangan Merekabentuk & Menaiktaraf Bangunan DBKL (PAM) Di Jalan Tangsi (Lot 11)	8,512,553.00
6.	Cadangan Pemindahan dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar (JKAS)	45,000,000.00
7.	Ubahsuai Pejabat Menara DBKL 1 di Jabatan Sumber Manusia (JPSM) Tingkat 11, 23 dan 24	1,600,000.00
8.	Naiktaraf Bangunan Pejabat Jabatan Penguatkuasaan	2,550,000.00
9.	Naiktaraf Bangunan Unit-Unit Luar Jabatan Penguatkuasaan	9,390,000.00
10.	Cadangan Ubahsuai Ruang Pejabat Unit Reprografi Di Tingkat 5, Menara DBKL 1	130,000.00
KEMUDAHAN AWAM		
11.	Membina Dewan Serbaguna di atas Lot 1062 Jalan Setiawangsa	21,000,000.00
12.	Cadangan Membina Dewan Komuniti di PPR Bukit Jalil 1	31,000,000.00
13.	Pembinaan Dewan Terbuka Sri Langkawi 1	200,000.00
14.	Cadangan Ubahsuai & Naiktaraf Surau As Sodiqin, Taman Kobena, Cheras	250,000.00
15.	Membina Surau di PPR Bukit Jalil 2	1,500,000.00
16.	Dewan Serbaguna PPR Desa Rejang	2,000,000.00
KOMERSIAL, PASAR DAN GERAJ		
17.	Cadangan Membina Tempat Letak Kereta & Pusat Penjaja di Pekan Sg.Besi	8,500,000.00
19.	Pusat Penjaja Bersebelahan Kompleks JPJ a) Bazaria Genting Klang b) Gerai Sementara	45,000,000.00 926,926.00
KEMUDAHAN SUKAN		
20.	Naiktaraf Sistem Pembentungan bagi KL Sport City di Bandar Tun Razak	9,000,000.00
21.	Membina Arena Petanque dan Kemudahan Asas di Taman Pudu Ulu, Cheras, Kuala Lumpur	6,000,000.00
BANGUNAN-BANGUNAN LAIN		
22.	Pembinaan Pejabat Baru di Tanah Perkuburan Ampang	1,000,000.00
23.	Ubahsuai Makmal Sains di Pasar Borong Selayang	6,000,000.00

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
PELBAGAI		
24.	Menaiktaraf & Pengindahan Kawasan Sekitar Leboh Ampang	6,550,000.00
25.	Menaiktaraf dan Pengindahan Jalan Alor	15,803,147.00
26.	Menaiktaraf dan Pengindahan Kawasan Jalan Kenanga	16,000,000.00
27.	a. Menaiktaraf dan Pengindahan Kawasan Pekan Sungei Besi	10,000,000.00
	b. Pembinaan Pintu Gerbang bagi Jalan-Jalan utama ke Pusat Bandar Kuala Lumpur	
	• Lebuhraya Sungai Besi - Seremban (KM 7.4)	5,130,755.20
	• Jalan Karak - DUKE (KM 3.8 Lebuhraya Duta - Hulu Kelang)	4,676,444.00
	• Lebuhraya Utara Selatan - Jalan Duta (KM 55)	5,208,739.80
28.	Jalan Ipoh - Selayang (KM 12 Jalan Ipoh)	4,984,062.46
29.	Penggantian Skrin LED Track Light pada Fasad Bgn. Menara DBKL 1	12,000,000.00
30.	Menaiktaraf Energy Efficient Building System di Menara DBKL 1	1,500,000.00
PERUMAHAN AWAM		
31.	Perumahan Awam Sg. Udang, Segambut	345,000,000.00
KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA		
32.	Membina Tempat Letak Kereta dan Pusat Komuniti di PPR Semarak	30,000,000.00
33.	Tempat Letak Kereta PA Desa Rejang	35,200,000.00
34.	Tempat Letak Kereta PA Sri Kota	42,000,000.00
35.	Tempat Letak Kereta PA Sri Sabah	20,000,000.00
36.	Tempat Letak Kereta PPR Air Panas	26,200,000.00
37.	Tempat Letak Kereta PPR Desa Petaling	13,500,000.00
38.	Tempat Letak Kereta PPR Desa Tun Razak	55,650,000.00
39.	Tempat Letak Kereta PPR Hiliran Ampang	32,110,000.00
40.	Tempat Letak Kereta PPR Intan Baiduri	29,500,000.00
41.	Tempat Letak Kereta PPR Kepong	24,790,000.00
42.	Tempat Letak Kereta PPR Raya Permai	51,900,000.00
43.	Tempat Letak Kereta PPR Sri Pantai	18,000,000.00
44.	Tempat Letak Kereta PPR Taman Mulia	26,900,000.00
45.	Membina tempat letak kereta di Batu 2 1/2 Cheras (City Views)	33,500,000.00

Jadual 7: Senarai Projek dalam pelaksanaan di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan pada tahun 2017.

3.2 REKABENTUK

3.2.1 Perancangan, Rekabentuk dan Tender

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2017, Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan telah diperuntukkan sebanyak RM25,704,300.00 bagi membiayai bayaran perunding dan kajian di peringkat tender, dokumentasi, rekabentuk & perancangan. Pecahan peruntukan bagi projek peringkat tender, dokumentasi, rekabentuk & perancangan mengikut jenis pembangunan adalah seperti di Carta 3.



Carta 3 : Pecahan peruntukan projek peringkat tender, dokumentasi, rekabentuk & perancangan mengikut jenis pembangunan

BIL	NAMA PROJEK	STATUS
BANGUNAN PEJABAT		
1.	Cadangan Ubahsuai Unit Integriti & Unit Kebajikan Dan Kaunseling di Tingkat 6 Menara DBKL 2	Batal
2.	Cadangan Membina Stor & Kemudahan Pekerja Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak	Dokumentasi
3.	Pemindahan dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) <ul style="list-style-type: none"> Tempat letak kereta, Dewan dan Pejabat Lanskap Kompleks Pejabat JKM & JKAS (Batal dalam keputusan Mesyuarat Pemantauan Bil 10/2015 pada 19.11.2015) 	Rekabentuk
4.	Ubahsuai Ruang Pejabat Jab Perancangan Korporat	Rekabentuk
BANGUNAN PEJABAT		
5.	Membina Kompleks Jabatan Penguatkuasaan DBKL di Bandar Tun Razak	KIV
6.	Naiktaraf Bangunan IDB	Dokumentasi

bersambung...

(sambungan)

BIL	NAMA PROJEK	STATUS
7.	Membina Bangunan Baru Pasukan Pancaragam	Perancangan
8.	Naiktaraf Bangunan Unit Skuad Penyelamat (Flying Squad) Utk Jabatan Penguatkuasaan	Perancangan
9.	Memasang Sistem Kamera Tertutup (CCTV) di Panggung Bandaraya KL	Dokumentasi
10.	Ubahsuai Pejabat Cawangan Cheras	
11.	Pemindahan Flying Squad & Unit Vektor Titiwangsa di Bandar Baru sentul ke Jalan 1/48G, Jalan Sentul di bawah Flyover DUKE	
KEMUDAHAN AWAM		
12.	Naiktaraf Perpustakaan KL Dan Perpustakaan Kanak-Kanak	Tender
13.	Baikpulih Stadium Titiwangsa	Dokumentasi
14.	Naiktaraf Sebahagian Bangunan Penjaja Kg.Attap untuk Pejabat Unit Muzik	KIV
15.	Membina Surau di PPR Desa Tasik	Batal
16.	Pembangunan Semula Dewan Serbaguna kepada Pusat Komuniti (JKKS)	Perancangan
17.	Membina Surau Azhalim Jalan Petaling	Dokumentasi
KOMERSIAL, PASAR DAN GERAJ		
18.	Cadangan Pembangunan Pasar & Tempat Letak Kereta Jalan Kenanga	Rekabentuk
19.	Pembangunan Semula Pusat Penjaja Jalan Jujur, Bandar Tun Razak	Rekabentuk
20.	Pembangunan Semula Pasar Sungai Besi	Batal
21.	Menaiktaraf Pasar dan Pusat Penjaja di Wilayah Persekutuan	Perancangan
22.	Pembangunan Tapak Pasarnita DiTKL Bukit Nenas	Perancangan
23.	Ubahsuai Tingkat Basement untuk Keramat Mall	Perancangan
24.	Penempatan semula penjaja di Lot 20045, Seksyen 41, Jalan Tun Razak, Kg. Baru	KIV
KEMUDAHAN REKREASI		
25.	Baikpulih dan Naiktaraf Gelanggang Futsal di WPKL	Perancangan
KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA		
26.	Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat di Lot 24214, Bandar Seri Petaling, KL	Perancangan
PELBAGAI		
27.	Cadangan Pembangunan Galeri Masjid Jamek Kuala Lumpur	Tender
28.	Kerja-Kerja Quick Win Menaiktaraf Dan Pengindahan Di Bawah Presint-Presint Urban Design Guidelines (UDG)	Rekabentuk
29.	Membina Laluan Pejalan Kaki, Gimnasium & Ruang Aerobik di Podium Menara DBKL 1 & 2 Jalan Raja Laut Kuala Lumpur	Rekabentuk
30.	Pemuliharaan Kompleks Bangunan Lama Mahkamah Sesyen/ Majistret sebagai Galeri Kuala Lumpur	Rekabentuk
31.	Galeri Lot 6, Lot 39 & Lot 42, Dataran Medan Pasar	Perancangan
PERUMAHAN		
32.	Perumahan Awam Kg Wira Jaya, Setapak	Batal
33.	Perumahan Awam Indian Settlement, Kg. Pandan	Perancangan
LAIN-LAIN BANGUNAN		
34.	Cadangan Membina Kelab Sukan DBKL	Tender

Jadual 8 : Senarai Projek dalam tender/rekabentuk/dokumentasi/perancangan di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan pada tahun 2017

3.3 PENYELENGGARAAN

3.3.1 Penyelenggaraan Bangunan dan Kemudahan Awam

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Kuarters dan Rumah Rehat	2,700,000.00	2,699,287.76
Bangunan DBKL	8,560,000.00	8,541,126.36
Bangunan Pasar	2,550,000.00	2,549,698.61
Pusat Penjaja	2,600,000.00	2,537,005.82
Penyelenggaraan Stadium / Kompleks Renang	2,800,000.00	2,752,920.09
Dataran Merdeka	550,000.00	544,759.76
Tandas Awam	1,700,000.00	1,549,842.87
Jentera/Mesin/Lif	1,300,000.00	1,298,627.70
Alat Hawa Dingin	2,730,000.00	2,729,905.58
Penyelenggaraan PABX	100,000.00	98,032.64
Insurans	6,700.00	6,604.20
JUMLAH	25,596,700.00	25,280,811.39

Jadual 9 : Pecahan peruntukan dan belanja operasi penyelenggaraan di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan pada tahun 2017

3.3.2 Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1Malaysia)

Sebanyak 34 blok perumahan kos rendah dan sederhana sekitar Kuala Lumpur telah diselenggara yang merangkumi kerja-kerja mengecat semula dan penggantian bumbung di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Jabatan telah berjaya membelanjakan peruntukan sebanyak RM1,583,356.00.



Carta 4 : Pecahan peruntukan bagi penyelenggaraan bangunan mengikut jenis skop kerja / bangunan siap.



SEKTOR SOSIO-EKONOMI



>>> www.dbkl.gov.my <<<



JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA

1.0 FUNGSI JABATAN

- 1.1 Mencadangkan penggubalan dasar dan melaksanakan dasar pelesenan yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran DBKL.
- 1.2 Memproses dan mengeluarkan lesen premis perniagaan, penjaja, peniaga kecil, lesen iklan, lesen hiburan, minuman keras dan lesen pelbagai berpandukan kepada syarat dan peraturan DBKL sebagai penguasa tempatan.
- 1.3 Menguatkuasakan undang-undang dan syarat-syarat semua lesen yang dikeluarkan oleh jabatan untuk mewujudkan aktiviti dan komuniti perniagaan yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.
- 1.4 Mengawal dan memastikan amalan budaya sihat dalam komuniti perniagaan.
- 1.5 Merancang serta menggalakkan pertumbuhan sektor perniagaan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi disamping mewujudkan suasana perniagaan yang bersih, sihat dan teratur serta mengekalkan keindahan Kuala Lumpur.
- 1.6 Merancang keperluan dan pembangunan pasar dan pusat penjaja yang seragam, teratur dan serba lengkap bagi mewujudkan sistem perniagaan kecil yang lebih sistematik dan bertaraf tinggi.
- 1.7 Bertindak sebagai sebuah Jabatan pemungut hasil DBKL dan kerajaan persekutuan melalui kutipan fi lesen dan cukai hiburan.

RINGKASAN PERJAWATAN PENGISIAN DAN KEKOSONGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN TETAP JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA

BIL.	JAWATAN	GRED	TETAP			PENEMPATAN/PENGISIAN SEBENAR			
			PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG	PERJAWATAN JPPP & ISI JPPP	PERJAWATAN JPPP & ISI JAB. LAIN	PERJAWATAN JAB. LAIN & ISI JPPP	JUMLAH PENEMPATAN SEBENAR JPPP
						(A)	(B)	(C)	(A) + (C)
1	PEGAWAI TADBIR UTAMA 'C'	VU7	1	1	0	0	1	0	0
2	PEGAWAI TADBIR	N54	2	2	0	2	0	1	3
3	PEGAWAI TADBIR	N52	0	0	0	0	0	1	1
4	PEGAWAI TADBIR	N48	4	4	0	3	1	0	3
5	PEGAWAI TADBIR	N44	5	5	0	3	2	1	4
6	PEGAWAI TADBIR	N41	4	4	0	3	0	1	4
7	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	0	0	0	0	0	1	1
8	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N36	0	0	0	0	0	1	1

BIL.	JAWATAN	GRED	TETAP			PENEMPATAN/PENGISIAN SEBENAR			
			PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG	PERJAWATAN JPPP & ISI JPPP	PERJAWATAN JPPP & ISI JAB. LAIN	PERJAWATAN JAB. LAIN & ISI JPPP	JUMLAH PENEMPATAN SEBENAR JPPP
						(A)	(B)	(C)	(A) + (C)
9	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N32	2	2	0	1	1	0	1
10	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L29/L32	1	1	0	0	1	0	0
11	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29/N32	3	3	0	2	1	1	3
12	PENOLONG AKAUNTAN	W29/W32	1	1	0	1	0	0	1
13	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/ SETIAUSAHA PEJABAT	N17/N22/ N27/N28/ N32	1	1	0	1	0	0	1
14	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/ SETIAUSAHA PEJABAT	N17/N22/ N27/N28/ N32	2	2	0	2	0	0	2
15	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N26	6	6	0	6	0	0	6
16	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N22	14	14	0	11	2	1	12
17	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W17/W22	2	2	0	2	0	0	2
18	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N19/N22	176	175	1	150	25	2	152
19	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	N17	1	1	0	0	1	0	0
20	PENGHANTAR NOTIS GRED N11/N14	N11/N14	6	6	0	6	0	3	9
21	PEMBANTU OPERASI (KUP)JWTN HAKIKI PEMBANTU OPERASI GRED N14	N14	3	3	0	3	0	0	3
22	PEMBANTU OPERASI GRED N11/N14	N11/N14	20	20	0	13	7	1	14
23	PEM AM PEJ GRED N1/N4 (TBK 13 THN) JWTN JUMUD, KUP. JWTN HAKIKI PEM OPERASI N11//N14 (TBK 13 TAHUN)	N1/N4	6	6	0	1	5	0	1
24	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11/14	0	0	0	0	0	1	1
25	PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17/ H22	H17/H22	1	1	0	1	0	1	2
26	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	H11	1	1	0	1	0	0	1
27	PEMANDU KENDERAAN GRED H11/ H14 (TBK 13 THN)	H11/H14	20	20	0	15	5	4	19
29	PEMANDU KENDERAAN GRED R3/R6 (TBK 13 THN)JWTN JUMUD GRED H11/ H14	R3/R6	9	9	0	6	2	1	7
29	PEMBANTU AWAM GRED H11 KUP. JWTN HAKIKI PEMBANTU AWAM GRED H14	H11	10	10	0	10	0	0	10
30	PEMBANTU AWAM GRED H11/H14	H11/H14	65	61	4	43	18	16	59
31	PEKERJA AWAM GRED R1/R4 (TBK 13 THN)JWTN JUMUD KUP. JWTN HAKIKI PEM AWAM H11/H14	R1/R4	28	28	0	15	13	4	19
32	PEKERJA AWAM GRED R4 JWTN JUMUD KUP. JWTN HAKIKI PEM AWAM H14		1	1	0	1	0	0	1
JUMLAH			395	390	5	302	85	41	343

2.0 PERUNTUKAN BELANJAWAN MENGRUS

PRESTASI BELANJAWAN JABATAN			
Bulan	PERBELANJAAN BULAN		BAJET SEBENAR
	RM	%	RM
Januari	3,778,231.49	9	40,941,700.00
Februari	4,456,986.84	20	40,941,700.00
Mac	3,239,956.13	28	40,941,700.00
April	4,085,237.08	38	40,941,700.00
Mei	3,455,899.17	46	40,941,700.00
Jun	2,993,108.04	54	40,941,700.00
Julai	3,653,432.40	63	40,941,700.00
Ogos	2,468,383.58	69	40,941,700.00
September	3,735,960.83	78	40,941,700.00
Oktober	2,239,846.25	78	43,944,500.00
November	3,542,934.22	86	43,944,500.00
Disember	4,579,981.92	96	43,944,500.00
JUMLAH TERKUMPUL	42,229,957.95	96	43,944,500.00
Bajet Mengurus Sebenar adalah RM 43,994,500.00 Perbelanjaan adalah RM 42,229,957.95 Peratus Perbelanjaan 96.00 %			

STATISTIK KUTIPAN HASIL LESEN DAN SEWA GERAI PASAR TAHUN 201

BIL	JENIS HASIL	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	PREMIS	24,791,709.07
2	IKLAN	14,406,775.80
	IKLAN PAPARAN LUAR (BILLBOARD)	-
3	HIBURAN	4,167,881.00
4	PENJAJA	4,193,290.00
5	PELELONG	3,080.01
6	TEMPAT LETAK KERETA	1,254,270.00
7	MINUMAN KERAS	5,595,856.00
8	SEWA GERAI PASAR (SEMASA)	6,620,769.09
	SEWA GERAI PASAR (TUNGGAKAN)	9,281,539.35
JUMLAH KUTIPAN (RM)		70,315,170.32

3.0 PENGURUSAN ADUAN

3.1 STATISTIK ADUAN AWAM

BULAN	JUMLAH ADUAN				
	TERIMA	DALAM TINDAKAN	DALAM TINDAKAN (%)	SELESAI	SELESAI (%)
Januari	55	0	0	55	100
Februari	43	0	0	43	100
Mac	48	1	2.08	47	97.92
April	50	1	2	49	98
Mei	54	0	0	54	100
Jun	53	0	0	53	100
Julai	46	0	0	46	100
Ogos	60	1	1.67	59	98.33
Sept	23	0	0	23	100
Oktober	13	0	0	13	100
November	23	5	21.74	18	78.26
Disember	19	8	42.11	11	57.89
Jumlah Keseluruhan	487	16	3.29	471	96.71

STATISTIK ADUAN MENGIKUT KATEGORI

BIL	BUTIRAN ADUAN	TERIMA	ADUAN		DALAM SIASATAN		SELESAI	
			ADUAN	%	DALAM SIASATAN	%	SELESAI	%
1.	Kekotoran (Gerai Penjaja/Pasar)	36	36	7.39	0	0	36	100
2.	Penyenggaraan (Pasar/Pusat Penjaja)	2	2	0.41	0	0	2	100
3.	Pusat Hiburan (Permainan)	15	15	3.08	0	0	15	100
4.	Tempat Letak Kereta (Swasta)	17	17	3.49	0	0	17	100
5.	Pusat Hiburan (Kelab Malam)	46	46	9.45	4	8.7	42	91.3
6.	Iklan Papan Tanda	55	55	11.29	1	1.82	54	98.18
7.	Hal Ehwal Penjaja	157	157	32.44	4	2.53	153	97.47
8.	Perniagaan Tanpa Lesen	158	158	32.44	7	4.43	151	95.57
	JUMLAH	486	486	100	16	3.29	470	96.71

4.0 PEMBANGUNAN PENJAJA

4.1 KURSUS PEMBANGUNAN PENJAJA

TARIKH	PERKARA	LOKASI	JUMLAH PESERTA
31.1.2017	Kursus Penjaja Pasar Malam Jalan Berhala.	Dewan Megapuri	48 orang
5.3.2017	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlimen Wangsa Maju dan Setiawangsa.	Dewan Megapuri	62 orang
16.4.2017	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlimen Wangsa Maju dan Setiawangsa.	Dewan Megapuri	67 orang
25.5.2017	Program Kursus Bazar Ramadhan	Institut Latihan DBKL	500 orang
11.8.2017	Taklimat Pematuhan Garis Panduan dan Syarat-syarat Perniagaan Food Truck Sempena Sukan Sea Kuala Lumpur 2017	Dewan Megapuri	123 orang
28.8.2017	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlimen Wangsa Maju, Setiawangsa dan PPR Seri Alam	Dewan Megapuri	58 orang
15.9.2017	Taklimat Penggunaan Biodegradasi dan Rakan Dagang Kad Ceria Kepada Peniaga Food Truck Di Kuala Lumpur 2017	Tingkat 4, Bilik Mesyuarat Cempaka, Menara DBKL 2	65 orang
2.10.2017	Taklimat Berkaitan Lesen Food Truck, Kad Ceria dan Biodegradasi	Tingkat 4, Bilik Mesyuarat Cempaka, Menara DBKL 2	38 orang
10.10.2017 - 12.10.2017	Program pementoran usahawan food truck Kementerian Wilayah Persekutuan	Institut Latihan Memperkasa Ummah (ILMU) Janda Baik, Pahang	27 Orang
JUMLAH			988 ORANG



Taklimat Pematuhan Garis Panduan dan Syarat-syarat Perniagaan *Food Truck* Sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 pada 11 Ogos 2017 di Dewan Megapuri

5.0 RUNDINGAN AWAM

BIL	TAJUK	BILANGAN RUNDINGAN	JUMLAH KEHADIRAN
1	Rundingan Awam Penjaja Pasar Malam	8	202
2	Rundingan Awam Penjaja Bazaria Larut Malam	9	182
3	Rundingan Awam Penjaja Pusat Penjaja	12	204
4	Rundingan Awam Penjaja Tepi Jalan	8	97
5	Rundingan Awam Program Pembangunan Penjaja	12	255
6	Rundingan Awam Projek MRT	4	61

6.0 PROGRAM TRANSFORMASI PENJAJA TEPI JALAN

6.1 PEMBANGUNAN NAIK TARAF GERAI TEPI JALAN

BIL	LOKASI	TARIKH SIAP DIBINA
1.	Tapak Penjaja Jalan 4 Dato' Senu	18 Disember 2017
2.	Tapak Penjaja Jalan Silang	21 November 2017
3.	Tapak Penjaja Lorong Haji Hussien 1	5 September 2017
4.	Tapak Penjaja Jalan Pekeliling Lama	30 Ogos 2017
5.	Tapak Penjaja Jalan 1/56 Setiawangsa	15 Disember 2017

TAPAK PENJAJA JALAN 1/56 SETIAWANGSA



7.0 PROGRAM TRANSFORMASI PENJAJA TEPI JALAN KEPADA FOOD TRUCK

Penyediaan Tapak *Food Truck* (*Pit-Stop*)

BIL	PARLIMEN	LOKASI	JUMLAH PENJAJA SEDIA ADA	JUMLAH TAPAK FOOD TRUCK
1		LORONG TUANKU ABD RAHMAN	13	20
2		JALAN TENGAH	58	16
3		JALAN DORAISAMY	1	7
4		JALAN INAI	3	3
5	BUKIT BINTANG	CHANGKAT RAJA CHULAN	1	5
6		CHANGKAT PERAK	5	5
7		JALAN P.RAMLEE	1	1
8		JALAN AMPANG	1	1
9		MASJID NEGARA	1	1
10		BELAKANG HKL	1	1
11		JALAN DUNGUN	26	12
Pemasangan iklan-iklan haram dalam pelbagai bentuk dan kedudukan di sekitar Kuala Lumpur telah mencatatkan pemandangan dan kebersihan. Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut mengambil tindakan membersihkan kawasan persekitaran dengan menggunakan tenaga kerja *Flying Squad* masing-masing yang mengambil tindakan pada setiap hari. Di sepanjang tahun 2017, sebanyak 69,651 iklan haram telah diturunkan.

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH IKLAN
1.	Bandar Tun Razak	4,567
2.	Seputeh	6,020
3.	Batu	5,618
4.	Lembah Pantai	6,121
5.	Cheras	6,191
6.	Titiwangsa	5,919
7.	Segambut	5,671
8.	Kepong	5,036
9.	Wangsa Maju	6,100
10.	Bukit Bintang	6,398
11.	Setiawangsa	6,410
JUMLAH KESELURUHAN		69,651

3.5 PERMIT KHEMAH SEMENTARA

Jabatan Perkhidmatan Kawasan juga adalah bertanggungjawab mengeluarkan permit khemah sementara kepada pelbagai pihak bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti sosial seperti mengadakan majlis kenduri, majlis sambutan perayaan, majlis kematian dan majlis pembukaan premis. Pada tahun 2017, sebanyak 513 permohonan permit khemah telah dikeluarkan oleh Pejabat Cawangan.

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH PERMOHONAN PERMIT
1.	Bandar Tun Razak	62
2.	Seputeh	65
3.	Batu	84
4.	Lembah Pantai	20
5.	Cheras	33
6.	Titiwangsa	38
7.	Segambut	44
8.	Kepong	78
9.	Wangsa Maju	66
10.	Bukit Bintang	6
11.	Setiawangsa	17
JUMLAH KESELURUHAN		513

3.6 ADUAN AWAM

Pada tahun 2017, sebanyak 1,078 kes aduan awam yang telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Kawasan dimana aduan yang diterima akan disemak sebelum disalurkan kepada Jabatan pelaksana melalui Sistem iSPAAA.

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH ADUAN (KES)
1.	Bandar Tun Razak	94
2.	Seputeh	239
3.	Batu	247
4.	Lembah Pantai	50
5.	Cheras	109
6.	Titiwangsa	45
7.	Segambut	103
8.	Kepong	9
9.	Wangsa Maju	56
10.	Bukit Bintang	79
11.	Setiawangsa	47
JUMLAH KESELURUHAN		1,078

3.7 PENGUATKUASAAN

Peranan Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut diperkasakan dengan penempatan sepasukan penguatkuasa dengan kekuatan seorang Ketua Inspektor, seorang Inspektor dan 10 anggota penguatkuasa di setiap Pejabat Cawangan. Pada tahun 2017, sebanyak 397,748 notis kesalahan dan tawaran kompaun dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasa yang ditempatkan di Pejabat Cawangan kepada orang ramai yang melakukan kesalahan undang-undang.

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH PENGELUARAN NOTIS KESALAHAN
1.	Bandar Tun Razak	27,732
2.	Seputeh	30,217
3.	Batu	44,131
4.	Lembah Pantai	29,327
5.	Cheras	28,127
6.	Titiwangsa	58,601
7.	Segambut	25,157
8.	Kepong	32,225
9.	Wangsa Maju	28,721
10.	Bukit Bintang	62,109
11.	Setiawangsa	31,401
JUMLAH KESELURUHAN		397,748

3.8 KUTIPAN KAUNTER BAYARAN

Jabatan Perkhidmatan Kawasan turut menyediakan kaunter bayaran untuk perkhidmatan orang ramai membayar cukai, lesen dan bil utiliti di semua Pejabat Cawangan kecuali Pejabat Cawangan Bukit Bintang. Pada tahun 2017, sebanyak RM154,649,878.84 telah dipungut melalui kutipan kaunter bayaran tersebut

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	Bandar Tun Razak	15,134,107.71
2	Seputeh	35,251,768.64
3	Batu	15,218,426.78
4	Lembah Pantai	6,374,053.28
5	Cheras	9,580,400.03
6	Titiwangsa	1,005,080.20
7	Segambut	31,612,126.23
8	Kepong	20,188,412.81
9	Wangsa Maju	6,152,301.80
10	Bukit Bintang *	-
11	Setiawangsa	14,133,201.08
JUMLAH KESELURUHAN		154,649,878.84

3.9 PENYELENGGARAAN KECIL JALAN DAN LONGKANG

Bagi mempercepatkan tindakan ke atas pembaikan kerosakan kecil jalan dan longkang, Pejabat-pejabat Cawangan telah diberikan satu panel Kontraktor oleh Jabatan Kerja Awam dan Pengangkutan Bandar untuk melaksanakan tindakan pembaikan berskala kecil. Pada tahun 2017, sebanyak 288 kerja kecil penyelenggaraan jalan dan longkang telah dilaksanakan iaitu 167 penyelenggaraan jalan dan 121 penyelenggaraan longkang.

BIL.	PEJABAT CAWANGAN	JENIS KERJA		JUMLAH
		JALAN	LONGKANG	
1.	Bandar Tun Razak	6	13	19
2.	Seputeh	37	8	45
3.	Batu	10	5	15
4.	Lembah Pantai	5	5	10
5.	Cheras	-	-	-
6.	Titiwangsa	18	11	29
7.	Segambut	40	29	69
8.	Kepong	16	12	28
9.	Wangsa Maju	17	19	36
10.	Bukit Bintang	-	-	-
11.	Setiawangsa	18	19	37
JUMLAH		167	121	288

4.0 PROGRAM KHUSUS DI BAWAH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

4.1 PROGRAM KENDURI 1 WILAYAH PERSEKUTUAN 2017

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan sempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 dengan tema **"Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera"**. Program ini telah dilaksanakan di 11 kawasan parlimen di WPKL dengan jayanya. YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor telah hadir di setiap kawasan Parlimen untuk menyertai program ini dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

BIL.	TARIKH PROGRAM	PEJABAT CAWANGAN	LOKASI PROGRAM
1.	05 Februari 2017	Kepong	Padang Sebelah Balai Polis Jinjang, Kepong, Kuala Lumpur
2.	05 Februari 2017	Bukit Bintang	Jalan Alor, Bukit Bintang
3.	11 Februari 2017	Cheras	PPR Pudu Ulu, Cheras
4.	11 Februari 2017	Bandar Tun Razak	Flat Sri Penara, Bandar Sri Permaisuri
5.	11 Februari 2017	Setiawangsa	Setapak Jaya 1A
6.	11 Februari 2017	Segambut	Taman Rekreasi Jalan Jambu Golok
7.	12 Februari 2017	Seputeh	Teratak Muhibbah 2, Jalan Klang Lama
8.	12 Februari 2017	Titawangsa	Pusat Rekreasi, Jalan Wira, Taman Maluri
9.	12 Februari 2017	Wangsa Maju	Teratai Mewah, Jalan Langkawi
10.	22 Februari 2017	Batu	Pusat Komuniti Sentul Perdana
11.	27 Februari 2017	Lembah Pantai	Kerinchi Residensi, Kerinchi, Kuala Lumpur

4.2 PROGRAM NUR RAMADAN 2017

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kawasan melalui Pejabat-Pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Nur Ramadan 2017 dengan penganjuran majlis berbuka puasa atau majlis moreh di setiap kawasan Parlimen. YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor telah hadir di setiap kawasan Parlimen untuk menyertai program ini dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

BIL.	TARIKH PROGRAM	PEJABAT CAWANGAN	LOKASI PROGRAM
1.	31 Mei 2017	Bandar Tun Razak	Masjid Saidina Othman, Bandar Tun Razak
2.	01 Jun 2017	Cheras	Masjid Jamek Alam Shah, Jalan Pasar
3.	01 Jun 2017	Kepong	Masjid Amaniah, Jalan Besar, Kepong
4.	05 Jun 2017	Batu	Masjid Abi Ayyubi Al-Ansori, Taman Batu Muda
5.	07 Jun 2017	Titawangsa	Masjid Ar-Rahimah, Kg. Pandan
6.	07 Jun 2017	Seputeh	Masjid Al-Khairiah, Taman Salak Jaya
7.	10 Jun 2017	Bukit Bintang	Madrasah Al-Falahiah, Apartm,ent 1, Razak Mansion, Sg.Besi
8.	13 Jun 2017	Wangsa Maju	Surau As-Sakinah, Blok 43, PPR Gombak Setia
9.	13 Jun 2017	Segambut	Masjid Al-Firdaus, Segambut
10.	15 Jun 2017	Setiawangsa	Surau Muhajirin, Desa Rejang, Setapak
11.	16 Jun 2017	Lembah Pantai	Masjid Ar-Rahah, Jalan Kerinchi, Bangsar South City

4.3 PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA – *START UP & SCALE UP*

Kursus Pemantapan Keusahawanan di bawah Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) peringkat Wilayah Persekutuan adalah merupakan program tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui usahasama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Bagi tahun 2017, program pementoran Start Up dan Scale Up telah dirangka untuk dilaksanakan oleh Akademi Perbadanan Nasional Berhad (PNS Academy) yang merupakan agensi perundingan dan keusahawanan KPDNKK supaya latihan keusahawanan ini dapat diberikan kepada 95 orang peserta yang terdiri dari kalangan pseserta Program 1 Parlimen 1 Kemahiran (1P1K) yang telah diadakan oleh semua Parlimen dari tahun 2014 sehingga 2016. Matlamat utama Program Start Up dan Scale Up ini adalah untuk memantapkan ilmu keusahawanan dan membawa para peserta 1P1K yang lalu merealisasikan kemahiran yang telah dipelajari dari progam 1P1K sebagai punca pendapatan tetap/sampingan keluarga. Program ini telah bermula pada 12 Oktober 2017 dan tamat pada Mac 2018.

4.4 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPP)

Semua Pejabat Cawangan berperanan memantau, menyelia, menasihati dan membantu mempromosikan MPP di peringkat sub Zon dan Zon masing-masing. Jumlah MPP Sub Zon adalah seperti berikut:

BIL.	PEJABAT CAWANGAN (ZON)	BILANGAN SUB ZON	BILANGAN AKTIVITI DIJALANKAN
1.	Bandar Tun Razak	10	62
2.	Wangsa Maju	8	43
3.	Cheras	4	25
4.	Batu	6	15
5.	Segambut	5	23
6.	Seputeh	4	30
7.	Lembah Pantai	6	24
8.	Titiwangsa	4	25
9.	Bukit Bintang	2	2
10.	Kepong	3	28
11.	Setiawangsa	5	21
JUMLAH		57	298

5.0 AKTIVITI PROGRAM

PROGRAM SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN



PROGRAM GOTONG-ROYONG



AKTIVITI PENGUATKUASAAN



AKTIVITI PENURUNAN IKLAN HARAM



MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)
JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN PADA 28 OGOS 2017





SEKTOR PENGURUSAN



>>> www.dbkl.gov.my <<<



JABATAN KEWANGAN

MENGENAI JABATAN

a) Latarbelakang

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dan dikenali sebagai Jabatan Bendahari. Nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 270 orang dengan tiga bahagian dan 12 unit.

b) Fungsi Jabatan Kewangan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

Jumlah Pegawai dan Kakitangan Jabatan

KUMPULAN	GRED	JUMLAH
PENGURUSAN & PROFESSIONAL	41 dan ke atas	22
SOKONGAN 1 (19-36)	19 - 36	232
SOKONGAN 2 (11 KE BAWAH)	14 dan ke bawah	16
JUMLAH		270

1.0 LAPORAN PRESTASI BELANJAWAN DBKL 2017

1.1 Sumber-sumber Pembiayaan DBKL :

BIL	PERKARA	RM	PERATUS %
1.	Hasil Cukai	1,043,400,000	36.3%
2.	Hasil Bukan Cukai	1,217,740,000	42.4%
3.	Rancangan Malaysia Ke-11	205,950,000	7.2%
4.	National Key Economic Areas (NKEA - Greater KL / KV)	176,000,000	6.1%
5.	Kumpulan Wang Penswastaan	83,000,000	2.9%
6.	Sewaan Perumahan Awam & Rakyat	82,025,000	2.9%
7.	Bantuan Kerajaan Pusat	49,500,000	1.7%
8.	National Key Result Areas (NKRA)	2,100,000	0.1%
9.	Swasta (Petronas)	3,000,000	0.1%
10.	Lain-Lain Pembiayaan	8,890,000	0.3%
	JUMLAH	2,871,605,000	100%

1.2 Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengurus DBKL 2017

KOD OBJEK AM	OBJEK AM	PERUNTUKAN SEMASA 2017	JUMLAH BELANJA 2017	BAKI	% BELANJA
		(RM)	(RM)	(RM)	
10000	EMOLUMEN	474,089,050	456,317,691	17,771,359	96.3%
14000	BAYARAN LEBIH MASA	75,297,950	74,941,604	356,346	99.5%
20000	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	1,026,327,549	993,051,415	33,276,134	96.8%
30000	ASET KECIL (INVENTORI)	5,736,550	4,016,891	1,719,659	70.0%
40000	PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP	48,961,330	47,088,381	1,872,949	96.2%
50000	PERBELANJAAN LAIN	98,072,571	96,235,940	1,836,631	98.1%
	JUMLAH BESAR	1,728,485,000	1,671,651,921	56,833,079	96.7%

1.3 Pecahan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan DBKL 2017

F O L I O	PERKARA	BIL PROJEK / ITEM	KOS PROJEK (RM)	PINDAAN PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
A	PEMBIAYAAN DBKL						
	PROJEK PEMBANGUNAN :						
	SIAP	46	473,171,864	12,305,300	11,935,759	369,541	97.0%
	PELAKSANAAN	155	3,288,727,998	1,045,946,400	1,041,633,162	4,313,238	99.6%
	PERANCANGAN	117	2,019,900,000	113,887,700	111,708,920	2,178,780	98.1%
	BARU	35	181,171,000	6,252,000	5,556,377	695,623	88.9%
	JUMLAH PROJEK PEMBANGUNAN	353	5,962,970,862	1,178,391,400	1,170,834,219	7,557,181	99.4%
	ASET MODAL :						
	PEMBELIAN KENDERAAN, ASET DAN KOMPUTER / SISTEM	257	117,897,150	48,200,400	47,767,237	433,163	99.1%
	JUMLAH PEMBIAYAAN DBKL		6,080,868,012	1,226,591,800	1,218,601,456	7,990,344	99.3%
B	RANCANGAN MALAYSIA KE-11	20	1,990,725,891	139,070,200	138,571,209	498,991	99.6%
C	NATIONAL KEY RESULT AREAS (NKRA)	5	41,430,000	5,093,900	5,031,859	62,041	98.8%
D	NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS (NKEA - GREATER KL/KV)	26	1,275,759,172	166,424,000	165,927,620	496,380	99.7%
E	SWASTA (PETRONAS)	1	34,507,900	2,800,000	2,533,998	266,002	90.5%
F	LAIN-LAIN PEMBIAYAAN	8	53,900,000	6,622,000	6,136,134	485,866	92.7%
	JUMLAH PEMBIAYAAN KERAJAAN & SWASTA	60	3,396,322,963	320,010,100	318,200,819	1,809,281	99.4%
	JUMLAH BESAR	413 PROJEK 257 ITEM	9,477,190,975	1,546,601,900	1,536,802,275	9,799,625	99.4%

2.0 PROGRAM BAJET 2017

2.1 BENGKEL FOCUS GROUP BAJET 2018

Satu bengkel penglibatan awam melalui kumpulan sasaran ('Focus Group') yang terdiri daripada pelbagai latar belakang organisasi dan pertubuhan seperti persatuan penduduk, persatuan perniagaan/penjaja dan persatuan sukan serta pertubuhan bukan kerajaan telah diadakan pada 16 Ogos 2017 bertempat di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan DBKL bagi memastikan Bajet 2018 dapat disediakan dengan baik dan memenuhi keperluan dan harapan warga kota.

Bengkel ini akan membincang, 'brainstorming' dan menjana perancangan aktiviti dengan memfokuskan kepada program-program utama yang selari dengan fungsi DBKL.



2.2 RETREAT BAJET

Jabatan Kewangan telah mengadakan Retreat Bajet 2018 selama 3 hari pada 2 - 4 Oktober 2017 bertempat di Holiday Inn Kuala Lumpur, Glenmarie, Shah Alam yang dihadiri oleh semua ketua jabatan. Tujuan retreat diadakan adalah untuk membincangkan permohonan program, aktiviti serta projek jabatan-jabatan yang melibatkan komitmen kewangan dalam penyediaan bajet 2018 DBKL.

Selain daripada itu, program, aktiviti dan projek yang dirancang juga perlu selari dengan Pelan Strategik DBKL 2010-2020 yang menekankan 5 matlamat utama iaitu Bandar raya milik warga kota, bandar raya makmur ekonomi, bandar raya bersaring, bandar raya eko dan bandar raya tadbir urus cekap. DBKL juga terus mengamalkan prinsip 'value for money' bagi setiap program, aktiviti dan projek dengan memastikan ianya mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan mempunyai impak positif.



2.3 PEMBENTANGAN BAJET DBKL 2018 BERSAMA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL

Satu sesi pembentangan Bajet DBKL 2017 bersama Parti Komponen BN telah diadakan pada 9 November 2017.



2.4 SIDANG MEDIA

Sidang Media Bajet DBKL 2017 dibentangkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 22 November 2017.



3.0 PENGURUSAN HASIL

3.1 KAUNTER BAYARAN SEMENTARA DI PUSAT MEMBELI BELAH

Unit Hasil Cukai dan Unit Pengurusan Kaunter Terimaan, Bahagian Pengurusan Hasil, telah mengadakan Bulan Membayar Cukai Taksiran sepanjang bulan **Februari** dan **Ogos 2017**.

Sebanyak 3 kaunter bayaran sementara dibuka di 3 buah pusat membeli belah seperti berikut :-

- **AEON Maluri Shopping Centre**
- **AEON Metro Prima Kepong**
- **Mid Valley Megamall**

Tujuan pembukaan kaunter-kaunter luar ini adalah bagi memudahkan wargakota membuat bayaran cukai taksiran sebelum tarikh akhir bayaran iaitu sebelum 28 Februari dan 31 Ogos setiap tahun di lokasi yang strategik dan mudah untuk dikunjungi.

Selain daripada itu juga, pembukaan kaunter-kaunter luar dapat membantu mengurangkan kesesakan di kaunter bayaran utama di Menara DBKL 1 dan juga kaunter-kaunter di Pejabat Cawangan, DBKL.



AEON Taman Maluri Shopping Centre



AEON Metro Prima, Kepong



Mid Valley Megamall

3.2 KAUNTER BERGERAK

Selain daripada kaunter-kaunter di pusat membeli belah, 2 buah van bergerak juga disediakan seperti berikut:-

- i. Kaunter Bergerak bersebelahan Pejabat JPJ, Jalan Permaisuri 8, Bandar Seri Permaisuri, Cheras
- ii. Kaunter Bergerak di hadapan Bangunan Wisma, Central, Jalan Ampang
- iii. Kaunter Bergerak di Siarkaki berhadapan CIMB Bank, Jalan Ara, Bangsar



Jalan Permaisuri 8, Bandar Seri Permaisuri



Bangunan Wisma Central, Jalan Ampang



Jalan Ara, Bangsar

KOLABORASI BERSAMA JMB/MC BAGI MENGUTIP TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

- MEMBUKA KAUNTER BAYARAN (VAN BERGERAK) DI JMB PADA Hujung Minggu.

BIL	TARIKH OPERASI	LOKASI	KUTIPAN (RM)	CATATAN	
1	6 OGOS 2017	HARTAMAS REGENCY 2, MONT KIARA	7,587		
2	20 OGOS 2017	SCOTT VILLA CONDOMINIUM BRICKFIELD	2,765		
3	27 OGOS 2017	THE PARK RESIDENCE 1 BANGSAR SOUTH	12,403		
4	24 SEPT 2017	BUKIT OUG CONDOMINIUM	17,659		
5	8 OKT 2017	BAM VILLA CONDOMINIUM TAMAN MALURI	6,396	VAN BAYARAN BERGERAK DBKL BEROPERASI DI KAWASAN KONDO	
6	14 OKT 2017	SRI DESA CONDOMINIUM KUCHAI LAMA	8,054		
7	29 OKT 2017	PERTIWI INDAH CONDOMINIUM TAMAN MALURI	8,435		
8	5 NOV 2017	SRI PUTRAMAS CONDOMINIUM JALAN KUCHING	20,217		
9	19 NOV 2017	ARENA HIJAU APARTMENT, BUKIT JALIL	6,699		
JUMLAH			90,213		



Hartamas Regency 2, Mont Kiara



The Park Residence 1, Bangsar South



Bukit OUG Condominium



Bam Villa Condominium,
Taman Maluri



Sri Desa Condominium,
Kuchai Lama



Pertiwi Indah Condominium,
Taman Maluri



Sri Putramas Condominium, Jalan Kuching



Arenahijau Apartment, Bukit Jalil

4.0 PENGURUSAN KEWANGAN

4.1 EXIT CONFERENCE PENYATA KEWANGAN DBKL

Dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan turut dihadiri oleh Ketua Audit Negara

Objektif :-

- i. Menentukan jenis Sijil yang akan diterima oleh DBKL.
- ii. Menentukan Penyata Kewangan 31 Disember 2016 adalah benar dan saksama.

Tarikh : 24 Ogos 2017

Tempat : Bilik Lembaga Tingkat 29 Menara DBKL 1





JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

1.1 PROFAIL JABATAN

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini diperkuat seramai 90 orang kakitangan daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian yang besar dan disokong oleh unit-unit di bawah bahagian tersebut. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah :

1.1.1 Bahagian Dasar dan Pembangunan Aplikasi

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan polisi ICT serta menguruskan pembangunan sistem ICT *in house* dan *out source*.

1.1.2 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan infrastruktur ICT DBKL seperti perkhidmatan rangkaian, server, perkakasan dan telekomunikasi.

1.1.3 Bahagian Multimedia dan GIS

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengurus dan mengemaskini Portal dan Intranet DBKL. Bahagian ini juga memberi khidmat rundingan mengenai pembangunan produksi multimedia.

1.2 FUNGSI

Jabatan ini menyediakan infostruktur serta infrastruktur Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) di DBKL berasaskan Pelan Strategik ICT DBKL. Ini meliputi penggubalan

dasar dan polisi ICT, pembangunan system aplikasi dan multimedia, penyediaan dan pembekalan perkakasan serta perisian ICT, pengurusan data, rangkaian, back-up dan pemulihan bencana serta keselamatan ICT bagi memastikan sistem ICT DBKL beroperasi 24 jam di mana-mana sahaja tanpa gangguan. Fungsi ini dilaksanakan selaras dengan matlamat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan DBKL di tahap cemerlang sejajar dengan visi menjadikan ibu kota Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

1.3 PIAGAM PELANGGAN DBKL

Memastikan semua perkhidmatan *online* dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari).

1.4 PIAGAM PELANGGAN JPM


- 1.4.1 Permohonan lengkap pembangunan sistem aplikasi secara segera (ad hoc) akan dikaji dalam tempoh 30 hari bekerja selepas menerima semua dokumen dengan.
- 1.4.2 Pembangunan produksi multimedia akan dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah mendapat maklumat lengkap dari Jabatan Pengguna.
- 1.4.3 Semua aduan, pertanyaan ICT dan masalah perkakasan, perisian, sistem serta rangkaian yang dihadapi oleh pengguna akan diberi maklumbalas awal dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- 1.4.4 Mengemaskini semua portal dan laman web DBKL dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat lengkap diterima.
- 1.4.5 Memastikan perkhidmatan semua operasi server dan rangkaian dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7hari).
- 1.4.6 Memastikan *preventive maintenance* untuk penyenggaraan server, rangkaian, sistem aplikasi dan perkakasan dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

2.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN

2.1 STATISTIK PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2017

STATISTIK	EMOLUMEN	PERKHIDMATAN & BEKALAN ASET	ASET (INVENTORI)	JUMLAH KESELURUHAN
	(RM)			
Peruntukan	6,215,300.00	21,882,700.00	17,800.00	28,115,800.00
Perbelanjaan	6,144,528.88	21,726,565.08	16,740.00	27,887,833.96
BAKI	70,771.12	156,134.92	1,060.00	227,966.04


Jadual 1 : Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2017



STATISTIK	EMOLUMEN	PERKHIDMATAN & BEKALAN ASET	ASET (INVENTORI)	JUMLAH KESELURUHAN
	(RM)			
<u>Perbelanjaan:</u>				
2017	6,144,528.88	21,726,565.08	16,740.00	27,887,833.96
2016	5,933,918.56	21,684,363.22	19,133.00	27,637,414.78

Jadual 2 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2017 Dan 2016

Rajah 2 :PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENURUS BAGI TAHUN 2017 DAN 2016



2.2 BAJET PEMBANGUNAN


2.1.1 STATISTIK PERUNTUKAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017

PERKARA	PERUNTUKAN INDUK 2017	PERUNTUKAN TAMBAHAN 1/2017	JUMLAH
	(RM)		
Pembelian Pukal (60913/001)	1,886,278.38	0.00	1,886,278.38
Pembangunan Sistem (60913/002)	24,051,555.78 (39 projek)	15,546,715 (10 projek)	39,598,270.78
JUMLAH KESELURUHAN			41,484,549.16

Jadual 3 : Statistik Peruntukan Belanjawan Pembangunan Tahun 2017

* setelah potongan dibuat sebanyak RM 346,821.62 bagi pembelian pukal dan RM 6,995,244.22 bagi pembangunan sistem untuk tujuan penjimatan.

Rajah 3: PERUNTUKAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017



2.1.2 STATISTIK PERBELANJAAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017

PERKARA	PERUNTUKAN INDUK 2017	PERUNTUKAN TAMBAHAN 1/2017	JUMLAH
	(RM)		
Pembelian Pukul (60913/001)	1,886,278.38	0.00	1,886,278.38
Pembangunan Sistem (60913/002)	22,263,239.09	15,546,715.00	37,809,954.09
JUMLAH KESELURUHAN			39,696,147.47

Jadual 5 : Statistik peruntukan belanjawan pembangunan tahun 2017. (Rujuk Rajah 4 untuk rujukan).

Rajah 4 : PERBELANJAAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017



2.4 RUMUSAN

Secara keseluruhan, JPM menerima peruntukan sebanyak **RM69,600,349.16** iaitu merangkumi bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2017. Sebanyak **RM67,583,981.43** perbelanjaan dicatatkan pada tahun 2017 iaitu **97%** daripada jumlah peruntukan tahun semasa dengan masing-masing sebanyak 97% di bawah Bajet Pembangunan dan 99% di bawah Bajet Mengurus. Prestasi perbelanjaan jabatan pada tahun 2017 adalah meningkat sebanyak 5% berbanding pada tahun 2016.



JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) bertanggungjawab merancang keperluan guna tenaga kerja, perlantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, kemudahan untuk kakitangan, penilaian kompetensi, pengurusan prestasi serta pembangunan modal insan. Selain daripada itu, Jabatan berperanan meningkatkan pelaksanaan budaya inovasi, integriti dan akauntabiliti serta menguruskan hal ehwal kebajikan dan kaunseling.

1.0 STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

JPSM mempunyai 3 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran & Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan dan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) :

1.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN

- i. Unit Pengambilan
- ii. Unit Prestasi & Kenaikan Pangkat
- iii. Unit Kemudahan & Persaraan,
- iv. Unit Pentadbiran, Kuarters & Rumah Rehat

1.2 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- i. Unit Perancangan Organisasi
- ii. Unit Pengurusan Maklumat Personel,
- iii. Unit Inovasi & Kualiti
- iv. Unit Kebajikan & Kaunseling

1.3 INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

- i. Pejabat Pendaftar
- ii. Unit Latihan

2.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2017

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	9,362,600.00	8,665,299.00	92.6
2.	Perkhidmatan Bekalan	4,760,500.00	4,107,723.00	86.3
3.	Aset (Inventori)	250,800.00	245,382.00	97.8
4.	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	8,550,000.00	8,220,005.00	96.1
5.	Lain-lain Perbelanjaan	232,763.00	93,170.00	40.0
JUMLAH		23,156,663.00	21,331,579.00	92.1

Jadual : Prestasi Kewangan JPSM dari Januari - Disember 2017

3.0 PERANCANGAN ORGANISASI

Perancangan Organisasi di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan proses dalam memastikan organisasi DBKL secara keseluruhannya mempunyai kakitangan yang mencukupi selaras dengan peranan DBKL dalam merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020; dan seterusnya merancang pelan dan dasar yang bersesuaian ke arah mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia. Dua fungsi utama adalah:

3.1 PERANCANGAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

- 3.1.1 Melaksanakan penyusunan semula DBKL melalui penstrukturan Organisasi dan pengukuhan perjawatan ;
- 3.1.2 Mengkaji kesesuaian permohonan perjawatan Kontrak/ Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Perunding,
- 3.1.3 Melaksanakan penambahbaikan Skim Perkhidmatan; dan
- 3.1.4 Mengurus dan mengemaskini data dan Waran Perjawatan.

3.2 Perancangan Sumber Tenaga Manusia

- 3.2.1 Merancang, menyediakan dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM);
- 3.2.2 Memantau dan melaksanaKajian Sumber Tenaga Manusia di Jabatan-jabatan ;

4.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN TETAP DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


Selaras dengan kelulusan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kedudukan perjawatan tetap di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:-

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Pengurusan Tertinggi	20	20	0
2.	Pengurusan & Profesional	555	542	13
3.	Pelaksana & Sokongan	8950	8423	527
JUMLAH		9525	8985	540


5.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN KONTRAK

Manakala kedudukan perjawatan kontrak di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:-

BIL.	KUMPULAN	JUMLAH PENGISIAN
1.	Pengurusan Profesional	37
2.	Pelaksana & Sokongan I	570
3.	Pelaksana & Sokongan II	436
JUMLAH		1043



Kedudukan Dan Pengisian Perjawatan Kontrak Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sehingga 31 Disember 2017



Kedudukan Dan Pengisian Perjawatan Tetap Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sehingga 31 Disember 2017



Mesyuarat Membincangkan Cadangan Rayuan Penstrukturan Semula Dbkl Fasa 1 Bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
17 Julai 2017

6.0 PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA (PSSM)

Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM), DBKL bertujuan menetapkan hala tuju pengurusan sumber manusia dan strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi tempoh lima tahun. Ianya digunakan agar selaras dengan visi dan misi DBKL untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Pelan strategik sumber manusia ini telah dimurnikan dan dimuktamadkan melalui beberapa siri *retreat* yang telah diadakan pada tahun 2017. Melalui gabungan dengan gabungan input daripada wakil-wakil jabatan dan skim perkhidmatan di DBKL, PSSM terarah kepada elemen-elemen penting dalam pengurusan sumber manusia iaitu:

- i. memberi tumpuan kepada meningkatkan keupayaan modal insan;
- ii. memberi penekanan terhadap organisasi;
- iii. meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan;
- iv. memperkukuh jaringan kerja serta kolaborasi pelbagai dimensi; dan memfokuskan kepada pembudayaan patriotisme serta penerapan nilai-nilai murni



Pemurnian dan Pemantapan Pelan Strategik Sumber Manusia dan Lawatan ke Singapura pada 11 hingga 13 Ogos 2017 di Johor Bahru

7.0 RASIONALISASI TENAGA KERJA DBKL (MANPOWER STUDY)

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) sedang menyelaras pelaksanaan rasionalisasi tenaga kerja di jabatan-jabatan bagi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum di jabatan selaras dengan sasaran hala tuju dan pelaksanaan fungsi-fungsi DBKL.

JPSM dalam usaha merasionalisasikan tenaga kerja DBKL melalui pelaksanaan "*Man Power Study*" bagi memastikan penggunaan tenaga kerja yang optimum, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan pembaziran tenaga kerja. Usaha ini dibantu oleh wakil-wakil jabatan terdiri seramai 63 orang daripada gred 29 dan ke atas. Wakil-wakil jabatan yang terpilih telah menghadiri kursus yang telah diadakan di Seri Suasana, Port Dickson bersama perunding berpengalaman daripada Irshad HR Consulting Sdn. Bhd. iaitu:

- i. Siri 1 : 25- 28 April 2017
- ii. Siri 2 : 2 – 5 Mei 2017
- iii. Siri 3 : 15 – 18 Mei 2017

Lanjutan dari kursus tersebut, pelaksanaan rasionalisasi tenaga kerja secara *hands-on training* telah dilaksanakan di setiap jabatan. Skop Latihan *hands-on training* adalah seperti berikut:-

- i. Impak Pemusatan Tindakan Penguatkuasaan ke atas jabatan.
- ii. Impak pelantikan pegawai/kakitangan kontrak ke jawatan tetap ke atas jabatan.
- iii. Penggunaan tenaga kerja Skim Perkhidmatan Penolong Jurutera Gred JA29 secara optimum di Jabatan Perkhidmatan Kawasan.

Sesi pembentangan laporan *hands-on training* telah diadakan pada 12 Oktober 2017 kepada Pengarah, JPSM.



Kursus Rasionalisasi Tenaga Kerja (*Man Power Study*)
15-18 Mei 2017 di Seri Suasana @PD,Port Dickson



Sesi Klinik Pelaksanaan Rasionalisasi Tenaga Kerja
DBKL: *Hands-On Training* Kepada Peserta Oleh
Perunding Irshad Hr Consulting
Jun-Oktober 2017

8.0 KAJIAN PERJAWATAN TAHUN 2017

Kajian perjawatan DBKL dilaksanakan bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti penggunaan sumber tenaga manusia yang membantu meningkatkan kemajuan dan prestasi kerja serta keseimbangan pengagihan tugas antara jabatan-jabatan. Berikut merupakan senarai aktiviti yang dijalankan bagi audit perjawatan tahun 2017:-

BIL.	TAJUK	TARIKH	AUDITI
1.	Kajian Perjawatan Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan Gred UD41/43/44/48/52/53/54 di DBKL	Mac - April 2017	JKAS
2.	Keberkesanan pemusatan tindakan penguatkuasaan di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perancangan Bandaraya	April 2017	JPRB
3.	Keperluan dan kesesuaian tugas dan fungsi Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 di DBKL	Mei-Dis 2017	JPPPK
4.	Keperluan dan kesesuaian serta hala tuju kerjaya Pengawal Keselamatan Gred KP11 berstatus kontrak di DBKL.	Jun - Dis 2017	JPK



Kajian Perjawatan di Bahagian Penguatkuasaan
Perancangan
April 2017 di Jabatan Perancangan Bandaraya



Kajian Perjawatan Skim Perkhidmatan Pegawai
Perubatan Gred UD41-54
Mac - April 2017 di Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar



Kajian Perjawatan Pengawal Keselamatan 8 Jun 2017 di Jabatan Penguatkuasaan



Kajian Perjawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat 8 Mei 2017- 11 Oktober 2017 di Tabika Kemas PPR Pudu Ulu dan Tabika Kemas Permata Lembaga Pertubuhan Peladang, Malaysia

9.0 SENARAI IKLAN JAWATAN KOSONG (TETAP/KONTRAK/PSH) TAHUN 2017

Sehingga Disember 2017, Unit Pengambilan telah mengiklankan sebanyak 9 iklan kekosongan pelbagai jawatan (tetap dan kontrak) dalam suratkhbar utama dan portal DBKL.

BIL	JAWATAN	TARIKH IKLAN
1.	Pembantu (Penyelenggara Rumah Rehat) Gred H11	31 MAC 2017
2.	Pegawai Kebudayaan Gred B41 (Kontrak) Penolong Jurutera (Awam) Gred Ja29 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 Penolong Pegawai Belia Dan Sukan Gred S29 Pembantu Penilaian Gred W19	10 MEI 2017
3.	Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 Pem. Kemahiran Gred H19 - Mekanik (Kereta Motor) - Tukang Paip -Tukang Cat & Tulis - Pembaik Letrik (Kereta Motor) Pembantu Awam (Penyelamat) Gred H11 Operator Loji Gred H11	20 MEI 2017
4	Arkitek Landskap Gred J41 Jurutera Mekanikal Gred J41 Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19	5 OGOS 2017
5.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 Penolong Pegawai Keselamatan Gred Kp29 Pembantu Akauntan Gred W29 Ahli Muzik (Pemimpin Kombo) Gred B31 Ahli Muzik Gred B31 Artis Budaya (Pereka Tari) Gred B31 Penolong Pegawai Sains Gred C29 Artis Budaya (Pereka Kostum) Gred B19	14 OGOS 2017
6.	Pegawai Inventori Pokok (PSH) Kerani Operasi (PSH)	13 SEPT 2017

BIL	JAWATAN	TARIKH IKLAN
7.	Pembantu Awam (Penggali Kubur/Pembakar Mayat) Gred H11	23 SEPT 2017
8.	Pegawai Tadbir Gred N41 Juruukur Bahan Gred J41 Penolong Jurutera (Awam) Gred J29 Pelukis Pelan Gred Ja19 Pembantu Kemahiran Mekanik Kereta Motor) Gred H19 Pegawai Inventori Pokok (PSH) Penolong Pustakawan (PSH)	2 DIS 2017
9.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred Kp29 Pembantu Penguatkuasa Gred Kp19	11 DIS 2017


10.0 STATISTIK PENGAMBILAN TAHUN 2017

Sepanjang tahun 2017, Unit Pengambilan telah menjalankan sebanyak 32 temu duga yang melibatkan pelbagai jawatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Seramai 776 calon telah berjaya dilantik. Statistik pengambilan mengikut kumpulan adalah seperti jadual di bawah:-

BIL	KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
1.	Pengurusan & Profesional	19	21	40
2.	Sokongan I (Kumpulan B)	71	34	105
3.	Sokongan I (Kumpulan C)	90	110	200
4.	Sokongan II (Kumpulan D)	19	0	19
5.	IMG	216	196	412
JUMLAH		415	361	776

11.0 PENGEMASKINIAN BUKU PERKHIDMATAN KAKITANGAN

Sepanjang tahun 2017, Unit telah mengemas kini sejumlah 2162 buah buku perkhidmatan bagi pelbagai tujuan dan memenuhi Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan di peringkat Jabatan. Pecahan pengemaskinian buku perkhidmatan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:



Carta Pai: Pecahan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan Sepanjang 2017

12.0 SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM – HRMIS)

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia – *Human Resource Management Information System* (HRMIS) telah dipertingkatkan penggunaannya bagi mengurus maklumat kakitangan dengan lebih cekap dan berkesan.

Penggunaan HRMIS memberikan lebih ruang kepada kakitangan untuk mengemaskini sendiri maklumat peribadi, harta, prestasi dan mencetak surat jaminan kerajaan untuk ke klinik/hospital kerajaan.

12.1 Kemudahan Kesihatan:

Electronic Guarantee Letter (eGL) – Pelaksanaan penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara *online* di klinik atau hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS.

12.2 Kemudahan Urusan Persaraan:

Integrasi HRMIS dengan Sistem POWER (Sistem Persaraan Jabatan Perkhidmatan Awam) bagi memudahkan urusan persaraan.

12.3 Pengurusan Prestasi Secara *Online*:

Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) secara *online* bagi memudahkan urusan capaian dan simpanan rekod tahunan. DBKL mengguna pakai HRMIS-Modul Penilaian Prestasi sepenuhnya pada tahun 2017.

12.4 Pengemaskinian Data Peribadi dan Maklumat Harta:

Data peribadi boleh dikemas kini sendiri oleh kakitangan bagi urusan berkaitan kemudahan kesihatan serta persaraan. Maklumat harta juga boleh diakses dan dikemaskini secara dalam talian bagi memenuhi Kaedah 8, Kaedah-Kaedah Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tatatertib) 1992 berkaitan Perisytiharan Harta.

13.0 AKTIVITI / PROGRAM 2017


Pelbagai aktiviti/program dilaksanakan bagi memastikan pengemaskinian buku perkhidmatan dan penggunaan HRMIS dapat berjalan dengan lancar. Program adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH & TEMPAT	AKTIVITI / PROGRAM
1.	5 – 7 April 2017 Sri Suasana, Port Dickson	Bengkel Pembangunan Semula Modul Latihan Bagi Hrmis Dan Sistem Buku Perkhidmatan.
2.	25 – 26 April 2017 Institut Latihan DBKL	Latihan Pengisian Maklumat Sasaran Kerja Tahunan Melalui Hrmis
3.	8 Mei 2017 Putrajaya	Hrmis User Group Summit 2017
4.	22 – 25 Mei 2017 Institut Latihan DBKL	Kursus Pengemaskinian Buku Perkhidmatan
5.	30 Mei – 3 Jun 2016 Universiti Putra Malaysia	Program Share: Sistem Analitik Sumber Manusia
6.	20 – 21 September 2017 Institut Latihan DBKL	Latihan Pengisian Maklumat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (Lnpt) Melalui Hrmis
7.	2 – 3 Oktober 2017 Universiti Putra Malaysia,	Program <i>Sharing Hrmis Application Knowledge & Experience</i> (Share) – Modul Data Perjawatan

BIL.	TARIKH & TEMPAT	AKTIVITI / PROGRAM
8.	21 Disember 2017 Menara DBKL 1	Lawatan Kerja Pasukan Penyelia Hrmis Perbadanan Labuan
9.	15 Jun 2017, 14 September 2017 19 September 2017 Auditorium DBKL & Bilik Gerakan DBKL	Program Galakan Daftar Pemilih

14.0 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi Tahun 2016 telah diadakan pada 28 Mac 2017 di *Matrade Exhibition & Convention Centre* (MECC). Seramai 772 penerima APC DBKL dengan pecahan kumpulan seperti berikut:



Pecahan Penerima APC 2017

14.1 Hadiah Dan Insentif Kepada Penerima

- i. Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- ii. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00 dalam bentuk Sijil Simpanan Premium (SSP)
- iii. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.
- iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri
- v. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017

15.0 MAJLIS ANUGERAH PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017

Majlis Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi Tahun 2017 telah diadakan pada 21 November 2017 di Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Seramai 3 orang penerima PPC dari DBKL

15.1 Hadiah dan Insentif kepada Penerima ;

- i. Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang
- ii. Sijil Perkhidmatan Cemerlang
- iii. Insentif Tambahan kepada penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) sebanyak RM1,000.00 (Satu Ribu Ringgit Sahaja)
- iv. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.
- v. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri
- vi. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai



Penerima Anugerah PPC 2017

16.0 URUSAN PELANTIKAN KENAIKAN PANGKAT

16.1 Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred Utama A

16.1.1 Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional bagi Tahun 2017 telah diadakan sebanyak 12 kali dimana sebanyak 105 pelantikan kenaikan pangkat telah dibuat. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

16.2 Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga Gred 40

16.2.1 Sebanyak 168 pelantikan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pelaksana telah dibuat dan ianya dibahagikan kepada 3 Kumpulan iaitu :-

- i. Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan I (Sokongan B);
- ii. Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan I (Sokongan C); dan
- iii. Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan II (Kumpulan D dan IMG)



Mesyuarat Pelantikan Kenaikan Pangkat



Majlis Serahan Watikah Pelantikan Kenaikan Pangkat Kumpulan P&P

17.0 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Audit Dalam EKSA tahun 2017

Audit Dalam EKSA telah dilaksanakan sebanyak 2 sesi iaitu bagi sesi 1 pada 29 Mei – 2 Jun 2017 dan sesi 2 adalah pada 30 Oktober – 6 November 2017. Secara keseluruhannya, semua zon-zon EKSA DBKL masih melaksanakan amalan EKSA di zon masing-masing.

18.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

18.1 Retreat Pencapaian KPI tahun 2016 dan Perancangan KPI tahun 2017

Retreat ini telah diadakan di Hatten Hotel, Melaka pada 10-13 Januari 2017 yang melibatkan semua Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan. *Retreat* tersebut bertujuan untuk membentangkan pencapaian KPI Jabatan dan Perancangan KPI yang bersesuaian dengan Jabatan.

18.2 Retreat Setengah Tahun KPI bagi tahun 2017

Retreat ini telah diadakan pada 4-6 September 2017 di Hatten Hotel, Melaka bertujuan membentangkan pencapaian setengah tahun KPI setiap Jabatan, mengenal pasti KPI Jabatan yang tidak dapat dicapai dan KPI yang perlu digururkan atau dipinda.

19.0 MS ISO 9001:2015

19.1 Bengkel Pindaan Dokumen

Bengkel ini bagi memastikan semua dokumen mematuhi standard baharu MS ISO 9001:2015. Ianya telah diadakan sebanyak 2 sesi iaitu pada 17 – 20 Januari 2017 dan 24 – 27 Januari 2017 di Institut Latihan DBKL.

19.2 Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015

Berikutan perubahan Standard MS ISO 9001:2008 ke MS ISO 9001:2015, Kursus Juruaudit Dalam (lama) telah dilaksanakan pada 3-4 Mei 2017 dan 8-9 Mei 2017 di Institut Latihan DBKL bagi memberi pendedahan dan memantapkan pengetahuan dalam ISO 9001:2015.

19.3 Audit Dalaman MS ISO 9001:2015

Audit Dalam MS ISO 9001:2015 DBKL telah dilaksanakan selama 2 minggu bermula pada 5 Jun hingga 19 Jun 2017 bertempat di Dewan Megapuri. Hasil penemuan bagi audit tersebut, DBKL telah mendapat 4 ketidakruan (NCR) Major, 16 ketidakruan (NCR) Minor dan 69 pemerhatian (OFI).

19.4 Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015

Pada 24-26 Oktober 2017 di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka telah diadakan Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menambah baik Pelan Risiko Jabatan sedia ada di samping memperjelaskan pelaksanaan pelan pengurusan Risiko.

19.5 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

MKSP diadakan untuk membincangkan perkara-perkara yang akan memastikan sistem pengurusan kualiti DBKL sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan. MKSP telah diadakan sebanyak dua siri seperti berikut:

- Siri 1 : 16 Oktober 2017
- Siri 2 : 17 Oktober 2017

19.6 Audit Pemantauan (Surveillance Audit)

SIRIM QAS telah menjalankan Audit Pemantauan bagi pensijilan MS ISO 9001:2015 di DBKL pada 13 – 17 November 2017. Hasil penemuan audit tersebut, DBKL telah mendapat 5 ketidakruan (NCR) Minor dan 27 pemerhatian (OFI).

20.0 PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001 : 2013

20.1 Bengkel Penyediaan Dokumen ISO 27001:2013

Bengkel Penyediaan Dokumen ISO 27001:2013 telah diadakan pada 24-27 Januari 2017 di Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membangunkan Manual dan Dokumen yang berkaitan sebagai persediaan bagi pensijilan ISO 27001:2013.

20.2 Bengkel Penyediaan RA dan SOA ISO 27001:2013

Pada 6-9 Mac 2017 telah diadakan Bengkel Penyediaan Risk Assessment dan Statement of Applicability di Mahkota Hotel, Melaka bertujuan untuk membangunkan RA dan SOA bagi dokumen ISO.

20.3 Bengkel Semakan RA dan SOA ISO 27001:2013

Pada 15-18 Mei 2017 telah diadakan Bengkel Semakan Risk Assessment dan Statement of Applicability di Awana Hotel, Genting bertujuan untuk menyiapkan dan mengemas kini RA dan SOA bagi dokumen ISO.

20.4 Semakan Dokumen ISO 27001:2013

Semakan dokumen bagi ISO 27001:2013 termasuk Manual Kualiti, RA dan SOA telah disemak oleh pihak SIRIM bagi memastikan semua dokumen telah tersedia sebelum audit pensijilan.

21.0 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

21.1 Konvensyen KIK Peringkat DBKL

Konvensyen KIK Peringkat DBKL telah diadakan pada bulan Februari 2017. Sebanyak Lima Pasukan telah menyertai konvensyen tersebut iaitu

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej.Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar
4.	Hikmah	Jabatan Perkhidmatan Kawasan
5.	D'Enforcer 3	Jabatan Penguatkuasaan

21.2 Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Tengah 2017

DBKL telah menghantar Kumpulan KIK untuk bertanding dalam Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah Tengah Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24-25 Julai 2017 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Lima pasukan telah dipilih untuk mewakili DBKL dan telah memperolehi anugerah emas. Pasukan KIK tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej. Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar
4.	Hikmah	Jabatan Perkhidmatan Kawasan
5.	D'Enforcer 3	Jabatan Penguatkuasaan

21.3 Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan 2017

DBKL telah menghantar Kumpulan KIK untuk bertanding dalam Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 14-16 November 2017 di Genting International Convention Centre (GICC). Tiga pasukan telah dipilih untuk mewakili DBKL dan telah memperolehi anugerah Emas 3 Bintang. Pasukan KIK tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PASUKAN KIK	JABATAN
1.	Ubiquitous	Jabatan Pengurusan Maklumat
2.	Roadstar 3	Jabatan Kej.Awam & Pengangkutan Bandar
3.	Sihat XVII	Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar

21.4 International Quality And Productivity Convention (ICPC) 2017

DBKL telah menghantar Kumpulan Bolt3 dari Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan untuk bertanding dalam International Quality And Productivity Convention (ICPC) pada 27-30 November 2017 di Padang Indonesia dan telah memenangi Anugerah Platinum

21.5 International On Quality Control Circle (ICQCC) 2017

DBKL telah menghantar Kumpulan Germination 2 dari Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi untuk bertanding dalam International On Quality Control Circle (ICQCC) 2017 pada 24-27 Oktober 2017 di Manila, Filipina dan telah memenangi Anugerah Platinum

22.0 KEBAJIKAN DAN KAUNSELING

Fungsi utama Unit Kebajikan dan Kaunseling ialah memberi perkhidmatan kebajikan kepada semua kakitangan dan keluarga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta menguruskan Insurans Kelompok dan perkhidmatan kaunseling untuk kakitangan.

22.1 Bantuan Kebajikan Kakitangan

Sepanjang tahun 2017 peruntukan telah dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti kebajikan kakitangan seperti berikut :-

BIL.	PERKARA	JUMLAH PENERIMA
1	Sumbangan Perkahwinan	115
2	Saguhati Cahayamata	397
3	Bantuan Pendidikan	14
4	Bantuan Sakit	315
5	Bantuan Kemalangan	78
6	Bantuan Kematian – Kakitangan	16
7	Bantuan Kematian – Ahli KeluargaKakitangan	401
8	Bantuan Kematian – Pasangan	22
9	Bantuan BencanaAlam	18
10	Skim BayaranPampasan – Ex-Gratia	60
11	Ziarah Kakitangan	205
JUMLAH KESELURUHAN		1,641

Jadual Aktiviti Bantuan Kebajikan Tahun 201

22.2 Program Kaunseling

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi dikalangan pegawai dan kakitangan yang berprestasi rendah, program kaunseling telah diadakan. Seramai 130 kakitangan yang terlibat di dalam program ini telah dikaunseling.

22.3 Program Peningkatan Produktiviti

Program ini mensasarkan kakitangan yang Laporan Nilain Prestasi Tahunannya (LNPT) dibawah 75%. Sebanyak tiga siri program telah diadakan bertempat di BTN Kuala Lipis dan BTN Meru yang melibatkan seramai 102 kakitangan.

22.4 Taklimat Pengurusan Kewangan Berkesan

Bagi meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan dikalangan kakitangan, sebanyak 6 sesi taklimat telah diadakan dengan 157 peserta. Taklimat ini mensasarkan kakitangan yang keberhutangan wang yang berat dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

22.5 Lain-lain Program

PROGRAM	TARIKH	LOKASI
Sambutan Hari Pekerja Peringkat DBKL	17 Mei 2017	Auditorium DBKL
Program Meraikan Bakal Haji	11 Julai 2017	Dewan Megapuri

23.0 MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala dimana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

23.1 Mesyuarat MJB, DBKL telah diadakan sebanyak 4 kali.

BIL	TARIKH	LOKASI
1.	03.03.2017	Chiang Mai, Thailand
2.	06.06.2017	Bilik Lembaga Tingkat 29, Menara DBKL 1
3.	10.09.2017	Kota Kinabalu, Sabah
4.	27.11.2017	Bilik Lembaga Tingkat 29, Menara DBKL 1

Jadual:Mesyuarat MJB, DBKLTahun 2017

24.0 STATISTIK PERMOHONAN PELBAGAI JENIS CUTI

BIL	JENIS CUTI	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
1	Tambahan Cuti Rehat (Genap 10 Tahun)	564
2	Cuti Separuh Gaji (Menjaga ahli keluarga)	31
3	Cuti Sakit 90 Hari Kedua	53
4	Pengesyoran Penubuhan Lembaga Perubatan	7
5	Cuti Tibi, Kusta dan Barah	7
7	Cuti Kuarantin	166
8	Cuti Bencana Alam	5
9	Cuti Haji	29
10	Cuti Tanpa Gaji (360 hari)	29
11	Cuti Tanpa Gaji (Mengikut Pasangan)	6
12	Cuti Tanpa Gaji (Menjaga Anak)	67
13	Cuti Tanpa Rekod	697
14	Cuti Tanpa Rekod (Kematian ahli keluarga terdekat)	80
15	Cuti Tanpa Rekod (menghadiri peperiksaan luar)	53
16	Lawatan Persendirian Ke Luar Negara	2533
17	Pengumpulan Cuti Rehat Untuk Gantian Wang Tunai (GCR)	1369
JUMLAH KESELURUHAN		5,696

25.0 STATISTIK PERMOHONAN ELAUN DAN BAYARAN INSENTIF

BIL	KEMUDAHAN ELAUN DAN BAYARAN INSENTIF	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
1	Elaun Perjalanan	81
2	Elaun Lebih Masa	293
3	Elaun Basikal dan Basikal	174
4	Elaun Kepakaran/Insentif Kesihatan Awam	1
5	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	296
6	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu	8
7	Elaun Tanggung Kerja	86
8	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	21
9	Bayaran Insentif Wilayah & Perumahan Wilayah	58
10	Bayaran Pembantu Khas	3
11	Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor	2
12	Bayaran Insentif Penguatkuasa	162
13	Bantuan Penyelenggaraan Rumah (JUSA)	13
14	Bayaran Balik Lesen Memandu	289
15	Elaun Perjalanan Kenderaan	81
16	Elaun Pindah Rumah (Pinjaman Kerajaan)	37
17	Elaun Pindah Rumah (Selepas Bersara)	88
18	Elaun Tugas Memandu (Pemandu Gantian)	47
JUMLAH KESELURUHAN		1740

26.0 STATISTIK PENGESAHAN DALAM JAWATAN, PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN, PENGELUARAN KWSP DAN PERCANTUMAN PERKHIDMATAN LEPAS:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	771
2.	Pelanjutan Tempoh Percubaan: Denda Tanpa Denda	- 11
3.	Pemberian Taraf Berpencen	133
4.	Pengeluaran KWSP	133
5.	Percantuman Perkhidmatan Lepas	-

27.0 STATISTIK PENAMATAN PERKHIDMATAN:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Persaraan Wajib	367
2.	Persaraan Atas Pilihan Sendiri	67
3.	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	3
4.	Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan (Pencen Terbitan)	25
5.	Persaraan Demi Kepentingan Awam	-
	Pelepasan / Peletakan Jawatan	
	Notis 1 bulan	9
6.	Notis 24 jam	10
	Pemendekan Notis	10
	Pelepasan Jawatan	5
	Pemendekan Notis peletakan jawatan (Pelantikan Tetap DBKL)	400
JUMLAH KESELURUHAN		896

28.0 STATISTIK PINJAMAN / BIASISWA:-

JENIS PINJAMAN	JUMLAH	JUMLAH PINJAMAN / PEMBIAYAAN (RM)
Perumahan	585	
Kenderaan	17	116,000.00
Komputer	29	145,000.00
Pinjaman Pelajaran Datuk Bandar (untuk anak kakitangan)	20	327,000.00
Biasiswa Datuk Bandar (untuk kakitangan)	5	175,850.00

29.0 STATISTIK PEMBAYARAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR):-

KATEGORI	JUMLAH KAKITANGAN	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)
Kakitangan Tetap (Persaraan)	434	5,295,962.08
Kakitangan Kontrak (Tamat Kontrak)	260	138,319.12
Kakitangan Meninggal Dunia	30	236,206.23
JUMLAH KESELURUHAN	724	5,670,487.43

30.0 STATISTIK PENAHANAN DAN PEMULIHAN GAJI:-

PERKARA	JUMLAH KAKITANGAN
Penahanan Gaji Kerana Tidak Hadir Bertugas	73
Pemulihan Gaji	33
Potong gaji	375
Cuti Sakit Melebihi Kelayakan	58
JUMLAH KESELURUHAN	539

31.0 STATISTIK PERMOHONAN KERJA DI AGENSI LUAR:-

PERKARA	JUMLAH KAKITANGAN
Permohonan Kerja di Agensi Luar	55

32.0 STATISTIK PENGELUARAN SURAT PENGESAHAN :-

PERKARA	JUMLAH (ORANG)
Pengesahan Kakitangan (Pinjaman bank, VISA, Insurans, mahkamah dll)	3000
Pengesahan Pesara	20

33.0 STATISTIK LAIN – LAIN TUGAS :-

PERKARA	JUMLAH KAKITANGAN
Urusan tuntutan PERKESO/SOCSCO	15
Pengesahan tuntutan pembelian telefon mudah alih	55
Pengisytiharan Harta	177

34.0 STATISTIK TUNGGAKAN PINJAMAN:-

BIL	JENIS PINJAMAN / TUNTUTAN	BAKI PINJAMAN 1.1.2014		KUTIPAN TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2017		BAKI TUNGGAKKAN 31.12.2017	
		BIL. AKAUN	JUMLAH (RM)	BIL. AKAUN	JUMLAH (RM)	BIL. AKAUN YANG MASIH TERTUNGGAK	JUMLAH (RM)
1	SKIM PINJAMAN PELAJARAN DATUK BANDAR	11	149,210.92	5	6,000.00	11	143,210.92
JUMLAH KESELURUHAN		11	149,210.92	5	6,000.00	11	143,210.92

35.0 PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH UNIT KEMUDAHAN DAN PERSARAAN SEPANJANG TAHUN 2017**35.1 MAJLIS MERAIKAN PESARA – PESARA DBKL:**

Majlis Meraikan Pesara -Pesara telah diadakan pada 9 November 2017 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur bagi meraikan pesara dan waris yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada tahun 2016 dan 2017.

36.0 INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDB)

36.1 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2017

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	4,128,800.00	3,730,795.07	90.36
2.	Perkhidmatan Bekalan	12,026,400.00	11,275,777.75	93.76
3.	Aset (Inventori)	29,900.00	26,152.00	87.46
JUMLAH		16,185,100.00	15,032,724.82	92.88

Jadual : Prestasi Kewangan IDB dari Januari - Disember 2017

36.2 PENYEDIAAN PROSPEKTUS LATIHAN 2017

Bagi membincangkan hala tuju latihan untuk kakitangan DBKL, Retreat Penambahbaikan Modul Kursus dan Pembangunan Prospektus 2017 telah diadakan pada 30 November hingga 2 Disember 2016 di Hotel Holiday Inn, Melaka.

Persiapan kursus untuk tahun 2017 adalah mengikut **peratusan kumpulan sasaran** iaitu Pengurusan dan Professional (P&P), Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Sokongan II.

Kursus yang dibentuk adalah merujuk kepada Pelan Operasi Latihan IDB yang dilaksanakan berdasarkan **lima (5) tahap tempoh perkhidmatan** seperti jadual berikut:

PERINGKAT	TEMPOH PERKHIDMATAN	KUMPULAN SASARAN
Pra- Penempatan (Asas)	< 3 Tahun	Kumpulan Pengurusan dan Profesional Kumpulan Sokongan I Kumpulan Sokongan II
Pertengahan (Pembangunan dan Peningkatan)	3 – 4 Tahun/ 5 – 10 Tahun	
Lanjutan	> 10 Tahun	
Peralihan	2 Tahun sebelum bersara	

Jadual : Tahap Tempoh Perkhidmatan

36.3 LAPORAN PROSPEKTUS LATIHAN 2017

Bagi tahun 2017, jumlah kursus yang dirancang di dalam Prospektus mengikut bidang adalah sebanyak **278 kursus** dengan jumlah siri sebanyak **454 siri**, seperti jadual berikut:

BIL	BIDANG	JUMLAH	
		KURSUS	SIRI
1.	Arkitek, Bangunan Dan Ukur Bahan	29	40
2.	Pengurusan	28	66
3.	Perancangan Bandar	17	33
4.	Landskap Dan Hortikultur	23	55
5.	Kesihatan Dan Alam Sekitar	18	45

BIL	BIDANG	JUMLAH	
		KURSUS	SIRI
6.	Kewangan Dan Harta	43	55
7.	Teknologi Maklumat	30	40
8.	Kejuruteraan	45	60
9.	Perundangan Dan Penguatkuasaan	45	60
JUMLAH KESELURUHAN		278	454

Jadual : Ringkasan Jumlah Prospektus Latihan Bagi Tahun 2017



Program Transformasi Negara: Pemerkasaan Jati Diri Kenegaraan



Kursus Penyediaan dan Pementapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Penolong Pegawai Tadbir



Program Bina Pasukan: Super Recharge Dinamik Kumpulan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



Program IDB Talk

36.4 ANALISA PENCAPAIAN KURSUS TAHUN 2017

Pada tahun 2017, analisa pencapaian kursus adalah seperti berikut:

- Jumlah peserta yang **ditawarkan** berkursus adalah seramai **17,392 orang**.
- Jumlah peserta yang **hadir** adalah seramai **13,970 (80.3%)**
- Jumlah hari berkursus adalah **50,489 hari**

BIL	BIDANG	KURSUS PROSPEKTUS (SIRI)	KURSUS PERMOHONAN JABATAN	KURSUS UMUM	JUMLAH	KEHADIRAN PESERTA	SASARAN PESERTA	SASARAN HARI BERKURSUS
1	Pengurusan	47	0	0	47	1,435	1,724	3,372
2	Arkitek, Bangunan dan Ukur Bahan	10	0	13	23	296	447	940
3	Kejuruteraan	44	2	11	57	918	1,312	2,757
4	Kesihatan dan Alam Sekitar	23	17	38	78	2,080	2,314	3,486
5	Kewangan dan Harta	45	8	41	94	2,425	2,822	3,819
6	Landskap dan Hortikultur	34	0	12	46	1,014	1,452	2,570
7	Perancangan Bandar	26	4	15	45	922	1,215	1,978
8	Perundangan dan Penguatkuasaan	39	11	4	54	1,345	1,511	2,495
9	Teknologi Maklumat	31	0	2	33	484	680	2,209
10	IDB Talk	8	-	-	8	2,001	2,760	22,080
11	Antarabangsa	-	-	8	8	38	38	50
12	Ketua Koordinator Latihan	6	-	-	6	280	303	1,007
13	Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi	12	-	-	12	732	814	3,726
JUMLAH KESELURUHAN		325	42	144	511	13,970	17,392	50,489

Jadual Analisa Pencapaian Kursus Tahun 2017

37.7 Fasiliti IDB

Statistik penggunaan fasiliti di IDB pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut :

BIL.	KEMUDAHAN	BILANGAN FASILITI	AGENSI KERAJAAN/GLC/ NGO (Penggunaan)		BAYARAN (RM)
			BAYAR	TANPA BAYARAN	
1.	Dewan Perdana Mestika	1	12	69	40,500.00
2.	Bilik Akademik	19	218	1065	76,300.00
3.	Bilik ICT	3	6	297	2,700.00
4.	Kafeteria	1	27	-	16,200.00
JUMLAH KESELURUHAN		24	263	1,431	135,700.00

Statistik Penggunaan Fasiliti IDB Tahun 2017

37.8 Hasil IDB

Pendapatan hasil IDB pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut :

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Yuran Penyertaan Kursus	12,200.60
2.	Yuran Peperiksaan	16,874.75
3.	Bayaran Kemudahan IDB	135,700.00
4.	Sewa Mkaysah Enterprise (Katerer IDB)	24,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		188,775.35

Pendapatan Hasil IDB dari Januari sehingga Disember 2017



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab memastikan semua hartanah di Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain itu, jabatan ini bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan di DBKL.

Jabatan ini juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilikan hartanah, pengambilalihan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

Jabatan ini berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

2.0 RINGKASAN FUNGSI JABATAN

- Membuat penilaian sumbangan membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.
- Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.
- Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli/disewa/diambil semula oleh DBKL.
- Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL
- Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam jualan milik DBKL.
- Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (*Commissioner of Buildings*) mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

3.0 SENARAI NILAIAN

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga **31 Disember 2017** ialah **573,643 harta**. Jumlah nilai tahunan pada **tahun 2017** ialah **RM16,737,069,864** berbanding **RM15,960,247,829.50** pada **tahun 2016** iaitu pertambahan sebanyak **RM776,822,035** atau bersamaan **4.87%**.

Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan selain butir-butir pegangan serta nama dan alamat surat menyurat pemilik yang dikemaskini.

Pertambahan Nilai Tahunan

Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2017 adalah seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	PERTAMBAHAN NILAI TAHUNAN (RM)	PERATUS KENAIKAN (%)
2014	RM14,929,845,125.02	RM5,170,658,857.02	52.98%
2015	RM15,390,994,826.40	RM461,149,701.38	3.09%
2016	RM15,960,247,829.50	RM569,253,003.10	3.70%
2017	RM16,737,069,864.00	RM776,822,035.00	4.87%

Jumlah Nilai Tahunan pada tahun **2016** ialah **RM15,960,247,829.50** berbanding **RM16,737,069,864** pada tahun **2017** iaitu pertambahan sebanyak **RM776,822,035** atau bersamaan **4.87 %**.



Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilai bagi tahun **2014** hingga tahun **2017** dapat diringkaskan seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PINDAAN	JUMLAH BANTAHAN	PERATUS BANTAHAN (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%

Jumlah pindaan yang dibuat **tahun 2016** ialah **34,915** pindaan dan jumlah pindaan pada **tahun 2017** ialah **49,697** pindaan. Jumlah bantahan pada **tahun 2016** dan **tahun 2017** masing-masing berjumlah **2,061** dan **6,218**, di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati meningkat daripada **5.90%** pada tahun **2016** kepada **12.51%** pada tahun **2017**. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja.

Kadar Peratusan Cukai Taksiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melakukan Penilaian Semula Cukai Taksiran 2014. Oleh itu, bagi mengimbangi kenaikan nilai tahunan dan jumlah cukai taksiran yang dikenakan, DBKL dengan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan telah membuat kajian terhadap peratus kadar cukai taksiran. Berikut adalah kadar peratusan cukai taksiran yang dikaji semula berbanding kadar peratusan 2013 :-

JENIS HARTA	DALAM 36 BATU PERSEGI		LUAR 36 BATU PERSEGI	
	2013	2014 - KINI	2013	2014- KINI
Bangunan Perdagangan/Industri	12%	10%	10%	8%
Pangsapuri Servis	12%	7%	8%	5%
Tanah Kosong Perdagangan	10%	7%	6%	5%
Tanah Kosong Kediaman	7%	5%	6%	5%
Bangunan Kediaman	6%	4%	6%	4%
Kediaman Kos Rendah	6%	2%	6%	2%
Bangunan Di Kampung-kampung	3%	2%	3%	2%
Tanah kosong Di Kampung-kampung	2%	1%	2%	1%
Kampung Baru, Kampung Melayu Segambut, Sungai Penchala	2%	1%	2%	1%

Jumlah nilai tahunan yang diperolehi bagi **tahun 2017** berjumlah **RM 16,737,069,864**. Manakala jumlah pendapatan cukai taksiran untuk tahun 2017 adalah sebanyak **RM1,166,016,840 (tidak mengambil kira "capping")**

Notis Menyemak Semula Senarai Nilai

Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai (mengikut Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976) bagi Kerja Semasa 1.4.2018 telah dihantar pada Februari 2018 kepada semua pemilik hartanah yang terlibat dengan Pindaan terhadap Senarai Nilai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Notis tersebut di hantar bagi tujuan sesiapa yang tidak berpuashati dengan cadangan kenaikan Nilai Tahunan seperti di atas berdasarkan alasan yang dinyatakan dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 boleh mengemukakan bantahan secara bertulis.

4.0 SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah satu bentuk percukaian yang dikenakan terhadap harta-harta yang dimiliki dan diduduki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Badan-badan Berkanun menurut Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip penilaiannya adalah sama seperti penilaian cukai pintu, kecuali cara penguatkuasaan dan kutipan cukainya adalah berbeza dan tersendiri. Di mana Nilai Tahunan sesuatu harta itu adalah bergantung kepada rundingan dan persetujuan yang dicapai di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun serta bayarannya dikutip sekali setahun.

Sebagaimana Senarai Nilai yang bertanggungjawab mengemaskini maklumat harta yang dikenakan cukai pintu, Sumbangan Membantu Kadar juga bertanggungjawab menyediakan dan mengemaskini maklumat harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang dikenakan Sumbangan Membantu Kadar.

PROGRAM UTAMA

Dua program utama telah dijalankan oleh Bahagian ini sepanjang tahun **2017** iaitu:-

- Penyediaan tuntutan Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi akaun tahun penilaian 2017.
- Mengemaskinikan senarai utama Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

Pada tahun 2017, persetujuan Nilai Tahunan bagi kerja-kerja Penilaian Semasa harta-harta Sumbangan Membantu Kadar yang mana **berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 2018** telah dicapai di antara DBKL dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Jumlah Sumbangan bagi Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sebanyak **4.51%** iaitu daripada **RM39,209,731.60** mulai **1 Januari 2017** kepada **RM40,977,926.80** mulai **1 Januari 2018**. Manakala jumlah sumbangan bagi Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun tidak berubah, iaitu sebagaimana tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya jumlah Sumbangan Membantu Kadar berkuatkuasa **1 Januari 2018** ini telah meningkat sebanyak **3.63%** berbanding dengan tahun sebelumnya sebagaimana ditunjukkan pada jadual (**Lampiran A – C**). Memastikan Borang C (Harta Kerajaan Persekutuan) bagi Penilaian Semasa berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 yang telah ditandatangani oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Wilayah Persekutuan (JPPHWP) dikemukakan kepada Jabatan Kewangan DBKL untuk dibuat tuntutan **sebelum akhir Februari 2018**

Lampiran A

RINGKASAN SENARAI NILAIAN HARTA-HARTA PERKARA 156, PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	PEMBAYAR SUMBANGAN	BIL. FAIL	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULA 1.1.2018 (RM)	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULA 1.1.2017 (RM)	KENAIKAN NILAI TAHUNAN (%)	JUMLAH SUMBANGAN MULA 1.1.2018 (RM)	JUMLAH SUMBANGAN MULA 1.1.2017 (RM)	PERATUS KENAIKAN SUMBANGAN (%)
1.	Kerajaan Persekutuan	1,935						
	l) Harta Awam		422,915,196.00	395,350,236.00	6.97%	32,554,575.60	30,786,380.40	5.74%
	ii) Harta Angkatan Tentera Malaysia		186,755,640.00	186,755,640.00	0%	8,423,351.20	8,423,351.20	0%
2.	Harta Kerajaan Negeri	15	2,971,800.00	2,971,800.00	0%	219,924.00	219,924.00	0%
3.	Harta Badan Berkanun	197	107,522,760.00	107,522,760.00	0%	9,268,190.40	9,268,190.40	0%
JUMLAH KESELURUHAN			720,165,396.00	692,600,436.00	3.98%	50,466,041.20	48,697,846.00	3.63%

Lampiran B

MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BAGI KERAJAAN NEGERI TAHUN 2018

BIL.	PEMBAYAR SUMBANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULA 1.1.2018 (RM)	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULA 1.1.2017 (RM)	KENAIKAN NILAI TAHUNAN (%)	JUMLAH SUMBANGAN MULA 1.1.2018 (RM)	JUMLAH SUMBANGAN MULA 1.1.2017 (RM)
1.	JOHOR	64,200.00	64,200.00	-	2,568.00	2,568.00
2.	KEDAH	276,000.00	276,000.00	-	11,040.00	11,040.00
3.	PAHANG	130,800.00	130,800.00	-	5,232.00	5,232.00
4.	PERAK	64,200.00	64,200.00	-	2,568.00	2,568.00
5.	PERLIS	168,600.00	168,600.00	-	6,744.00	6,744.00
6.	PULAU PINANG	-	-	-	-	-
7.	SABAH	64,800.00	64,800.00	-	2,592.00	2,592.00
8.	SELANGOR	1,875,000.00	1,875,000.00	-	176,052.00	176,052.00
9.	TERENGGANU	328,200.00	328,200.00	-	13,128.00	13,128.00
Jumlah		2,971,800.00	2,971,800.00	-	219,924.00	219,924.00

MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BAGI BADAN BERKANUN TAHUN 2016

BIL.	PEMBAYAR SUMBANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULAI 1.1.2018 (RM)	JUMLAH NILAI TAHUNAN MULAI 1.1.2017 (RM)	KENAIKAN NILAI TAHUNAN (%)	JUMLAH SUMBANGAN MULAI 1.1.2018 (RM)	JUMLAH SUMBANGAN MULAI 1.1.2017 (RM)
1.	Bank Negara Malaysia	25,186,680.00	25,186,680.00	-	2,362,260.00	2,362,260.00
2.	Bank Simpanan Nasional	9,659,520.00	9,659,520.00	-	965,952.00	965,952.00
3.	FELCRA	2,853,600.00	2,853,600.00	-	228,288.00	228,288.00
4.	FELDA	13,384,080.00	13,384,080.00	-	1,336,932.00	1,336,932.00
5.	Tabung Haji	4,466,400.00	4,466,400.00	-	446,640.00	446,640.00
6.	MARA	775,920.00	775,920.00	-	29,431.20	29,431.20
7.	MAIWP	2,910,120.00	2,910,120.00	-	151,108.80	151,108.80
8.	Kraftangan	1,641,600.00	1,641,600.00	-	164,160.00	164,160.00
9.	RISDA	4,260,480.00	4,260,480.00	-	409,308.00	409,308.00
10.	LGM (RRIM)	3,872,040.00	3,872,040.00	-	358,476.00	358,476.00
11.	UKM	1,393,320.00	1,393,320.00	-	55,732.80	55,732.80
12.	UTM	2,488,560.00	2,488,560.00	-	95,654.40	95,654.40
13.	UM	12,743,760.00	12,743,760.00	-	701,594.40	701,594.40
14.	Yayasan Selangor	539,760.00	539,760.00	-	21,590.40	21,590.40
15.	LPPKN	3,100,680.00	3,100,680.00	-	310,068.00	310,068.00
16.	KTM BHD.	6,225,240.00	6,225,240.00	-	428,894.40	428,894.40
17.	Open University	27,000.00	27,000.00	-	2,700.00	2,700.00
18.	Suruhanjaya Syarikat M'sia	11,994,000.00	11,994,000.00	-	1,199,400.00	1,199,400.00
JUMLAH		107,522,760.00	107,522,760.00	-	9,268,190.40	9,268,190.40

5.0 CAJ PEMBANGUNAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian caj pembangunan yang mengikut permintaan dari Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya. Penilaian caj pembangunan adalah berdasarkan kenaikan nilai tanah akibat dari kelulusan menukar kegunaan tanah, menambah ketumpatan penduduk, lebih luas lantai, menukar kegunaan tanah bagi tempoh sementara dan sumbangan. Jumlah caj pembangunan yang dikenakan adalah selaras dengan **Jadual Pertama, Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013**.

Sepanjang **tahun 2017**, sejumlah **332 kes** penilaian telah disiapkan dan dihantar jawapan ke Jabatan Perancangan Bandaraya, berbanding dengan **295 kes** pada tahun 2016. Manakala, bilangan kes telah bertambah sebanyak **11%** berbanding tahun 2016. Pertambahan bilangan kes yang diterima daripada Jabatan Perancangan Bandaraya pada tahun 2017 adalah susulan daripada pengenalan caj baru dan insentif pengurangan caj pembangunan yang diberikan semenjak September 2015 hingga kini.

Sepanjang **tahun 2017**, didapati bilangan kes **melebihi RM1 juta** mencatatkan **158 kes (48%)**

daripada keseluruhan permohonan penilaian caj pembangunan yang diterima. Manakala baki 174 kes (52%) melibatkan penilaian caj pembangunan tidak melebihi RM1 juta. Jabatan ini mula menerima permohonan bagi penilaian caj pembangunan melibatkan penukaran zon guna tanah bagi tempoh sementara mulai tahun 2016. Jumlah caj yang dikenakan kecil memandangkan tempoh yang dibenarkan hanyalah 1 tahun dan saiz cadangan pembangunan pada kebiasaannya kecil.

Tahun 2017 juga mencatatkan peningkatan amaun penilaian caj pembangunan berbanding tahun sebelumnya sebanyak **RM2,581,486,260** iaitu daripada **RM1,686,798,540** kepada **RM4,268,284,800** bersamaan +60%. Peningkatan ketara ini adalah melibatkan penilaian ke atas projek **mega "Bandar Malaysia" seluas 480.12 ekar berjumlah RM1.554 billion**. Di samping itu, peningkatan ini turut didorong oleh galakan atau pengenalan insentif caj pembangunan yang diperkenalkan semenjak akhir tahun 2015 yang lalu.

Antara aktiviti lain yang tidak kurang penting yang dilaksanakan oleh bahagian ini ialah menyediakan Garis Panduan Penilaian Caj Pembangunan sebagai panduan kepada para Pegawai Penilaian di jabatan dan telah disiapkan pada 22 Jun 2017.

Perbandingan Permohonan Penilaian Caj Pembangunan Dari Tahun 2015 - 2017

BIL.	PERKARA	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	PECAHAN JUMLAH CAJ PEMBANGUNAN TAHUN 2017	PERATUS PERBEZAAN DI ANTARA TAHUN 2017 DENGAN 2016
	Tukar Guna Tanah	1,015,716,936	1,173,475,069	1,684,248,000	39%	+ 30%
	Menambah Kepadatan Penduduk	120,864,000	155,366,000	378,332,000	9%	+ 58%
	Lebih Luas Lantai	331,733,000	354,235,400	2,200,815,000	52%	+ 83%
	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	5,578,000	3,552,500	9,465,000	0.2%	+ 62%
	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat	9,228,000	Tiada	1,210,000	0.02%	Tiada
	Penukaran Zon Gunatanah Tempoh Sementara	Tiada	2,169,571	1,202,500	0.02%	- 44%
JUMLAH KESELURUHAN						

Penilaian Caj Pembangunan Yang Melebihi 1 Juta Tahun 2017

BIL.	PERKARA	BIL. KES
1.	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	69
2.	Menambah Kepadatan Penduduk	43
3.	Lebihan Luas Lantai	38
4.	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	6
JUMLAH KES MELEBIHI 1 JUTA		158

Peratusan penilaian caj pembangunan yang melebihi 1 juta pada tahun 2017 adalah **48% (158/332)**

6.0 PENGECCUALIAN CUKAI

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras harta-harta yang layak diperakukan untuk kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi maksud pengecualian ataupun pengurangan kadar (cukai taksiran) di bawah Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Secara umumnya pengecualian ataupun pengurangan kadar boleh diberi kepada pegangan ataupun sebahagian pegangan yang digunakan semata-mata sebagai tempat awam untuk sembahyang, tanah perkuburan, sekolah awam, bagi maksud khairat, sains, sastera, rekreasi, sosial ataupun kebajikan serta hendaklah tidak bermotifkan keuntungan.

Bagi maksud pengecualian kadar, pegangan terlibat diasingkan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:-

- Bahagian A** iaitu pengecualian penuh ke atas keseluruhan harta menurut seksyen 134.
- Bahagian B** iaitu pengecualian penuh ke atas sebahagian harta menurut seksyen 134.

- Bahagian C** iaitu pengecualian penuh atau sebahagian ke atas harta-harta rekreasi, sosial atau kebajikan menurut seksyen 135.

Bagi tahun 2017 terdapat **211 harta** yang disyorkan untuk diberi pengecualian atau pengurangan cukai taksiran di bawah Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang melibatkan sejumlah **RM3,401,994.81**. Daripada **211 harta** tersebut adalah didapati **209 harta** telah sedia diberi pengecualian atau pengurangan cukai taksiran bagi tahun 2016, manakala selebihnya adalah 2 permohonan baru yang disyorkan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran bagi tahun 2017.

Secara perbandingan terdapat peningkatan jumlah pengecualian atau pengurangan cukai taksiran bagi tahun 2017 iaitu daripada **RM3,050,787.98 (2016)** kepada **RM3,401,994.81 (2017)** dimana melibatkan tambahan sebanyak RM351,206.83. Perkara ini dapat dijelaskan seperti jadual berikut:-

BAHAGIAN	BIL.HARTA		JUMLAH PENGECCUALIAN CUKAI TAKSIRAN		+/- CUKAI TAKSIRAN	CATITAN
	2016	2017	2016 (RM)	2017 (RM)		
A	87	88	545,357.20	556,810.62	(14,453.42)	
B	18	18	55,571.30	50,179.95	5391.35	
C	104	105	2,449,859.48	2,795,004.24	(345,144.76)	
JUMLAH	209	211	3,050,787.98	3,401,994.81	(351,206.83)	

Dasar kadar peratus pengurangan cukai taksiran telah ditetapkan menggunakan kadar 100%, 70% atau 50% sahaja mulai dari senarai bagi tahun 2014. Jadual berikut menjelaskan dasar yang dimaksudkan:-

KATEGORI	KADAR % PENGURANGAN	DASAR PENGECEUALIAN ATAU PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN
1	100	Harta-harta yang digunakan sebagai tempat awam bagi maksud keagamaan, pendidikan, sains, sastera atau seni halus.
2	70	Harta-harta yang digunakan semata-mata bagi maksud persatuan, rekreasi, sosial, kebajikan yang tidak bermotifkan keuntungan wang. Bangunan milik persatuan / pertubuhan Orang Kurang Upaya (OKU). Persatuan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Bangunan selain dari digunakan untuk aktiviti persatuan, rekreasi atau sosial juga mempunyai ruang untuk aktiviti ibadat.
3	50	Harta-harta yang digunakan semata-mata bagi maksud persatuan, rekreasi, sosial atau kebajikan yang tidak bermotifkan keuntungan wang.

7.0 PERMOHONAN DAN KAWALAN TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah seperti permohonan tanah kerajaan, rekod dan kawalan tanah-tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanah rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, tanah kerajaan yang diluluskan Lesen Menduduki Sementara kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta lain-lain urusan tanah kepentingan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Butir-Butir Permohonan Tanah Bagi Tahun 2017

Sejumlah permohonan tanah bagi maksud hakmilik, rizab dan Lesen Menduduki Sementara telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :-

BIL.	JENIS PERMOHONAN	2016	2017
1.	Hakmilik	41	28
2.	Lesen Menduduki Sementara	30	25
3.	Rizab	47	36
JUMLAH KESELURUHAN		118	89

Butir-Butir Kelulusan Permohonan Tanah Tahun 2017

Maklumat 57 permohonan yang telah menerima kelulusan pemilikan, pewartaan dan Lesen Menduduki Sementara daripada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :-

BIL.	JENIS KELULUSAN	2016	2017
1.	Hakmilik	19	12
2.	Lesen Menduduki Sementara	12	15
3.	Rizab	59	30
JUMLAH KESELURUHAN		90	57

8.0 REKOD TANAH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Bahagian ini juga bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk butiran pemilikan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengawal selia hakmilik asal bagi tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti bahagian ini sepanjang tahun 2017 tertumpu kepada penyelarasan maklumat dan hakmilik asal bagi kira-kira **704 tanah** milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

BIL.	SEKSYEN/MUKIM	JUMLAH
1.	Seksyen	125
2.	Kuala Lumpur	286
3.	Setapak	158
4.	Batu	61
5.	Petaling	49
6.	Ampang/Ulu Kelang	25
JUMLAH KESELURUHAN		704

9.0 PENGAMBILAN BALIK TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan pengambilan tanah menurut **Akta Pengambilan Tanah 1960**, bagi setiap projek DBKL termasuk projek-projek usahasama dengan pihak swasta. Tindakan menyediakan laporan penilaian dan lain-lain perkara berkaitan dengan pengambilan balik tanah adalah dibuat berdasarkan permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL seperti Jabatan Perancangan Infrastruktur, Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan, Jabatan Perancangan Fizikal & Bandar dan sebagainya. Jabatan ini bertindak sebagai penasihat kepada jabatan-jabatan tersebut bagi menentukan peruntukan kos pengambilan tanah dan menyediakan laporan penilaian untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian apabila terdapat tanah-tanah milik DBKL yang diambil balik bagi projek-projek kerajaan.

Sepanjang tahun 2017 terdapat 12 kes yang melibatkan 31 lot berkaitan dengan Bahagian Pengambilan Tanah yang telah dikendalikan adalah seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	JUMLAH KES		JUMLAH LOT	
		2016	2017	2016	2017
1.	Penyediaan laporan & anggaran awal (fail PE).	6	3	22	21
2.	Penetapan Kadar Sewa.	-	-	-	-
3.	Mengemukakan permohonan ke PTG untuk penwartaan.	1	-	2	-
4.	Penyediaan laporan penilaian menentukan pampasan (fail Q).	5	3	7	3
5.	Jumlah kes baru yang dirujuk ke Mahkamah (fail RMQ).	-	1	-	2
JUMLAH KESELURUHAN		12	7	31	26

Bahagian ini juga perlu menguruskan perkara yang berkaitan dengan prosedur-prosedur pengambilan balik tanah termasuk urusan surat menyurat, pengendalian tuntutan bayaran pampasan, borang-borang yang berkaitan dengan pengambilan balik dan lain-lain lagi bagi kesemua kes termasuk kes-kes lama dan baru.

10.0 PENYEWAAAN TANAH

Pengurusan penyewaan tanah menjalankan fungsi menerima dan memproses permohonan penyewaan tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan diangkat pengesyoran kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan). Penubuhan Jawatankuasa Penyewaan Tanah DBKL ini telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bil. 1/2016 bertarikh 18hb April 2016. Datuk Bandar Kuala Lumpur mempunyai kuasa untuk melupuskan mana-mana tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diletakhak kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Maksud pelupusan ini termasuklah memberi atau menerima sewaan ke atas tanah tersebut. Tempoh sewaan tanah DBKKL ini adalah tidak melebihi tiga (3) tahun sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 223 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).

Tanah - tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang boleh diberi sewaan adalah seperti berikut:-

- i. Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- ii. Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- iii. Tanah Kerajaan yang diluluskan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- iv. Tanah Kerajaan Simpanan Talian Elektrik diluluskan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- v. Mana-mana tanah yang diletakhak kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur menurut mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa.

11.0 PEMBELIAN HARTA TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan pembelian harta tanah untuk dijadikan milik DBKL. Bangunan-bangunan tersebut termasuklah rumah rehat untuk kakitangan DBKL, bangunan pejabat dan ruang komersial serta tempat letak kereta.

Tindakan mengurus dan menyelaras serta lain-lain perkara berkaitan dengan pembelian harta tanah adalah dibuat berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi DBKL. Jabatan ini bertindak sebagai penasihat kepada Pengurusan Tertinggi DBKL dalam menyediakan maklumat berkaitan sesuatu harta tanah yang ingin dibeli di satu-satu kawasan dan berunding dengan pihak pemaju dari segi keluasan dan harga bangunan tersebut.

Sepanjang tahun 2017, berikut merupakan aktiviti pembelian aset Datuk Bandar Kuala Lumpur :-

BIL.	PERKARA	HARGA DITAWARKAN (RM)	JABATAN MENGURUS / CATATAN
1.	Pembelian 2 unit kondominium : C-09-08 & C-16-07 The Meridian @ Medini Nusajaya, Johor Bahru, Johor Darul Takzim	Unit C-09-08 : (871,000.00) & Unit C-16-07: (894,000.00)	JPSM
2.	Pembelian bangunan pejabat berstrata "En-Bloc" di atas plot 7B (2) KL Metropolis – Naza TTDI	292,500,000.00	Dalam Pembinaan
3.	Cadangan Pembelian 3 unit pangsapuri Alfonso Lowrise dan 2 unit banglo di A' Famosa Golf Resort, Melaka	Pangsapuri : 280,500.00 seunit Banglo : Unit 1103 (727,101.81) & Unit 1016 (692,894.90)	Dalam Tindakan

Bahagian ini juga menguruskan dan mengendalikan perkara berkaitan dengan prosedur - prosedur pembelian harta tanah seperti surat menyurat, bayaran tempahan, semakan pembayaran jual-beli, bayaran deposit dan bayaran berperingkat yang berkaitan dengan pembelian sesuatu harta tanah dan lain-lain lagi.

12.0 PENGURUSAN DAN PENJUALAN ASET

Bahagian Pengurusan dan Penjualan Aset bertanggungjawab mengurus dan mentadbir rekod harta-harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk membuat penilaian nilai pasaran, penilaian sewa dan penilaian insurans ke atas harta-harta milik Datuk Bandar Kuala Lumpur, sekiranya terdapat permintaan daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL. Bahagian ini juga menguruskan penjualan rumah kedai dan kilang milik Datuk Bandar di Bandar Tun Razak serta permohonan kebenaran pindahmilik ke PTG, WPKL bagi penjualan tanah yang diuruskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan.

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti bahagian ini sepanjang tahun 2017 tertumpu kepada aktiviti penilaian untuk kadar sewa pasaran, nilai pasaran harta, penyerahan serta menguruskan penjualan harta-harta Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

BIL.	KETERANGAN	TAHUN 2016	TAHUN 2017
		BIL. HARTA	BIL. HARTA
1.	Nilai Insuran Yang Disemak semula	2	1
2.	Aktiviti Penilaian nilai sewa pasaran	16	21
3.	Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna	13	9
4.	Penjualan Kedai dan Kilang di Bandar Tun Razak	23	11
5.	Menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik bagi penjualan tanah	14	35
6.	Membuat penilaian pasaran bagi penjualan yang diuruskan oleh JPEPP	-	18

13.0 STATISTIK DAN PENYELIDIKAN

Sepanjang tempoh **Januari hingga Disember 2017** Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mencatatkan kira-kira **12,429 transaksi hartanah**. Ianya meliputi **12,699** transaksi hartanah kategori tanah dan bangunan serta **270** transaksi tanah kosong. Keadaan ini menunjukkan **penurunan** transaksi iaitu sebanyak **326** atau **2.55%** atau dalam tempoh yang sama seperti tahun sebelumnya.

Transaksi tanah dan bangunan telah **meningkat** sebanyak **175** atau **1.39%** berbanding tahun sebelumnya. Manakala transaksi tanah kosong pula telah **meningkat** sebanyak **39** atau **16.88%** berbanding tahun sebelumnya. Perincian transaksi ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

BULAN	TANAH DAN BANGUNAN	TANAH KOSONG	JUMLAH
Januari	1,073	24	1,049
Februari	842	32	810
Mac	1,230	18	1,212
April	992	24	968
Mei	1,099	21	1,078
Jun	790	19	771

BULAN	TANAH DAN BANGUNAN	TANAH KOSONG	JUMLAH
Julai	946	20	926
Ogos	1,274	18	1,256
September	1,055	26	1,029
Oktober	1,233	19	1,214
November	1,118	28	1,090
Disember	1,047	21	1,026
JUMLAH KESELURUHAN	12,699	270	12,429

14.0 HAKMILIK STRATA

Pada tahun 2017, Bahagian Strata, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) DBKL telah menyelia kerja-kerja ukur tanah untuk penyediaan hakmilik tanah meliputi penyediaan pelan pra-hitungan serta lain-lain keperluan pengeluaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap sebelum permohonan pecah bahagi bangunan bagi pengeluaran hakmilik strata dapat dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL) selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.

Sepanjang tahun 2017, tiada kelulusan permohonan pecah bahagi bangunan diterima daripada PTG WPKL. Walau bagaimanapun, terdapat satu (1) kelulusan bagi permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) diterima daripada PTG WPKL dan tiga (3) kelulusan bagi permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP) diterima daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Butiran adalah seperti berikut :-

BIL.	NAMA SKIM	BIL. UNIT	CATITAN
1.	PPR Wahyu (Taman Wahyu II)	948	Lulus SiFUS pada 26 Julai
2.	PA Loke Yew (Blok 28)	424	Lulus CPSP pada 9 Oktober
3.	PPR Pudu Ulu	948	Lulus CPSP pada 20 Oktober
4.	PPR Beringin (Taman Wahyu I)	1,896	Lulus CPSP pada 14 Disember
JUMLAH KESELURUHAN		4,216	-


Jadual 1.2 : Butiran skim perumahan yang dipohon dan yang diluluskan sehingga Disember 2017.

Statistik bagi permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab Bahagian Strata, JPPH sehingga Disember 2017 adalah seperti berikut :-

BIL.	PERKARA	JUMLAH SKIM	BIL. UNIT
1.	Telah ada hakmilik strata.	41	40,251
2.	Telah lulus (menunggu pendaftaran hakmilik strata).	1	632
3.	Telah mohon strata (menunggu kelulusan).	6	5,448
4.	Dalam tindakan permohonan strata.	9	7,808
JUMLAH		57	54,139

Jadual 1.3 : Statistik permohonan hakmilik strata sehingga Disember 2017.

Kelulusan yang diperolehi bagi permohonan pecah bahagi bangunan sehingga Disember 2017 adalah berjumlah 40,883 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah :-




Carta 1.1 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH, DBKL sehingga tahun 2017.

Peruntukan dan Perbelanjaan 2017

BIL.	KOD	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN 2017	JUMLAH PERBELANJAAN
1.	B52913 (Bajet Pengurusan)	Bayaran Kerja Ukur Dan Hakmilik Strata	RM600,000.00	RM285,654.37
2.	6093534600 (Bajet Pembangunan)	Pengeluaran Hak Milik Strata bagi Blok F & G, Pangsapuri Kos Sederhana, Batu 2 ½ Cheras, KL	RM10,000.00	-
JUMLAH			RM610,000.00	RM285,654.37

Jadual 1.1 : Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Bahagian Strata, JPPH sehingga Disember 2017.



Carta 1.2 : Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari tahun 1998 sehingga tahun 2017

15.0 PENGURUSAN PROJEK

Bahagian Pengurusan Projek, JPPH bertanggungjawab menyelaras penyediaan hal ehwal tanah dan penilaian bagi projek-projek penswastaan dan pembangunan sosio-ekonomi DBKL.

Projek Penswastaan

JPPH bertanggungjawab menyelaras projek-projek penswastaan DBKL dari segi penilaian nilai pasaran dan kadar sewa yang merangkumi aspek berkaitan pulangan & daya maju sesebuah projek. Penyelarasan dibuat di peringkat Jabatan bersama Bahagian Penswastaan dan Usahasama, Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan, DBKL.

Projek Sosio-Ekonomi

JPPH bertanggungjawab menyelaras projek-projek pembangunan sosio-ekonomi DBKL dari segi penilaian nilai pasaran/kadar sewa tanah/bangunan dan membantu dalam mengenalpasti/membekalkan maklumat tanah bagi tapak cadangan projek yang terlibat. Penyelarasan dibuat di peringkat Jabatan bersama Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan (Bahagian Pembangunan) dan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan.

Kuota Bumiputra

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras kes-kes kuota bumiputera. Pada tahun 2017, Bahagian ini hanya terlibat dengan mesyuarat hal ehwal Jawatankuasa Pelepasan Unit Kuota Bumiputra sahaja kerana tiada kes yang memerlukan kajian terperinci penilaian dibuat.

16.0 AKAUN DAN KUTIPAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan kewangan dari segi perolehan pendapatan dan perbelanjaan bagi unit-unit Harta Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur diselenggara dengan betul serta mematuhi segala prosedur kewangan, Akta dan perkeliling yang ditetapkan.

Prestasi Kutipan Semasa

Sebanyak **RM14,007,439.23** caj sewa dikenakan ke atas sewaan premis komersil dan kediaman dan **RM4,263,909.10** dikenakan caj sewaan ke atas sewaan tanah sepanjang tahun 2017 dengan jumlah keseluruhan berjumlah **RM18,271,348.33**. Sebanyak **35.60%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan premis komersil dan kediaman serta sebanyak **54.74%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan tanah dengan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak 39.99% seperti berikut:-

BIL.	KATEGORI	CAJ SEWAAN SEMASA JAN – DISEMBER 2017	KUTIPAN SEBENAR TAHUN SEMASA	PERATUSAN KUTIPAN	BAKI TUNGGAKAN (RM)
1.	Bandar Tun Razak	1,147,169.70	297,049.00	25.89%	850,120.70
2.	Komersil	7,319,046.00	2,527,151.30	34.53%	4,791,894.70
3.	Kediaman	1,870,375.00	1,706,478.00	91.24%	163,897.00
4.	Bangunan Khas	771,407.00	441,509.88	57.23%	329,897.12
JUMLAH		11,107,997.70	4,972,188.18	44.76%	6,135,809.52
1.	Tanah	4,127,530.10	2,334,239.62	56.55%	1,793,290.48
JUMLAH KESELURUHAN		15,235,527.80	7,306,427.80	47.96%	7,929,100.00

Tunggakan Berkumpul Sehingga Disember 2016.

Tunggakan terkumpul dari tahun 2016 hingga ke akhir tahun 2017 berjumlah **RM12,347,194.74**. Di mana **RM10,553,904.26** merupakan tunggakan sewaan bangunan, manakala **RM1,793,290.48** merupakan tunggakan bagi sewaan tanah. Ringkasan maklumat adalah seperti di bawah:-

BIL.	KATEGORI	BIL. UNIT	JUMLAH TUNGGAKAN JANUARI – DISEMBER		BIL. UNIT	TUNGGAKAN TERKUMPUL (RM)
			2016 (RM)	2017 (RM)		
1.	Komersil Bandar Tun Razak	30	1,518,653.21	850,120.70	30	2,368,773.91
2.	Komersil	72	1,922,111.20	4,791,894.70	84	6,714,005.90
3.	Kediaman	303	650,205.00	163,897.00	313	814,102.00
4.	Bangunan Khas	13	327,125.33	329,897.12	25	657,022.45
JUMLAH		418	5,302,896.91	6,135,809.52	452	10,553,904.26
4.	Tanah	71	0.00	1,793,290.48	80	1,793,290.48
JUMLAH KESELURUHAN		489	4,418,094.74	7,929,100.00	532	12,347,194.74

17.0 SISTEM MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2017 penggunaan sistem berkomputer di jabatan ini telah berkembang dengan adanya pelbagai jenis perisian untuk pelbagai jenis kerja harian terutama yang terlibat dengan Sistem Elektronik Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT) dan Sistem ePelan. Penggunaannya meliputi Sektor Penilaian, Sektor Pengurusan Harta dan Sektor Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Sistem Elektronik Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT)

Modul e-PBT mengandungi 30 sub-modul yang digunakan dan berada di peringkat *Preventive Acceptance Test (PAT)*. Pecahan modul adalah seperti berikut:-

Modul Dalam Sistem Penilaian

1. Modul Kawalan Produktiviti
2. Modul Penilaian Semasa dan Cukai Taksiran
3. Modul Sumbangan Membantu Kadar
4. Modul Penilaian Semula
5. Modul Pengurusan Bantahan & Rayuan
6. Modul Web Permohonan dan Semasak Bantahan (e-PBT online)
7. Modul Foto & Lakaran
8. Modul Pengurusan Dokumen Digital
9. Modul Kemaskini Data Taksiran
10. Modul Pertanyaan GIS
11. Modul Pencetakan Dinamik
12. Modul Penukaran Nama
13. Modul Penukaran Alamat Pos
14. Modul Web Penukaran Alamat Pos
15. Modul Web Penukaran Nama Pemilik – Borang I&J (e-PBT online)
16. Modul Pengurusan GIS Harta Berkadar
17. Modul Carian Maklumat
18. Modul Pengurusan Pulangan Balik Hasil (Elaun Kekosongan)
19. Modul Penyata Pemilik/Penyata Penduduk (e-PBT online)
20. Modul Web Senarai Pembeli/Pemaju (e-PBT online)
21. Modul Kawalan Sekuriti
22. Modul Fail & Hakmilik
23. Modul Pengurusan Surat Digital
24. Modul Statistik
25. Modul Maklumat Jabatan Perancang Bandar
26. Modul Maklumat Jabatan Bangunan (Jabatan Rekabentuk Bandar & Bangunan)

Daripada kesemua modul di atas, hanya 5 modul yang berkaitan dengan e-PBT online sahaja belum berfungsi dan masih lagi di peringkat PAT bersyarat. Manakala modul lain telahpun digunakan dan ada sebahagiannya memerlukan penambahbaikan bagi melancarkan proses kerja.

Modul dalam Sistem Pengurusan Harta

1. Modul Hakmilik Stata
2. Modul Caj Pembangunan
3. Modul Pengurusan Tanah/Harta Bandaraya
4. Modul Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Semua modul di atas telahpun digunapakai di bahagian masing-masing dan memerlukan penambahbaikan bagi melancarkan proses kerja.

Sistem E-Pelan JPPH

Untuk Sistem E-pelan, Jabatan menaik taraf ke fasa yang ke-2. Dengan adanya penambahbaikan kepada sistem ini. Pada 5 Oktober 2016, Tetuan Geomatika Technology Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk melaksanakan Projek E-Pelan Fasa Ke- 2. Kos projek ini menelan belanja sebanyak RM1.3 juta yang meliputi pembelian 1 unit server baru serta perisian terkini yang akan digunakan didalam pembangunan sisitem tersebut. Projek ini dijangka siap pada 28 Februari 2018 dan dijangka *live* pada Mac 2018.

Pembangunan Sistem E-Pelan Fasa ke-2 ini melibatkan tambahan 2 modul iaitu:-

- **Modul Caj Pembangunan**
Dengan pembangunan modul ini, senarai dan rekod penilaian Caj Pembangunan boleh dipaparkan pada pelan bagi menggantikan carian secara manual sedia ada.
- **Modul Penyediaan Pelan Perbandingan**
Antara sub modul yang tedapat di dalam Modul ini adalah :-
 1. Penilaian Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar
 2. Penilaian Caj Pembangunan
 3. Penilaian Nilai dan Sewa Pasaran (bangunan dan tanah kosong)
 4. Pengambilan Balik Tanah.

Sistem E-Pelan Fasa ke-2 juga akan berintegrasi dengan Sistem Penilaian E-PBT dan juga dengan Sistem KULSIS. Selain dari integrasi dengan sistem-sistem yang ada di DBKL serta pertambahan modul baru, Sistem E-Pelan Fasa ke-2 juga akan membuat penambahbaikan untuk modul-modul sedia ada. Antaranya :

Modul Baki Tanah

- Menambahbaik proses ubahsuai atas talian.
- Penambahan field baru bagi atribut baki tanah.
- Keluasan lot yang telah dibangunkan dan keluasan baki tanah boleh dipapar dan dicetak dalam pelan tapak dan pelan lokasi.
- Modul Laporan
- Meningkatkan fungsi modul laporan dan boleh diubahsuai oleh pengguna.
- Modul Paparan Peta & Carian
- Mengesan kedudukan taburan harta.
- Mewujudkan sempadan kawasan parlimen.
- Carian nombor lot termasuk Nombor PT boleh dilakukan dalam Map Browser.

Kemaskini Data Lot & Quickbird

- Pengguna boleh mengemaskini data quickbird dari masa ke semasa.
- Pengguna boleh mengemaskini data lot berdasarkan maklumat terkini dari JUPEM .

Modul Pengurusan Pengguna

- Mengwujudkan fungsi ubah password oleh user sendiri dalam aplikasi desktop.
- Pengguna boleh export maklumat pengurusan pengguna dalam bentuk excel/word/text file.
- Boleh mengatur semula kategori user mengikut kesesuaian kerja semasa.
- Pentadbir boleh memantau/audit pengguna dalam menjalankan kerja-kerja harian.

Buildings Management & Information System (BMIS)

Buildings Management & Information System (BMIS) adalah *centralised* web based system yang dibangunkan mengikut dan mematuhi Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) untuk menguruskan permohonan, pembentukan dan operasi entiti pengurusan hartanah.

Fokus pengguna kepada sistem BMIS adalah seperti berikut:-

- Pemaju
- Pegawai COB
- Ahli jawatankuasa JMB/MC
- OSC

Keistimewaan BMIS

- a. Fungsian upload/view plan 3D
- b. Auto-Run notis melalui emel, SMS dan surat
- c. BMIS dilengkapi dengan ciri *flexible integration platform system* Integrasi jabatan DBKL & agensi luar seperti :-
 - Perancang
 - Bangunan
 - JPIF
 - Perlesenan
 - JPPH

Sistem Maklumat Ukur Periksa

Sistem Maklumat Ukur Periksa adalah satu sistem maklumat yang mana fungsinya melancarkan sistem penilaian dan menyimpan maklumat ukur periksa seperti kolam renang, gym room, lakaran, sketch, pelan tapak, pelan lokasi, dokumen digital seperti geran hakmilik, dokumen CF dan lain-lain bagi hartanah di sekitar Kuala Lumpur. Sistem ini dijangka *live* pada 16hb Disember 2017 dengan kos beranggaran RM995,400.00 di mana ianya dibangunkan oleh pihak Konsultan daripada Tetuan Qamari Consultancy Sdn. Bhd.

Modul-Modul Sistem Maklumat Ukur Periksa

Sistem Maklumat Ukur Periksa

- Penambahan field baru dalam pangkalan data Sistem ePBT untuk maklumat ukur periksa.
- Skrin pencarian maklumat ukur periksa.
- Skrin kemasukan maklumat ukur periksa.
- Skrin paparan maklumat ukur periksa.
- Skrin untuk link maklumat ukur periksa ke harta taksiran/penilaian.
- Maklumat ukur periksa boleh disalin ke pangkalan data kerja semasa apabila ada kerja semasa.
- Maklumat ukur periksa boleh dipost ke pangkalan data harta utama apabila kerja semasa telah selesai. Maklumat lawatan lama dalam harta akan diarkibkan dan sejarah versi maklumat akan direkod.
- Laporan produktiviti kemasukan maklumat lawatan.
- Laporan produktiviti semakan maklumat lawatan.
- Laporan statistik maklumat lawatan.
- Kerja-kerja untuk migrasi maklumat ukur periksa dari pangkalan data kerja semasa yang sedia ada ke pangkalan data utama.

18.0 BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR (COB)

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) merupakan satu entiti yang diwujudkan selepas kuatkuasa Akta 663. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Pesuruhjaya Kuala Lumpur adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam melaksanakan fungsi COBKL tersebut, Bahagian COB telah diwujudkan dan diletakkan di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan harta (JPPH).

Punca kuasa dalam melaksanakan fungsi COB berkenaan, bahagian COB telah melaksanakan tugas-tugas berpandukan **Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)** yang menggantikan **Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2007 (Akta 663)** serta **Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)**. Selaras dengan kuatkuasa Akta 757 ini, Bahagian COB akan mempunyai cabaran yang lebih besar dalam memantau pihak-pihak pengurusan di WPKL ini.

Fungsi Utama

1. Menguruskan hal ehwal Pentadbiran
2. Menguruskan hal ehwal Aduan, Pemantauan dan Khidmat Nasihat
3. Menguruskan hal ehwal Teknikal
4. Menguruskan hal ehwal Akaun
5. Menguruskan hal ehwal Undang-Undang
6. Menguruskan hal ehwal Rekod Daftar Strata

Fungsi Awal Penubuhan Cob

1. Melaksanakan tugas-tugas Pesuruhjaya Bangunan seperti yang termaktub di dalam Akta 663 dan Bahagian V & VII Akta 318.
2. Memberikan nasihat mengenai permasalahan undang-undang berkaitan COB/JMB/MC.
3. Memberikan pandangan mengenai kuasa-kuasa COB.
4. Memastikan aduan kerosakan daripada pihak berkepentingan kepada COB diperiksa dan memberikan nasihat penyelesaian.
5. Menyemak akaun yang dihantar kepada COB dalam keadaan teratur dan membuat tindakan susulan.
6. Mengawal segala rekod-rekod JMB/MC.
7. Membuat pemantauan ke atas aduan yang diterima terhadap pihak berkepentingan dan memberi pandangan dan cadangan penyelesaian.
8. Walau bagaimanapun, setelah berkuatkuasanya Akta 757 pada 1 Jun 2015, tugas dan fungsi COB KL menjadi jauh lebih besar.

Fungsi Pesuruhjaya Bangunan Apabila Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Berkuatkuasa Pada 1 Jun 2015

Secara umumnya skop dan tugas COB KL adalah untuk melaksanakan pentadbiran peruntukan Akta 663 dan Bahagian VI dan VII Akta 318 dan apabila akta baru bagi menggantikan Akta 663 dan Akta 318 telah dilaksanakan, skop dan tugas COB KL akan menjurus kepada melaksanakan pentadbiran Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Di antara senarai tugas dan tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh COB KL berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) adalah seperti jadual di bawah:-

BIL.	SEKSYEN	PERUNTUKAN
1.	6	Jadual petak hendaklah difailkan dengan Pesuruhjaya sebelum penjualan mana-mana petak <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan dan mempamerkan jadual petak.
2.	7	Pemakaian Bahagian Ini <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan strata sebelum kewujudan Perbadanan Pengurusan - permohonan lanjutan tempoh
3.	8	Unit syer yang diumpukkan <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan unit syer diumpukkan jika tiada
4.	9	Kewajipan dan kuasa pemaju semasa tempoh pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan secara keseluruhan bagi memastikan peruntukan Akta ini dipatuhi
5.	10	Pemaju hendaklah menubuhkan akaun penyenggaraan <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pembukaan akaun penyenggaraan
6.	11	Pemaju hendaklah menubuhkan akaun kumpulan wang penjelas <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pembukaan akaun kumpulan wang penjelas
7.	12	Pembeli dan pemaju hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada Kumpulan Wang Penjelas <ul style="list-style-type: none"> • Menerima permohonan kajian semula amaun Caj • Menentukan atau mengarahkan pemaju mengemukakan laporan yang berkaitan bagi tujuan penentuan caj
8.	13	Larangan pemungutan wang sebelum akaun dibuka <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memastikan akaun penyenggaraan dan akaun Kumpulan Wang Penjelas telah dibuka dan milikan kosong petak telah diserahkan sebelum pemungutan wang dilaksanakan.
9.	14	Kewajipan pemaju berhubung dengan akaun <ul style="list-style-type: none"> • Pemfailan salinan akaun teraudit • Memeriksa akaun dan rekod jika perlu
10.	15	Penyerahan oleh pemaju kepada badan pengurusan bersama <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan proses penyerahan kepada badan pengurusan bersama • Memastikan salinan jadual petak atau jadual petak yang dipinda difailkan, jika terpakai
11.	18	Kewajipan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung pertama bagi badan pengurusan bersama <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memastikan mesyuarat AGM pertama diadakan
12.	19	Mesyuarat agung tahunan pertama bagi Badan Pengurusan Bersama <ul style="list-style-type: none"> • Jika berlaku keadaan seperti di bawah Sek. 19(2), menetapkan tarikh baru untuk pemilihan jawatankuasa atau melantik ejen pengurusan
13.	20	Kewajipan badan pengurusan bersama untuk memaklumkan namanya kepada Pesuruhjaya <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran sijil perakuan penubuhan JMB
14.	26	Kewajipan badan pengurusan bersama berhubung akaun <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memeriksa akaun beraudit JMB • Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu • Merangka format penyata dan laporan akaun
15.	27	Pembubaran badan pengurusan bersama <ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pembubaran JMB
16.	29	Kewajipan pemaju berkenaan dengan caj bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak yang disiapkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta <ul style="list-style-type: none"> • Memantau penyerahan akaun beraudit oleh pemaju
17.	32	Undang-undang kecil bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan undang-undang kecil

BIL.	SEKSYEN	PERUNTUKAN
18.	35	Mendapatkan jumlah wang <ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan waran penahanan dalam borang A Jadual Ketiga • Memantau dan membantu proses perlaksanaan waran penahanan
19.	39	Ejen pengurusan yang sedia ada <ul style="list-style-type: none"> • Perlantikan ejen pengurusan
20.	48	Kewajipan dan kuasa pemaju untuk menyenggara dan mengurus <ul style="list-style-type: none"> • Memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan pemaju.
21.	49	Sekatan semasa tempoh pengurusan permulaan <ul style="list-style-type: none"> • Memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan yang dilakukan oleh pemaju
22.	50	Pemaju hendaklah menubuhkan akaun penyenggaraan atas nama perbadanan pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Memantau pembukaan akaun penyenggaraan oleh pemaju • Meluluskan kadar elaun dan perbelanjaan bagi anggota jawatankuasa pengurusan (Sek 50(3)(l))
23.	51	Pemaju hendaklah menubuhkan akaun kumpulan wang penjelas atas nama perbadanan pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Memantau pembukaan akaun kumpulan wang penjelas oleh pemaju
24.	52	Pemilik hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada kumpulan wang penjelas <ul style="list-style-type: none"> • Menerima permohonan kajian semula amaun caj • Menentukan atau mengarahkan pemaju mengemukakan laporan yang berkaitan bagi tujuan caj
25.	54	Kewajipan pemaju berhubung dengan akaun <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memeriksa akaun beraudit yang disediakan pemaju • Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu • Merangka format penyata dan laporan akaun
26.	53	Larangan pemungutan wang bagi penyenggaraan daripada pemilik <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memastikan akaun penyenggaraan dan akaun Kumpulan Wang Penjelas telah dibuka dan milikan kosong petak telah diserahkan sebelum pemungutan wang dilaksanakan.
27.	57	Kewajipan pemaju untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memastikan pemaju mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama
28.	62	Kewajipan perbadanan pengurusan berhubung dengan akaun <ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memeriksa akaun beraudit MC • Urusan Pemfailan akaun • Melantik juruaudit syarikat yang diluluskan untuk menyiasat akaun dan rekod akaun jika perlu • Merangka format penyata dan laporan akaun
29.	70	Undang-undang kecil bagi mengawal selia bangunan dan tanah yang dipecah bahagi <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan undang-undang kecil
30.	71	Undang-undang kecil bagi harta bersama terhad <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan undang-undang kecil bagi harta bersama terhad
31.	72	Daftar Strata <ul style="list-style-type: none"> • Merangka bentuk format daftar strata
32.	76	Pelantikan pentadbir bagi perbadanan pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan salinan perintah mahkamah bagi pelantikan, pemecatan atau penggantian pentadbir
33.	79	Mendapat jumlah wang melalui penahanan harta alih <ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan waran penahanan dalam Borang A Jadual Ketiga • Memantau dan membantu proses pelaksanaan waran penahanan
34.	86	Perlantikan ejen pengurusan oleh Pesuruhjaya <ul style="list-style-type: none"> • Melantik ejen pengurusan jika tiada JMC dipilih semasa mesyuarat AGM pertama JMB (Seksyen 19(2) (b)) • Melantik ejen pengurusan jika setelah siasatan sewajarnya dijalankan didapati penyenggaraan dan pengurusan tidak dijalankan dengan sempurna dan menguruskan proses perlantikan ejen pengurusan

BIL.	SEKSYEN	PERUNTUKAN
35.	88	Ejen pengurusan hendaklah menyerahkan simpan bon <ul style="list-style-type: none"> • Merangka bentuk format pengurusan penyimpanan bon
36.	89	Kuasa dan kewajipan ejen pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Memantau kerja penyenggaraan dan pengurusan ejen dan urusan penfailan penyata yang diserahkan oleh ejen (Sek 89(4))
37.	91	Penamatan perjanjian pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Urusan pemfailan akaun belum audit atau teraudit dan senarai lengkap asset dan liabiliti • Melantik ejen pengurusan yang lain
38.	92	Pemaju hendaklah membayar deposit untuk membaiki kecacatan pada harta bersama <ul style="list-style-type: none"> • Merangka dan menyediakan format penyerahan deposit untuk membaiki kecacatan pada harta bersama • Memantau kerosakan yang berlaku pada harta bersama
39.	125	Kuasa penyiataan <ul style="list-style-type: none"> • Menyiayat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 757
40.	126	Pengeledahan dan penyitaan dengan Waran <ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan waran pengeledahan dan penyitaan • Menjalankan pengeledahan dan penyitaan bagi maksud menyiayat kesalahan dan memeriksa mana-mana orang yang berada di premis setelah waran dikeluarkan oleh mahkamah
41.	127	Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan pengeledahan dan penyitaan bagi maksud menyiayat kesalahan dan memeriksa mana-mana orang yang berada di premis
42.	129	Senarai benda yang disita <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan senarai benda yang disita dan menyerahkan kepada penghuni premis dan menampal senarai benda yang disita pada premis sekiranya tidak berpenghuni
43.	130	Pelepasan benda yang disita <ul style="list-style-type: none"> • Menyerahkan semua benda yang disita sekiranya difikirkan tidak dikehendaki untuk prosiding di bawah Akta • Menyediakan rekod bertulis dan menghantar salinan kepada Pendakwa Raya atau Ketua Polis Negara
44.	131	Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes <ul style="list-style-type: none"> • Memohon perintah mahkamah memohon kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
45.	132	Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes <ul style="list-style-type: none"> • Menyoal siasat secara lisan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
46.	134	Kehendaki supaya menyediakan terjemahan <ul style="list-style-type: none"> • Meminta pihak yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan terhadap buku, daftar, dokumen atau rekod lain yang disita untuk menyediakan terjemahan
47.	135	Pengkompaunan kesalahan <ul style="list-style-type: none"> • Mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan dengan amaun wang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum • Semua jumlah wang hasil daripada pengkompaunan kesalahan perlu didepositkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Data Bangunan Berstrata Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jadual 2 menunjukkan pecahan status dan jumlah pihak pengurusan bangunan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Pemilik bangunan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pada masa kini terdapat lebih daripada **471,187** unit petak strata dengan anggaran jumlah penghuni seramai **1.2 juta** orang. Terdapat **5,808** kawasan pemajuan berstrata, yang mana **812** daripadanya adalah pemaju, **638** telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB), **3,101** daripadanya telah menubuhkan MC dan selebihnya **1,257** tidak dapat dikenal pasti. Status pengurusan bangunan tersebut tidak dapat dikenal pasti kerana terdiri daripada rumah Bandar (town house), lot-lot kedai yang mempunyai dua ke tiga tingkat ke atas, bangunan bertingkat yang tiada pejabat pengurusan yang boleh dirujuk. Ironinya, semakin bertambah bangunan berstrata di WPKL, semakin bertambah juga bilangan pihak pengurusan dan seterusnya tugas dan tanggungjawab Bahagian COB dalam memastikan keharmonian kehidupan di bangunan berstrata akan turut meningkat.

Jadual 2 : Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PIHAK PENGURUSAN		JUMLAH
Pemaju		812
Badan Pengurusan Bersama (JMB)		638
Perbadanan Pengurusan (MC)		3,101
Lain-Lain		1,257
JUMLAH KESELURUHAN		5,808

BIL.	PERKARA	JUMLAH
	Jumlah Petak	Lebih kurang 470,000
	Jumlah Kawasan Pemajuan	5,808
	Anggaran Jumlah Penduduk	1.8 juta
	Anggaran Jumlah Penduduk Bangunan Berstrata	1.2 juta

Aduan Awam

Dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur, Bahagian COB bertanggungjawab mengawal selia dan memantau pengurusan dan penyenggaraan bangunan bertingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pelbagai jenis aduan diterima daripada orang awam khususnya pemilik petak, Badan Pengurusan Bersama serta Perbadanan Pengurusan dan juga Pemaju.

Aduan yang diperolehi di peringkat COB ini merupakan pertelingkahan antara dua pihak dan tidak melibatkan COB secara terus. Aduan ini tertumpu kepada isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan bangunan serta harta bersama yang diuruskan oleh bangunan berstrata tersebut. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pemantauan, aduan-aduan ini dikelaskan kepada beberapa kategori seperti Mesyuarat, Pentadbiran dan Pengurusan, Penyenggaraan dan Kerosakan, Isu Kewangan, Khidmat Nasihat dan Penguatkuasaan. Statistik aduan ini juga akan dikemukakan kepada Cawangan Pengurusan Strata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Jadual 3 di bawah menunjukkan statistik aduan yang diterima dan diselesaikan oleh COB KL bagi tahun 2017. Statistik tersebut **tidak termasuk aduan secara bersemuka** yang mana dianggarkan secara purata sebanyak sepuluh (10) orang awam dari pelbagai kawasan pemajuan hadir ke Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur untuk mengemukakan aduan ketidakpuasan hati mereka terhadap pihak berkepentingan (Pemaju/JMB/MC) dan meminta pandangan penyelesaian dari sudut peruntukan Akta 757 serta khidmat nasihat daripada COB KL.

BIL.	ADUAN AWAM	JUMLAH DITERIMA
1.	Mesyuarat	2,622
2.	Pentadbiran dan Pengurusan	1,199
3.	Penyenggaraan dan Kerosakan	948
4.	Isu Kewangan	653
5.	Khidmat Nasihat	382
6.	Penguatkuasaan COB	330
7.	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik)	1,102
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2017		7,236

Program Anjuran Sektor Pesuruhjaya Bangunan Sepanjang Tahun 2017

Sebanyak dua belas (12) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

Jadual 4 - Program Anjuran Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Sepanjang Tahun 2017

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA
1	Bengkel kecekapan pengurusan jawatankuasa baru di bangunan perumahan awam bandar baru sentul fasa 3 dan fasa 8 dan 9 (22 badan pengurusan)	16-18 Januari 2017	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Pemilik Petak di PA Bandar Baru Sentul fasa 3 dan 8 & 9	60
2	Kursus pelaksanaan dan pematuhan akta 757	28 Februari 2017	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	60
3	Bengkel menilai semula jawapan-jawapan faqs dan format terbaru yang seragam bagi aduan-aduan ke cob	15-17 Mac 2017	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	30
4	Bengkel pemeraksanaan mediasi komuniti strata di wpkl	12- 14 April 2017	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Mediator dari Pusat Mediasi Putrajaya, Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	20
5	Kursus tatacara penentuan dan pengurusan caj penyenggaraan di bangunan berstrata	19 April 2017	IDB DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	20
6	Bengkel penyediaan penentuan 'star rating' bagi bangunan berstrata di wpkl	26 April 2017	IDB DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	20

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA
7	Kursus penyenggaraan bangunan dan lif di komuniti strata	3 Mei 2017	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	30
8	Kursus pengauditan bangunan dan penggunaan kumpulan wang penjelas di bangunan berstrata WPKL	16 Mei 2017	IDB DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	30
9	Bengkel pendaftaran lesen ejen penghidmat @ pengurus harta dan sistem penggredan bintang (star rating)	26-28 Julai 2018	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	30
10	Kursus asas mediasi kepada komuniti strata	9 Ogos 2017	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	30
11	Kursus pengurusan audit dan forensik akaun bangunan berstrata di wpl	23 Ogos 2017	IDB DBKL	Pegawai Dan Kakitangan DBKL	30
12	Konvensyen komuniti strata wilayah persekutuan 2017 anjuran bersama kementerian wilayah persekutuan dan bahagian pesuruhjaya bangunan kuala lumpur	10 Oktober 2017	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	500

Jadual 5 : Program Turun Padang (Taklimat Pengurusan dan Penyenggaraan) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Bagi Tahun 2017.

BIL.	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
	Kuchai Entrepeneur Park	12 Mac 2017	120
	Mahsuri Apartment, Setiawangsa	31 Mac 2017	93
	Rumah Pangsa Taman Salak Selatan	2 April 2017	130
	Permai Ria Condo, Jalan Ipoh	22 April 2017	107
	Sentul Park 8A dan 8B	5 Mei 2017	110
	PPR Sri Aman, Jinjang	18 September 2017	1000
	Taman Melati Fasa 2B	21 Oktober 2017	60

Jadual 6 : Program Turun Padang (Mesyuarat AGM dan EGM) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2017

BIL.	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
	Pangsapuri Seroja, Kepong	20 April 2017	157
	PA Bandar Baru Sentul Fasa 3 dan Fasa 8&9	19 April 2017	270
	Sanctuary Bukit Tunku	7 Mei 2017	119
	Kondominium Lanai Gurney	13 Mei 2017	220
	Rumah Pangsa Tong Nam	20 Mei 2017	109

BIL.	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
	Kondominium Scott Garden	1 Julai 2017	90
	Kondominium Villa Putra	30 Julai 2017	110
	Pangsapuri Kasturi, Cheras	4 Jun 2017	130
	Kondominium PV 12	19 Ogos 2017	110
	Pangsapuri Teratai Mewah, Apt. S5-S6	20 Ogos 2017	121
	Pangsapuri Miharja, Cheras	26 Ogos 2017	90
	Menara City One	30 September	113
	Pangsapuri Merdeka View	1 Oktober 2017	120
	Rumah Pangsa Taman Naga Emas	7 Oktober 2017	162
	Kondominium Bangsar Permai	30 Oktober 2017	92

BIL	SASARAN PESERTA PROGRAM	JUMLAH PROGRAM
	Dalam	7
	Luar	27
JUMLAH KESELURUHAN		34



JABATAN PENTADBIRAN

LATAR BELAKANG

Jabatan Pentadbiran pada awalnya dikenali sebagai Urusetia Bandaraya ditubuhkan pada tahun 1970. Jabatan Pentadbiran kini diketuai oleh Pegawai Tadbir gred N54 dan mempunyai fungsi-fungsi utama seperti berikut:-

1. Menjadi urusetia kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan, Mesyuarat PEMUDAH dan Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen WPKL.
2. Menyelaras jawapan pertanyaan Parlimen peringkat DBKL.
3. Menguruskan pengurusan perolehan dan pelupusan harta Datuk Bandar berdasarkan Perintah Tetap Pengurusan Perolehan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur Tahun 2015 dan kaedah perolehan yang diterimapakai serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
4. Memastikan pengurusan aset alih Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut Tatacara Perintah Tetap, Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur tahun 2009.
5. Menjadi urusetia kepada Inspektorat Keselamatan Perlindungan peringkat DBKL.
6. Menguruskan bangunan Menara DBKL 1, 2, 3 dan PT80.
7. Menyelaras Acara Rasmi di Peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan dan Kebangsaan.
8. Menyediakan Laporan Tahunan DBKL.
9. Menguruskan penghantaran serta penerimaan surat-surat dan bungkusan.
10. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Jabatan.

Pecahan Perjawatan Jabatan Pentadbiran Mengikut Kumpulan

Bil.	Kumpulan	Gred	Jumlah	Catatan
1.	A	41-52	16	P&P
2.	B	29-36	20	SK (I)
3.	C	19-26	68	
4.	D	N11-N14	23	SK (II)
5.	E	H11-H14	49	
JUMLAH BESAR			176	

1.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Bahagian ini terbahagi kepada tiga unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Kewangan, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

1.1 Fungsi-Fungsi Utama

i. Unit Pentadbiran dan Kewangan.

- a) Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
 1. Perhimpunan
 2. Majlis Berbuka Puasa
 3. Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama iaitu Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas
- b) Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.
- c) Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.
- d) Menyelaras penghantaran dan penerimaan surat-surat dan bungkusan.

ii. Unit Penyelarasan Acara

- a) Menyelaras pelantikan panel kontraktor bagi:-
 - Katerer
 - Pemasangan bunting dan billboard
 - Bendera
- b) Menyelaras urusan jamuan/aktiviti sosial peringkat DBKL/ KWP
- c) Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.
- d) Menjadi urusetia DBKL untuk majlis rasmi peringkat DBKL dan Kebangsaan iaitu seperti:
 - Sambutan Hari Kemerdekaan
 - Sambutan Hari Keputeraan YDP Agong
 - Kempen Kibar Bendera Wilayah sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan

- e) Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL.
 - Mengurus & menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
 - Mewakili DBKL sebagai Ahli Jawatankuasa untuk sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

Gambar-gambar aktiviti Unit Penyelaras Acara

- a) Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2017



- b) Penyediaan makanan oleh panel katerer yang dilantik untuk program rasmi peringkat DBKL



c) Aktiviti keagamaan sepanjang tahun 2017

i Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 2017



ii. Majlis Khatam Al-Quran pada 20 Jun 2017



iii. Program Dhuha Perdana & Pelancaran Ijarah Ramadan pada 23 Mei 2017



iv. Kursus Penyembelihan sempena Sambutan Aidiladha pada 24 Ogos 2017



iii. Unit Keurusetiaan

- a) Menyelaras mesyuarat utama DBKL seperti berikut:
 - i. Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur – enam kali
 - ii. Mesyuarat Ketua Jabatan – enam kali
 - iii. Mesyuarat PEMUDAH – empat kali
 - iv. Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – dua kali

BIL.	PERKARA	BILANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	Bilangan 1 Tahun 2017	15 Februari 2017
		Bilangan 2 Tahun 2017	12 April 2017
		Bilangan 3 Tahun 2017	24 Julai 2017
		Bilangan 4 Tahun 2017	29 September 2017
		Bilangan 5 Tahun 2017	26 Oktober 2017
		Bilangan 6 Tahun 2017	22 November 2017
2.	Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan	Bilangan 1 Tahun 2017	9 Januari 2017
		Bilangan 2 Tahun 2017	11 April 2017
		Bilangan 3 Tahun 2017	7 Ogos 2017
		Bilangan 4 Tahun 2017	15 September 2017
		Bilangan 5 Tahun 2017	13 November 2017
		Bilangan 6 Tahun 2017	11 Disember 2017
3.	Mesyuarat PEMUDAH	Bilangan 1 Tahun 2017	15 Mac 2017
		Bilangan 2 Tahun 2017	17 Julai 2017
		Bilangan 3 Tahun 2017	26 September 2017
		Bilangan 4 Tahun 2017	30 Oktober 2017
4.	Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bilangan 1 Tahun 2017	12 Disember 2017
		Bilangan 2 Tahun 2017	14 Disember 2017

1.2 Majlis Sanjungan Budi

Majlis Sanjungan Budi merupakan majlis meraikan mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan pegawai kanan DBKL gred 41 ke atas.

Majlis Sanjungan Budi telah diadakan dua kali iaitu seperti berikut:

BIL.	TARIKH	LOKASI	BILANGAN TETAMU YANG DIRAIKAN
1	15 Mei 2017	Hotel Majestic	6 orang Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan 5 orang pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P).
2	7 Disember 2017	Hotel Mandarin Oriental	29 orang pegawai P&P.



Majlis Sanjungan Budi di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 15 Mei 2017



Majlis Sanjungan Budi di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 7 Disember 2017

2.0 BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN PENTADBIRAN

Bahagian Pengurusan Perolehan ditubuhkan pada 15 Ogos 2003, berikutan penyusunan semula carta organisasi DBKL. Sebelum itu, Bahagian Pengurusan Perolehan bergabung dengan Bahagian Ukur Bahan di bawah Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan.

2.1 FUNGSI UTAMA

- 2.1.1 Menguruskan perolehan tender supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- 2.1.2 Menguruskan perolehan sebutharga dan kerja undi supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- 2.1.3 Menguruskan pentadbiran kontrak seperti berikut
 - a) Arahan Perubahan
 - b) Lanjutan Masa Kontrak
 - c) Rundingan Harga
 - d) Perkhidmatan Perunding
 - Pendaftaran dan Penyenaiaan Perunding
 - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
 - Penyelarasan Yuran Perkhidmatan Perunding

2.2 PRESTASI AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA

2.2.1. Perolehan Tender, Sebut Harga, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja Undi


Sepanjang tahun 2017, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak **710** tawaran merangkumi perolehan tender, sebutharga dan kerja undi. Darpada perolehan tersebut, sebanyak **257** perolehan **tender**, **209** perolehan **sebutharga**, **235** perolehan **kerja undi** dan **9** perolehan **perkhidmatan perunding** telah dijalankan. Perincian mengikut kategori perolehan adalah berdasarkan **JADUAL 1** dan **GAMBAR RAJAH 1** di bawah :

JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2017

BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN PEROLEHAN
1.	Tender	257
2.	Sebut Harga	209
3.	Kerja Undi	235
4.	Perunding	9
JUMLAH		710

JADUAL 1

PERBANDINGAN JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2016 DAN 2017




GAMBAR RAJAH 1

NILAI PEROLEHAN DBKL TAHUN 2017

BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN AWARD	NILAI (RM)
1.	TENDER	111	610,091,427.91
2.	SEBUT HARGA	119	56,673,358.91
3.	KERJA UNDI	235	16,696,694.18
4.	PERUNDING	13	24,100,069.10
JUMLAH		478	707,5561,550.10


JADUAL

PERBANDINGAN NILAI AWARD TAHUN 2016 DAN 2017



GAMBAR RAJAH 2

PERBANDINGAN BILANGAN AWARD TAHUN 2016 DAN 2017



GAMBAR RAJAH 3

2.3 PENGIKLANAN DAN PENJUALAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

- i. Tawaran Tender yang dipelawa sepanjang tahun 2017 telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu Utusan Malaysia dan News Strait Times Press. Penjualan dokumen Tender dan Sebutharga dibuat secara atas talian di eperolehan.dbkl.gov.my. Transaksi pembayaran juga dibuat secara atas talian.
- ii. Penjualan dokumen Tender dan Sebut Harga sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak **RM 2,794,200.00**
- iii. Pendaftaran pihak kontraktor sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak **2,511** pendaftaran telah dilakukan dan jumlah kutipan pendaftaran sepanjang tahun tersebut adalah sebanyak **RM 313,100.00**.

3.0 BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

3.1 UNIT PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan (BPAB) khususnya Unit Pengurusan Aset dan Fasiliti bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan aset dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut tatacara pengurusan aset alih Datuk Bandar Kuala Lumpur (Pindaan) Tahun 2016 seperti berikut:

- i. Meneliti dan menyemak dasar pengurusan aset alih yang dikeluarkan Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa;
- ii. Menyelaras pelaksanaan dasar pengurusan aset alih DBKL;
- iii. Menilai dan memantau pelaksanaan dasar aset alih DBKL;
- iv. Menguruskan pelantikan seperti Pegawai Pengawal, Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset, Pegawai Pemeriksa Aset, Pegawai Perakuan Pelupusan (PEP)
- v. Menguruskan pelantikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih, Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Pelupusan Aset DBKL, pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Kes Kehilangan aset alih KEW.PA-29;
- vi. Mengurus dan mentadbir sistem e-aset sebagai Pentadbir sistem

3.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPA) DBKL bagi tahun 2017:

SUKU TAHUN	TARIKH MESYUARAT
Pertama	25 Mei 2017
Kedua	28 September 2017
Ketiga	26 Disember 2017
Keempat	Mac 2018

3.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset Alih Bagi Tahun 2017

JENIS PELUPUSAN	ASET ALIH	ASET TAK ALIH	ASET HIDUP	ASET SITAAN	ASET STOK	JUMLAH KESELURUHAN BIL. MESYUARAT
Bilangan Mesyuarat	32	7	4	15	-	58

3.2 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & BANGUNAN (BPAB) –KESELAMATAN

- 3.2.1 Menilai dan mengukur prestasi bagi memastikan penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan DBKL berada pada tahap yang cemerlang.
- 3.2.2 Memberi pengiktirafan ke atas tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di kalangan Jabatan-jabatan DBKL dan menggalakkan pembudayaan persekitaran pengurusan keselamatan perlindungan yang kondusif.
- 3.2.3 Persediaan awal DBKL sebelum Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
- 3.2.4 Empat (4) Aspek Utama yang disemak adalah meliputi Aspek Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen, Keselamatan Peribadi dan Keselamatan ICT

3.2.5 Ahli Jawatankuasa juga terdiri daripada enam (6) Jabatan di DBKL:

- i. Jabatan Pentadbiran
- ii. Jabatan Penguatkuasaan
- iii. Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
- iv. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
- v. Jabatan Audit Dalam
- vi. Jabatan Pengurusan Maklumat

Jabatan yang telah diaudit bagi tahun 2017 adalah sebanyak 8 Jabatan

BIL.	JABATAN	LOKASI
1.	Pejabat Datuk Bandar	Tingkat 28, Menara DBKL 1
2.	Jabatan Kewangan	Tingkat 24, Menara DBKL 1
3.	Jabatan Audit Dalam	Tingkat 1, Menara DBKL 2
4.	Jabatan Pengurusan Maklumat	Pusat Data, Tingkat 18, Menara DBKL 3
5.	Pejabat, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi	Tingkat 34, Menara DBKL 3
6.	Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	Tingkat 9, Menara DBKL 3
7.	Jabatan Kawalan Bangunan	Tingkat 26-31, Menara DBKL 3
8.	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Jalan Cheras

3.3 UNIT URUS BANGUNAN

3.3.1 Fungsi Utama

- i. Pengurusan Bangunan (Tempat Letak Kereta, Kawalan Keselamatan, Pembersihan, Pengurusan Lanskap dan lain-lain).
- ii. Perkhidmatan Bangunan (Penyewaan venue).
- iii. Perkhidmatan Logistik.
- iv. Pemantauan terhadap permohonan, perancangan dan prestasi pelaksanaan projek ubahsuai jabatan DBKL
- v. Pengendali Sistem Operator Telefon DBKL
- vi. Perkhidmatan percetakan.

3.3.2 Terdapat 2 Seksyen Di Bawah Seliaan Unit Urus Bangunan

- i. Seksyen Urus Bangunan
- ii. Seksyen Reprografi

3.3.3 Fungsi Seksyen Urus Bangunan

- i. Mengawalselia kerja-kerja pembersihan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan CDC.
- ii. Mengurus dan memantau penyewaan premis Menara DBKL 1, 2, 3.
- iii. Memantau pengurusan keselamatan bangunan di Menara DBKL 1,2,3 dan PT80.
- iv. Mengurus permohonan penyewaan dan pengguna venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Kolam Biru (ROL), Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama.

- v. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara 1, 2, 3, PT80, Jalan Raja Mahadi dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.
- vi. Memantau kerja-kerja baikpulih, ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan di Menara DBKL 1,2,3,PT80 dan venue-venue utama program.
- vii. Menyelaras keperluan logistik di bangunan Menara DBKL 1,2,3 dan bilik-bilik mesyuarat utama.
- viii. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai di peringkat mesyuarat dan pelaksanaan

3.3.4 Fungsi Seksyen Reprografi

- i. Menguruskan hal ehwal percetakan.
- ii. Memberi perkhidmatan rekabentuk
- iii. Menyedia/ mengeluarkan dan menggantikan kad e-akses kakitangan/ pelajar latihan praktikal/ pelawat/ kontraktor DBKL

3.3.5 Statistik Permohonan Penggunaan Venue Bagi Tahun 2017 Bagi Tempoh 1 Januari 2017 Hingga 31 Disember 2017 Melalui E-Booking

MENARA DBKL 1

BIL	LOKASI	JUMLAH PERMOHONAN	BELUM DIPROSES	LULUS	MENUNGGU MUAT NAIK SURAT	PERMOHONAN PEMBATALAN	DITOLAK	DIBATALKAN
1.	Bilik Mesyuarat Tingkat 3	441	40	120	112	13	120	36
2.	Bilik Gerakan Tingkat 3	271	24	54	118	5	54	16
3.	Bilik Jamuan Tingkat 3	136	10	30	92	2	0	2
4.	Bilik Lembaga Tingkat 29	351	30	81	100	23	81	36
5.	Bilik Putra Tingkat 29	248	17	89	32	7	89	14
6.	Bilik Jamuan Tingkat 29	118	16	38	21	2	38	3
7.	Dewan Megapuri Tingkat 30	291	36	55	94	17	55	34
8.	Bilik Biru Tingkat 30	177	36	34	47	16	39	5
9.	Auditorium DBKL	63	-	50	-	13	-	-
10.	Anjung Singgahsana, Tingkat 1 Auditorium	29	1	6	22	0	0	0
11.	Dataran Merdeka/ Jalan Raja	20	-	17	-	3	-	-
12.	Dataran DBKL	11	0	11	0	0	0	0

MENARA DBKL 3

BIL	LOKASI	JUMLAH PERMOHONAN	BELUM DIPROSES	LULUS	MENUNGGU MUAT NAIK SURAT	PERMOHONAN PEMBATALAN	DITOLAK	DIBATALKAN
1.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 3)	213	12	74	103	7	0	17
2.	Bilik Mesyuarat 1 (Tingkat 3)	123	8	45	56	8	0	6
3.	Bilik Mesyuarat 2 (Tingkat 3)	74	3	14	45	7	1	4
4.	Bilik Mesyuarat Lembaga Perolehan (Tingkat 32)	9	0	4	4	1	0	0
5.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 34)	151	13	59	65	12	0	2
6.	Bilik Taklimat (Tingkat 3)	147	9	43	79	10	0	6
7.	Bilik Latihan (Tingkat 3)	123	5	34	71	2	0	11
8.	Bilik Jamuan (Tingkat 3)	75	3	23	38	8	1	2

4.0 BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD

VISI

- i. OASIS@DBKL sebagai nadi pengurusan rekod yang utama DBKL.
- ii. Memastikan rekod DBKL yang mempunyai nilai berkepentingan dipelihara dan menyediakan perkhidmatan rujukan yang terbaik kepada DBKL.

OASIS@DBKL diketuai oleh Timbalan Pengarah Gred S48 dan mempunyai fungsi utama seperti berikut:

- i. Merangka dasar, prosedur dan garis panduan berkaitan pengurusan rekod di DBKL.
- ii. Memastikan rekod DBKL diuruskan dengan sistematik dan berkesan mengikut peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan agar rekod dapat dipelihara dan diakses semula.
- iii. Memantau aktiviti pelupusan rekod DBKL dilaksanakan secara sistematik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
- iv. Memastikan rekod penting dan rekod yang mengandungi nilai-nilai sejarah DBKL dan Kuala Lumpur umumnya diurus dan dipelihara dengan teratur dan selamat.
- v. Memastikan pelan tindakan bencana rekod DBKL disediakan dan dilaksanakan sebagai makluman, bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu:
 - a. Unit Rekod
 - b. Unit Repositori
 - c. Unit Teknikal & Pentadbiran Am

4.1 UNIT REKOD

Unit ini berperanan memastikan Rekod Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa diurus dengan teratur dan sistematik. Berdasarkan peranan ini, unit ini telah menggariskan beberapa fungsi utama unit iaitu :

- Menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai Pengendalian Fail dan Rekod.
- Merancang dan melaksanakan khidmat nasihat pengurusan rekod di peringkat pewujudan, penggunaan dan penyenggaraan serta pemusnahan rekod.
- Mengurus dan menyelaras pembangunan Klasifikasi Fail DBKL.
- Mengurus dan menyelaras penyediaan Jadual Pelupusan Rekod DBKL.
- Mengurus dan menyelaras penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod DBKL.
- Merancang dan mengurus program kesedaran pengurusan rekod.
- Merancang dan melaksanakan Inspektorat Pengurusan Rekod ke atas rekod-rekod DBKL.
- Mengemukakan permohonan pelupusan rekod secara pemusnahan dari jabatan pewujud kepada Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi mendapatkan kebenaran/ kelulusan pemusnahan.
- Mengemaskini pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) DBKL.

4.2 PENCAPAIAN DAN PROGRAM/ AKTIVITI UNIT REKOD SEPANJANG TAHUN

4.2.1 Pencapaian Unit Rekod

a) Perakuan Klasifikasi Fail DBKL

Klasifikasi Fail Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah disemak dan diperakuan oleh Jawatankuasa Pengharmonian Klasifikasi Fail Arkib Negara Malaysia pada 22 Mei 2017. Ianya merupakan suatu kejayaan bagi DBKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang berjaya membangunkan Klasifikasi Fail serta mendahului PBT lain.



Surat Perakuan dari Arkib Negara Malaysia

4.2.2 Program Pementapan Pengurusan Rekod

BIL	PROGRAM	TARIKH	TUJUAN
1.	Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod		
	• Perpustakaan Kuala Lumpur	20/1/2017	Memberi pengetahuan dan kefahaman khususnya mengenai proses kitaran hayat rekod. Sehubungan dengan itu, khidmat nasihat secara walk-in, konsultasi dalam talian, taklimat, soalan bertulis dan perbincangan telah diadakan
	• Jabatan Perlaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan	10/2/2017	
	• Jabatan Ukur Bahan	10/3/2017	
	• Pejabat Cawangan Segambut	10/3/2017	
	• Pejabat Cawangan Bukit Bintang	16/3/2017	
	• Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	9/11/2017	
• Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)	14/7/2017	Pelupusan rekod secara musnah	
• Jabatan Ukur Bahan	2/8/2017		
2.	Khidmat Nasihat Bagi Penyediaan Manual Klasifikasi Fail Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	14/7/2017	Khidmat nasihat daripada Pegawai Arkib dari Seksyen Konsultansi & Latihan pada 14 Julai 2017 (Jumaat) di Arkib Negara Malaysia. Penyediaan Manual Klasifikasi Fail dan strategi Klasifikasi Fail yang baharu telah diterangkan
3.	Perbincangan Mengenai Tatacara Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian DBKL	9/8/2017	Pra-syarat untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik ialah setiap agensi perlu menyediakan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian. Sehubungan dengan itu, DBKL telah hadir ke Arkib Negara Malaysia bagi mendapatkan khidmat nasihat dari Ketua Seksyen Pelupusan Rekod mengenai tatacara penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian.
4.	Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail DBKL untuk Jabatan Pentadbiran	24 & 25/10/2017	Sebelum Klasifikasi Fail dikuatkuasakan penggunaannya di DBKL, Jabatan Pentadbiran sebagai Pengurus Projek mengambil inisiatif terlebih dahulu menggunakan Klasifikasi Fail secara manual selama tiga (3) bulan bermula Oktober hingga Disember 2017. Projek ini bertujuan untuk menguji cuba Klasifikasi Fail DBKL.
5.	Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian DBKL (JPR)	21-23/11/2017	Bengkel ini telah diadakan di Swiss Garden Beach Resorts, Kuantan. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada gred 48 dan ke atas serta urusetia telah menyertai bengkel yang telah disampaikan oleh Pegawai Arkib dari Seksyen Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia.

4.2.2.1 Gambar Program Pemantapan Pengurusan Rekod

a) Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod




Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod,
Perpustakaan Kuala Lumpur



Khidmat Nasihat Secara *Walk-In*,
Jabatan Ukur Bahan

b) Khidmat Nasihat Bagi Penyediaan Manual Klasifikasi Fail Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Khidmat Nasihat Bagi Penyediaan
Manual Klasifikasi Fail Dewan
Bandaraya Kuala Lumpur
14 Julai 2017.



c) Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail DBKL untuk Jabatan Pentadbiran



Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail DBKL untuk Jabatan Pentadbiran 24 dan 25 Oktober 2017

d) Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian DBKL (JPR)



Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian DBKL (JPR) 21 hingga 23 November 2017
Swiss Garden Beach Resort, Kuantan Pahang

4.2.3 Program Kesedaran Pengurusan Rekod

BIL	PROGRAM	TARIKH	TUJUAN
1.	Lawatan Kerja ke Pusat Rekod & Dokumentasi PLUS	19/4/2017	Lawatan kerja ini melibatkan 13 orang pegawai dan kakitangan DBKL. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui kaedah serta tatacara pengurusan rekod yang digunakan di Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS).
2.	Program Cakna Pengurusan Rekod DBKL 2017	9/10/2017	Cakna Pengurusan Rekod DBKL 2017 yang bertemakan 'Ke Arah Mentransformasikan Pengurusan Rekod DBKL' telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mustafa bin Mohd Nor, Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Panel penceramah bagi program ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan DBKL serta pegawai dari agensi luar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Bank Negara Malaysia.
3.	Anugerah Terbaik Pengurusan Rekod DBKL 2017	11/12/2017	Anugerah ini adalah bagi memberi pengiktirafan kepada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ), Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) serta jabatan yang menguruskan rekod-rekod DBKL dengan cemerlang. Penilaian pemenang adalah berdasarkan kepada sesi Inspektorat Pengurusan Rekod DBKL yang telah dijalankan. Majlis penyampaian tiga (3) kategori Anugerah Terbaik Pengurusan Rekod DBKL bagi tahun 2017 telah diadakan semasa Perhimpunan Bulanan DBKL di Auditorium DBKL.

4.2.3.1 Gambar Program Kesedaran Pengurusan Rekod

a) Lawatan Kerja ke Pusat Rekod & Dokumentasi PLUS



Lawatan Kerja ke Pusat Rekod & Dokumentasi PLUS,

b) Program Cakna Pengurusan Rekod DBKL 2017



Cakna Pengurusan Rekod DBKL 2017, Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 9 Oktober 2017

c) Anugerah Terbaik Pengurusan Rekod DBKI 2017



Anugerah Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Terbaik 2017, Puan Suhazana Binti Abdul Rahman Pejabat Cawangan Batu

Anugerah Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Terbaik 2017 Puan Zuridah Binti Zainol Abidin Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak



Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik DBKL 2017 Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar


4.2.4 Program Pemantauan Pengurusan Rekod

Pasukan Inspektorat Pengurusan Rekod DBKL telah menjalankan inspektorat ke atas rekod-rekod di semua (40) pejabat pengurusan tertinggi, jabatan dan pejabat cawangan bagi memantau dan memastikan pelaksanaan pengurusan rekod selaras dengan akta, arahan dan prosedur pengurusan rekod yang sedang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017. Inspektorat Bil. 1/2017 telah dijalankan pada 6 Mac hingga 6 April 2017 manakala Bil. 2 /2017 pada 6 hingga 29 November 2017.

Secara keseluruhan prestasi pengurusan rekod bagi tahun 2017 telah memperlihatkan peningkatan yang **CEMERLANG** berbanding sebelumnya dengan peratusan pencapaian sebanyak **92%**. Peningkatan ini menunjukkan kepatuhan pegawai dan kakitangan DBKL terhadap akta, arahan dan prosedur pengurusan rekod.

4.2.5 Pemusnahan Rekod

Bahagian Pengurusan Rekod sebagai perantara di antara jabatan dan agensi yang memberi kebenaran dan kelulusan pemusnahan rekod iaitu Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika perlu).Sepanjang tahun 2017, DBKL telah memusnahkan 449.099 m.p. (meter panjang) rekod dengan pecahan seperti berikut:



4.3 UNIT REPOSITORI

- Memastikan rekod yang mempunyai nilai berkepentingan terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) khususnya dan Kuala Lumpur amnya yang dipindahkan ke bahagian ini dipelihara dan disimpan dengan sempurna dan terjamin keselamatannya.
- Memastikan gedung simpanan kekal berada dalam keadaan selamat daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkan bahan-bahan arkib melalui pengawalan suhu dan kelembapan serta bebas dari serangan makhluk perosak.
- Memastikan semua bahan-bahan tersimpan secara sistematik, mudah dikesan apabila diperlukan untuk tujuan rujukan dikalangan warga DBKL.

4.3.1 Pencapaian Aktiviti Tahunan

4.3.1.1 Penilaian rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Unit Repositori telah melaksanakan sebanyak 30 kali penilaian rekod berdasarkan permohonan jabatan melalui tiga (3) perkara berikut:



4.3.1.2 Statistik penerimaan rekod awam untuk simpanan kekal


Sehingga 31 Disember 2017, Unit Repositori telah menguruskan penerimaan sebanyak 123 unit fail dan 318 unit bukan fail sebagai simpanan kekal. Rekod-rekod tersebut terdiri daripada urusan am dan fungsian seperti pemilikan tanah, cadangan pembangunan, laporan tahunan, keratan akhbar, buletin, saluran dan program/aktiviti besar anjuran DBKL.

4.3.1.3 Pemprosesan rekod awam

Unit ini juga bertanggungjawab melaksanakan lima (5) proses kerja iaitu penyisihan habuk pada rekod (secara rawak), pewasapan, pembersihan habuk (secara terperinci), kemasukan data dalam sistem COMPASS, penyimpanan rekod ke gedung. Tujuan utama proses ini dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Memelihara rekod agar bersih dari habuk dan mikroorganisma yang boleh merosakan bahan;
- (ii) Memanjangkan jangka hayat rekod;
- (iii) Memudahkan rekod diakses dengan mudah.

Berikut adalah peratus dan ukuran (meter panjang) pencapaian pemprosesan rekod yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.



4.3.2 Lawatan Rasmi / Kerja

4.3.2.1 Lawatan kerja ke agensi Kerajaan

BIL	LAWATAN	TARIKH	TUJUAN
1.	Pusat Sumber Penyiaran, RTM	16 Mac 2017	Lawatan kerja ke Radio Television Malaysia (RTM) bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan memperolehi ilmu dalam kaedah penyimpanan dan pemeliharaan bahan audio visual (AV) seperti mikrofilem, mikrofis, pita rakaman dan gambar.
2.	Unit Rakam Khanah P.Ramlee, RTM		

4.3.2.2 Lawatan rasmi dari agensi Kerajaan

BIL	LAWATAN	TARIKH	TUJUAN
1.	Unit Pembayaran Jabatan Kewangan (DBKL)	7/2/2017	Unit Repositori juga telah menerima sebanyak tujuh (7) lawatan rasmi dari agensi kerajaan. Tujuan lawatan ini adalah untuk menjadikan bahagian ini sebagai penanda aras pusat rekod di agensi masing-masing. Berikut merupakan maklumat dan gambar lawatan rasmi yang telah diterima sepanjang tahun 2017:
2.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	17/2/2017	
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan	28/2/2017	
4.	Penyelidikan Pelajar UiTM Cawangan Johor	14/4/2017	
5.	Kementerian Kesihatan Malaysia	3/5/2017	
6.	Arkib Negeri Sabah	17/5/2017	
7.	Arkib Negeri Sabah	29/9/2017	

Berikut merupakan gambar lawatan rasmi yang telah diterima sepanjang tahun 2017:





LAMPIRAN







**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

ii. Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana DBKL secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.10.

3.14 Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasi matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

3.15 Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan DBKL yang didedahkan di dalam satu penyata.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.16 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

(a) Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:-

i. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa penjejasan nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan penjejasan nilai. Dalam menjalankan semakan penjejasan nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami penjejasan nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

ii. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada penjejasan nilai perlu direkodkan ke lebihan atau defisit. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

(b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

i. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Nilai Atas Ekuiti

Bagi pelaburan ekuiti, penjejasan nilai terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

ii. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan penjejasan nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisasi bersih cagaran.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.13 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 - Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa
- Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan
- Tahap 3 - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, DBKL menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2017 RM	2016 RM
Penghutang cukai pintu	320,558,912	339,114,764
Penghutang lain	3,238,683	5,263,420
	323,797,595	344,378,184
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(85,072,627)	(95,348,773)
	238,724,968	249,029,411

4(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2017 RM	2016 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	27,280,055	31,392,464
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	84,620,912	76,859,511
Lebih dari 3 tahun dan tidak dijejasnilai	126,824,001	140,777,436
	238,724,968	249,029,411
Dijejasnilai (Nota 4(a)(iii))	85,072,627	95,348,773
	323,797,595	344,378,184

- (i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.
- (ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.
- (iii) Penghutang yang dijejasnilai
Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2017 RM	2016 RM
Pada 1 Januari	95,348,773	97,194,418
Caj pada tahun kewangan semasa	10,776,343	10,138,315
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(21,052,489)	(11,983,960)
Pada 31 Disember	85,072,627	95,348,773

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2017 RM	2016 RM
Penghutang hartanah	188,634,098	577,614,710
Penghutang sewaan (Nota 5(b))	286,480,734	269,770,386
Penghutang jualan	295,291,968	109,416,074
Penghutang perkhidmatan dan utiliti	23,110,284	61,034,264
Penghutang projek penswastaaan	191,965,615	266,683,518
Penghutang pelbagai	199,244,518	162,186,694
Hasil faedah terakru	87,940,509	85,161,141
Pinjaman kakitangan	7,095,374	6,927,646
Cagaran	4,606,606	5,486,065
Bayaran terdahulu	69,988,853	102,379,641
	1,354,358,559	1,646,660,139
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(96,679,321)	(73,091,775)
	1,257,679,238	1,573,568,364
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	1,041,181,922	1,347,451,981
Aset bukan semasa	216,497,316	226,116,383
	1,257,679,238	1,573,568,364

5(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2017 RM	2016 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	325,152,199	632,717,513
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	358,458,727	748,430,178
Lebih dari 3 tahun dan tidak dijejasnilai	574,068,312	192,420,673
	1,257,679,238	1,573,568,364
Dijejasnilai (Nota 5(a)(iii))	96,679,321	73,091,775
	1,354,358,559	1,646,660,139

- (i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.
- (ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

5(a) Analisis pengumuran (sambungan)

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*

Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2017 RM	2016 RM
Pada 1 Januari	73,091,775	69,310,669
Caj pada tahun kewangan semasa	48,711,256	5,458,617
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(25,123,710)	(1,677,511)
Pada 31 Disember	96,679,321	73,091,775

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

5(b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak DBKL bertindak sebagai pemberi pajak. Bayaran pajakan kewangan belum terima adalah seperti berikut:-

	2017 RM	2016 RM
Dalam masa setahun	14,054,654	8,706,548
Antara 2 hingga 5 tahun	16,196,778	49,402,380
Selepas 5 tahun	175,422,617	176,123,594
	205,674,049	234,232,522

6. INVENTORI

Inventori dinyatakan pada kos. Amaun inventori diiktiraf di dalam lebihan dan defisit pada tahun semasa adalah RM4,004,005 (2016: RM5,377,563).

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan*	Infrastruktur [^]	Kenderaan dan jentera	Peralatan dan komputer	Gerai perniagaan	Taman dan rekreasi	Kerja dalam proses	2017	2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos									
Pada awal tahun	2,384,587,433	5,468,028,805	272,272,803	323,963,029	104,600,659	120,479,391	835,734,425	9,509,666,545	8,966,544,217
Pembelian	20,747,316	3,695,322	6,214,953	18,327,980	-	137,694	867,545,008	916,668,273	635,044,312
Tambahan	451,772,531	-	-	-	-	-	-	451,772,531	-
Pelupusan	(54,180,611)	-	(15,087,934)	(526,464)	-	-	(19,016,906)	(88,811,915)	(91,921,984)
Reklasifikasi	188,180,926	101,700,962	3,114,014	3,962,291	-	16,594,724	(313,552,917)	-	-
Pindahan ke aset hartanah untuk dijual	(26,939,684)	-	-	-	-	-	-	(26,939,684)	-
Pada akhir tahun	2,964,167,911	5,573,425,089	266,513,836	345,726,836	104,600,659	137,211,809	1,370,709,610	10,762,355,750	9,509,666,545
Susutnilai terkumpul									
Pada awal tahun	595,297,773	3,893,492	231,547,620	285,188,520	36,001,471	14,522,418	-	1,166,451,294	1,091,485,379
Susutnilai tahun semasa	40,672,640	192,289,240	15,049,990	15,103,335	8,660,118	2,413,655	-	274,188,978	86,032,094
Pelupusan	(342,120)	-	(14,523,075)	(492,318)	-	-	-	(15,357,513)	(11,066,179)
Pindahan ke aset hartanah untuk dijual	(15,532,619)	-	-	-	-	-	-	(15,532,619)	-
Pada akhir tahun	620,095,674	196,182,732	232,074,535	299,799,537	44,661,589	16,936,073	-	1,409,750,140	1,166,451,294
Nilai bawa bersih									
Pada 31.12.2017	2,344,072,237	5,377,242,357	34,439,301	45,927,299	59,939,070	120,275,736	1,370,709,610	9,352,605,610	-
Pada 31.12.2016	1,789,289,660	5,464,135,313	40,725,183	38,774,509	68,599,188	105,956,973	835,734,425	-	8,343,215,251
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31.12.2016	37,944,097	7,786,985	14,284,610	14,740,601	9,010,983	2,264,818	-	-	86,032,094

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

* Tanah dan bangunan terdiri daripada berikut:-

	<u>Tanah milik bebas</u> RM	<u>Tanah pajakan</u> RM	<u>Bangunan</u> RM	<u>Rumah pangsa dan rumah panjang</u> RM	<u>Jumlah 2017</u> RM
<u>Kos</u>					
Pada awal tahun	221,885,481	228,583,984	1,277,365,751	656,752,217	2,384,587,433
Pembelian	20,747,316	-	-	-	20,747,316
Tambahan	-	-	451,772,531	-	451,772,531
Pelupusan	(43,208,536)	(10,972,075)	-	-	(54,180,611)
Reklasifikasi dari kerja dalam proses	-	129,752,462	58,428,464	-	188,180,926
Pindahan ke aset hartanah untuk dijual	-	-	-	(26,939,684)	(26,939,684)
Pada akhir tahun	199,424,261	347,364,371	1,787,566,746	629,812,533	2,964,167,911
<u>Susutnilai terkumpul</u>					
Pada awal tahun	-	24,808,212	335,930,491	234,559,070	595,297,773
Susutnilai bagi tahun kewangan	-	3,027,503	25,378,440	12,266,697	40,672,640
Pelupusan	-	(295,422)	(46,698)	-	(342,120)
Pindahan ke aset hartanah untuk dijual	-	-	-	(15,532,619)	(15,532,619)
Pada akhir tahun	-	27,540,293	361,262,233	231,293,148	620,095,674
<u>Nilai bawa bersih</u>					
Pada 31.12.2017	199,424,261	319,824,078	1,426,304,513	398,519,385	2,344,072,237

^ Infrastruktur terdiri daripada berikut:-

	<u>Jalanraya</u> RM	<u>Jambatan</u> RM	<u>Parit</u> RM	<u>Jejantas</u> RM	<u>Jumlah 2017</u> RM
<u>Kos</u>					
Pada awal tahun	1,912,070,371	946,815,504	2,449,441,890	159,701,040	5,468,028,805
Pembelian	-	-	3,695,322	-	3,695,322
Pindahan dari kerja dalam proses	59,182,018	-	42,518,944	-	101,700,962
Pada akhir tahun	1,971,252,389	946,815,504	2,495,656,156	159,701,040	5,573,425,089
<u>Susutnilai terkumpul</u>					
Pada awal tahun	3,893,492	-	-	-	3,893,492
Susutnilai bagi tahun kewangan	58,603,118	33,814,839	95,152,853	4,718,430	192,289,240
Pada akhir tahun	62,496,610	33,814,839	95,152,853	4,718,430	196,182,732
<u>Nilai bawa bersih</u>					
Pada 31.12.2017	1,908,755,779	913,000,665	2,400,503,303	154,982,610	5,377,242,357

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

8. ASET KEWANGAN LAIN

	2017 RM	2016 RM
Pegangan saham		
- Tersiar harga, pada nilai saksama	21,222,000	19,206,000
- Tidak tersiar harga, pada kos	100,000	100,000
Pelaburan unit amanah, pada nilai saksama	139,068,023	121,840,332
	160,390,023	141,146,332
Peruntukan penjejasan nilai:-		
Pegangan saham tidak tersiar harga	(100,000)	(100,000)
	160,290,023	141,046,332
<u>Nilai pasaran pada 31 Disember</u>		
Pegangan saham tersiar harga	21,222,000	19,206,000
Pelaburan unit amanah	139,068,023	121,840,332
	160,290,023	141,046,332

Aset kewangan lain merujuk kepada aset kewangan pada nilai saksama melalui lebih atau defisit.

9. ASET HARTANAH UNTUK DIJUAL

	2017 RM	2016 RM
Dinyatakan pada kos	90,607,431	84,185,435
Dinyatakan pada nilai realisasi bersih	651,922,897	677,452,487
	742,530,328	761,637,922

10. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2017 RM	2016 RM
Pemiutang pelbagai	840,279,589	627,074,915
Bayaran terakru	90,451,906	64,199,138
Cagaran	215,685,033	199,301,031
	1,146,416,528	890,575,084

11. PENDAPATAN TERTUNDA

	2017 RM	2016 RM
Pada awal tahun	200,330,281	441,358,724
Penambahan	226,726,417	183,399,605
Hasil direalisasikan pada tahun semasa	(25,641,848)	(424,428,048)
	401,414,850	200,330,281

Pendapatan tertunda merujuk kepada penerimaan jualan aset yang mana proses penjualan belum selesai.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

12. PINJAMAN

	2017 RM	2016 RM
<u>Pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia</u>		
Pinjaman I	121,947	238,016
Pinjaman II	111,798,150	114,321,010
Pinjaman III	1,875,663	1,907,598
Pinjaman IV	1,743,882	1,939,880
	115,539,642	118,406,504
Dibayar dalam setahun	3,007,207	2,866,862
Dibayar antara 2 hingga 5 tahun	12,468,977	12,468,977
Dibayar selepas 5 tahun	100,063,458	103,070,665
	115,539,642	118,406,504
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	3,007,207	2,866,862
Liabiliti bukan semasa	112,532,435	115,539,642
	115,539,642	118,406,504

Pinjaman I

Kadar faedah dikenakan adalah 5% (2016: 5%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM63,268 setiap setengah tahun untuk tempoh selama 60 tahun.

Pinjaman II

Pinjaman ini dikenakan kadar faedah 5% (2016: 5%) setahun.

Pada 19 Januari 1995, satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan DBKL untuk menyusun semula tempoh bayaran balik. Mulai 1 Januari 1994, tiada faedah akan dikenakan ke atas baki pinjaman yang dijadual semula ini.

Pada 28 Mac 1997, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani untuk menyusun semula tempoh bayaran balik baki pinjaman akibat daripada penyelesaian pinjaman sebanyak RM6,929,462 pada 30 Oktober 1996.

Berdasarkan penjadualan semula, pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM2,575,526 setiap 4 bulan untuk tempoh selama 47 tahun.

Pinjaman III

Kadar faedah dikenakan adalah 4% (2016: 4%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM612,385 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

Pinjaman IV

Kadar faedah dikenakan adalah 6% (2016: 6%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM312,390 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2017 RM	2016 RM
Pada awal tahun	46,768,712	46,017,542
Peruntukan tahun semasa	4,232,062	6,008,980
Pembayaran tahun semasa	(5,959,668)	(5,257,810)
Pada akhir tahun	45,041,106	46,768,712
Diterakan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai:-		
Liabiliti semasa	5,206,242	4,810,097
Liabiliti bukan semasa	39,834,864	41,958,615
Nilai semasa obligasi tidak berdana	45,041,106	46,768,712

Peruntukan yang diambil kira dalam penyata prestasi kewangan pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

	2017 RM
Kos perkhidmatan semasa	2,128,519
Kos faedah	2,103,543
	4,232,062

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

	2017 %
Kadar diskaun	4.8
Kadar kenaikan gaji	5.0

Peruntukan manfaat kakitangan merujuk kepada pelan manfaat persaraan yang membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai dimana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

14. KUMPULAN WANG

Kumpulan wang terdiri daripada berikut:-

- (i) Kumpulan wang pembangunan dan penyelenggaraan ("P&P")
- (ii) Tabung penyelenggaraan IMalaysia ("TPIM")
- (iii) Kumpulan wang pembangunan rumah awam ("PRA")
- (iv) Akaun pengurusan Desa Tasik ("PDT")
- (v) Bantuan penyelenggaraan KPKT ("KPKT")

	<u>P&P</u> RM	<u>TPIM</u> RM	<u>PRA</u> RM	<u>PDT</u> RM	<u>KPKT</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Pada 1 Januari 2016	566,525,665	25,239,022	6,735,293	228,096	5,551	598,733,627
Terimaan dari Kerajaan	129,835,611	4,226,521	-	-	-	134,062,132
Terimaan dari pihak swasta	-	48,600	-	-	-	48,600
Direalisasikan sebagai hasil	(306,831,928)	(6,836,763)	-	-	-	(313,668,691)
Pada 31 Disember 2016	389,529,348	22,677,380	6,735,293	228,096	5,551	419,175,668
Terimaan dari/(Pulangan kepada) Kerajaan	107,007,075	(840,046)	-	-	-	106,167,029
Terimaan dari pihak swasta	2,028,336	-	-	-	-	2,028,336
Direalisasikan sebagai hasil	(244,773,205)	(753,135)	-	-	-	(245,526,340)
Pada 31 Disember 2017	253,791,554	21,084,199	6,735,293	228,096	5,551	281,844,693

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

15. PENERIMAAN TERDAHULU

	2017 RM	2016 RM
Sewa pajakan terima terdahulu	102,371,794	103,607,402
Bayaran kemajuan daripada pemaju	200,598,187	223,059,407
	302,969,981	326,666,809

- i. Sewa pajakan terima terdahulu merupakan premium tanah yang dibayar oleh pemaju-pemaju yang memajak tanah daripada DBKL untuk projek pembangunan. Premium tanah akan diiktiraf sebagai hasil sewa pajakan mengikut tempoh pajakan tanah yang termaktub dalam perjanjian dengan pemaju.
- ii. Bayaran kemajuan daripada pemaju merupakan bayaran untuk kegunaan tanah DBKL mengikut ansuran yang termaktub dalam perjanjian yang ditandatangani. Bayaran kemajuan ini akan direalisasikan sebagai hasil pulangan projek mengikut tahap kemajuan projek berkenaan.

16. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2017 RM	2016 RM
Pengurusan dan pentadbiran	192,834,586	193,407,512
Pembersihan bandar	226,321,009	236,763,319
Penghijauan, penyelenggaraan taman, tanah lapang dan taman rekreasi	70,631,981	61,543,794
Penyelenggaraan jalan raya dan saliran	113,601,139	69,908,334
Penyelenggaraan lampu jalan dan kemudahan sistem lalulintas	82,820,394	82,562,377
Penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan siarkaki	5,427,587	3,487,065
Penyelenggaraan, naik taraf dan ubahsuai bangunan	35,777,264	34,750,374
Perkhidmatan penjaja dan peniaga kecil	11,310,173	18,767,159
Penguatkuasaan	26,821,576	17,883,552
Penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat	136,818,586	113,746,151
Kesihatan awam dan alam sekitar	6,524,156	4,588,238
Pembangunan komuniti	46,020,454	35,556,596
Kebudayaan, kesenian dan sukan	17,106,881	12,417,637
Penggalakan pelancongan	4,581,397	2,250,277
	976,597,183	887,632,385

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

17. BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Belanja pembangunan merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan.

	2017 RM	2016 RM
Pembangunan am	234,932,047	51,615,438
Perkhidmatan kemajuan	263,216,291	296,798,878
Perumahan	36,134,431	52,614,252
Tempat letak kereta	57,971,558	988,490
Aset modal	55,826,546	11,714
Usahasama dan penswastaaan	73,030	224,551,316
	648,153,903	626,580,088

18. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

18.1 Kategori instrumen kewangan

	Pinjaman dan belum terima RM	Nilai saksama melalui lebih atau defisit RM	Liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Jumlah RM
2017				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	166,820,002	-	-	166,820,002
Deposit tetap di institusi kewangan	5,360,656,203	-	-	5,360,656,203
Urusniaga pertukaran belum terima	1,169,738,729	-	-	1,169,738,729
Aset kewangan lain	-	160,290,023	-	160,290,023
	6,697,214,934	160,290,023	-	6,857,504,957
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	1,146,416,528	1,146,416,528
Pinjaman	-	-	115,539,642	115,539,642
	-	-	1,261,956,170	1,261,956,170
2016				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	175,269,332	-	-	175,269,332
Deposit tetap di institusi kewangan	5,225,468,926	-	-	5,225,468,926
Urusniaga pertukaran belum terima	1,488,407,223	-	-	1,488,407,223
Aset kewangan lain	-	141,046,332	-	141,046,332
	6,889,145,481	141,046,332	-	7,030,191,813
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	890,575,084	890,575,084
Pinjaman	-	-	118,406,504	118,406,504
	-	-	1,008,981,588	1,008,981,588

18. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

18.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

DBKL terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan DBKL adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkirkan obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang hartanah. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya DBKL tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran majoritinya timbul daripada fungsi berkanun DBKL.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang cukai taksiran kerana terdapat bilangan pembayar cukai yang besar. Pendedahan kepada risiko kredit adalah tidak ketara kerana DBKL mempunyai hak berkanun untuk memungut cukai taksiran belum bayar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Pinjaman kepada Kakitangan

DBKL memberi pinjaman kenderaan, komputer, pelajaran dan rawatan hospital yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan DBKL memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan DBKL kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif DBKL adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

18. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan DBKL pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah atas seperti berikut:-

	<u>Amaun bawaan</u> RM	<u>Aliran tunai berkontrak</u> RM	<u>Dalam 1 tahun</u> RM	<u>1 hingga 5 tahun</u> RM	<u>Lebih 5 tahun</u> RM
2017					
Urusniaga pertukaran					
belum bayar	1,146,416,528	1,146,416,528	1,146,416,528	-	-
Pinjaman	115,539,642	182,087,741	8,465,501	32,743,471	140,878,769
	<u>1,261,956,170</u>	<u>1,328,504,269</u>	<u>1,154,882,029</u>	<u>32,743,471</u>	<u>140,878,769</u>
2016					
Urusniaga pertukaran					
belum bayar	890,575,084	890,575,084	890,575,084	-	-
Pinjaman	118,406,504	190,208,969	8,777,891	34,731,955	146,699,123
	<u>1,008,981,588</u>	<u>1,080,784,053</u>	<u>899,352,975</u>	<u>34,731,955</u>	<u>146,699,123</u>

c) **Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi DBKL akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

DBKL terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

DBKL juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi pinjaman kadar tetap yang mendedahkan DBKL kepada risiko perubahan nilai saksama.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

DBKL tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebihan atau defisit.

18.2 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti DBKL yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Nilai saksama aset kewangan sedia dijual yang diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan berdasarkan rujukan kepada harga pasaran disiarharga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Ianya tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dalam saham tak tersiar harga kerana kekurangan harga disiarharga yang boleh dibandingkan dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Pegangan saham tersiarharga dan pelaburan unit amanah diukur pada nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 1.

Nilai saksama pinjaman kerajaan tidak bercagar ditentukan menggunakan input Tahap 2.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2016: Tiada pindahan).

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

18. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal DBKL, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebih terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

DBKL menguruskan modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

DBKL sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan DBKL untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

19. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada DBKL sekiranya DBKL mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana DBKL dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti DBKL sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada DBKL. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah DBKL, dan Ahli Pengurusan Tertinggi DBKL.

19.1 Transaksi pihak berkaitan

Semua urusan niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh DBKL pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunakan dalam urusan niaga tulus untuk keadaan yang sama.

19.2 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi

Jumlah gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi pada tahun semasa adalah sebanyak RM10,222,787 (2016: RM11,300,688).

20. KOMITMEN MODAL

	2017 RM	2016 RM
Perbelanjaan modal		
Diluluskan dan telah/belum dikontrakkan	5,769,761,956	5,297,193,304

DBKL mempunyai komitmen lain berkaitan pembelian semula Aset Hartanah untuk Dijual (Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat) jika sekiranya terdapat pembeli yang tidak dapat melunaskan bayaran pinjaman selama 6 bulan sepanjang tempoh pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP).

Jumlah komitmen tidak dapat dianggarkan kerana ianya bergantung kepada kemungkinan pembeli.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

21. LIABILITI LUAR JANGKA

DBKL menghadapi beberapa tindakan undang-undang daripada pihak luar. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Satu kes melibatkan tuntutan sebanyak RM160,000,000. Tuntutan dibuat oleh plaintif melibatkan permohonan injuksi untuk menghalang City Motorsports daripada memasuki mana-mana kontrak serta menganjuri Lumba KL City 2016 dan permohonan deklarasi bahawa penamatan perjanjian antara DBKL dan GT Global Race (M) Sdn. Bhd. adalah tidak sah.
- (ii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM14,211,335.00. Tuntutan dibuat oleh plaintif supaya DBKL mengalihkan semula longkang konkrit yang berada dibawah tanah yang dipegang dibawah milikan plaintif dan mengembalikan semula keadaan hartanah tersebut dalam bentuk asal.
- (iii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM4,286.30. Tuntutan dibuat oleh plaintif disebabkan pokok tumbang di Jalan Masjid India dan menyebabkan kecederaan kepada plaintif.
- (iv) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM2,130,334.13. Tuntutan dibuat oleh plaintif disebabkan oleh penamatan perjanjian bagi kerja-kerja pengindahan dan naik taraf kawasan Leboh Ampang.
- (v) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM569,453.47. Tuntutan dibuat oleh plaintif disebabkan oleh tuntutan pembayaran bagi kerja-kerja sambutan Hari Merdeka tahun 2016.
- (vi) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM862,551.97. Tuntutan dibuat oleh plaintif disebabkan oleh tuntutan pembayaran bagi kerja-kerja sambutan Hari Merdeka tahun 2016.
- (vii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM3,934,402.43. Tuntutan dibuat oleh plaintif disebabkan oleh penamatan perjanjian bagi kerja-kerja bagi Projek Heritage Trail.
- (viii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM73,256,772.81. Tuntutan gantirugi dibuat oleh plaintif akibat perintah pembangunan yang dikemukakan oleh plaintif tidak diluluskan oleh DBKL.
- (ix) Satu kes tuntutan yang melibatkan penyewaan tanah kepada DBKL. Plaintif menuntut bahawa penyewaan tanah kepada DBKL adalah tidak sah dan terbatal. Jumlah tuntutan sedang ditaksir oleh Mahkamah.
- (x) Dua kes tuntutan yang melibatkan keputusan penarikan balik atau pembatalan keputusan terdahulu untuk memperoleh suatu jalaran tanah yang dikenali sebagai rizab jalan dan untuk pembinaan Jalan Jejaka 1. Jumlah tuntutan sedang ditaksir oleh Mahkamah.
- (xi) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM10,171,885.50. Tuntutan melibatkan DBKL ditahan dari memasuki, menjalani apa-apa pembinaan atau berurusan berhubung hartanah di Lot 1009 GM 104 Mukim Ampang bagi projek DUKE 2. Plaintif menuntut bayaran sewa tapak tanah selama 7 tahun.
- (xii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM83,300,423.99. Tuntutan gantirugi dibuat oleh plaintif akibat penamatan perjanjian tawaran bagi cadangan kerja-kerja pengindahan lampu jalan.
- (xiii) Satu kes tuntutan gantirugi melibatkan pembatalan perjanjian jual beli berkenaan dengan hartanah milik DBKL. Jumlah tuntutan sedang ditaksir oleh mahkamah.

Oleh kerana keputusan ke atas kes-kes tersebut masih belum diketahui, kesan kewangan ke atas akaun, sekiranya ada, belum dapat ditentukan dengan pasti.

22. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

- (i) Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017, dan termasuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam DBKL.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

22. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)

- (ii) Bajet asal telah diluluskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 55(5) dan seksyen 16(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 pada 11 November 2016. Manakala bajet tambahan telah diluluskan pada 17 November 2017 oleh Menteri Wilayah Persekutuan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
- (iii) DBKL menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.
- (iv) Jumlah terimaan sebenar melebihi 7% berbanding amaun bajet akhir disumbangkan terutamanya oleh hasil dari projek penswastaaan. Selain dari itu, berlaku peningkatan hasil daripada urusniaga pertukaran iaitu kawalan binaan dan perancangan kerana pertambahan bilangan kelulusan bagi permohonan merancang.
- (v) Kurangan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak 8% (RM1,606,341,629) daripada bajet akhir yang diperuntukkan (RM1,728,485,000) adalah disebabkan langkah-langkah penjimatan dan pebelanjaan berhema (value for money) yang dilaksanakan oleh DBKL selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1), Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dikuatkuasakan pada 11 Mac 2017 oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan yang ketara di dalam belanja cukai barang dan perkhidmatan iaitu sebanyak 811% (2017: RM88,552,308, 2016: RM9,720,610) disebabkan semakan semula Penyata GST03 selepas teguran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- (vi) Tambahan sebanyak 65% bajet akhir belanja pembangunan kepada RM1,230,287,300 berbanding bajet asal iaitu RM747,180,000 adalah disebabkan oleh program penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat, pembelian hartanah dan bayaran penyelesaian projek. DBKL telah menggunakan sumber dalaman bagi menampung perbelanjaan tambahan tersebut. Kesan daripada penggunaan sumber dalaman DBKL ini telah menyebabkan defisit dalam bajet akhir.
- (vii) Perbandingan bajet akhir dan perbelanjaan sebenar belanja pembangunan seperti dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah tidak menggambarkan prestasi perbelanjaan sebenar kerana perbezaan dalam asas perakaunan. Belanja pembangunan yang ditunjukkan adalah merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan sahaja. Manakala belanja pembangunan sebenar yang dipermodalkan tidak ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar.
- (viii) Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dibentangkan di bawah. Penyata kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama dan entiti yang sama. Terdapat perbezaan asas seperti yang dibincangkan di nota (iii) di atas.

	<u>Operasi</u> RM	<u>Pelaburan</u> RM	<u>Pembiayaan</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Amaun sebenar pada asas boleh banding	420,987,937	234,533,835	52,335,819	707,857,591
Perbezaan asas	284,733,804	(918,846,132)	52,992,684	(581,119,644)
Seperti Penyata Aliran Tunai	705,721,741	(684,312,297)	105,328,503	126,737,947

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017

23. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS

Seperti yang dinyatakan di nota 2.1, penyata kewangan ini merupakan penyata kewangan peralihan MPSAS.

Pelarasan bagi perkara berikut telah dibuat pada tahun semasa secara retrospektif:-

Hartanah, loji dan peralatan

DBKL mempunyai aset infrastruktur iaitu jalanraya, jambatan, parit dan jejantas yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan pada tahun-tahun sebelum. Pada tahun semasa, DBKL telah mengiktiraf sebahagian besar aset infrastruktur di dalam penyata kewangan secara retrospektif. Untuk tujuan pengiktirafan dan pelarasan baki awal, aset infrastruktur ini telah diukur pada nilai saksama menggunakan kaedah kos penggantian disusut nilai. Pengukuran seterusnya adalah berdasarkan polisi sedia ada yang digunapakai oleh DBKL.

Pinjaman Kerajaan

DBKL mempunyai pinjaman daripada Kerajaan Malaysia dengan faedah berkadar rendah. Berdasarkan keperluan MPSAS, pinjaman tanpa faedah atau faedah berkadar rendah perlu diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama yang lebih rendah daripada amaun prinsipal pinjaman mengikut kontrak. Perbezaan nilai saksama dan amaun prinsipal ini diiktiraf sebagai hasil bukan pertukaran. Selepas pengiktirafan awal, amaun ini diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Pada tahun semasa, DBKL telah mengira semula nilai bawaan pinjaman ini dan pelarasan telah dibuat secara retrospektif.

Peruntukan Manfaat Kakitangan

Pada tahun semasa, DBKL telah menjalankan penilaian aktuari dalam mengiktiraf obligasi bayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan yang layak. Pelarasan terhadap amaun bawaan obligasi ini telah dibuat secara retrospektif.

Kesan kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:-

	31.12.2016		
	Dinyatakan sebelum RM	Kesan peralihan RM	Dinyatakan semula RM
Penyata kedudukan kewangan			
Urusniaga pertukaran belum terima	1,358,377,981	(10,926,000)	1,347,451,981
Hartanah, loji dan peralatan	3,207,669,312	5,135,545,939	8,343,215,251
Urusniaga pertukaran belum bayar	882,995,493	7,579,591	890,575,084
Pinjaman	170,812,104	(52,405,600)	118,406,504
Peruntukan manfaat kakitangan	14,695,356	27,263,259	41,958,615
Lebihan terkumpul	3,207,018,490	9,041,731	3,216,060,221
Rizab	6,122,115,306	5,133,140,958	11,255,256,264
Penyata prestasi kewangan			
Pemberian dan kenaan tetap	31,906,142	4,146,374	36,052,516

24. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah diklasifikasikan selaras dengan tahun semasa.





DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

✉ Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.



No. Telefon : 03-2617 9000



No. Faks : 03-26980460



E-mel : dbkl@dbkl.gov.my

